

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

<b>Bil. 17</b>	<b>Selasa</b>	<b>30 Jun 2015</b>
----------------	---------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**  
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**  
Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 19)  
Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (Halaman 25)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Selasa, 30 Jun 2015**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Ng Chiang Chin** minta Menteri Kewangan menyatakan, graduan yang baru melangkah ke alam pekerjaan merupakan sasaran bank yang menyediakan produk kad kredit. Realitinya graduan tidak mampu untuk menampung nilai perbelanjaan itu. Kebanyakan daripada mereka tidak sedar akan tunggakan yang kian bertambah dan faedah yang dikenakan. Adakah Bank Negara dan kerajaan akan mengetatkan syarat-syarat pengeluaran kad kredit kepada orang ramai.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator. Pelbagai langkah telah diambil untuk memastikan hanya pengguna yang berkemampuan sahaja diberikan kad kredit bagi mengawal tahap keberhutangan pemegang kredit dan memastikan hanya mereka yang layak dan berkemampuan diberi kemudahan kad kredit. Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan beberapa syarat pengeluaran kad kredit seperti berikut:

- (i) kelayakan pendapatan minimum untuk pemegang kad kredit dinaikkan daripada RM18,000 setahun kepada RM24,000 setahun sejak 18 Mac 2011;
- (ii) pemegang kad kredit yang berpendapatan RM30,000 setahun atau kurang hanya boleh memiliki kad kredit daripada dua pengeluar kad sahaja serta mempunyai had maksimum kredit tidak melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan pemegang kad bagi setiap pengeluar; dan
- (iii) pengeluar kad kredit perlu mengambil kira potongan berkanun iaitu contohnya PCB dan KWSP atau EPF dan obligasi pembayaran balik hutang semasa sebelum meluluskan sebarang permohonan kad kredit.

Pengguna juga diingatkan untuk membayar kad kredit mereka secara berhemah kerana faedah yang berbeza akan dikenakan mengikut disiplin pembayaran kad kredit tersebut. Dalam penyata tahunan kad kredit juga, pemegang kad kredit akan diberi maklumat mengenai jumlah penggunaan dan jumlah faedah yang dikenakan sepanjang tahun. Pendidikan kepada pemegang kad kredit ini mula dilaksanakan pada bulan Oktober 2011. Bank Negara Malaysia juga memberikan penekanan yang penting terhadap

pendidikan kepada semua pengguna mengenai penggunaan kad kredit secara berhemah melalui laman web, *banking info* dan buku kecil bermaklumat.

Di samping itu pendidikan kewangan mengikut peringkat umur juga dilaksanakan bermula daripada peringkat sekolah rendah hingga peringkat pra persaraan. Di peringkat sekolah rendah, elemen-elemen pendidikan kewangan dimasukkan ke dalam tiga subjek teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik bermula daripada murid-murid Tahun 4. Selain itu, Bank Negara Malaysia juga telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit yang telah memulakan operasinya pada bulan April 2006 bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula pinjaman yang diperoleh daripada institusi-institusi kewangan di bawah seliaan Bank Negara Malaysia kepada individu termasuklah kad kredit.

Institusi kewangan juga dikehendaki untuk memberikan maklumat dan menggalakkan pelanggan mereka menghadiri Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER) yang dikendalikan oleh AKPK. Institusi kewangan juga membantu pelanggan yang berminat untuk mendaftar bagi menghadiri program tersebut. Sejak bulan Januari 2011 hingga bulan Mei 2015, seramai 732,000 orang peserta telah menghadiri program-program pendidikan kewangan yang dianjurkan oleh AKPK termasuk POWER. Program POWER sekarang dilaksanakan mengikut peringkat umur iaitu peringkat universiti, permulaan kerjaya dan POWER untuk *family* dan juga pra persaraan. Pengguna boleh menghubungi AKPK di talian bebas tol 1-800-88-2575 atau melayari laman web [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my)

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, data dari Jabatan Insolvensi Malaysia menunjukkan sebab utama kebangkrapan di Malaysia bukanlah disebabkan oleh kad kredit. Lebih daripada 50% kebangkrapan disebabkan kegagalan menjelaskan bayaran sewa beli kenderaan dan pinjaman perumahan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan yang begitu bernas. Namun hakikatnya golongan ini masih terjerumus dalam hutang piutang akibat cengkaman perbelanjaan berlebihan melalui kad kredit yang kurang terkawal. Walaupun yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri pelbagai tindakan telah diambil tetapi soalan tambahan saya sama ada langkah yang diambil oleh kerajaan berkesan atau tidak. Jika tidak, apa lagi tindakan yang mungkin diambil agar golongan ini tidak menghadapi kebangkrapan dalam usia yang masih muda? Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya menurut pegawai AKPK, mereka menggunakan sebagai satu contohlah bahawa kad kredit adalah sebagai satu contoh ialah pisau. Kalau digunakan dengan baik, ia boleh memberi manfaat tetapi kalau digunakan dengan salah, ia akan memudaratkan. Maka kad kredit ini dengan adanya terutamanya penubuhan atau kerjasama AKPK terutamanya mengikut peringkat sama ada daripada universiti, sekolah rendah, meningkatkan daripada segi *financial institution*, dengan izin, kita yakin dalam jangka masa panjang ia tentu akan membantu.

Kedua, kita juga melihat sekarang daripada segi *statement* kad kredit. Dulu *statement-statement* kad kredit tidak menunjukkan bahawa kalau kamu membayar secara minimum sahaja, apakah *interest* yang akan dikenakan? Sekarang data-data ini adalah lebih telus dan ini telah membantu kebanyakan orang untuk memilih atau membuat keputusan bagaimana mereka mengendalikan hutang atau kad kredit mereka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri bahawa kad kredit ini seperti pisau, dia boleh jadi ada kebaikan dan ada keburukan. Dalam dunia hari nak bergerak ke arah *cashless society*, dengan izin, kad adalah penting sebagai salah satu cara pembayaran. Cuma, apa pihak kementerian terfikir untuk mengguna pakai model kebanyakan negara-negara maju seperti di *United Kingdom*, di manakah graduan-graduan ataupun mereka yang baru bekerja tidak diberikan kad kredit terlebih dahulu tetapi diperluaskan penggunaan kad debit? Ini kerana kad debit ini adalah bergantung pada beberapa nilai wang ataupun baki wang yang ada di dalam akaun, berbanding dengan kad kredit. Maka selepas beberapa tahun, barulah bank mengeluarkan pula kad kredit. Saya rasa ini mungkin salah satu cara bagaimana kita nak mendidik generasi muda menguruskan kewangan mereka. Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Memang daripada segi kad debit sekarang, memang dipromosikan tetapi saya tidak mempunyai statistik untuk bagaimana pertumbuhan, terutamanya kad debit di mana ia mendapat sambutan yang baik juga. Nombor dua, saya ingin juga menambahkan bahawa bukan semua yang memohon akan mendapat kelulusan, terutamanya dalam kad kredit. Sebagai contoh untuk tahun 2014, jumlah kad yang dipohon atau boleh dikatakan yang dimohon kad kredit sebanyak 2.8 juta permohonan, tetapi yang diluluskan hanya 1.2 juta. Ini menunjukkan bahawa Bank Negara Malaysia dengan kebanyakan bank bukan meluluskan kad kredit sewenang-wenangnya. Sekian, terima kasih.

2. **Datuk Lihan Jok** minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan, apakah tindak balas kerajaan terhadap kritikan baru yang sehingga memboikot minyak sawit Malaysia yang diusahakan di atas kawasan tanah gambut.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum* dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Lihan Jok atas soalan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri sawit negara masih menerima tohmahan daripada pelbagai pihak termasuklah badan-badan bukan kerajaan atau dengan izin, NGO iaitu *non-governmental organization* yang berkempen atas alasan industri ini menjejaskan alam sekitar, terutamanya kelapa sawit yang dihasilkan dari tanah gambut. Pihak kementerian sentiasa memantau perkembangan ini dan telah pun mengambil beberapa langkah termasuklah:

- (i) menyediakan kod amalan pertanian yang baik untuk dijadikan panduan oleh para pekebun kecil atau syarikat perladangan tentang kaedah terbaik untuk meneruskan tanaman sawit di kawasan tanah gambut secara lestari dan berhasil tinggi. Kod ini memperincikan kaedah penyediaan kawasan tanaman, pembinaan perparitan dan pengawalan paras air. Langkah-langkah ini akan dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau di samping mengekalkan juga keseimbangan nutrien untuk kesuburan pokok;
- (ii) membentangkan hasil kajian perbezaan kadar pelepasan gas rumah hijau bagi kawasan tanaman sawit berbanding kawasan hutan yang dijalankan mengikut kaedah yang diiktiraf peringkat antarabangsa. Pembentangan hasil kajian ini di forum-forum antarabangsa akan membolehkan isu ini dibincangkan oleh pakar-pakar di peringkat antarabangsa dan rumusan yang dibuat oleh pakar-pakar ini akan dapat membantu menjawab hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak-pihak NGO yang berkenaan; dan
- (iii) melaksanakan skim pensijilan sawit mapan yang dikenali sebagai MSPO atau *Malaysian Sustainable Palm Oil*, yang turut juga mengambil kira garis panduan penanaman sawit di tanah gambut sebagai salah satu kriteria yang perlu dipenuhi.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, MSPO telah pun dilaksanakan pada 1 Januari 2015. Selain daripada langkah-langkah tersebut, pihak kementerian juga secara berterusan menerangkan kebaikan dan kemapanan produk-produk sawit keluaran Malaysia kepada pelbagai pihak di negara pengimport melalui misi-misi promosi, misi-misi perdagangan dan teknikal ke luar negara. Industri sawit merupakan salah satu tonggak utama ekonomi negara dan hampir 40% daripada kawasan tanaman sawit dipelopori oleh sektor pekebun kecil. Oleh yang demikian, kementerian sentiasa mengambil langkah dan tindakan-tindakan proaktif bagi memastikan pertumbuhan industri ini tidak terjejas dengan dakwaan-dakwaan yang tidak berasas. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu jelas dan komprehensif. Kalau kita lihat, industri kelapa sawit mempunyai saingan yang begitu hebat daripada bahan-bahan komoditi yang mengeluarkan minyak yang lain di negara-negara yang lain. Oleh sebab yang demikian, banyaklah usaha yang ingin menggagalkan industri kelapa sawit baik kita di Malaysia. Tohmahan-tohmahan yang dilemparkan adalah kerana pelupusan hutanlah dan kerana pelupusan stok karbonlah dan juga dituduh mengganggu biodiversiti alam sekitar dan contohnya di negara kita Tuan Yang di-Pertua ialah ada *displacement* iaitu binatang orangutan lah dan kesemuanya ini adalah berusaha supaya menggagalkan industri kita dalam bidang kelapa sawit

Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah apakah inovasi amalan-amalan yang hebat-hebat yang telah diamalkan atau yang sedang difikirkan oleh kerajaan untuk diambil dalam usaha menangani tohmahan ini tadi? Contohnya ada ditubuhkan di dunia ini badan yang bernama *Palm Oil Innovation*

*Group* yang dibuat daripada negara Barat. Apakah Malaysia ada hubung kait dengan badan ini untuk menangani tohmahan masalah yang saya sebutkan itu tadi? Sekian, terima kasih.

**Dato' Noriah binti Kasnon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Lihan Jok yang nampaknya sangat mengetahui tentang perkembangan usaha-usaha oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menggagalkan industri sawit negara, khususnya di sebelah Eropah. Memang betul, daripada satu isu kepada satu isu, usaha-usaha ini dibuat oleh pihak-pihak tertentu daripada mula penggunaan ataupun tanaman kelapa sawit di atas tanah gambut, kemudian kepada *deforestation* dengan izin, ataupun pelupusan kawasan hutan, menjejaskan biodiversiti, menjejaskan habitat orangutan dan pelbagai lagi dan yang terkini mereka menggunakan pelabelan anti sawit di *supermarket*, dengan izin ataupun di pusat-pusat jualan hasil produk sawit kita di luar negara.

Untuk menangani isu-isu tersebut sebagaimana saya nyatakan tadi, kita sudah ada mengadakan misi-misi balasan, misi-misi teknikal oleh Menteri, oleh kakitangan, oleh MPOB sendiri termasuklah oleh Majlis Minyak Kelapa Sawit atau MPOC. Mereka sudah membuat *engagement* juga dengan sebahagian daripada anggota POIG atau *Palm Oil Innovation Group* yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Lihan sebentar tadi. Ia mendatangkan hasil yang sangat positif, termasuklah kita *engage* dengan kumpulan Senator di Perancis, peniaga-peniaga di Kesatuan Eropah, dengan bukan sahaja bercakap kosong Tuan Yang di-Pertua, tetapi membawa bukti-bukti saintifik betapa bagusanya kandungan nutrien dalam keluaran minyak sawit negara. Kita sokong lagi dengan pensijilan-pensijilan yang dipatuhi sama ada RSPO ataupun sekarang yang kita sudah bermula dengan MSPO. Bermakna, kita memberi fokus kepada hasil tanaman sawit secara mapan.

#### ■1020

Juga untuk inovasi ya. Inovasi untuk makluman Yang Berhormat Datuk Lihan Jok, begitu banyak sebenarnya penyelidikan atau inovasi, penemuan-penemuan inovasi melalui usaha-usaha penyelidikan kerjasama antara pihak MPOB dan juga institusi penyelidikan dalam dan luar negara. Contohnya pihak MPOB Tuan Yang di-Pertua, telah pun melancarkan sebanyak 543 teknologi semenjak tahun 1986 dan 165 daripadanya iaitu lebih 30% telah pun dikomersialkan dan ia pencapaian yang setanding dengan pencapaian institusi-institusi penyelidikan lain dalam dan luar negara.

Antara yang sangat signifikan, yang sangat ketara pada hari ini ya bukan saja untuk menambah penggunaan minyak sawit ini tetapi juga sebagai satu langkah untuk menstabilkan, membantu menstabilkan harga komoditi ini adalah dengan penggunaan biodiesel campuran, biodiesel sawit dan biodiesel petroleum kita sebut B7. Awalnya B5 dan sekarang B7 dan *inshaa-Allah* kita sedang merangka kajian untuk meneruskan dengan penggunaan B10 di dalam negara. Itu adalah antara satu yang sangat-sangat signifikan yang boleh turut membantu menstabilkan pendapatan pekebun kecil kita yang lebih daripada 40% daripada semua keluaran sawit Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan seterusnya. Nampaknya tidak ada. Kita beralih ke soalan Yang Berhormat Tuan Zali bin Mat Yasin. Silakan Yang Berhormat.

**3. Tuan Zali bin Mat Yasin** minta Menteri Pertahanan menyatakan, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah pun ditangguhkan hampir setengah tahun di mana program ini amat memberi manfaat kepada generasi muda. Persoalannya, apakah rancangan kerajaan sama ada meneruskan semula program ini dalam masa terdekat atau mewujudkan suatu program yang baharu untuk pembangunan modal insan ini. Sekiranya perancangan itu ada, mohon dipertimbangkan untuk mewujudkan suatu modul berkaitan pencerahan, penerangan dan pentafsiran isu-isu semasa, memandangkan anak-anak muda ini cenderung untuk memilih maklumat atau informasi salah yang ditimbulkan oleh persepsi negatif pihak-pihak tertentu yang bertujuan jahat.

**Menteri Pertahanan [Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Datuk Lihan Jok yang ada kaitan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah diperkenalkan pada 16 Februari 2004 dengan objektifnya:

- (i) meningkatkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda;
- (ii) memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional;
- (iii) membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni;
- (iv) menyemarakkan semangat kesukarelaan; dan
- (v) melahirkan generasi muda yang cergas, cerdas dan juga berkeyakinan.

PLKN telah berjaya melahirkan seramai 864,947 orang pelatih yang telah melalui program yang dilaksanakan melalui empat modul teras iaitu modul pembinaan karakter, modul kenegaraan, modul fizikal dan modul khidmat komuniti. Melalui hasil kajian keberkesanan yang dijalankan dengan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2010, yang melibatkan 61,950 orang responden, lebih 80% daripada jumlah responden yang terdiri daripada kalangan alumni, ibu bapa dan majikan bersetuju bahawa PLKN telah berjaya membawa perubahan positif kepada pelatih. Selain itu pada tahun 2013, Universiti Malaysia Perlis juga telah melaksanakan kajian impak nilai patriotisme siswa bekas pelatih PLKN negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia yang melibatkan 3,787 orang responden. Hasil kajian itu juga telah menunjukkan maklum balas yang positif khususnya berkaitan tahap patriotisme pada pelatih.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan PLKN terus relevan dengan kehendak serta keperluan semasa dan juga masa hadapan, pihak jabatan sedang membuat penambahbaikan ke atas program ini. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Latihan Khidmat Negara, dengan kerjasama PEMANDU dan juga Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan makmal transformasi PLKN yang berlangsung mulai 23 Februari hingga 27 Mac 2015 yang lalu.

Makmal ini melibatkan penyertaan wakil dari pelbagai kementerian serta agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, wakil-wakil industri, pihak swasta, NGO dan pihak-pihak berkepentingan seperti pengusaha kem, ibu bapa, bekas pelatih, jurulatih juga turut dijemput.

Makmal ini telah membincangkan secara terperinci aspek-aspek pelaksanaan program transformasi secara menyeluruh ke atas PLKN termasuk penambahbaikan yang dicadangkan. Hasilnya, makmal telah mencadangkan agar kemahiran *soft skill* dan *hard skill* digabungkan dengan memasukkan elemen kemahiran teknikal ke dalam PLKN baru yang dinamakan modul latihan bersepadu atau *integrated learning programme* dengan izin, dengan harapan ia akan dapat membentuk modal insan yang dapat memenuhi keperluan industri negara dan pada masa yang sama dapat memupuk semangat kasih sayang dan cinta tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, Program Latihan Khidmat Negara yang baru ini, yang dicadangkan untuk dilaksanakan bermula pada tahun 2016 akan melalui dua fasa pelaksanaan iaitu fasa pertama, pelatih akan menjalani latihan melalui modul *integrated learning programme* selama lapan minggu di dalam kem PLKN merangkumi aspek kepimpinan, *soft skill*, patriotisme, perpaduan dan juga pembinaan karakter.

Fasa kedua, pelatih yang berminat untuk meneruskan latihan kemahiran teknikal akan mengikuti latihan yang dilaksanakan di institusi latihan kemahiran yang dipilih. Tempoh latihan adalah bergantung kepada bidang serta tahap pensijilan yang ditawarkan oleh institusi-institusi latihan kemahiran yang tertentu, dipilih antara tiga hingga 24 bulan. Sijil pengiktirafan akan dikeluarkan secara bersama oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara dan institusi latihan kemahiran berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan cadangan Yang Berhormat Tuan Zali bin Mat Yasin untuk mewujudkan satu modul berkaitan pencerahan, penerangan dan pentafsiran isu-isu semasa bagi menangani kecenderungan anak-anak muda kita ini untuk memilih maklumat atau informasi salah. JLKN sememangnya telah mengambil kira perkara tersebut sebagai penambahbaikan sewaktu di dalam makmal transformasi PLKN.

Melalui pelaksanaan ILP pada fasa pertama latihan, pelatih turut didedahkan dengan perkara yang dibangkitkan melalui pelaksanaan sub program yang dinamakan, "*Be Safe, Be Alert*", dengan izin. Subprogram yang mengambil masa selama enam jam ini akan memberi penerangan serta pemahaman berkenaan ancaman negara dan kepentingan menjaga keselamatan sendiri dan pelbagai ancaman semasa termasuk ancaman media siber dan turut akan dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi keselamatan seperti Polis Diraja Malaysia dan juga Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semasa sidang perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin telah membangkitkan isu berkaitan pengambilan pelatih secara sukarela untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara. Itu pun tujuan transformasi PLKN kita kini. Hasil dari makmal transformasi PLKN, inisiatif baru telah dicadangkan ialah melaksanakan kaedah pengambilan pelatih sukarela tetapi secara berperingkat bermula tahun 2016. Bermula tahun hadapan, 2017, jabatan mensasarkan 30% daripada jumlah keseluruhan pelatih bagi tahun berkenaan terdiri daripada calon sukarela. Jumlah pengambilan calon sukarela akan ditingkatkan kepada 50% pada tahun 2017 dan seterusnya 70% pada tahun 2018. JLKN menjangkakan pengambilan 100% orang calon sukarela akan dapat dilaksanakan menjelang tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kerajaan sentiasa menitik beratkan nilai disiplin yang tinggi, yang boleh membentuk jati diri pelatih. Melalui modul PLKN yang baru, gabungan modul *Fit for Life*, MalaysiaKu dan *I Up Grade* merupakan modul yang memberikan penekanan terhadap pengukuhan disiplin yang tinggi, yang dapat membentuk jati diri di kalangan pelatih.

Akhir kata pihak kementerian berharap dengan transformasi yang dicadangkan ini akan menjadikan PLKN lebih dilihat memanfaatkan kepada peserta yang menghadirinya serta menjadi pemangkin untuk ibu bapa menghantar secara sukarela anak mereka mengikuti latihan PLKN, manakala pelajar pula bersedia secara bersukarela untuk menyertai program ini dengan hati yang rela dan menamatkan latihan dengan jayanya. Terima kasih.

#### ■1030

**Tuan Zali bin Mat Yasin:** Pertama sekali saya ucap terima kasih kerana Yang Berhormat Dato' Seri Menteri sendiri hadir pada pagi ini dan saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana semalam petang diadakan jamuan berbuka bersama pemimpin dan juga rakyat. Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah baru-baru ini kerajaan kita rakyat Malaysia dikejutkan dengan penahanan rakyat Malaysia yang terlibat dengan *Islamic State* (IS).

Lebih mengejutkan lagi di antara yang ditangkap termasuklah seorang remaja ataupun pelajar yang berusia 14 tahun. Jadi kebanyakan daripada mereka yang terlibat dengan IS ini kebanyakannya adalah di kalangan remaja yang sangat berminat kerana mereka terdedah dengan media sosial. Ini yang memudahkan mereka mendapat maklumat dan juga cuba direkrut oleh pihak-pihak yang tidak berkenaan.

Soalan saya ialah adakah dalam modul PLKN pada masa akan datang saya sedia maklum bahawa Yang Berhormat tadi sudah jawab. Adakah pada masa akan datang modul PLKN ini dimasukkan elemen pencegahan awal supaya para remaja dan belia ini tidak terlibat dengan kegiatan-kegiatan seperti *Islamic State* ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih sudi bersama-sama iftar semalam pagi ini sudah lapar balik semula. Satu soalan tambahan yang cukup tepat sekali dan apa yang saya dan pihak-pihak anggota keselamatan sempat meniti dan juga menyelami fenomena IS ini bersama-sama dengan agensi-agensis perisik antarabangsa. Tidak ada satu formula yang dapat menangani setakat ini fenomena ISIL yang dianggap baru kalau hendak dibandingkan dengan pendekatan yang diambil oleh militan seperti Al-Qaeda, Jemaah Islamiyah dan sebagainya.

Kita lihat penularan *militancy* melalui sosial media membawa kesan yang amat buruk sekali. Fenomena IS ini yang berbeza dengan *militancy* terdahulu memerlukan pendekatan yang menyeluruh. Ia merentasi sempadan, ia tidak ada sekatan dan fenomena anak-anak kita terpengaruh dengan propaganda ISIL ini merupakan sesuatu yang juga menjadi perkara yang membelenggu negara-negara yang jauh lebih maju daripada kita.

Jadi apa yang Yang Berhormat tekankan tadi memang merupakan sesuatu yang perlu dan mesti kita lakukan. Ia hanya dapat dilakukan kalau sekiranya kita dapat memahami apa tarikan yang kita lihat

bukan sahaja di negara kita tetapi daripada negara-negara maju, daripada Eropah. Bagaimana sosial media ini dapat mempengaruhi anak-anak muda melakukan perkara-perkara yang sebelum ini tidak pernah dunia hadapi. Contohnya dalam satu dua hari ini kita dikejutkan dengan insiden di Tunisia, di Kuwait, di Perancis. Ini sebelum *lone wolf* di Sydney, belum kita lihat adik-beradik di Paris dan 1,000 lebih militan daripada warganegara Perancis yang sekarang berada di Syria. Malaysia tidak terkecuali, rantau kita pun tidak terkecuali sebab itu *hot spot*, kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan di rantau ASEAN ini.

Kebetulan kita mempengerusikan Menteri-menteri Pertahanan ASEAN tahun ini. Kita sudah bertekad untuk berpakat untuk menangani ISIS di rantau kita. Ini merupakan cabaran yang terbesar dan Yang Berhormat tepat sekali bila menyarankan bahawa kita beri tumpuan dalam konteks PLKN dan ini akan saya lakukan saya beri jaminan kepada Dewan yang mulia ini.

Akan tetapi kita kena faham bahawa jumlah pelatih yang datang melalui PLKN ini jumlahnya terhad. Saya yakin anak-anak muda kita yang terlibat dengan ISIL ini bukan bekas alumni pelatih PLKN, setahu saya. Akan tetapi ini memerlukan kalau hendak tangani fenomena ISIL ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Termasuk kerjasama dengan agensi-agensi risik peringkat antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga seperti rakan saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana menjemput kami bekas-bekas Ketua Pemuda Bahagian untuk bersama-sama berbuka puasa semalam. Seronok jumpa kawan-kawan lama. Soalan saya di bawah transformasi PLKN yang baru apakah *syllabus* pengajaran serta kursus-kursus yang ditawarkan dapat menanamkan semangat patriotisme di kalangan peserta bagi mengekang fahaman-fahaman yang negatif seperti IS di kalangan golongan belia di negara ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani. Itu tidak berubah perkara pokok yang berhubung kait dengan patriotisme, kesukarelaan dan juga *core values* atau nilai-nilai asas pewujudan PLKN daripada awal dulu akan terus kita tekankan. Cuma dengan Transformasi PLKN 2.0 ini kita telah membawa nilai-nilai baru atau *value add* nilai tambahan kepada program ini supaya ada *second netting* peluang kedua kepada pelajar-pelajar kita yang tercicir, yang mungkin tidak ada tempat di dalam institusi-institusi pengajian tinggi kita dan yang mungkin tidak ada saluran lain. Akan tetapi peluang itu hanya mampu kita laksanakan sepenuhnya bergantung kepada kapasiti 82 buah kem yang sedia ada.

Modul-modul baru ini dan ini ada kaitan dengan Yang Berhormat sebutkan tadi peluang bekerja dan masa depan yang lebih cerah antara punca-punca yang menyebabkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dalam konteks ISIL ini daya tarikannya kerana mereka tidak ada masa depan yang boleh diharapkan. Ini penting untuk kita sediakan *second netting* peluang kedua kepada mereka yang tidak mampu. Modul-modul baru ini termasuklah dua program iaitu orientasi dan konvokesyen supaya mereka tahu apa matlamat baru di bawah PLKN yang baru ini.

Program kedua, persekitaran pembelajaran, perubahan budaya dan persekitaran positif dan amalan-amalan nilai-nilai murni. Ini merupakan penekanan baru dan telah dibincangkan di peringkat makmal "*Fit for life*", latihan fizikal dan pengembaraan baru, *service learning*, projek kesukarelaan baru semangat kesukarelaan tekankan kepada kekuatan dalam kepelbagaian *strength in diversity*, tekankan kepada bahawa keamanan itu merupakan satu nilai sejagat yang perlu disuntik di dalam jiwa dan sanubari anak-anak kita.

*i-Upgrade Personal Development* mengajar nilai-nilai teras seperti perpaduan, keberanian, komitmen dan daya tahan dalam konsep landskap dunia pada hari ini. *Be safe* dan *be alert* saya sebut dalam jawapan asal tadi memberi pemahaman berkenaan ancaman-ancaman keselamatan baru, *tag and talk*, komunikasi interpersonal, berfikir secara kreatif dan kritis dalam dunia teknologi maklumat. *Malaysiaku Patriotism* dan perpaduan alaf baru, *My Future* pendedahan kerjaya, memberikan peluang kedua kepada mereka yang mungkin tidak ada saluran untuk menambah nilai kepada kejayaan dan juga mengajar mereka bahawa *there is hope* ada harapan, impian mereka sebagai seorang profesional pun. Kalau disalurkan dengan tepat ia memberi peluang, ini harapan kita.

Akhir sekali kerohanian pengajaran dan amalan kerohanian yang menarik, memberi kesedaran dan menaikkan semangat anak-anak muda kita. Kepada Dewan yang mulia ini saya menyeru sangat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana selepas 10 tahun kita menjayakan PLKN dan sudah sampai masa dan tempatnya untuk kita melakukan transformasi yang menyeluruh. Ia tidak akan berjaya dan ia tidak akan dapat kita yakinkan secara sukarela. Ibu bapa dan pelatih tampil ke hadapan menjayakannya kalau sekiranya setiap lapisan pemimpin dan masyarakat di negara kita memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada usaha kita ini.

#### ■1040

*Inshaa-Allah*, pada 8 Julai ini kita akan bentangkan kepada Kabinet, selepas itu mungkin kita boleh memberikan maklum balas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara yang mulia ini. Siri latihan *Training of Trainers* akan bermula Ogos dan September, pelaksanaan *pilot project*, Oktober tahun ini, pelancaran PLKN 2.0 siri 2016 akan dilakukan Disember 2016 dan *inshaa-Allah* Januari tahun depan pengambilan PLKN 2.0 akan diadakan.

Sebelum ini, pendekatan pada *stakeholders*, pihak-pihak berkepentingan telah pun kita lakukan. Sesi maklum balas bersama ibu bapa dan bekas pelatih dilakukan bulan Februari, sesi maklum balas bersama Ahli-ahli Parlimen, bulan Mac. *Inshaa-Allah* selepas Kabinet ini dengan Dewan Negara pula. Hari terbuka transformasi bagi orang ramai telah pun kita lakukan untuk mendapat maklum balas daripada orang ramai, *Cabinet Away Day* dilaksanakan mendapatkan maklum balas daripada kepimpinan Kabinet dan seperti saya sebut tadi, sekarang kita akan bentangkan kepada Kabinet *inshaa-Allah* pada 8 Julai ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan Menteri sendiri yang hadir ke Dewan pagi ini, saya benarkan satu lagi soalan. Dipersilakan Tuan Chong Sin Woon. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Menteri terhadap PLKN 2.0. Soalan saya ialah, saya amat setuju dan sokong terhadap inisiatif kementerian dalam memperbaiki PLKN 2.0 ini dan antara matlamat pencapaian adalah untuk memupuk perpaduan kaum.

Soalan saya ialah saya didatangi oleh kumpulan masyarakat *Buddhist, Buddhist Society* yang sudah membantu program PLKN pada masa 10 tahun yang lepas, menyediakan tempat, menyediakan makanan untuk pelajar-pelajar bukan Muslim pada aktiviti luar kem terutamanya pada hari minggu. Akan tetapi mereka tidak diberikan sebarang bantuan kewangan ataupun pengiktirafan. Untuk program 2.0 ini, adakah kementerian memasukkan dalam program yang baru ini dalam perpaduan kaum yang menghayati *plural society* dan mengajak badan-badan NGO yang lain bersama-sama membantu menjayakan program yang terbaru ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat dan usaha ini dialu-alukan dan kalau sekiranya sepuluh tahun sebelum ini tidak mendapat pengiktirafan dan juga penglibatan dalam program kita, inilah masanya untuk pihak-pihak yang telah pun terlibat dengan kita selama ini untuk tampil ke hadapan.

Kita ada beberapa bulan lagi dan maklum balas yang kita akan beri kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan usaha kita untuk *Training of Trainers* seperti yang saya senaraikan tadi dan usaha-usaha lain untuk menambah baik dan menyediakan program yang baru kita ini menjelang bulan Januari tahun depan, saya harap bahawa cadangan-cadangan sebegini dapat dilaksanakan dalam beberapa bulan yang akan datang ini.

Saya harap bahawa usaha ini dapat dilakukan secepat mungkin kerana dengan izin, *I would like to hit the ground running in January* supaya semuanya sudah siap sedia dalam Januari kerana usaha untuk meyakinkan orang ramai, komunikasi lebih-lebih lagi komunikasi melalui sosial media merupakan satu cabaran yang begitu besar dalam landskap hari ini yang penuh dengan sinisisme, dengan kebencian, dengan perpecahan, dengan menuding jari dan sebagainya. Oleh sebab itu lagi ramai mereka yang betul-betul ikhlas hendak bersama-sama kita, saya mengalu-alukan dan mengharapkan mereka tampil ke hadapan mulai hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan jawapan Yang Berhormat Menteri itu tadi, saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi hadir untuk menjawab segala soalan yang dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri pagi ini.

**4. Datuk Yahaya bin Mat Ghani** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sejauh manakah TPPA dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia khususnya golongan bumiputera dan apakah pendekatan yang telah diambil pihak kerajaan dalam menerangkan isu TPPA kepada keseluruhan rakyat Malaysia.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai negara yang bergantung pada perdagangan mempunyai pandangan yang terbuka terhadap Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Setakat ini Malaysia telah menandatangani 13 FTA dan yang terkini iaitu *Malaysia-Turkey Free Trade Agreement*, dengan izin, yang ditandatangani pada 17 April 2014. Parlimen dan Kerajaan Turki pada 1 Jun 2015 telah meratifikasikan FTA tersebut. Perjanjian tersebut dijangka dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

Penyertaan Malaysia dalam rundingan Perjanjian Perkongsian Trans Pacific (TPPA) dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia termasuk bumiputera seperti berikut:

- (i) kerajaan menjangka dengan TPPA, komuniti perniagaan dan sektor pembuatan negara akan memperoleh akses pasaran bebas cukai sebesar 800 juta orang dengan gabungan KDNK yang sejumlah USD27.5 trilion. Secara langsung, ia menyediakan pasaran global yang lebih besar kepada produk-produk tempatan serta peluang yang lebih besar kepada peniaga tempatan untuk memasarkan produk-produk mereka ke pasaran TPPA;
- (ii) memberi akses kepada empat buah negara perdagangan bebas yang baru iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru;
- (iii) di samping itu TPPA dapat kekalkan layanan tarif keutamaan bawah skim yang ditamatkan oleh Kanada sejak 1 Januari 2015;
- (iv) barangan Malaysia yang dieksport ke Kanada kini dikenakan duti import lebih tinggi berbanding barangan dari negara membangun yang lain yang masih menikmati layanan GSP;
- (v) TPP akan mewujudkan peluang-peluang baru dalam jaringan rangkaian bekalan atau *supply chain network*, dengan izin. Syarikat-syarikat tempatan termasuk syarikat bumiputera dan IKS akan berpeluang untuk menjadi pembekal barangan input serta perkhidmatan sokongan dalam rangkaian pembekalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam erti kata lain, TPP memberi akses pasaran bebas cukai yang lebih baik kepada barangan dan perkhidmatan Malaysia. Usahawan dan pekerja bumiputera sama ada terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam rantai bekalan barangan dan perkhidmatan yang berkaitan akan menikmati faedah. Kerajaan juga sedar akan persaingan yang bakal dibawa akibat daripada pembukaan pasaran. Namun, perlu kita sedar, pasaran Malaysia telah terbuka sejak 90-an apabila Malaysia membuka pasaran melalui *ASEAN Trade in Goods Agreement* di bawah AFTA.

Begitu juga lain-lain FTA yang telah Malaysia tandatangani bawah ASEAN seperti China, India, Korea dan dua hala seperti Australia, Pakistan, New Zealand dan Jepun. Kebanyakan daripada FTA tersebut telah menjadikan akses pasaran lebih liberal dengan hampir 90% buah produk dari negara-negara lain dapat memasuki Malaysia dengan duti import yang sifar. Begitu juga dengan komitmen Malaysia di bawah WTO di mana 65% daripada produk telah dimansuhkan duti import.

Justeru, syarikat-syarikat Malaysia termasuk usahawan bumiputera sebenarnya telah bersaing dalam persekitaran pasaran yang terbuka. Persaingan yang membina dipercayai dapat membentuk usahawan dan produk Malaysia yang lebih kompetitif bukan sahaja dalam negara tetapi juga global.

■1050

Selain daripada akses pasaran barangan dan perkhidmatan kerajaan sedar bahawa isu perolehan kerajaan akan memberi impak yang besar kepada golongan bumiputera. Dalam hal ini kerajaan sedang merundingkan *flexibility* untuk memastikan keutamaan bumiputera dikekalkan.

Sepanjang rundingan TPPA lebih daripada 100 sesi konsultasi dan program telah dilaksanakan di peringkat domestik dengan pelbagai pihak berkepentingan dan NGO. Dalam sesi-sesi tersebut kerajaan bukan sahaja telah menerangkan perkembangan rundingan tetapi juga memperoleh pandangan daripada mereka secara menyeluruh terutamanya dalam isu-isu yang sensitif bagi Malaysia. Ini juga termasuk *engagement* secara berstruktur dengan penubuhan TPP Caucus sejak Ogos 2013 yang dianggotai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat daripada Barisan Nasional dan parti pembangkang. TPP Caucus ini juga diperkukuhkan untuk meliputi Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dari Dewan Negara.

Seperti mana diperjelaskan sebelum ini hasil rundingan TPPA serta dua kajian kos manfaat yang sedang dijalankan akan juga dibentangkan di Parlimen bagi membolehkan semua pihak menelitinya secara terperinci kelak. Sekian, terima kasih.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hebat Menteri, soalan saya tiga baris, dia punya jawab empat muka surat, hebat. Soalan tambahan saya, jika berlakunya TPPA, apakah jaminan kerajaan terhadap majoriti SME bumiputera yang masih bergantung kepada perolehan kerajaan? Apakah kerajaan telah menjalankan secukupnya inisiatif dan sokongan untuk transaksi kebergantungan syarikat tempatan dari kerajaan kepada pasaran terbuka? Terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang merundingkan supaya *threshold* yang lebih tinggi bagi memastikan golongan IKS ataupun bumiputera Kelas 'F' tidak terjejas akibat daripada komitmen dalam rundingan TPPA. Selain itu kerajaan juga merundingkan tempoh transisi yang lebih panjang bagi memastikan persediaan yang lebih mencukupi dan juga berhubung dengan pembangunan kapasiti IKS dan sektor bumiputera terdapat pelbagai program telah dilaksanakan. Antaranya termasuk Program Pembangunan Vendor, Program Peningkatan Kualiti Produk dan Perkhidmatan, Satu Daerah, Satu Industri dan Pengagihan Saham Khas Bumiputera. Sekian, terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah agaknya Menteri memberikan bayangan bila mungkin ditandatangani perjanjian TPP. Sehubungan dengan ini setakat manakah kemajuan dalam kajian *cost and benefit* yang telah dilakukan, sebab perkara ini sudah begitu lama ditimbulkan dan memanglah saya ucapkan terima kasih kalau bila selesai ini Dewan Negara diberikan taklimat tentang hal ini kerana tahun lalu Menteri sudah berjanji untuk memberikan taklimat tersebut. Terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, rundingan TPPA masih berterusan masih belum dimuktamadkan lagi dan kajian *cost benefit* pun sedang masih dijalankan. Saya rasa tidak lama lagi rundingan kedua-dua ini akan dimuktamadkan dan selepas itu akan dibawa ke Kabinet dan juga Parlimen untuk kelulusan. Terima kasih.

**5. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, pemantauan JKPP terhadap tahap keselamatan dan kesihatan terkini Projek MRT dan penyambungan LRT di lokasi pembinaan yang menyebabkan berlakunya kemalangan maut dan risiko kecederaan hilang upaya kekal.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Puan Hajah Mariany. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1 Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kemalangan yang melibatkan pekerja mahupun mereka pekerja tempatan ataupun asing di tempat kerja sama ada tempat kerja ataupun semasa ulang-alik ke tempat kerja akan merugikan banyak pihak.

Pertama, pekerja itu sendiri ialah bukan sahaja hilang pekerjaan, hilang tanggungan ibu bapa dan sebagainya, bahkan anak-anak mereka akan menghadapi masa depan yang cukup menggerunkan. Kerugian juga kepada majikan, kehilangan pekerja kalau sudah mahir sudah tentulah memberi kesan kepada produktiviti dan peningkatan kos di samping kalau ada kecuaiian melibatkan denda penalti yang dikenakan oleh kerajaan dan undang-undang. Ketiga sudah tentulah kepada negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, contoh kemalangan perusahaan yang dilaporkan oleh SOCSO yang terkumpul 2013 – 35,898; 2014 – 35,294; sektor pembinaan termasuk LRT dan MRT – 3,532 tahun 2013; dan 3,875 pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKPP) ataupun DOSH telah mengambil berbagai-bagai pendekatan dalam memantau tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan terkini di projek MRT dan projek penyambungan LRT supaya kemalangan maut dan risiko kecederaan hilang upaya kekal dapat dicegah. Antaranya ialah secara umum kementerian di bawah akta yang ada kita telah menubuhkan Majlis Keselamatan, Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dianggotai oleh berbagai-bagai pihak kerajaan, kementerian, swasta, *union* dan sebagainya dalam kita menangani isu-isu yang melibatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Mewujudkan *safety patrol unit*, dengan izin yang khusus untuk menjalankan penguatkuasaan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) unit untuk projek MRT. Kita ada unit khusus patrol ini dan penyambungan LRT. Yang ketiga menjalankan pemeriksaan tapak membina secara lebih kerap dan operasi penguatkuasaan pada waktu malam.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberikan sedikit sehingga Mei 2015 pemeriksaan di sektor pembinaan projek MRT ini yang telah pun kita lakukan, pemeriksaan tapak bina 141 di Kuala Lumpur, 97 di Selangor. Tapak yang beroperasi tengah malam, waktu malam 43 di Kuala Lumpur dan 30 di

Selangor. Jumlah semua ialah 311 pemeriksaan di sektor pembinaan ini. Bilangan pemeriksaan di sektor pembinaan projek penyambungan LRT, ia ada dua perbezaan sedikit. MRT lebih besar projeknya dari LRT. Pemeriksaan tapak bina, 25 di Kuala Lumpur, 177 di Selangor. Operasi malam 49 di Selangor dan semua sekali ialah bawah binaan pemeriksaan pada LRT ini ialah 251.

Berikutnya ialah kita memanggil kontraktor-kontraktor bermasalah ke ibu pejabat kita untuk mengenal pasti isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan meminta mereka mengambil tindakan pencegahan dan pembetulan dengan kasar segera. Walaupun kita ada akta dan undang-undang kita tidak terus mengambil tindakan undang-undang tetapi berikan nasihat kepada mereka sebelum kemalangan berlaku.

Berikutnya yang keempat, dan kelima, meningkatkan tindakan punitif atau yang bercorak undang-undang dalam bentuk notis bertulis, kompaun dan pendakwaan terhadap majikan yang gagal mematuhi peruntukan perundangan keselamatan dan kesejahteraan pekerjaan.

#### ■1100

Bilangan tindakan punitif projek MRT sehingga Mei 2015, notis yang kita keluarkan di Kuala Lumpur 31, Selangor 62, kompaun mahkamah satu di Kuala Lumpur, dua di Selangor dan jumlah semua ialah 96. Bilangan tindakan punitif ataupun yang bercorak amalan undang-undang ini Projek LRT sehingga Mei 2015, notis enam di Kuala Lumpur kita keluarkan, Selangor 122, kompaun tujuh di Selangor dan semua sekali ialah 135.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pendekatan yang kita ambil untuk mengelakkan kemalangan ini meningkatkan bilangan personel kompeten Keselamatan dan Kesejahteraan Pekerjaan (KKP) seperti pegawai keselamatan dan kesihatan, penyelia keselamatan tapak bina, pengendali perancah dan orang yang bertanggungjawab (OYB) bagi syarikat penyenggara, *passenger* dan juga material- kren, menara, gondola di tapak bina di mana *personnel care competent* KKP ini boleh membantu pihak majikan ke arah pematuhan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara efektif.

Akhirnya, menjalankan pemeriksaan terhadap jentera-jentera yang digunakan di tapak projek pembinaan, kren dan mesin-mesin angkat secara berkala supaya selamat digunakan oleh pihak kontraktor. Terima kasih.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya harap dengan penjelasan itu rakyat boleh berasa lebih selamat. Namun saya sendiri merasa agak seram sejuk apabila melalui Jalan Semantan hendak masuk ke Jalan Damansara terasa kalau boleh kita hendak laju sahaja kerana binaan di atas kepala kita semasa kita menyusur jalan yang saya sebut tadi.

Saya dengan ini ingin tahu kadar kemalangan di tapak binaan MRT dan LRT yang melibatkan pekerja tempatan dan pekerja asing. Seterusnya, apakah kemalangan ini berlaku kerana kita tidak mempunyai pakar-pakar yang khusus untuk LRT dan MRT juga peraturan-peraturan baru yang lebih tepat dan efektif? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mariany atas keprihatinan Yang Berhormat tentang kemalangan dan

keselamatan ini. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kemalangan di tempat kerja ataupun ulang-alik kerja. Kita ada dua kategori kemalangan. Pertama di tempat kerja dan kedua, kemalangan ulang-alik di tempat kerja, pergi balik kerja.

Sebenarnya melibatkan pelbagai pihak. Pertama pekerja itu sendiri. Kedua daripada segi kontraktor yang bertanggungjawab melaksanakan projek di mana MRT dan LRT ini. Kementerian kita berasa agak masih lega kerana kadar kemalangan di tempat kerja di negara kita ini menurun sedikit di mana pada tahun 2014 kadar kemalangan di tempat kerja menurun kepada 3.10 orang bagi setiap 1,000 orang. Maknanya kalau 1000 orang pekerja, lebih kurang tiga orang sahaja yang ditimpa kemalangan. Namun begitu kemalangan ulang-alik bekerja agak meningkat sedikit.

Tuan Yang di-Pertua saya sudah sebutkan tadi beberapa pemeriksaan dibuat. Suka saya maklumkan bahawa jumlah seluruh pekerja di sektor pembinaan bagi tahun 2011 - 1.133 juta. Ini termasuk Yang Berhormat kita tidak dapat hendak pecahkan secara jelas MRT kerana sebenarnya tidak berapa besar sangat.

Pada tahun 2012 seramai 1.163 juta. Tahun 2013 1.24 juta orang pekerja di tapak bina ini. Saya pun kadang-kadang pun lalu takut juga walaupun saya menjaga Kementerian Sumber Manusia ini.

Tahun	Pekerja Tempatan	Pekerja Asing
2011	3130	299
2012	3324	286
2013	3062	429

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemalangan pekerja tempatan saya sudah sebutkan tadi dan pekerja asing.

Tahun	Kemalangan Maut	
	Pekerja Tempatan (Bil. Orang)	Pekerja Asing (Bil. orang)
2011	69	299
2012	56	286
2013	50	429

Tahun 2014 kita belum dapat secara *final* Tuan Yang di-Pertua kerana kita terpaksa buat semakan bersama dengan SOCSO dan juga JKPP.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Hajah Mariany kerana melihat ke depan. Sebenarnya di kementerian kita, kita mempunyai pakar-pakar yang terdiri daripada pemeriksa kilang, jurutera, kelulusan kejuruteraan mekanikal awam, kimia, petroleum dan kejuruteraan industri yang mana mereka ini diberi tanggungjawab untuk membuat pemeriksaan-pemeriksaan di kilang dan tapak-tapak bina. Cuma dalam konteks MRT dan LRT ini kita tidak mempunyai pakar-pakar yang mempunyai pengalaman yang cukup hebat dalam bidang MRT ataupun *fast train, fast*

*track* kereta api ini kalau kita bandingkan dengan negara-negara maju seperti Jerman, Jepun, Perancis dan sebagainya yang mempunyai program ini.

Jadi, tidak boleh mengatakan bahawa kemalangan ini berlaku kerana kita ini kurang pakar tetapi kekurangan ini juga mungkin disebabkan kelalaian pekerja sendiri ataupun kelalaian kontraktor. Oleh sebab itulah kementerian sedang membuat semakan terhadap undang-undang yang ada pada hari ini di mana penalti yang kita kenakan kepada majikan yang salah apabila sabit kesalahan di mahkamah hanyalah RM50,000 sedangkan orang yang meninggal itu hilang nyawa dan sebagainya nilainya lebih besar daripada itu.

Jadi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat boleh cadangkan kepada kementerian supaya pakar-pakar ini dapat kita ambil dan kalau boleh kita latih pakar-pakar daripada anak-anak tempatan kita sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi semasa jawapan Timbalan Menteri kita telah tengok banyak statistik dan sebagainya juga menyentuh tentang penalti. Jadi soalan tambahan saya, selama ini pernah kah mana-mana majikan di penjarakan kalau kita tengok jawapan tadi denda hanya RM50,000. Jadi soalan saya, pernah kah mana-mana majikan dipenjarakan, *industrial safety* ini? Kalau tidak, adakah dia ini oleh sebab ada kelemahan tidak ada peruntukan dalam undang-undang atau kelemahan daripada proses undang-undang kalau tidak dipenjarakan selama ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Oleh sebab itu saya sebutkan tadi bahawa kita melihat baru ini kita sudah buat pindaan undang-undang kepada Akta Kerja, Akta Perlindungan Perusahaan yang juga bertujuan untuk mempertingkatkan lagi tanggungjawab kita kepada menjamin masa depan pekerja kita. Kita juga sedang melihat sebenarnya sudah ada beberapa perkara yang kita sudah bincangkan termasuklah kadar mungkin penalti yang akan dikenakan.

Hari ini hanya RM50,000. Maknanya istilah orang kampung tahi gigi boleh bayar RM50,000 pada kemalangan seperti ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya ada satu kes penjara di bawah OSHA 1994 ini sudah lama. Jadi kita berharap supaya kadar kemalangan ini dapat kita turunkan. Saya mohon sebagai wakil kementerian supaya majikan dan juga pekerja mesti berikan perhatian kerana kemalangan ini bukan sahaja seperti disebutkan tadi merugikan tiga pihak atau lebih daripada itu, bahkan kita banyak membuang wang negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia Tuan Yang di-Pertua, SOCSO melalui kemalangan yang menimpa pekerja telah mengeluarkan perbelanjaan pada tahun 2012, tahun 2013 sebanyak RM2.2 bilion duit kita keluarkan untuk membiayai pekerja-pekerja yang malang dan pelbagai termasuk hilang upaya kekal dan sebagainya. Tahun 2014, kita mengeluarkan duit sebanyak RM2.46 bilion. Pada tahun ini sehingga April kita telah belanjakan RM944 juta kerana membiayai pekerja-pekerja yang malang ini. Ini tidak termasuk lagi program-program lain termasuklah pemulihan kita kepada pekerja-pekerja OKU yang

kita hendak ambil semula bekerja. Jadi inilah besarnya kerugian yang akan kita hadapi sebagaimana yang disebutkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

6. **Dato' Dr. Hou Kok Chung** minta Menteri Pendidikan menyatakan, maksud sebenar berhubung memperkenalkan program 3+1 atau 2+2 seperti mana dinyatakan sebagai salah satu inisiatif untuk menjayakan Lonjakan No. 1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung atas soalan berkaitan program 3+1 dan program 2+2.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program akademik sarjana muda berbentuk 2+2 atau 3+1 program yang melibatkan pembelajaran selama dua atau tiga tahun di kampus dan selebihnya di luar kampus, pembelajaran di industri atau bersama masyarakat. Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan penggunaan amalan pendidikan berimpak tinggi yang merangkumi kejelasan kognitif dan konsep kemahiran keusahawanan serta pembelajaran melalui pengalaman dan inovasi.

Inisiatif ini juga sebenarnya memberi ruang kepada industri untuk turut terlibat dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program akademik. Inisiatif program 2+2 dan 3+1 daripada lonjakan satu ini juga dikaitkan dengan inisiatif pembangunan kurikulum dengan melibatkan industri dalam lonjakan empat iaitu graduan TVET berkualiti. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang jelas.

Soalan saya ialah adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk melaksanakan program 3+1 dan 2+2 ini secara *across the board*, dengan izin, dan meliputi semua IPT awam dan swasta? Dengan mengambil kira semangat dan prinsip autonomi akademik yang disandang semua IPT terutamanya mereka yang mempunyai fokus tinggi dalam R&D&I, maka adakah kementerian akan melonggarkan ataupun mengecualikan IPT-IPT tertentu daripada program 3+1 dan 2+2 ini dan menyerahkan kepada mereka untuk menentukan sama ada mahu melaksanakan atau sebaliknya program tersebut? Sekian.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanyakan dua soalan, dan saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Senator bahawa program ini adalah dalam satu proses perbincangan dan perancangan dan ini akan bermula di bawah gelombang kedua iaitu pada tahun 2016 hingga 2020. Jadi soalan-soalan yang dikemukakan itu tidak dapat dijawab sekarang kerana program-program tersebut dalam proses perbincangan dan perancangan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Nampaknya tidak ada soalan tambahan seterusnya. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya, saya ingin menjemput seorang Menteri untuk mengemukakan satu usul. Silakan, Yang Berhormat.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.13 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan pada jam 1 tengah hari, dan diteruskan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Usul Rancangan Malaysia Kesebelas dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 1 Julai 2015.”

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**7. Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya** minta Perdana Menteri menyatakan, dengan meneruskan arahan perintah berkurung waktu malam di ESSZONE Sabah, adakah kerajaan bercadang untuk mengharamkan penjualan dan pemakaian seragam celoreng oleh orang awam yang boleh mengelirukan dan disalah guna oleh penjenayah rentas sempadan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat undang-undang yang tidak membenarkan orang awam menjual, membeli dan memakai pakaian yang menyerupai pakaian seragam pasukan keselamatan. ESSCOM akan menguatkuasakan peraturan ini di ESSZONE bagi mengelakkan kekeliruan dan salah guna oleh orang awam. Sebagai contoh, di bawah seksyen 89 Akta Polis, menggunakan uniform polis tanpa kebenaran satu kesalahan. Menggunakan uniform polis dan menyamar sebagai polis satu kesalahan di bawah seksyen 171 Kanun Keseksaan.

Bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pula, mana-mana orang selain daripada anggota ATM yang memakai apa-apa uniform sebagaimana yang diperihalkan dalam dokumen ini melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 140 dan juga 170 Kanun Keseksaan. Dalam Akta Rahsia Rasmi juga, di bawah seksyen 9(1), menggunakan uniform tanpa kuasa juga merupakan satu kesalahan.

Jadi undang-undang dan juga peraturan yang ada mencukupi untuk membolehkan pihak ESSCOM menguatkuasakan peraturan ini.

**Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Kita faham undang-undang sedia ada menghalang pemakaian dan penggunaan pakaian seragam

tentera tetapi masalah yang kita hadapi sekarang ialah penguatkuasaan penjualan yang berleluasa sehingga ke pasar malam *even* kedai-kedai di *mall* pun ada menjual seragam-seragam bercorak celoreng dan pakaian askar semua. Apakah tindakan untuk menghalang ini semua?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ESSCOM memaklumkan kepada saya bahawa mereka dalam perancangan untuk menguatkuasakan peraturan ini. Yang Berhormat sedia maklum bahawa *barter trade*, dengan izin, masih dibenarkan di kawasan ini dan mungkin sebahagian daripada pakaian ini termasuk dalam *barter trade* yang dibawa dari luar. Jadi kita dalam proses untuk menguatkuasakan peraturan ini dan dalam masa yang sama juga dalam proses untuk menguatkuasakan peraturan *barter trade*. Terima kasih.

**8. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kes-kes kemalangan membabitkan lumba haram yang khabarnya didalangi oleh kelab-kelab kereta yang tidak diketahui status pendaftarannya; dan
- (b) adakah kementerian mempunyai garis panduan khas memantau kelab-kelab bermotor ini yang aktif menganjurkan pelbagai aktiviti.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Bagi menjawab soalan

- (a) aktiviti perlumbaan haram mempertaruhkan imbuhan kepada peserta yang memenangi sesuatu perlumbaan sebenarnya tidak berleluasa di negara ini. Hasil soal siasat terhadap mereka yang pernah ditangkap mengatakan bahawa aktiviti berkenaan bukanlah merupakan satu aktiviti yang terancang atau bersindiket tetapi lebih menjerus kepada istilah mat rempit yang selalu diguna pakai oleh masyarakat. Golongan ini berlumba sesama sendiri bagi mencari keseronokan atau mendapatkan status yang lebih dihormati di kalangan rakan sebaya dan merupakan salah satu gejala negatif yang dipilih oleh remaja dalam mempamerkan sikap devian mereka seperti masalah lepak, parti liar dan pelbagai penyakit sosial yang lain.

Pihak polis tidak mempunyai statistik yang khusus bagi kes kemalangan yang dikategorikan sebagai kemalangan disebabkan oleh lumba haram atau aktiviti mat rempit kerana tidak ada peruntukan undang-undang sedemikian. Siasatan polis bagi kes kemalangan adalah berpandu kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang mana siasatan dijalankan mengikut seksyen 41 bagi menyebabkan kematian, seksyen 43 bagi kemalangan yang mendatangkan kecederaan di bawah Ordinan Lalu Lintas 1959.

## ■1120

Bagi kes kemalangan kecil atau kemalangan yang mengalami kerosakan sahaja sehubungan tambahan kepada yang terlibat dalam aktiviti mat rempit atau lumba haram juga akan diambil tindakan di bawah seksyen 42 bagi kesalahan kerana memandu secara melulu dan berbahaya atau seksyen 45A bagi kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol ataupun mabuk.

Bagi menjawab soalan,

- (b) ketika ini tidak ada peruntukan undang-undang yang khusus atau panduan yang khas untuk mengawal kelab-kelab motor yang ditubuhkan. Pihak PDRM juga tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyekat sebarang aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kelab-kelab motor berkenaan.

Namun demikian, penganjur atau sesiapa sahaja yang ingin mengadakan aktiviti di atas jalan raya adalah digalakkan mendapatkan pandangan atau memaklumkan kepada pihak polis di peringkat daerah ataupun kontinjen terlebih dahulu bagi menentukan acara tersebut sesuai untuk diadakan kerana pihak polis berkemahiran dalam selok-belok jalan raya setempat dan jika ada keperluan pihak polis dapat menyediakan anggota trafik untuk membuat kawalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan tersebut. Tidak dinafikan, *“Kerana setitik nila, rosak susu sebelanga”*. Tidak semua aktiviti kelab kenderaan sama ada kereta, motosikal berkuasa tinggi ini tidak bagus malah banyak aktiviti kebajikan masyarakat yang dianjurkan sehingga ke negara jiran. Malah ada kalangan rakan kita di Dewan ini pernah bermotosikal sehingga ke Tanah Suci iaitu Yang Berhormat bekas Senator Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, sebagai contoh.

Soalan tambahan saya, isu dan soalan tambahan yang saya ingin bangkitkan di sini ialah sedarkan kementerian terutama bagi motosikal berkuasa tinggi mereka ini menggunakan marsyal di kalangan anggota mereka sendiri mengawal lalu lintas dan perjalanan konvoi. Bukankah peraturannya perlu membuat permohonan kepada pihak polis trafik dan hanya polis trafik berhak mengawal lalu lintas. Mengapa isu ini masih berleluasa sekali gus membahayakan keselamatan pengguna lalu lintas yang lain. Sekian, terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. sebenarnya apa Yang Berhormat sebut tadi adalah mengikut apa yang digariskan oleh undang-undang. Dalam undang-undang yang kita ada sekarang ini hanya polis yang menggunakan uniform sahaja berkuasa memberi arahan ataupun memberhenti, menjaga dan mengawal selia di jalan raya di bawah undang-undang yang kita ada sekarang. Polis beruniform.

Jadi dalam keadaan sedemikian, tujuan marsyal yang diadakan oleh kelab-kelab motor yang biasanya berjalan di jalan raya, menggunakan jalan raya sebenarnya bukan mengawal trafik tetapi mengawal ahli mereka supaya patuh kepada peraturan trafik. Itu sebenarnya. Tujuannya bukan untuk mengawal trafik yang lain tetapi untuk mengawal ahli mereka sahaja. Jadi dalam keadaan sedemikian walaupun ditilik daripada sudut undang-undang memang tidak mempunyai kuasa mengawal mana-mana trafik di jalan raya termasuk ahli-ahli mereka tetapi oleh kerana ahli ini sudah sesama sendiri memberi kesefahaman bahawa mereka akan akur atas arahan marsyal mereka sendiri maka itulah kenapa marsyal ini diguna pakai oleh pihak ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita ada meluluskan kesalahan pesalah lalu lintas di bawah umur akan juga melibatkan ibu bapa ataupun penjaga mereka. Soalan saya, berapa ramaikah ibu bapa ataupun penjaga yang telah dibawa ke mahkamah dengan kesalahan-kesalahan anak mereka?

Tuan Yang di-Pertua, setiap hujung minggu cuti umum lebuhraya kita seolah-olah macam litar lumba Sepang bersimpang-siur motor-motor berkuasa besar berlumba di atas jalan raya. Jadi bagaimana pula kerajaan mengekang penunggang-penunggang motosikal berkuasa besar dari Singapura yang menjadikan jalan raya kita sebagai tempat mereka melepaskan geram dan apakah kaedah-kaedah yang membendung pelumba-pelumba Singapura yang bermaharajalela di tempat kita ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. yang pertama berhubung dengan penjaga ataupun ibu bapa yang dituduh di mahkamah oleh sebab penglibatan anak mereka dalam satu-satu kesalahan. Ini juga diletak di bawah undang-undang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya tidak mempunyai statistik yang tertentu oleh sebab perkara ini perkara yang khusus dan amat spesifik. Apabila seseorang ibu bapa kalau dia mempunyai motor ataupun kereta dan anak ini tidak mempunyai lesen ataupun hak untuk menggunakan kereta itu memakai kereta tersebut maka dengan secara automatiknya di bawah undang-undang yang ada sekarang ini ibu bapa itu juga melakukan kesalahan.

Umpamanya kalau anak itu tidak mempunyai lesen menggunakan motor ataupun kereta ibu bapa dengan sendirinya kalau anak ini ditangkap oleh kerana memandu ataupun menunggang motor tidak berlesen ibu bapanya juga akan boleh dituduh di mahkamah kerana membenarkan dan selepas itu dia juga boleh dibatalkan lesen-lesen mereka oleh kerana anak ini tidak *discovered* oleh insurans. Kalau ini berlaku maknanya tuntutan peribadi orang yang menjadi mangsa kepada satu-satu kemalangan akan terkena anak ini dan kalau ini berlaku maka malapetaka akan menimpa keluarga tersebut termasuk ibu bapanya. Jadi memang daripada dahulu pun undang-undang ini sudah ada tapi untuk penjaga biasa melakukan kesalahan-kesalahan yang tidak ada hubung kait dengan insurans dan pelesenan dan umpamanya ini belum ada dalam rekod saya dan saya tidak ada spesifik jawapan kepada soalan ini.

Kedua, soalan sama ada motor ini dari Singapura ataupun daripada mana apabila mereka menggunakan jalan raya dia tertakluk kepada yang ada di Malaysia dan maknanya tindakan kita juga

berlandaskan undang-undang yang ada di negara kita tidak kira sama ada dia orang Malaysia ataupun dia orang Singapura. Jadi Tuan Yang di-Pertua sebenarnya tidak membezakan sama ada mereka ini daripada mana sekalipun kalau dia berada di jalan raya Malaysia, dia mesti patuh kepada undang-undang yang ada dikuatkuasakan oleh penguat kuasa kita di jalan raya. Terima kasih.

**9. Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh** minta Menteri Kerja Raya menyatakan statistik pemegang konsesi jalan bertol dan jumlah jalan bertol di seluruh Malaysia. Apakah pendapatan dan keuntungan bagi konsesi-konsesi tol ini yang telah diisytiharkan bagi tahun 2013 dan tahun 2014.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 30 Jun 2015, terdapat 30 buah lebuhraya yang sedang beroperasi di negara ini di bawah kendalian 23 buah syarikat konsesi. Daripada 23 buah syarikat konsesi itu tidak semua lebuhraya mencatatkan keuntungan sejak tempoh mereka memulakan operasi.

Ini kerana keuntungan akan hanya dapat dicapai atau diperolehi selepas sesuatu konsesi itu melalui tempoh matang iaitu mengambil kira jumlah pelaburan modal dan pendapatan yang diunjurkan. Sebahagian besar atau hampir 90% daripada hasil pendapatan tol yang diperolehi oleh syarikat konsesi akan digunakan oleh syarikat konsesi untuk tujuan menjelaskan semula pinjaman kepada institusi kewangan, pengurusan operasi dan selenggara lebuhraya. Manakala baki sebanyak 10% sahaja yang akan diperolehi oleh para pemegang saham konsesi terlibat.

#### ■1130

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat berkaitan keuntungan atau kerugian syarikat konsesi lebuhraya yang disenaraikan dalam Bursa Saham, boleh dicapai menerusi laporan tahunan syarikat-syarikat konsesi yang berkenaan. Namun yang demikian, secara keseluruhannya jumlah hasil kutipan tol untuk semua lebuhraya yang beroperasi pada tahun 2013 dianggarkan sebanyak RM5.4 bilion, manakala untuk tahun 2014 pula telah dianggarkan sebanyak RM5.425 bilion. Jumlah ini tidak termasuk kos operasi, penyelenggaraan dan pembayaran balik pinjaman.

Maklumat mengenai syarikat-syarikat pemegang konsesi, jumlah kutipan tol dan jumlah keuntungan kerugian lebuhraya untuk tahun 2013 dan 2014 secara terperinci akan dikemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat selepas ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Kami dapati jalan-jalan tol ini sekarang digunakan dengan kerap sekali dan dengan izin, *traffic volume* berkembang setiap tahun dengan pesat. Kami juga difahami bahawa kerajaan pada ketika ini masih memberi subsidi kepada beberapa konsesi tol.

Soalan saya ialah berapa banyakkah subsidi yang diberikan oleh kerajaan kepada syarikat tol disebabkan kekurangan kutipan tol dan syarikat manakah yang mendapatnya? Saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai kadar tol ini, adakah kerajaan telah berjanji dengan syarikat tol ini berasaskan kepada kadar *time* ataupun berasaskan kepada *traffic volume*? Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kadar tol adalah berdasarkan kepada perjanjian yang di tandatangani iaitu unjuran kepada kadar trafik juga diambil kira dalam soal ini Yang Berhormat. Untuk menjawab kepada persoalan pertama Yang Berhormat, nampaknya memerlukan jawapan spesifik yang akan saya kemukakan secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sangat jelas untuk jangka masa pendek, pemegang konsesi itu mungkin tidak untung tetapi untuk jangka masa panjang, mereka akan meraih keuntungan berjuta-juta ringgit setiap tahun. Soalan saya ialah apakah yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk menggalakkan dan mendorong syarikat konsesi yang bertol ini untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat atau CSR yang lebih nyata, misalnya mengumumkan pengurangan kadar tol, misalnya satu atau dua sen bagi setiap kilometer selagi mereka mencatat keuntungan setiap tahun.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Yang Berhormat, untuk menjawab kepada persoalan yang dikemukakan, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat daripada segi pendapatan dan kutipan yang dianggap besar itu Yang Berhormat. Sebenarnya perbelanjaan pengendali tol dalam menguruskan lebuhraya juga adalah besar. Dengan setiap ringgit tol yang dikutip Yang Berhormat, pemegang konsesi ini membelanjakan sebahagian wang untuk menaik taraf dan membaiki jalan raya yang sedia ada seperti membina persimpangan bertingkat baru ataupun jambatan untuk memastikan kecekapan sistem penguraian trafik sentiasa berlaku Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, sebahagian besar hasil daripada *charge* perkhidmatan tol yang digunakan oleh syarikat konsesi adalah untuk membayar balik pinjaman yang sudah tentu mempunyai faedah yang tinggi. Contohnya Yang Berhormat, saya boleh kongsi dengan Yang Berhormat, dianggarkan secara purata syarikat-syarikat konsesi sebenarnya menggunakan hasil mereka dalam kadar yang begini Yang Berhormat.

Sebanyak 50% digunakan untuk membayar balik pinjaman, 20% adalah untuk kos operasi dan penyelenggaraan, sementara 15% hingga 20% adalah untuk kos menaik taraf dan membaiki pulih, sementara 10% adalah untuk pulangan kepada pemegang saham dan lain-lain. Pada masa Yang Berhormat, bukan semua konsesi mencapai unjuran trafik seperti yang dijangkakan. Lebuhraya SPRINT dan Shapadu Yang Berhormat, kini lebih dikenali sebagai Lebuhraya Grand Sepadu sehingga kini hanya boleh mampu membayar untuk faedah pinjaman akibat jumlah trafik yang rendah di lebuhraya masing-masing.

Daripada segi menggalakkan syarikat-syarikat konsesi menggunakan ataupun melaksanakan kerja-kerja CSR Yang Berhormat, memang sebenarnya daripada segi inisiatif kerajaan terhadap perkara

ini, maklumlah sekali gus kita mahu melihat usaha mengurangkan beban pengguna lebuhraya itu sentiasa berlaku. Di samping melaksanakan penstrukturan lebuhraya, contohnya PLUS Yang Berhormat, di mana PLUS sebenarnya telah mengadakan satu kaedah di mana tiada kenaikan kadar tol sehingga tahun 2015 telah dilaksanakan. Daripada segi lainnya Yang Berhormat, syarikat konsesi juga melaksanakan penutupan plaza-plaza tol apabila dilihat ada keperluan. Contohnya, Plaza Tol di Batu Sembilan arah ke Kuala Lumpur dan Batu Sebelas arah ke Kajang. Lebuhraya Cheras-Kajang atau Grand Saga telah ditutup pada bulan Mac 2012. Itu antara inisiatifnya dan pengurangan kadar tol di Lebuhraya KESAS juga berlaku.

Di samping itu Yang Berhormat, khusus kepada CSR ini, sebenarnya kerajaan menggalakkan ataupun pihak konsesi sering mengadakan secara berterusan program-program CSR termasuklah memberi rebet dan juga diskaun tol sebagai sebahagian CSR mereka kepada masyarakat ataupun pengguna tol. Begitu juga kepada *frequent user* ataupun pengguna secara berterusan, diberikan rebet ataupun diskaun-diskaun tertentu hingga ada terdapat syarikat konsesi yang berikan hampir 50% diskaun. Di samping itu, pada masa-masa musim perayaan, ada juga syarikat konsesi mengambil pendekatan untuk memberikan laluan secara percuma di plaza-plaza tol mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itu sahaja soalan-soalan yang dapat kita selesaikan pada hari ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]***

## USUL

### **RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS 2016-2020**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

**“Bahawa Dewan ini,**

**Menyedari** akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh;

**Merestui** usaha kerajaan untuk meneruskan Dasar Transformasi Nasional atau DTN dalam rangka dan merencana Rancangan Malaysia Kesebelas seterusnya;

**Meluluskan** pelaksanaannya bertunjangan falsafah Dasar Transformasi Nasional dalam ikhtiar menjadi sebuah negara maju pada Tahun 2020 menurut Kertas Perintah Tahun 2015;

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesebelas, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama dan berusaha menjayakan matlamatnya.” **[29 Jun 2015]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Kementerian Kesihatan menyambung.

**11.38 pagi.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya sambung sedikit lagi tentang penggulangan di Kementerian Kesihatan.

Semalam saya bercakap tentang MERS-CoV. Saya hendak sambung sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, ini soalan dari Datuk Hajah Noriah binti Mahat tentang MERS-CoV. Memang MERS-CoV ialah *Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus* dan telah pun di kesan di Timur Tengah, termasuk juga di Arab Saudi dan sekarang telah merebak ke Korea dan juga ke Thailand. Malaysia pun pernah menghadapi satu kes, tetapi *alhamdulillah* dapat dikawal pada tahun lepas di Batu Pahat.

Sekarang ini di seluruh dunia terdapat 1,345 kes dan daripada itu, 479 telah mati akibat penyakit ini. Bermakna lebih kurang 30% telah mati akibat ini. Di Korea sahaja ada 134 kes dan yang sudah pun mati ialah 27 kes. Ini bermakna satu perkara yang amat serius. Di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, terdapat *suspected* kes dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 818 kes yang telah pun dibuat notifikasi dan semuanya bila kes disemak, dibuat kajian, dapati semuanya negatif Tuan Yang di-Pertua, kecuali yang satu saya sebut berlaku pada April 2014 di Batu Pahat. Itu pun meninggal Tuan Yang di-Pertua.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, kita mengenakan saringan di peringkat pintu masuk antarabangsa negara dan kita semak, *check* daripada segi kesihatan mereka. Sekiranya didapati *temperature* atau suhu badan naik dikesan dengan kamera itu, maka kita akan panggil dan bawa mereka ke klinik di situ dan akan diperiksa seterusnya. Juga kita adakan kad-kad amaran kesihatan atau *health alert card* di mana kita pastikan mereka yang mengalami demam dan selesema dan sebagainya dalam masa dua minggu selepas balik daripada Timur Tengah, Korea ataupun Thailand, maka kita menasihatkan supaya mereka pergi ke klinik ataupun hospital yang dekat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan kes yang kita suspek, yang saya sebut tadi 818 kes, mereka ada hospital rujukan mereka. Kita telah tetapkan 52 buah hospital yang boleh dirujuk kalau kes-kes yang *suspected* macam ini. Kalau kita dapati kes itu positif maka kita telah *assign* dengan izin dua per tiga buah hospital untuk buat rawatan, Tuan Yang di-Pertua. Kita juga bekerjasama dengan pihak swasta, hospital dan mereka mestilah membuat notifikasi kalau ada kes-kes yang suspek tentang penyakit ini.

Kita bekerjasama dengan Tabung Haji dengan agensi-agensi pelancongan, dengan Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pelancongan, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pendidikan, semualah yang mana yang terlibat supaya kita dapat buat hebahan kepada seramai mungkin rakyat Malaysia dan juga melalui radio dan televisyen. Untuk jemaah haji dan umrah, memang kita bagi nasihat

kepada mereka dan pasukan rombongan haji juga kita bagi taklimat tentang cara-cara untuk mengendalikan kes-kes begini.

Untuk maklumat secara umum, rakyat Malaysia boleh masuk ke *website* KKM dan kita juga mengadakan wawancara dan temu bual di stesen radio dan televisyen Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng, ini perkara spesifik tentang Klinik Kesihatan Taman Bukit Indah. Saya bercadang untuk menjawab secara bertulis kerana ini perkara yang spesifik, kerana kita hendak jimatkan masa.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, ini berkenaan dengan buah-buahan tempatan, sayur-sayuran dan herba. Memang rakyat Malaysia makan banyak ulam, banyak sayur dan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui IMR telah pun membuat kajian bersama dengan Kementerian Pertanian di atas 18 jenis herba yang telah dikenal pasti dan dikaji secara saintifik. Antaranya ialah tongkat Ali, kacip Fatimah, mas cotek, hempedu bumi, pegaga, dukung anak, halia, mengkudu, rozel, peria katak, sirih kaduk dan merunggai. Kajian ada dua peringkat, satu peringkat pra klinikal dan satu lagi peringkat klinikal. Praklinikal maknanya kita menggunakan binatang seperti tikus dan lain-lain. Klinikal maknanya kita gunakan manusia. Setakat ini cuma dua sahaja herba yang telah di peringkat klinikal iaitu daun betik dan juga dukung anak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat bercakap tentang perubatan alternatif. Ini saya hendak terangkan bahawa di Malaysia kita tidak mengamalkan perubatan alternatif tetapi kita mengamalkan perubatan komplementari. Maknanya kita tidak tolak perubatan moden tetapi kita gunakan ubat-ubat herba ini sebagai *adjunct*, makna sebagai membantu perubatan moden yang kita gunakan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada 15 buah institusi kesihatan kerajaan yang menawarkan perkhidmatan rawatan tradisional dan juga komplementari di samping perubatan moden.

Antara servis yang diberi ialah rawatan urut Melayu dan tradisional, rawatan akupunktur, rawatan herba untuk mengurangkan kesan sampingan rawatan kanser, rawatan perbidanan Melayu bagi ibu yang selepas bersalin dan rawatan ayuverda. Ini satu rawatan yang menggunakan minyak untuk mengubati *insomnia*, *anxiety* dan *stress* Tuan Yang di-Pertua.

Dalam perancangan untuk memperkenalkan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari ke dalam sistem jagaan primer, kita telah membuat iaitu kita sudah jalankan satu projek perintis di Klinik Kesihatan Masai. Maknanya kita hendak *extendkan* perkhidmatan perubatan jenis ini kepada klinik-klinik kesihatan selain daripada hospital, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Mac 2015, terdapat 13,846 orang pengamal PTK iaitu pengamal perubatan tradisional ini yang bertepatan, yang telah berdaftar secara sukarela dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Kita juga telah mengenal pasti lapan badan pengamal untuk membantu dalam urusan *self-regulation* pada peringkat sekarang. Kita akan melaksanakan Akta PTK 2013 apabila dikuatkuasakan tidak lama lagi maka semua pengamal ini akan didaftar di bawah majlis ini dan mereka akan dikawal mengikut peraturan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan akta yang saya sebut tadi, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengenal pasti enam bidang amalan utama iaitu perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional India, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional Islam, homeopati dan terapi komplementari. Seperti yang saya sebut tadi, Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari akan diwujudkan tidak lama lagi apabila akta itu dikuatkuasakan Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd. Ali Rustam berkenaan dengan- ini perkara spesifik tentang Hospital Besar Melaka, saya akan jawab secara bertulis.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Minta mencelah sikit Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri ada seorang yang bangun.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Minta maaf kalau saya terlepas hari semalam, saya tidak berapa sihat. Cuma saya hendak tanya semalam dan pertanyaan saya ada bangkitkan mengenai dengan ketiadaan ambulans-ambulans di pusat-pusat kesihatan kecil di luar-luar bandar khususnya di Daerah Muar. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ini nanti kemudian saya jawab, ada sikit lagi. Berkenaan dengan Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali Rustam, ini berkenaan dengan Hospital Besar Melaka, saya akan jawab secara bertulis kerana jawapannya panjang Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor, tentang Hospital Padang Besar. Ini pun saya akan jawab dengan cara bertulis, ini perkara spesifik.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah dan bersama Yang Berhormat Senator Datuk Kadzim bercakap tentang kekurangan doktor pakar dan ramai doktor pakar yang keluar berkhidmat dengan pihak swasta. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini di Malaysia sehingga 31 Mac 2015 terdapat 34,683 jawatan Pegawai Perubatan dan pengisiannya ialah 32,122 orang atau 92.6%. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,161 orang Pegawai Perubatan pakar, 18,359 orang Pegawai Perubatan bukan pakar dan 9,602 orang Pegawai Perubatan Siswazah.

Sekarang ini kadar *ratio* di Malaysia ini adalah berkadar doktor kepada *patient ratio* ialah 1:600 dan kita jangkakan trend peningkatan yang sedia ada sekarang ini kita mungkin akan dapat mencapai kadar 1:400 orang penduduk menjelang tahun 2020 Tuan Yang di-Pertua, kerana peningkatan jumlah *houseman* kita bertambah dan sekarang ini dalam kadar lebih kurang 5,000 *houseman* setahun yang dikeluarkan oleh universiti tempatan dan juga yang balik dari luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan pegawai perubatan yang meletak jawatan pada tahun 2014 882 orang yang terdiri daripada 939 orang Pegawai Perubatan bukan pakar dan 143 orang Pegawai Perubatan Pakar. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod terdapat 158 orang Pegawai Perubatan dan 37 orang Pegawai Perubatan Pakar yang meletak jawatan atas alasan mereka ingin bekerja di sektor swasta. Selainnya alasan hendak menjadi pensyarah dan juga ada yang memberi alasan peribadi.

#### ■1150

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengekalkan perkhidmatan pegawai-pegawai perubatan dalam sektor awam ialah menambah baik

laluannya mereka iaitu pelaksanaan kenaikan pangkat secara *time based* di mana tempoh keseluruhan untuk berada di Gred 54 daripada tarikh lantikan adalah sembilan tahun bagi pegawai pakar dan 12 tahun bagi pegawai bukan pakar. Kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi seperti JUSA ataupun gred khas sama ada secara hakiki atau secara khas untuk penyandang ataupun dipanggil KUP. Bayaran intensif serta elaun tambahan seperti elaun kerja luar waktu bekerja biasa *on call*, bayaran insentif perkhidmatan kritikal, bayaran insentif pakar, bayaran insentif klinik selepas waktu pejabat ataupun *locum* dan elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, ini juga perkara spesifik berkenaan dengan Hospital Umum Miri. Ini juga jawapan yang panjang dan saya akan jawab secara bertulis. Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah bertanya berkenaan cadangan di dalam RMKe-11 tentang membina enam buah hospital baru dan menaiktaraf tiga buah hospital sedia ada supaya disediakan kemudahan geniatrik. Tuan Yang di-Pertua, sekarang di Malaysia terdapat mereka yang berumur lebih daripada 60 tahun dan sekarang ini pada tahun 2013 terdapat 5.5% orang penduduk Malaysia yang berumur 80 tahun ke atas dan dijangka pada tahun 2030, angka ini akan meningkat kepada 15%.

Jika kita lihat rekod yang ada Tuan Yang di-Pertua, jumlah pesakit yang masuk hospital peratusan warga emas ialah 17% manakala yang melawat pesakit luar 21% dan mereka adalah daripada kumpulan warga emas. Di Malaysia terdapat hanya 11 buah hospital yang mempunyai perkhidmatan wad geniatrik dan hanya tujuh orang pakar geniatrik yang ada di Malaysia sekarang ini. Akan tetapi kita sedang melatih enam orang *trainee* Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh memberi jaminan bahawa kita akan tetap adakan geniatrik di hospital-hospital baru yang akan dibina kerana kekangan daripada segi jumlah pakar yang terlatih dalam bidang geniatrik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng bertanya berkenaan dengan Hospital Sultanah Aminah. Ini juga perkara spesifik tentang hospital dan jawapannya juga panjang, jadi saya bercadang untuk menjawab dengan bertulis ya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam dan Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng bercakap tentang respons kecemasan, apabila *call* kecemasan sekarang ini kita mendapat respons dalam masa 15 minit dan mereka mencadangkan supaya diturunkan kepada lapan minit. Ini satu perkara yang kita cuba buat. Di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, kita sudah membangunkan satu sistem yang dipanggil MERS 999 ataupun *Malaysian Emergency Response System* 999. Apabila seseorang membuat panggilan kepada 999, *call* ini akan sampai ke TM Centre dan TM Centre akan *direct* kepada pusat kita sendiri di hospital. Kita ada 21 buah pusat koordinasi perubatan kecemasan, bermakna *call* sampai kepada 999 sampai ke TM Centre, TM Centre akan *direct* ikut jenis *call* lah. Kalau *call* itu terlibat dengan masalah *accident* dan sebagainya, dia akan rujuk kepada pusat koordinasi perubatan kecemasan.

Apabila disalurkan kepada pusat ini, pusat ini akan membuat saringan sama ada apa jenis respons yang akan dihantar. Kalau pesakit jantung, *heart attack* dia akan hantar pasukan yang

berkenaan Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya *call* ini akan *direct* kepada ambulans yang paling hampir dengan tempat kejadian supaya respons dapat dipercepatkan. KKM juga menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), bomba, *St. John* dan juga Persatuan Bulan Sabit Merah.

**Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan:** Minta pencerahan sedikit.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat laporan di surat khabar mengenai MERS 999 ini yang kurang sambutan ataupun kerjasama daripada *telco*, Daripada segi mengenal pasti dari mana panggilan itu datang. Apakah langkah kerajaan untuk menggalakkan syarikat-syarikat *telco* ini memberi kerjasama yang sepatutnya supaya MERS 999? Agar boleh dilaksanakan secara lebih efektif untuk menyelamatkan nyawa. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi apabila *call* 999 ini sampai kepada *TM Centre*, arahannya mengikut piawaiannya mereka kena tanya apa jenis, adakah terlibat dengan rumah terbakar ataupun terlibat dengan *accident* atau sebagainya dan mereka akan *direct* kepada pusat-pusat yang berkenaan. Maksudnya kalau kes-kes kecemasan berkaitan dengan kesihatan ini mereka akan *direct* kepada pusat kita sendiri, pusat yang saya sebut tadi- 31 buah pusat seluruh Malaysia. Pusat ini akan membuat saringan pula tentang apa jenis *emergency* yang dipanggil ini. Kalau terlibat dengan jantung, kena hantar pasukan jantung. Kalau terlibat dengan ortopedik dan sebagainya akan dihantar pasukan ortopedik. Kita akan *direct call* itu kepada ambulans yang paling dekat dengan tempat yang berlaku kemalangan itu. Dengan cara ini kita berharap bahawa respons akan bertambah pendek. Ini mungkin berlaku lain-lain masalah, tidak tahulah tetapi yang itu piawaian kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyarankan kepada rakyat kita supaya menggunakan talian kecemasan 999 ini untuk mendapatkan bantuan kecemasan. Panggilan terus ke hospital untuk mendapatkan bantuan kecemasan perubatan adalah tidak digalakkan bagi mengelakkan sebarang kelewatan Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg bertanyakan tentang mengadakan pusat hemodialisis di RTC di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini untuk tahun 2015 ini untuk negeri Sarawak, kita akan membina unit hemodialisis di Hospital Simunjan dan satu lagi di Klinik Kesihatan Tatau Bintulu dan juga Klinik Kesihatan Batu Niah. Buat masa ini tidak ada perancangan untuk membina sebuah pusat hemodialisis di RTC di Sarawak Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Madinah juga membangkitkan tentang pasukan kesihatan bergerak di Sarawak. Sekarang ini terdapat 98 pasukan kesihatan bergerak yang memberikan perkhidmatan kepada 38,000 orang penduduk melalui jalan darat, udara dan air. Sekarang ini terdapat dua bot klinik bergerak iaitu untuk Sungai Rajang dan juga Sungai Baram. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, tumpuan ialah menyediakan perkhidmatan kepada penduduk kawasan pedalaman. Oleh yang demikian, KKM akan meningkatkan jumlah pasukan klinik bergerak untuk setiap bahagian di Sarawak.

Satu lagi tentang Klinik Katarak Bergerak, memang sudah ada satu di sana tetapi kita tidak bercadang hendak tambah lagi. Akan tetapi kita telah memberikan perkhidmatan katarak ini di lima buah hospital pakar iaitu di Hospital Umum Sarawak, Hospital Sarikei, Hospital Sibul, Hospital Bintulu dan juga Hospital Miri. Kesemua hospital ini juga mampu memberikan rawatan bagi penyakit berjangkit mata yang lain.

#### ■1200

Tuan Yang di-Pertua, yang ini soalan tambahan Senator, tentang *domiciliary care* atau perkhidmatan penjagaan di rumah. Memang Kementerian Kesihatan telah pun memulakan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) di kesihatan primer iaitu di klinik-klinik kesihatan selaras dengan transformasi kesihatan iaitu ciri-ciri perkhidmatan kesihatan yang baik menyediakan perkhidmatan berhampiran dengan masyarakat dengan penjagaan yang berterusan ataupun *continuity of care* serta penggalakan penjagaan sendiri ataupun *self-care*.

PPD mula dilaksanakan pada Julai 2014 melibatkan 100 buah klinik kesihatan. Untuk permulaan, fokus perkhidmatan rawatan dan rehabilitasi disediakan kepada pesakit terlantar yang stabil di rumah selepas *discharge* dari *facility* kerajaan di hospital negeri ataupun hospital pakar. Mengikut perancangan kita, peruntukan asas bagi pelaksanaan PPD di klinik kesihatan akan ditambah setiap tahun iaitu bermula tahun 2016 sebanyak 30% tiap-tiap tahun sehingga 100% Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi perkara yang telah dibangkitkan ialah berkenaan dengan- ini oleh Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim tentang kualiti doktor...

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang bangun ini. Silakan.

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan tadi. Daripada segi bilangan kemudahan, saya telah terima jawapan bahawa akan ditambahkan daripada masa ke masa. Satu lagi yang saya cadangkan daripada segi skop. Sekarang ini yang terlantar sahaja. Cadangan saya supaya juga memperluaskan skop itu untuk *cover* pesakit-pesakit yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, pesakit-pesakit kronik yang terlantar di rumah yang tak perlu ada di hospital memang banyakkah. Contohnya pesakit strok, kencing, yang terlantar, yang koma, yang *paraplegia* dan sebagainya, memang pasukan ini bila ia pergi, ia akan lihat semua. Bukan hanya tertentu kepada perkara-perkara spesifik. Semua sekali ia akan tengok. Yang pergi itu kita punya seorang MA dan seorang *nurse* yang akan pergi Tuan Yang di-Pertua.

Berbalik kepada Yang Berhormat Datuk Norliza, tentang kualiti *housemen* ataupun doktor siswazah. Memang sekarang terdapat, setahun lebih kurang 5,000 keluaran yang saya sebut tadi. *Housemen* dua tahun ada 10,000, *anytime* pada satu-satu masa ada 10,000 *housemen* di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sentiasa memantau kualiti PPS ataupun *housemen* ini menerusi pelbagai kaedah, antara lain terdapat beberapa Jawatankuasa di pelbagai

peringkat termasuklah peringkat kementerian, peringkat negeri, peringkat hospital dan juga peringkat jabatan. Sebelum tahun 2008, latihan siswazah setahun sahaja, namun bagi memastikan kualiti latihan siswazah dimantapkan, semua PPS ataupun pegawai perubatan siswazah ataupun kita sebut senang, *housemen*, mulai tahun 2018 perlu menjalani latihan siswazah selama dua tahun. Sebelum 2008, PPS ataupun doktor *housemen* ini hanya perlu menjalani tiga *posting* wajib, namun kini perlu menjalani enam *posting*. Bagi memberikan lebih pendedahan, terdapat sebanyak sembilan *posting*, yang boleh dipilih enam sahaja. Setiap *posting* perlu dijalani dalam masa empat bulan, tetapi bagi mereka yang tidak kompeten, mereka akan dilanjutkan tempoh latihan itu.

Pada tahun 2008, latihan siswazah hanya dilaksanakan pada 13 buah hospital. Sekarang ini ditambahkan lagi kepada 43 buah hospital Tuan Yang di-Pertua. KKM memang berprihatin dengan masa bekerja PPS namun sistem waktu bekerja fleksi yang diamalkan mulai tahun 2011, waktu bekerja PPS adalah antara 65 jam sehingga 75 jam sahaja berbanding dengan 90 jam hingga 120 jam sebelum ini.

Bagi mengawal lambakan pegawai perubatan pada masa hadapan, KKM telah mewujudkan Moratorium Program Perubatan sehingga April 2016 dan mungkin akan disambung selepas ini Tuan Yang di-Pertua.

Tentang ambulans yang disebutkan oleh...

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Mohon mencelah.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya.

**Datuk Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih kepada pihak Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya, adakah setiap pelatih ini, bila dia buat rondaan, sama ada adakah doktor mengikut dia ataupun kita *just* serahkan kepada pelatih ini sahaja untuk buat rondaan sendiri tanpa diberi *guidance* daripada doktor pakar ataupun doktor yang memang sudah doktor. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini *housemen* ramai, 10,000 saya sebut tadi. Kita ada 43 buah hospital yang membuat latihan *housemen* ini, berbanding dengan dahulu. Masa saya dahulu, berbanding dengan sekarang memang kita dahulu tak ramai. Dahulu, dengan izin, *I have the whole ward to myself*, maknanya saya bertegas untuk menjaga sebuah wad itu. Akan tetapi sekarang ini seorang *housemen* hanya dapat peluang untuk menjaga empat buah katil. Empat buah katil seorang kerana terlalu ramai mereka di seluruh Malaysia. Jadi mereka kena beri tumpuan kepada katil itu. Oleh sebab ramai sangat, kadang-kadang pakar ini tak kenal mana satu *housemen* di bawah dia. Kadang-kadang ada juga kes-kes yang kita terima, yang kita tahu *housemen* hilang dan hilang tak pergi kerja dan pakar tak tahu. Ini berlaku juga.

Jadi sebenarnya, *honesty is on the housemen itself* untuk dia bekerja kerana pada masa inilah dia hendak dapat latihan. Apabila dia tak buat kerja, apabila dia ponteng dan sebagainya, dia tak akan dapat latihan. Dia punya katil empat sahaja berbanding dengan saya dahulu, sebuah wad itu semua sekali. Kalau dia tak berlatih dengan betul, selepas empat bulan, dia akan dinilai. Kalau didapati dia tak *competent*, dia akan diarah untuk sambung lagi, maknanya dia akan rugi masa. Sebab itu saya sarankan

bahawa *housemen* itu sendiri kena ambil tanggungjawab untuk mendapatkan pengalaman sebanyak mungkin Tuan Yang di-Pertua.

Tentang ambulans Tuan Yang di-Pertua, memang kita terdapat hari ini seluruh Malaysia lebih 3,500 buah ambulans seluruh Malaysia. Kita menggantikan yang lama itu, yang *beyond economic repair* (BER) berkala. Tahun ini dan tahun depan kita akan tambah lagi, kita akan beli yang baru 200 buah ambulans untuk dibahagi-bahagikan kepada seluruh negara. Hari ini kita sudah buat cubaan di mana kita letak ambulans di tempat-tempat yang tertentu, tidak di hospital dan supaya responsnya makin cepat seperti yang saya sebut tadi. Yang ini dalam cubaan baru Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya hendak maklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat tetapi nampaknya Yang Berhormat Menteri tidak berada di sini, kerana telah bersetuju tadi, macam mana kedudukan sekarang. Terima kasih.

Bahawa telah menerima membenarkan permohonan dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang telah bersetuju untuk menukar giliran menjawab dengan Kementerian Sumber Manusia seperti giliran masing-masing di No.14 dan No.15 dalam Jadual Susunan Giliran Menteri-Menteri menjawab atas perbahasan Usul Rancangan Malaysia Kesebelas 2015.

Sekarang saya mempersilakan Menteri Sumber Manusia untuk menjawab.

**12.08 tgh.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Sumber Manusia mengucapkan ribuan terima kasih kepada 17 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh 11 isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia. Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya akan berfokus kepada *issue-by-issue*.

Yang pertama Tuan Yang di-Pertua iaitu latihan teknikal dan vokasional. Seramai lapan orang Senator iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung; Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How; Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian; Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid; Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon; dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit telah membangkitkan isu pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional TVET.

Suka cita dimaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia sentiasa mengambil inisiatif yang berterusan bagi menetapkan program-program latihan yang bersesuaian dengan kehendak pasaran serta menangkis persepsi negatif masyarakat terutamanya terhadap aspek pembangunan kemahiran

**■1210**

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2016 hingga tahun 2020, sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan di mana 60% daripadanya memerlukan kelayakan berkaitan Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Tambahan peruntukan kepada RM1 bilion daripada RM500 juta yang diluluskan oleh kerajaan di bawah RMKe-11 dari Tabung Pembangunan Kemahiran dapat membantu meningkatkan dengan pelajar TVET serta kapasiti pengambilan Institusi Latihan Kemahiran Awam dan Swasta bagi memenuhi keperluan negara dan seterusnya menyokong pencapaian sasaran 35% tenaga kerja mahir di Malaysia.

Kementerian juga akan meneruskan *Program Recognition of Prior, Experience and Learning* (RPL) yang meningkatkan dengan izin *enrollment* dan keluaran TVET agar terus mampan dan berdaya saing. Pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional akan disesuaikan berasaskan 70% kandungan latihan berorientasikan *apprenticeship* dengan izin, di mana dapat meningkatkan bilangan pengambilan pelajar daripada kalangan lepasan SPM daripada 164,000 kepada 225,000 orang pada tahun 2020. Pengukuhan latihan kemahiran juga dipertingkatkan melalui penubuhan badan peneraju, *industry lead body* (ILB) dengan izin yang merupakan organisasi pemacu sesebuah sektor industri yang dilantik oleh Kementerian Sumber Manusia di bawah Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) bagi melaksanakan analisis pekerjaan mengikut sektor industri yang diterapkan serta menepati Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dalam pelaksanaan sistem persijilan kemahiran Malaysia.

Kementerian akan menyokong dan memastikan sistem latihan TVET untuk dinaikkan taraf bagi meningkatkan kemahiran pelajar aliran TVET pada masa hadapan. Pelbagai usaha telah dilakukan seperti mengemaskinikan silibus dan kokurikulum latihan pembangunan sumber pengajaran dan pembelajaran bagi menerapkan budaya penggunaan bahasa Inggeris dan pembelajaran kemahiran vokasional, pembangunan pengetahuan dan pemahaman dalam program teknikal dan vokasional. Selain itu latihan kemahiran pedagogi tenaga pengajar juga dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi kekosongan pekerja mahir, mulai Januari 2015, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) menjalankan latihan secara *double shift*, dengan izin, iaitu dengan meningkatkan pengambilan pelajar secara optimum dengan menggunakan kemudahan sedia ada. Ia melibatkan program latihan jangka panjang, program persijilan, profesional dan kursus jangka pendek bagi kursus-kursus yang mendapat permintaan dan keboleherjaan yang tinggi daripada pihak industri.

Disasarkan dengan adanya program *double shift* ini peningkatan keseluruhan keluaran tenaga mahir sebanyak 57%, 115,782 berbanding anggaran keluaran sedia ada berjumlah 203,411. Jumlah keluaran tenaga mahir keseluruhan dijangka sebanyak 319,183 orang peserta meliputi tahap tiga, empat dan lima dan juga persijilan profesional. Dari tahun 2015 sehingga 2020 dan seterusnya dapat menyumbang kepada pencapaian sasaran 75% orang pekerja mahir negara pada tahun 2020. Peruntukan sebanyak RM1 bilion yang akan diterima oleh Perbadanan Tabung Kemahiran ini akan diuruskan untuk diberikan pinjaman latihan kemahiran di bawah Program Peruntukan Dana PLK yang

berterusan kepada individu yang mengikuti kelas dan kemahiran penyedia latihan awam dan swasta yang ditauliahkan dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran yang berdaftar dengan PTPK. PTPK menganggarkan sebanyak 66,700 orang pelatih akan dapat dibiayai dan menerima manfaat sepanjang RMKe-11.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memenuhi keperluan NOSS, silibus JTM dilengkapi dengan modul bahasa Inggeris dan dijalankan bagi semester satu dan dua. Jawatankuasa ini telah membangunkan program intensif JTM, *English Proficiency Test* (KEPT), dengan izin, bagi meningkatkan kemampuan dan keyakinan pelajar ILJTM berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Program ini telah diguna pakai di seluruh institut latihan perindustrian dan kebanyakan pelajar dapat menerima baik program tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang dibangkitkan ialah standard kemahiran pekerjaan atau pun NOSS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How, membangkitkan isu standard kemahiran NOSS ke Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran telah menetapkan *key performance indicator* (KPI) atau piagam pelanggan bagi tempoh pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) iaitu enam bulan yang merangkumi sesi pembangunan, pengesahan, dan kelulusan Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan. Tempoh ini adalah sesuai dan diperlukan memandangkan sesi pembangunan NOSS melibatkan sesi percambahan fikiran atau pun *brainstorming* di kalangan pakar dan pengamal industri dalam menghasilkan satu standard yang menyeluruh. Kita tidak mahu mengambil masa yang singkat tetapi melahirkan kualiti yang tidak baik.

Sehingga Mei 2015, NOSS telah disediakan untuk 1,652 tajuk pekerjaan yang khusus meliputi sektor industri untuk menjadikan rujukan oleh penyedia latihan TVET. Penentuan bilangan dan jenis peralatan bagi setiap bidang NOSS mengikut keperluan pekerjaan di industri dan nisbah kumpulan pelajar 25 orang, untuk seorang tenaga pengajar adalah untuk memastikan bahawa latihan praktikal (*hands on*) dengan izin, diberikan kepada setiap pelatih.

Isu ketiga Tuan Yang di-Pertua, ialah pengiktirafan pencapaian terdahulu. Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How membangkitkan isu mengenai program perakuan dan pengiktirafan terhadap pengalaman teknikal dan pencapaian terdahulu. Menyedari hakikat bahawa terdapat pekerja yang berpengalaman namun tidak mempunyai kelulusan yang diiktiraf, Pembangunan Sumber Manusia (PSMB) telah memperkenalkan Skim Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) atau dalam bahasa Inggerisnya dikenali sebagai *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL) pada tahun 2009. Pada tahun 2014, *National Upskilling Committee* (NUC) telah ditubuhkan yang bertujuan untuk memastikan pembangunan pelaksanaan pemantauan dan penilaian terhadap skim ini lebih berkesan di peringkat nasional.

PSMB turut menyalirkan kolaborasi kepada bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk menawarkan skim ini kepada pekerja yang diliputi di bawah Akta PSMB 2001. Dalam pada masa yang sama PSMB juga sekarang dalam usaha untuk

memperbanyakkan dan memperluaskan lagi jalinan kolaborasi bersama badan persijilan yang lain bagi memastikan lebih ramai pekerja lahir dalam negara yang tidak mempunyai persijilan yang diakui untuk dapat menyertai skim ini. Usaha ini juga dapat lihat mempelbagaikan lagi pilihan untuk mendapatkan persijilan selain daripada sijil kemahiran Malaysia yang ditawarkan di bawah JPK.

Sejak penubuhan NUC pada tahun 2014 sehingga 25 Jun 2015, seramai 11,490 orang pelatih telah pun diluluskan di bawah inisiatif ini yang meliputi empat buah badan persijilan. JPK juga telah dan sedang melaksanakan persijilan SKM melalui kaedah pengiktirafan pencapaian terdahulu PPT kepada pekerja teknikal yang berpengalaman. Sehingga Mei 2015, jumlah 4,328 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) telah dianugerahkan kepada individu yang layak. Tuan Yang di-Pertua, isu yang keempat ialah gaji minimum.

**Datuk Yoo Wei How:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sikit? Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia. Saya masih ingat pada lebih kurang sepuluh tahun lalu semasa Tan Sri Dr. Fong Chan Onn sebagai Menteri Sumber Manusia, beliau pernah mengumumkan di surat khabar bahawa program PPT ini akan mempunyai satu link sama ada kerja atau pun *business* yang seseorang ingin melakukan. Contohnya kalau saya ingin membuka sebuah bengkel membaiki kereta, saya kena mempunyai sijil SKM. Sebelum saya dapat sijil SKM, saya tidak boleh buka sebuah bengkel kereta. Saya ingin tanya kepada kementerian adakah ini masih lagi sebagai satu polisi yang akan diimplementasikan pada masa akan datang. Terima kasih.

■1220

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sijil SKM ini kita beri, sebenarnya kita hendak memberikan pengiktirafan kepada penyelia-penyelia latihan ini. Oleh sebab itulah ramai banyak syarikat yang boleh melatih pekerja-pekerja ini tetapi mereka tidak mempunyai sijil. Jadi apabila pelatih-pelatih ini keluar, sudah tentulah ada pihak yang tidak boleh mengiktiraf mereka. Oleh sebab itulah kita pentingkan sijil ini sebagai tanda mereka diiktiraf. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua isu berikutnya ialah gaji minimum. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan dan Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani membangkitkan isu mengenai gaji minimum. Seperti dimaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum akan keprihatinan Yang Berhormat berkenaan perkara ini. Sekiranya kos pengajian pekerja tempatan lebih tinggi daripada kos pengajian pekerja asing majikan-majikan akan lebih berminat untuk menggaji pekerja asing. Implikasinya lebih ramai pekerja asing akan dibawa masuk dan peluang pekerjaan pekerja tempatan akan lebih terjejas.

Sehubungan dengan itu juga pendirian Majlis Perundingan Gaji Negara Tuan Yang di-Pertua dalam menghasilkan dasar gaji minimum yang seragam tanpa membezakan warga seseorang. Oleh sebab itulah kita tidak boleh membezakan, tidak ada diskriminasi pembayaran gaji kepada pekerja tempatan atau pekerja asing. Ini kerana akan melanggar peraturan Konvensyen ILO, No.100, dalam tajuk

*“Equal Romanization”*. Maknanya gaji mesti sama tidak boleh kita bezakan yang telah diratifikasikan oleh Malaysia. Kita telah iktiraf konvensyen ini pada tahun 1997. Malah dalam seksyen 61, Akta Kerja 1955, seksyen 11, 118B Ordinan Buruh Sabah dan 119B Ordinan Buruh Sarawak. Secara jelas menyatakan bahawa sebarang bentuk diskriminasi antara pekerja tempatan dan pekerja asing adalah tidak dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, isu kelima ialah gaji pekerja asing. Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam mencadangkan gaji pekerja tempatan hendaklah lebih tinggi daripada gaji pekerja luar negara. Sebenarnya isu ini telah pun saya sebut sebentar tadi. Walau bagaimanapun berhubung dengan cadangan pemberian duit tambahan seperti elaun keluarga, elaun rumah, elaun sosial, elaun kos sara hidup bagi pekerja sektor swasta ia satu alternatif yang baik bagi membantu meringankan beban pekerja tempatan susulan peningkatan kos sara hidup. Ia adalah tertakluk kepada budi bicara majikan masing-masing. Kerajaan tidak mempunyai kuasa daripada segi undang-undang untuk mewajibkan majikan membayar elaun tersebut kepada pekerja rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum akan keprihatinan Yang Berhormat berhubung dengan dalam memastikan hak pekerja tempatan sentiasa dipelihara susulan peningkatan kos sara hidup. Untuk makluman Dewan yang mulia dalam memastikan kadar gaji minimum sesuai peningkatan kos sara hidup, berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 25 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, kajian semula terhadap perintah gaji minimum mesti dibuat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh setiap dua tahun. Proses kajian semula ini antara lain juga mengambil kira kos sara hidup yang ditanggung oleh pekerja. Pihak Majlis Perunding telah pun membuat semakan dalam perkara ini kita akan serahkan kepada kerajaan untuk menentukannya kemudian.

Di samping itu juga gaji minimum bukanlah satu-satunya dasar bagi membantu meringankan beban hidup rakyat. Sebelum itu kerajaan turut memperkenalkan beberapa insentif bagi meringankan beban yang ditanggung rakyat. Antara insentif-insentif tersebut yang telah pun diperkenalkan oleh negara, oleh kerajaan, oleh Perdana Menteri, antaranya ialah pemberian BR1M, Bantuan Awal Persekolahan, Skim Amanah Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia. Saya Tuan Yang di-Pertua tidak hendak menghuraikan lebih panjang tentang perkara ini kerana kita maklum.

Perumahan Rakyat 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Program 1Azam, COOP1Malaysia, Pakej Komunikasi Belia turut diperkenalkan bagi membantu golongan belia antara 21 tahun hingga 30 tahun yang berpendapatan RM3,000 ke bawah, mendapatkan khidmat jalur lebar dan alat komunikasi melalui sistem rebet sebanyak RM200 dan kerajaan juga turut memperkenalkan Skim Prihatin Pendidikan 1Malaysia di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua isu ketujuh mengurangkan pekerja asing. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff dan Yang Berhormat Senator Tuan Wilfred Yong Chen Leong membangkitkan usaha pengambilan dan pengurangan pekerja asing. Pihak kerajaan komited dalam usaha bagi meningkatkan penyertaan pekerja tempatan dalam pekerjaan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja buruh asing.

Terdapat empat langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani isu ini dan meningkatkan lagi minat dan penglibatan rakyat tempatan untuk memenuhi pasaran pekerjaan negara. Pertama menambah baik perlindungan serta faedah pekerjaan yang diberikan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Kedua, menetapkan gaji minimum di bawah Perintah Gaji Minimum bagi menarik lebih ramai warga tempatan seperti golongan *latent workforce* tenaga kerja yang terpendam untuk bekerja umpamanya ramai golongan wanita kita yang cukup berpendidikan tinggi tetapi mereka lebih melihat bahawa keluarga mungkin lebih penting, mereka tidak bekerja. Sedangkan di belakang mereka mempunyai nilai komersial ataupun kerja yang cukup baik untuk negara. Oleh sebab itulah kita berikan perhatian kepada *latent workforce* yang seperti ini untuk kita kembalikan mereka bekerja.

Ketiga, memperkenalkan peraturan kerja separuh masa. Peraturan ini merujukkan *flexibility* dalam pasaran buruh terutama waktu kerja yang mesra pekerja. Keempat, penepatan had umur persaraan di bawah Akta Umur Persaraan 2012, Akta 753 bagi memastikan pekerja-pekerja tempatan kekal dalam sektor ekonomi dalam jangka masa yang lebih lama. Memperkasa dan mempelbagaikan program-program *JobsMalaysia*.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai program telah disusun oleh kerajaan, oleh kementerian kita. Program Penempatan Pekerjaan (3P) melalui 10 aktiviti yang kita laksanakan. Mewujudkan Pusat *JobsMalaysia*, *JobsMalaysia Centre* dan *JobsMalaysia Point*. Sehingga kini hari ini sebanyak 18 JMC dan 99 JMP telah diwujudkan di seluruh negara bagi membantu pencari-pencari kerja berdaftar dan menjodohkan diri mereka dengan pekerja yang layak melalui portal *JobsMalaysia*. Klinik Kerjaya membantu dalam penyediaan resume serta persediaan menghadapi temu duga.

Menetapkan permohonan pekerja asing dan mengutamakan pekerja tempatan. Majikan yang ingin mengambil pekerja-pekerja asing dalam sektor-sektor tertentu diwajibkan untuk berurusan mengambil pekerja tempatan, berusaha mengambil pekerja tempatan terlebih dahulu. Majikan ini disiasat dengan teliti berhubung kelayakan untuk menggaji pekerja asing. Jika tiada pekerja tempatan yang mahu bekerja dan memenuhi kriteria, maka barulah surat perakuan *JobsMalaysia JCS* dikeluarkan bagi menyokong permohonan mereka ke Jawatankuasa Pusat Kelulusan Setempat, Kementerian Dalam Negeri.

Berikutnya ialah pertukaran daripada *Labor Intensive* kepada *Non Labor Intensive*, dengan izin. Majikan digalakkan untuk mengoptimumkan produktiviti melalui penggunaan mesin automasi, kaedah pasang siap, kaedah layan diri dan lain-lain kaedah yang bersesuaian bagi memaksimumkan pengeluaran produk dan perkhidmatan dan akhirnya akan mengeluarkan pergantungan kepada pekerja asing.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia mengikut undang-undang imigresen negara ini tempoh pengajian pekerja asing adalah ditetapkan kepada 10 tahun, lima tahun *plus* lima tahun dan mereka tidak dibenarkan bekerja di barisan hadapan. Kementerian ini telah mengeluarkan

buku panduan berhubung dasar prosedur dan syarat-syarat penggajian pekerja asing di Malaysia bagi rujukan semua pihak yang mahu mengambil pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketujuh pengangguran belia. Senator Tuan Koh Chin Han membangkitkan isu pengangguran belia. Program *1Malaysia Skills Training and Enhancement for the Rakyat (1Master)*, dengan izin, program yang diilhamkan dari Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Program ini telah bermula sejak Ogos 2014 dan diteruskan lagi pada tahun 2015. Objektif Program 1Master adalah bagi meningkatkan kemahiran pekerja sedia ada, memberi peluang kepada industri terlibat secara langsung dalam latihan kemahiran dan merapatkan *skill mix-match*, dengan izin, dan membangunkan tenaga mahir negara kepada 30% yang disasarkan oleh kerajaan.

#### ■1230

Pada tahun 2014, Program 1MASTER Dual SLDN telah diadakan secara projek rintis di Wilayah Pembangunan Iskandar, Johor. Pejabat JPK Wilayah Selatan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan dengan bantuan dari IRDA dan ibu pejabat JPK. Di bawah RMKe-11, Program 1MASTER Dual SLDN akan diperluaskan ke Wilayah Koridor Utara (NCER), Koridor Perbaharuan Tenaga Sarawak (SCORE), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), *Sipitang Oil and Gas Industrial Park* (SOGIP) dan juga Pengerang.

Tuan Yang di-Pertua, bermula tahun 2014, seramai 2,355 orang peserta telah menyertai Program 1MASTER ini iaitu melebihi sasaran seramai 2,000 orang peserta. Bagi tahun 2015 pula, sasaran yang ditetapkan adalah seramai 50,000 orang peserta di mana sehingga Jun 2015, seramai 26,625 orang peserta telah menyertai Program 1MASTER ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu berikutnya ialah peluang pekerjaan. Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Sheikh Ismail membangkitkan isu mengenai peluang pekerjaan. Kementerian Sumber Manusia sedar berlaku masalah di mana bakal mahasiswa universiti tidak tahu peluang-peluang pekerjaan dan laluan kerjaya selepas menamatkan pengajian. Oleh yang demikian, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa menjalankan program kaunseling kerjaya sama ada di sekolah atau institut pengajian tinggi (IPT) bagi memberi dan meningkatkan kesedaran tentang keperluan-keperluan dalam pasaran kerja pada masa-masa akan datang.

Di samping itu, Jabatan Tenaga Kerja sentiasa menjalankan kerjasama dengan pihak IPT dalam melaksanakan Program *Finishing School*, dengan izin, yang merupakan satu program untuk memberi pendedahan dan persiapan awal kepada bakal graduan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan sebenar. Antara kandungan program ini termasuklah *personal grooming, English proficiency, softskill, resume writing, interview skill*, dengan izin, dan sebagainya. Program ini dilaksanakan kepada pelajar-pelajar tahun semester akhir IPT.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Kementerian Sumber Manusia komited untuk membantu lepasan universiti mendapat pekerjaan. Kementerian telah mewujudkan Pusat *JobsMalaysia* yang berperanan penting membantu rakyat negara ini termasuk lepasan-lepasan universiti untuk mendapatkan

pekerjaan di samping yang bersesuaian dengan kelayakan dan kemahiran melalui proses padanan pekerjaan, *job matching*.

Tuan Yang di-Pertua, program-program ini kita lakukan sepanjang masa termasuk di kawasan-kawasan Parlimen dan di negeri-negeri di negara kita ini. Proses padanan pekerjaan ini dilakukan melalui program-program penempatan pekerjaan 3P yang telah dirancang. Hasilnya, dari Januari sehingga 5 Jun 2015, seramai 193,043 daripada 324,723 orang mencari kerja siswazah dan seramai 20,468 bersamaan dengan 6.3% daripada jumlah siswazah ini telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan melalui program yang kita jalankan ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu berikutnya- tidak banyak lagi Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Pekerjaan untuk OKU. Yang Berhormat Senator Puan Shahanim Mohd. Yusoff telah membangkitkan isu mendapatkan pekerja untuk OKU. Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Wanita juga telah menyentuh tentang perkara yang sama.

Untuk pengetahuan Dewan, pihak kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan beberapa program bagi membantu golongan orang kurang upaya mendapat pekerjaan seperti mana yang dilakukan bersama dengan Kementerian Wanita iaitu seperti berikut.

Pertama, mendaftar pencari pekerja OKU untuk ditempatkan di dalam bidang pekerjaan.

Kedua, penganjuran program penempatan pekerjaan khas kepada OKU, melaksanakan temu duga terbuka dengan OKU yang hadir dan mencari pekerjaan.

Ketiga, menganjurkan seminar sokongan pekerjaan untuk OKU bagi pendedahan kepada para majikan berkaitan kelebihan menggajikan OKU.

Keempat, kursus sokongan pekerjaan kepada majikan sektor swasta bagi memberi pendedahan berkenaan tindakan yang perlu dimainkan sekiranya menggajikan OKU sebagai pekerja.

Kelima, lawatan promosi ke tempat-tempat pekerjaan menggalakkan majikan menggaji OKU. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau OKU boleh bekerja, kenapa kita kadang-kadang mengatakan bahawa orang tempatan tidak boleh kerja dan kita memberi ruang orang asing untuk bekerja lebih ramai di negara kita.

Keenam, menawarkan skim bantuan galakan perniagaan untuk orang kurang upaya.

Ketujuh, melalui Skim Bantuan Latihan (SBL) di bawah Perbadanan Sumber Manusia Berhad, Kementerian Sumber Manusia juga menawarkan kepada mereka bantuan kewangan ke atas yuran yang dibelanjakan bagi mendapat khidmat sokongan *job coach*, dengan izin, untuk membantu pekerja OKU di tempat pekerjaan. Yang menarik Tuan Yang di-Pertua, ramai daripada usahawan OKU kita, kita minta mereka juga mengambil pekerja yang terdiri daripada OKU. Itulah kelebihan mereka.

Yang berikutnya ialah para majikan juga layak kepada geran latihan di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Akta 612 bagi yuran dibelanjakan dalam perancangan mereka dalam program-program ataupun kursus *job coach* yang diluluskan oleh perbadanan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari hingga Disember 2014, Jabatan Tenaga Kerja telah berjaya membuat sebanyak 112 buah penempatan pekerjaan kepada pencari-pencari kerja golongan

OKU ini. Sebanyak 76 OKU daripada *JobsMalaysia* dan selebihnya iaitu seramai 36 OKU daripada SBGP, bantuan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kesepuluh, ke-dua akhir, ialah pemberhentian kerja. Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian Abdullah membangkitkan isu pemberhentian kerja beramai-ramai oleh MAS, CIMB, British American Tobacco dan juga yang lain-lain.

Bagi membantu 6,000 orang pekerja MAS yang diberhentikan, beberapa tindakan telah diambil melalui tindakan Khazanah Nasional Berhad dan juga Kementerian Sumber Manusia. Khazanah Nasional Berhad telah menubuhkan Pusat Pembangunan Korporat ataupun CDC yang dimiliki oleh Khazanah Nasional Berhad khusus bagi membantu mereka yang diberhentikan ini untuk dilatih semula *re-skilling*, dengan izin, dan juga untuk meningkatkan kemahiran, *up-skilling*. Pusat ini telah mula beroperasi pada 1 Jun 2015.

Operasi CDC ini yang berpusat di Akademik MAS Kelana Jaya mempunyai cawangan-cawangan seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, Menteri kita akan melawat pusat ini untuk memastikan bahawa kita tidak akan membiarkan nasib pekerja-pekerja MAS supaya mereka mendapat peralihan yang cukup baik untuk masa depan mereka. Pekerja yang terlibat dalam pemulihan ini boleh mendaftar diri dengan CDC.

Di pihak Kementerian Sumber Manusia pula, satu Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Isu-isu Perburuhan MAS yang mefokuskan kepada tiga bidang utama iaitu membantu mereka mendapatkan pekerjaan baru, latihan semula atau *re-training*, dengan izin, termasuk meningkatkan kemahiran, *up-skilling*, dan membantu untuk mereka menceburi bidang yang sesuai. Kita juga mempunyai jawatankuasa khas, Tuan Yang di-Pertua bagi membantu mereka ini. Jawatankuasa ini, *inshaa-Allah*, akan memberikan bantuan sokongan kepada kerajaan dan pihak Khazanah bagi kita menyelesaikan isu pekerja MAS ini.

Mengikut rekod Jabatan, seramai 12 orang pekerja Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd. (TIM) yang merupakan anak syarikat *British American Tobacco* (BAT) yang ditamatkan perkhidmatan pada 31 Mac 2015 telah memfailkan representasi pemulihan kerja di jabatan ini pada 21 April 2015 di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan. Kes ini sedang dalam kendalian jabatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini ingin menegaskan bahawa setiap pekerja yang diberhentikan pekerjaan akan dibela untuk mendapat pampasan ataupun bayaran-bayaran lain mengikut undang-undang, peraturan dan perjanjian sedia ada bagi memastikan nasib mereka terbela. Pekerja-pekerja ini juga akan dibantu untuk mendapatkan pekerjaan baru yang bersesuaian dengan kelayakan dan kemahiran yang ada di syarikat-syarikat lain melalui perkhidmatan pekerjaan dari *JobsMalaysia*.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, perlindungan kepada pekerja yang diberhentikan diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] serta Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [*Akta 177*]. Bagi perlindungan pekerja yang tidak dilindungi oleh Akta 265 dan Akta 177, pampasan yang layak diterima apabila berlaku pemberhentian kerja adalah berdasarkan persetujuan antara pihak pekerja dan majikan melalui perjanjian bersama ataupun *collective agreement* atau kontrak perkhidmatan.

## ■1240

Kerajaan telah melihat kepada kes-kes pemberhentian yang berlaku dan mengambil inisiatif untuk mencadangkan penggunaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang akan menyediakan bantuan kewangan sementara apabila berlaku kehilangan pekerjaan di samping bantuan carian dan pepadanan kerja bagi membantu pekerja mendapat pekerjaan baru dan secepat mungkin. Selain daripada SIP, Sistem Insurans Pekerjaan ini yang dicadangkan juga akan menyediakan latihan bagi meningkatkan kebolehan kajian pekerja yang hilang pekerjaan dan Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir ialah *displace estet workers* atau pekerja estet yang diberhentikan ataupun hilang pekerjaan. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh telah membangkitkan isu *displace estet workers* ini untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah merangka dan melaksanakan pelbagai program untuk membantu rakyat negara ini mencapai pekerjaan, mencari pekerjaan termasuklah pekerja-pekerja estet yang kehilangan pekerjaan.

Hilang kerja mereka, kadang-kadang estet dijual, ditutup dan sebagainya dan mahu tidak mahu mereka juga mesti bekerja dan kita perlu bela mereka ini. Pekerja-pekerja estet ini Tuan Yang di-Pertua akan dibantu dalam pencarian kerja yang bersesuaian melalui portal *JobsMalaysia* berserta dengan tip-tip yang berkenaan. Mereka juga akan dibantu dalam mempersiapkan diri untuk menghadiri temu duga termasuklah penyediaan resume. Selain daripada itu, Kementerian Sumber Manusia melalui aktiviti Karnival Pekerjaan di bawah Program Penempatan Pekerjaan (3P) turut mengadakan Klinik Kerjaya bagi tujuan membantu sesiapa sahaja yang bermasalah dalam pencarian kerja.

Klinik ini diluluskan oleh pegawai berpengalaman. Yang penting ialah bagaimana kita boleh membantu semua pekerja termasuk yang pekerja-pekerja kita termasuk yang tertindas bagi memastikan masa depan dan kehidupan mereka dapat kita bela. Tuan Yang di-Pertua, itu sajalah penggulangan saya. Akhir kata bagi pihak kementerian, bagi pihak Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Sumber Manusia, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan Kementerian Sumber Manusia semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Moga Rancangan Malaysia Kesebelas ini memberikan manfaat dan faedah kepada seluruh rakyat di negara kita ini terutamanya di kalangan pekerja-pekerja kini ke arah sasaran negara maju berpendapatan tinggi tahun 2020. Seandainya ada isu-isu yang tidak terjawab, Yang Berhormat bolehlah berhubung dengan saya atau pegawai kementerian bagi kita memberikan penjelasan yang selanjut. Tuan Yang di-Pertua terima kasih banyak. Saya minta maaf. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**12.42 tgh.**

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk bertukar dengan Kementerian Sumber Manusia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kerana pagi tadi mempunyai mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada masalah Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan dan memberikan pandangan serta cadangan kepada pihak kementerian bagaimana untuk memperkasakan industri pertanian dan industri asas tani di negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat telah membangkitkan isu pencapaian Rancangan Malaysia Kesepuluh dalam sektor pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, pencapaian sektor pertanian adalah pada kadar 2.4% setahun dengan anggaran nilai ditambah berjumlah RM455 bilion.

Sepanjang tempoh ini, sektor agro makanan telah menunjukkan pertumbuhan yang baik pada kadar 6.4% setahun. Setiap tahun dapat dilihat peningkatan dalam sumbangan sektor agro makanan kepada KDNK pertanian. Pada tahun 2011, sumbangan sektor agro makanan kepada KDNK pertanian sebanyak 32% dan terus meningkat kepada 34% pada tahun 2012, 35.6% pada tahun 2013, 37% pada tahun 2014 dan dijangka mencapai 38.8% pada tahun 2015. Pihak kementerian akan terus mempergiatkan usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara melalui yang pertamanya kerjasama yang berterusan dengan kerajaan negeri bagi melaksanakan projek pertanian berimpak besar seperti pelaksanaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan *Entry Point Project* di bawah NKEA pertanian.

Yang keduanya membangunkan empat Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) iaitu Pekan, seluas 7,211 hektar, Rompin, 5,094 hektar, Batang Lupar 5,100 hektar dan Kota Belud 8,500 hektar sebagai jelapang padi negara yang baru. Dengan pembukaan empat IADA baru seluas 25,905 hektar ini, pengeluaran padi negara dijangka dapat ditingkatkan dan import akan dapat dikurangkan. Yang ketiga mempergiatkan pembangunan tanah terbiar yang ketika ini dianggarkan sejumlah 100,000 hektar untuk dibangunkan dengan aktiviti pertanian seperti tanaman buah-buahan dan padi. Seterusnya mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang fokus kepada peningkatan produktiviti dan pengeluaran hasil secara mampan.

Antara bidang fokus R&D meliputi pembangunan *variety* dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi. Sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan

sumber dan teknologi hijau. Antara penemuan terbaru R&D dalam pembangunan teknologi padi Aero iaitu teknologi baru tanaman padi tanpa memerlukan air bertakung. Yang kelimanya adalah menggalakkan penggunaan mekanisasi dan automasi bagi meningkatkan pengeluaran hasil dan produktiviti makanan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat juga telah bertanyakan bilakah Malaysia dapat berdikari daripada mengimport beras. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah mensasarkan peningkatan SSL ataupun Tahap Sara Diri beras iaitu makanan ruji negara kepada 100% menjelang tahun 2020. Pada tahun 2014, sejumlah 863,358 metrik tan beras diimport bagi menampung keperluan di dalam negara. Untuk mencapai SSL ini, beberapa langkah telah diambil seperti menubuhkan empat buah kawasan baru, jelapang padi baru seperti yang saya sebutkan tadi menggunakan *variety* padi berkualiti dan rintang kepada penyakit, mempertingkatkan sistem infrastruktur pengeluaran dan saliran, menggalakkan Amalan Pertanian Baik ataupun *Good Agriculture Practice* (GAP), meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi, pengurusan secara berpusat di bawah NKEA dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh saya umumkan sikit ya. Sekejap sahaja. Ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan ini saya ucap tahniah. Saya juga, Yang Berhormat juga telah berucap, berbahas semasa RMKe-11 dan banyak perkara telah dibangkitkan. Masa Yang Berhormat Menteri, saya harap semua berada dalam Dewan. Kalau tidak, tidak ada makna Yang Berhormat bawa, bangkitkan lepas itu tidak tahu apa keputusannya dan saya ingin menarik perhatian, ada saya dapati beberapa orang tidak bagi tahu ke mana dia pergi dan saya ambil perhatian dalam isu ini. Satunya saya hendak semua Ahli Dewan Negara kalau sekiranya ada masalah ataupun hendak pergi ke mana-mana bagi tahu saya. Kalau tidak mesti berada dalam Dewan. Ada beberapa orang saya hendak ambil perhatian, contohnya saya minta Yang Berhormat Datuk S. Vigneswaran dan juga Yang Berhormat Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam. Saya nampak lama dia tidak ada di Dewan ini. Saya hendak mereka ini beritahu saya. Sekian, teruskan Yang Berhormat.

■1250

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, Yang Berhormat beri jawapan. Saya hendak tarik perhatian Yang Berhormat ini kerana bangkit perkara itu, duduk dalam Dewan. Kalau semua orang boleh duduk di dalam, kenapa tidak boleh tunggu sama. Ini soal kebertanggungjawaban semua pihak. Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh mencelah sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri yang telah memberikan jawapan yang sangat baik tadi, berhubung dengan beras dan pemakanan kita yang akan dapat

menampung pada tahun 2020 nanti. Saya ucapkan syabas atas usaha yang telah dijalankan. Cuma sekarang ini saya melihat sebahagian daripada atau sedikit daripada tanah bendang kita ini, di sesetengah negeri telah dijadikan perumahan. Jadi, apa langkah yang telah atau sedang dilakukan oleh pihak kementerian supaya dapat membendung tanah sawah ini dijadikan tempat perumahan yang kelak mungkin menjejaskan usaha kementerian untuk mencukupkan keperluan beras dan makanan utama kepada kita, satu.

Kedua, saya rasa dengan rancangan ini, mungkin pada masa depan kita tidak perlu lagi membawa atau mengimport beras daripada negara jiran. Walaupun bawa, boleh dikenakan cukai yang tinggi dan boleh jadi *income* kepada pendapatan negara nanti. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul, saya setuju yang banyak kawasan sawah padi telah pun *diconvert*, dengan izin, menjadi kawasan perumahan, kawasan komersial dan sebagainya. Isu ini kita sentiasa berbincang dengan pihak kerajaan negeri kerana isu untuk meluluskan *conversion*, dengan izin Yang Berhormat, kawasan sawah padi kepada kawasan projek perumahan dan komersial itu adalah di bawah kuasa kerajaan negeri terutamanya pihak berkuasa tempatan dan sebagainya. Jadi kita sentiasa memberikan ingatan kepada kerajaan negeri terutamanya, supaya berhati-hati daripada segi membuat *conversion* ini kerana ia melibatkan masa depan *food security* dan sebagainya.

Akan tetapi seperti yang saya maklumkan, bahawa pembangunan memang tidak dapat dielakkan. Jadi untuk mengimbangi pembangunan tersebut, maka kita memperkenalkan perkara-perkara baru seperti menyediakan benih-benih baru, *variety* baru dan sebagainya supaya kekurangan tanah itu dapat ditampung dengan pengeluaran yang lebih tinggi hasilnya dengan pengenalan benih-benih baru dan sebagainya. Memang saya setuju bahawa tidak lagi, kita perlu berdikari daripada segi beras ini. Jadi sebab itulah sasaran kementerian pada hari ini, kita masih lagi mengimport sebanyak 30% iaitu SSL kita 70% setakat ini. Menjelang 2020 kita jangka dengan pembukaan empat jelapang dan sebagainya, SSL kita 100% dan kita tidak perlu lagi mengimport beras daripada negara jiran.

Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam telah membangkitkan beberapa isu berkaitan sektor agro makanan. Pertama ialah cadangan supaya diletakkan seorang pegawai tetap di Taman Kekal Pengeluaran Makanan ataupun TKPM di setiap negeri. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, setiap projek TKPM telah diletakkan pegawai tetap dan telah ada pasukan teknikal yang menjalankan lawatan pemantauan teknikal.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam juga memohon agar universiti pertanian ditubuhkan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sukacita saya ingin memaklumkan bahawa kementerian melalui kerjasama antara agensi iaitu MARDI dan NAFAS serta MARA akan menubuhkan sebuah universiti yang berorientasikan pertanian yang dinamakan sebagai Universiti Agro Industri. Universiti ini masih dalam peringkat pembangunan, namun pengambilan pelajar akan dimulakan mulai bulan September 2015 ini dengan menggunakan kampus MARDI sebagai kampus sementara di Serdang.

Fokus utama universiti ini ialah untuk melahirkan graduan-graduan tani yang berjiwa keusahawanan bagi bidang pertanian. Antara objektif utamanya ialah untuk melahirkan usahawan tani yang mampu membekalkan hasil pertanian dalam negara, graduan ini juga mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia sama ada dalam bidang pengeluaran produk pertanian sehinggalah ke bidang pemasaran. Sebenarnya ia lebih kepada praktikal, vokasional dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali juga mencadangkan supaya penanam padi, sayur dan penternak lembu juga mendapat insentif RM200 sebulan seperti nelayan. Buat masa ini, kita tidak bercadang untuk memberikan insentif RM200. Sebenarnya sekarang ini RM300, bukan RM200 kepada nelayan ini. Kita tidak bercadang untuk memberikan insentif RM300 sebulan atau elaun sara hidup RM300 sebulan kepada subsektor lain seperti padi, sayur, ternakan lembu dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, walaupun tiada elaun sara hidup RM300 sebulan tetapi di semua sektor yang disebutkan tadi, pihak kerajaan memang telah pun memberikan insentif-insentifnya. Misalnya untuk padi, ada tujuh insentif bagi penanam-penanam padi ini yang melibatkan jumlah keseluruhannya sebanyak RM2.2 bilion. Jadi, insentif untuk penanam padi sebenarnya paling besar iaitu RM2.2 bilion yang melibatkan tujuh insentif. Antaranya misalnya, insentif benih padi sah, skim baja dan sebagainya.

Begitu juga dengan sayur-sayuran atau tumbuhan lain. Beberapa insentif telah diberikan. Misalnya untuk sayur, Projek Pakej Amalan Teknologi Sayur-sayuran dan Tanaman Kontan, insentif sebanyak RM10,000 sehektar secara *one-off*. Projek Fertigasi Rakyat sebanyak RM30,000 secara *one-off*. Projek bantuan bagi peningkatan pengeluaran sayur-sayur, skop insentif ini ialah sebanyak RM6,000 sehektar secara *one-off*. Itu contoh insentif-insentif yang diberi kepada penanam sayur.

Untuk ternakan, setakat ini memang benar tiada insentif yang diberikan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian sedang cuba mendapatkan insentif, mendapatkan bajet untuk memberikan insentif kepada penternak-penternak. Misalnya, kita bercadang untuk memberikan makanan haiwan kepada penternak-penternak ini.

Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat telah menyarankan agar kementerian bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk promosi buah-buahan atau herba di hospital. Saya menyambut baik cadangan ini dan walaupun pada hari ini kalau kita lihat sajian-sajian makanan di hospital telah pun ada buah-buahan tempatan, tetapi secara spesifik untuk promosi bersama itu masih belum ada. *Insyallah* kita akan lakukan promosi ini bersama dengan pihak Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid telah mengutarakan isu jaminan peningkatan pendapatan nelayan menjelang tahun 2020 di bawah RMKe-11. Pihak kementerian telah pun mengadakan pelbagai program dan bantuan untuk memastikan pendapatan nelayan dapat kita tingkatkan.

**■1300**

Antaranya ialah Program Jihad Memerangi Orang Tengah, yang mana nelayan yang biasanya di manipulasi oleh orang tengah ini, selepas ini kita cuba memastikan bahawa tiada lagi manipulasi daripada orang tengah daripada segi jualan hasil tangkapan mereka dan sebagainya.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Kedua, kita mewujudkan pasar-pasar nelayan supaya nelayan-nelayan yang mendapat tangkapan ini dapat menjual sendiri ikan mereka di pasar nelayan yang kita wujudkan. Setakat hari ini terdapat 94 buah pasar nelayan telah pun dibina di kawasan-kawasan pendaratan ikan. Jadi mereka tak perlu menjual kepada pihak orang lain, pihak ketiga dan sebagainya. Mereka melalui mereka sendiri ataupun melalui isteri atau pun saudara dan sebagainya boleh menjual hasil tangkapan mereka di setiap kawasan pasar nelayan tersebut. Kita juga menyediakan Agrobazaar Rakyat 1Malaysia yang mana tangkapan ini juga dapat dijual secara langsung melalui Agrobazaar Rakyat 1Malaysia yang diwujudkan.

Pihak kementerian juga telah pun ketika ini di bawah Program Jihad Memerangi Orang Tengah memberikan peranan kepada pihak persatuan-persatuan nelayan untuk membeli ikan secara terus daripada nelayan-nelayan ini, supaya mereka mendapat hasil belian yang lebih baik berbanding dengan hasil jika mereka menjual kepada pihak ketiga dan sebagainya.

Begitu juga dengan pasar-pasar tani, mereka juga diberi peluang untuk menjalankan perniagaan di pasar tani dan juga memasarkan produk mereka di pasar tani. Ini kerana mulai daripada 1 Jun baru-baru ini, kita telah pun mengeluarkan arahan supaya peniaga-peniaga di pasar tani tidak lagi boleh membeli produk daripada pihak ketiga tetapi mesti beli secara terus dari ladang, daripada nelayan dan sebagainya.

Ketiganya adalah untuk mengurangkan kos operasi. Pihak kerajaan meneruskan skim subsidi minyak kepada nelayan ini.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah mencadangkan agar subsidi padi dikaji semula. Sebenarnya kita ada seperti yang saya sebut tadi, sebanyak RM2.2 bilion kita peruntukkan untuk memberikan subsidi padi kepada pesawah-pesawah. Seperti yang saya sebut tadi, ada tujuh sebenarnya insentif di bawah subsidi padi ini iaitu insentif benih padi sah, skim baja padi, insentif pengeluaran padi, skim harga padi, skim untuk ST15 dan insentif harga dan sebagainya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, salah satu insentif itu telah pun kita cadangkan untuk kita tiadakan iaitu insentif harga dan insentif pengeluaran hasil. Insentif pengeluaran hasil telah pun kita cadangkan untuk kita tiadakan mulai tahun ini. Jadi kita akan sentiasa membuat *review* tentang subsidi-subsidi ini.

Sebagai contohnya, ST15 misalnya daripada segi insentif. Di bawah ST15 juga kita sentiasa membuat kajian bagaimana kita cuba pastikan supaya beras tersebut dapat diperolehi oleh golongan sasaran yang memerlukan. Sebagai contohnya, kalau dahulu beras ST15 dijual secara terbuka di

*hypermarket*, di *supermarket* dan sebagainya dan tentu sahaja pihak yang tidak layak juga dapat membelinya, pihak komersial juga boleh membelinya. Pada hari ini untuk memastikan produk tersebut sampai ke sasaran, kita telah pun menghadkan iaitu beras tersebut hanya boleh dijual di kedai-kedai kampung, di kedai-kedai runcit di FELDA, di kedai-kedai runcit di kawasan perumahan kos rendah, flat dan sebagainya. Ini supaya beras itu tidak dijual dan dibeli oleh pihak komersial untuk mengambil kesempatan dengan harga yang murah untuk beras ST15 yang harga murah tersebut.

Walau bagaimanapun, kita memang sentiasa mengadakan kajian. Untuk subsidi dan sebagainya, dua kajian sedang dijalankan iaitu...

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya mencelah?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya habiskan dulu ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya habiskan dulu. Dua kajian sedang dijalankan untuk menjawab daripada segi kajian semula tadi. Dua kajian sedang dijalankan iaitu kajian penilaian semula dan perluasan skim subsidi harga padi dan harga minimum terjamin serta kajian penilaian keberkesanan skim insentif pengeluaran padi. Memang kita sedang menjalankan kajian.

Penilaian keberkesanan skim insentif pengeluaran padi dan dasar jaminan bekalan makanan terhadap industri padi negara. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji impak keberkesanan pelaksanaan pemberian subsidi kerajaan yang melibatkan pemberian input pertanian seperti baja tambahan di bawah program SIPP dan pemberian subsidi secara tunai di bawah SSHP kepada petani secara khususnya dan kepada industri padi dan beras negara secara amnya. Jadi kita memang sudah membuat kajian impak dan sebagainya Yang Berhormat, cuma daripada segi kajian tersebut kita masih lagi sedang menunggu untuk disiapkan. Jadi selepas disiapkan nanti, kita akan dapat tahu apa sebenarnya impak dan juga cadangan baru, cadangan baru yang akan dikemukakan.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana pada pandangan saya Yang Berhormat Menteri cukup berani, bahkan cukup komited di dalam menjalankan tugas untuk memperbaiki kedudukan petani-petani kita terutamanya di luar bandar. Saya ingin mendapat pandangan sedikit daripada segi orang tengah ini.

Saya perhatikan hingga ke hari ini masalah orang tengah masih berleluasa. Walaupun saya bersetuju pihak Yang Berhormat Menteri telah pun mengambil tindakan-tindakan yang agak drastik untuk membanteras masalah orang tengah. Dalam kes subsidi pun sama. Saya perhatikan subsidi yang pihak kerajaan berikan kepada petani-petani kita, saya perhatikan yang mendapat nikmatnya juga adalah orang tengah. Jadi ini juga satu masalah yang patut kita ambil kira dan saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri terus meneruskan perjuangan untuk membanteras masalah orang tengah ini. Itu soalan yang pertama. Soalan yang kedua, kita melihat di negara kita ini banyak hasil komoditi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat ini soalan baru ke ada kaitan dengan soalan asal Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ada, ada kaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada kaitan ya? Kalau baru tak payah dibangkitkan ya, Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau dia soalan baru, tak ada kaitan dengan soalan asal, tak payah dibangkitkan Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Okey, cuma yang saya hendak tanya soalan. Saya bimbang daripada segi kita hendak memperkukuhkan lagi RMKe-11, salah satu cara yang saya cadangkan itu hari untuk memperbanyakkan bandar-bandar satelit, di mana walaupun telah ada, tetapi kalau kita dapat memperbanyakkan bandar-bandar satelit yang berteraskan komoditi-komoditi hasil tani ini. Ketiganya saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, betulkah beras plastik ini berada di Malaysia? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, kalau ini soalan baru tak payah di...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okeylah, okey, saya jawab yang plastiklah sebab itu *very crucial* kalau perkara itu berlaku. Tentang beras plastik ini, ia bukan di bawah kawalan kementerian, walaupun kita merupakan pengimport beras tetapi penipuan dan sebagainya terletak di bawah kementerian lain daripada segi kawalannya. Itu di bawah Akta Perihal Dagangan, di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, di bawah KPDNKK. Jadi kalau ada kes-kes yang melibatkan penipuan, barang tiruan dan sebagainya, walaupun termasuk bahan makanan, ia di bawah kementerian KPDNKK.

#### ■1310

Walau bagaimanapun, untuk memastikan beras itu beras asli atau tidak, itu pun mereka tentukan tetapi kita boleh membantu daripada segi untuk memberikan sokongan kepada mereka untuk mencari jawapan kepada beras itu sama ada palsu atau tidak. Tentang bahaya kepada kesihatan dan sebagainya, ia terletak di bawah Kementerian Kesihatan pula.

Saya nak berterima kasih kepada Yang Berhormat tadi yang membangkitkan tentang orang tengah dan sebagainya. *Inshaa-Allah* kita akan teruskan jihad kita untuk menangani orang tengah dan isu yang paling besar dalam jihad memerangi orang tengah ini kesedaran di kalangan petani-petani, nelayan dan sebagainya kerana jihad ini kita tidak boleh memaksa mereka. Sebagai contoh, untuk menjual produk mereka kepada Pertubuhan Peladang ataupun Persatuan Nelayan. Itu pilihan mereka dan kita tidak boleh menyekat mereka untuk menjual kepada orang tengah dan sebagainya. Jadi sekarang ini adalah dalam proses untuk *educate* mereka supaya mereka tidak lagi bergantung kepada orang tengah dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad telah membangkitkan isu tentang keupayaan Pertubuhan Peladang yang merangkumi PPK, PPN dan NAFAS di dalam membangunkan peladang-peladang di negara kita. Untuk makluman Yang Berhormat, gerakan Pertubuhan Peladang ketika ini mempunyai seramai 826,367 orang ahli peladang dan menganggotai 278 PPK dan 14 buah pertubuhan peladang negeri. Pertubuhan Peladang ini diterajui oleh NAFAS di peringkat kebangsaan.

Sememangnya PPK ataupun Pertubuhan Peladang termasuk NAFAS ketika ini berusaha membangunkan peladang-peladang, meningkatkan pendapatan peladang dan sebagainya.

Antara yang dilakukan oleh PPK ketika ini misalnya ialah mereka berperanan di dalam membantu kerajaan menjayakan Jihad Memerangi Orang Tengah. Sebagai contoh, merekalah yang ditugaskan untuk membeli hasil daripada pesawah secara terus. Begitu juga dengan persatuan nelayan seperti saya sebutkan tadi. Mereka ditugaskan untuk membeli hasil dari laut itu terus daripada nelayan supaya dapat mengelakkan nelayan ditindas oleh orang tengah melalui manipulasi harga dan sebagainya.

Daripada segi pemasaran misalnya, untuk memudahkan petani, pesawah-pesawah ataupun petani-petani memasarkan produk mereka, PPK juga dipertanggungjawabkan untuk mewujudkan pusat pengumpulan iaitu sebanyak 200 buah pusat pengumpulan di seluruh negara. PPK juga diberi peranan untuk menguasai keseluruhan rantai nilai dalam sektor dan subsektor yang mereka ceburi.

Misalnya dalam subsektor padi, kita bukan sahaja mahu supaya PPK ini membeli produk padi daripada pesawah-pesawah tetapi mereka juga perlu menguasai keseluruhan rantai nilai itu daripada segi mula padi itu ditanam, *harvestor* mereka perlu mempunyai peralatan mesin misalnya. *Tractor*, *harvestor* dan sebagainya apabila padi dituai untuk dibawa ke kilang padi. *Transportation* juga perlu dikuasai oleh PPK dan sebagainya, akhirnya dibawa ke kilang padi yang juga dikuasai oleh pertubuhan peladang dalam kawasanya. Ini peranan yang diberikan oleh kementerian bagi memastikan peladang-peladang ataupun pesawah-pesawah dapat dibangunkan dan dalam masa yang sama, pendapatan mereka dapat ditingkatkan.

Saya cuma nak berkongsi sedikit iaitu sehingga 31 Disember 2013, daripada segi saham. Saham yang berjaya dikumpulkan oleh pertubuhan peladang adalah sebanyak RM281.38 juta manakala gerakan Pertubuhan Peladang semuanya telah berjaya merekodkan pencapaian perniagaan berjumlah RM2.83 bilion iaitu sebanyak RM776 juta di peringkat NAFAS, RM729 juta di peringkat pertubuhan peladang negeri dan RM1.33 bilion di peringkat Pertubuhan Peladang Kawasan. Itu saya nak beri gambaran tentang kejayaan Pertubuhan Peladang, kejayaan NAFAS dan sebagainya di dalam membangunkan Pertubuhan-pertubuhan Peladang dan seterusnya peladang ataupun pesawah secara individu.

Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon telah membangkitkan isu bajet bagi tujuan pembangunan sama ada mencukupi bagi menghasilkan bahan makanan secara cukup. Untuk makluman Yang Berhormat di bawah RMKe-11, pihak kementerian memohon untuk mendapatkan bajet sejumlah RM36.9 bilion, itu dalam permohonan kitalah. Kita berharap supaya mendapat kelulusan daripada pihak EPU dan juga daripada pihak Kementerian Kewangan.

Bidang fokus utama yang digariskan oleh RMKe-11 adalah untuk membangunkan industri agromakanan berasaskan kelebihan kompetitif negara dengan unjuran purata tahunan pertumbuhan nilai tambah agromakanan sebanyak 5.4%. Dalam tempoh RMKe-11, langkah mentransformasikan subsektor agromakanan kepada subsektor pendapatan tinggi dan mapan akan diteruskan melalui inisiatif pemodenan dan R&D yang berinovatif.

Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon juga membangkitkan mengenai import yang lebih tinggi daripada eksport. Saya hendak memberikan penjelasan kepada Dewan ini, apabila disebutkan tentang sektor pertanian, KDNK di bawah pertanian, eksport di bawah pertanian, import di bawah pertanian, ia tidak hanya terhad kepada agromakanan.

Apabila disebutkan tentang pertanian, ia meliputi juga termasuk komoditi-komoditi di bawah Kementerian Komoditi. Ia juga termasuk perkara-perkara yang bukan ada kaitan dengan makanan. Sebagai contoh, jentera pun diletakkan di bawah definisi pertanian. Jentera seperti *harvestor*, *tractor* dan sebagainya di bawah pertanian. Begitu juga dengan baja, baja juga diletakkan di bawah sektor pertanian. Makanan haiwan juga diletakkan di bawah sektor pertanian. Gula, di bawah sektor makanan.

Jadi import gula, diimport di bawah MITI misalnya, di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa tetapi diletakkan di bawah import Kementerian Pertanian. Jadi import gula begitu besar sekali jumlahnya. Begitu juga dengan *machineries*, dengan izin. *Tractor*, *harvestor* dan sebagainya. Ini tidak boleh kita setakat ini kita tidak mampu untuk mengeluarkan *tractor* ataupun *harvestor* dan kita terpaksa import. Ini juga menyumbang kepada jumlah import yang kita akan lihat di bawah tajuk import Kementerian Pertanian.

Selain daripada itu, kita tidak dapat mengelakkan untuk mengimport produk-produk yang tidak boleh ditanam di dalam negara. Sebagai contoh, bijirin ataupun *cereals*. Ini merupakan jumlah import yang besar kepada negara kita. *Cereals* yang kita makan, anak-anak kita makan dan sebagainya. *Cereals* tidak boleh ditanam di negara kita, jadi kita terpaksa import dari luar.

Anggur, walaupun ada sedikit di Sik, kita terpaksa import dari luar. Epal kita terpaksa import dari luar dan sebagainya. Jadi ada perkara-perkara yang akhirnya kita tidak dapat elakkan untuk kita import dan diletakkan di bawah tajuk import di bawah pertanian. Jadi, memang saya akui bahawa import memang melebihi daripada eksport. Walau bagaimanapun, kita akan terus berusaha untuk meningkatkan eksport kita.

#### ■1320

Oleh sebab itulah kita sekarang membuka banyak pasaran baru yang kalau kita lihat mempunyai potensi yang besar seperti negara China misalnya. Sekarang ini negara China merupakan pengimport durian kita yang terbesar sebagai contoh. Daripada segi nilai eksport durian tahun 2013 - RM5.41 juta, 2014 sudah pun meningkat menjadi RM6.17 juta dan kita jangka ia akan terus meningkat. Secara keseluruhannya daripada segi eksport ia terus meningkat. Pada tahun 2010 untuk eksport agromakanan sebanyak RM18.1 bilion, pada 2015 kita jangka RM26.1 bilion dan dijangka pada tahun 2020 akan meningkat kepada RM39 bilion dan sebagainya.

Kita akan terus mempromosikan produk kita untuk dieksport. Walau bagaimanapun seperti saya sebut tadi ada produk yang perlu kita import dan dalam masa yang sama seperti saya sebut tadi beberapa perkara seperti makanan haiwan dan sebagainya termasuk juga di bawah import kita. Jadi akhirnya imbalan itu tidak dapat dielakkan dan lebih kepada import dan sebagainya.

Saya sudah bincang tadi dengan pihak Kementerian Kewangan tadi mungkin kita boleh membuat definisi yang baru. Mungkin pertanian itu kita keluarkan beberapa perkara yang boleh memberi kesan kepada imbalan tadi. Mungkin agro makanan kita bezakan daripada segi komoditi dan juga daripada segi produk-produk seperti *machineries* dan sebagainya tidak boleh kita jadikan di bawah agro makanan dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon juga telah menyentuh isu Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini yang berkaitan dengan Projek IZ iaitu projek udang dan sebagainya. Memang kita mendapat teguran daripada Audit kepada dikatakan bahawa jumlah atau *volume* yang dikeluarkan tidak mencukupi kerana sasaran sehingga tahun 2020 sasarannya sebanyak 100,000 metrik tan dengan nilai sebanyak RM1.3 bilion. Akan tetapi kita telah pun membuat penjelasan kepada pihak Audit iaitu mereka perlu melihat projek ini tidak boleh lihat kepada sasaran tahun 2020. Mereka perlu melihat kepada sasaran ini berdasarkan setiap tahun daripada segi peningkatan dan sebagainya. Kalau kita bahagikan 100,000 metrik tan kepada 10 tahun kerana projek ini dari tahun 2011 sehingga tahun 2020. Bermakna pengeluaran perlu ada 10,000 metrik tan sebulan.

Untuk sehingga tahun 2014, keluaran kita sebanyak 30,135 metrik tan dengan nilai RM602.8 juta. Kalau kita kirakan 10,000 setahun bermakna tahun 2014 sepatutnya sudah ada 40,000 metrik tan tetapi kita juga menjelaskan kepada Audit apabila mereka memulakan ternakan udang ia memerlukan masa yang lama untuk menyediakan infra dan sebagainya.

Kita tidak boleh terus masukkan udang dan sebagainya. Tentu sahaja mereka memerlukan infra untuk membina kolam dan sebagainya. Jadi tahun pertama itu tidak memungkinkan kita mendapat 10,000 metrik tan lagi kalau ikutkan 10,000 metrik tan setahun. Jadi bagi kita, 30,138 metrik tan untuk tahun ketiga, tahun keempat ia telah pun mencapai sasaran. Jadi ini yang kita telah pun memberikan penjelasan kepada pihak Audit. Walau bagaimanapun saya percaya pihak kementerian akan memberikan penjelasan ini kepada pihak PAC apabila dipanggil nanti.

Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah telah membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan sektor agromakanan negara. Pertama langkah untuk meningkatkan pengeluaran makanan seperti beras, sayur, buah-buahan, lembu, ayam, itik dan sebagainya. Beras saya sudah sebutkan tadi, saya sudah beri jawapan tadi.

Jadi untuk tanaman dan sayur-sayuran antara langkah yang kita laksanakan Program Bantuan Tanaman Semula buah-buahan terpilih misalnya yang melibatkan beberapa jenis buah-buahan seperti durian, nangka, manggis, mangga, cempedak, rambutan, duku dan langsung. Kita juga akan tingkatkan pengeluaran buah-buahan melalui Projek Fertigasi Rakyat, Projek Pembangunan Kluster Durian di Batu Kurau, Perak dan di Raub, Pahang. Kita juga akan menjalankan Projek Pakej Amalan Teknologi Buah, Projek Pakej Amalan Teknologi Sayur dan Kontan dan juga projek bantuan bagi peningkatan pengeluaran sayur-sayuran.

Manakala bagi ternakan, untuk ayam kita telah pun melebihi daripada keperluan dalaman. SSL kita telah pun melebihi dan kita sekarang ini telah pun mengeksport ke negara lain. Begitu juga dengan

itik, ia juga melebihi daripada SSL, tahap sara diri. Walau bagaimanapun bagi lembu, memang kita masih jauh ke belakang. Sehingga kini, kita hanya mampu mengeluarkan 30% dan 70% diimport. Jadi kita mengambil langkah untuk meningkatkan pengeluaran lembu. Antaranya adalah

- (i) mengimport baka yang berkualiti serta menangani isu pengurangan induk berkualiti kesan dari aktiviti penyembelihan akibat kekurangan bekalan lembu induk;
- (ii) menyediakan taman kekal pengeluaran ruminan yang khas untuk ternakan sahaja seperti *multiplayer farm*;
- (iii) meningkatkan prestasi pembiakan;
- (iv) memberi bantuan pinjaman ternakan;
- (v) mewujudkan Lembaga Ruminan Negara;
- (vi) menyediakan makanan ternakan ruminan yang lebih murah dan berterusan kerana ini isu besar bahawa ramai penternak yang kurang mampu kerana harga makanan yang mahal; dan
- (vii) menggalakkan penternak mengamalkan amalan ini untuk ayam walaupun saya sudah sebut kita sudah melebihi SSL tetapi kita juga menyediakan langkah-langkah juga untuk memastikan ternakan ayam juga dapat ditambahkan.

Jadi antaranya menggalakkan penternakan, mengamalkan amalan perladangan ayam baik dan sebagainya. Jadi itu antara yang kita laksanakan dan juga dana disediakan oleh Agrobank, TEKUN dan sebagainya.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ada yang hendak mencelah.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Silakan.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa saya membangkitkan soal buah-buahan tempatan saya melihat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini tidak ada inovasi penambahan pertumbuhan kawasan sebab saya melihat contoh di Chiang Mai semasa kita bermain golf di Chiang Mai. Di dalam kawasan padang golf itu penuh dengan pokok-pokok buah mata kucing ditanam di seluruh kawasan padang golf. Di Malaysia ini pun banyak padang golf tetapi ditanam dengan pokok-pokok yang kita pun tidak tahu pokok apa.

Di China, di Shenzen ditanam dengan pokok mempelam dan pokok-pokok ini cantik, *very discipline trees*, contoh pokok manggis *very discipline trees*, pokok nangka dan sebagainya. Saya tengok dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tidak ada inovasi Kementerian Pertanian ke arah itu untuk menggalakkan tanaman buah-buahan seperti itu. Itu yang saya maksudkan dengan soalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian akan menggalakkan supaya in 2020 nanti contohnya di sepanjang lebuhraya kita adakan pokok jati, di sepanjang kawasan golf Malaysia ini penuh dengan pokok nangka contohnya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Perkara yang ada dalam kawalan kita, kita memang ada menyediakan program seperti disebutkan tadi tanaman semula pokok buah-buahan, TKPM untuk pokok buah-buahan. Nanti kita akan tambah lebih banyak TKPM untuk pokok buah-buahan *and then* kita juga satu ketika dahulu mengenal pasti kawasan daerah untuk dikaitkan dengan satu jenis tanaman. Bera sebagai contoh untuk nangka madu sebagai contoh, Maran nangka madu.

■1330

Begitu juga kita akan bangunkan sawah terbiar dan sebagainya. Itu di bawah kawalan kementerian kita. Akan tetapi Yang Berhormat sebut tadi adalah di luar daripada kawalan kementerian kita. Akan tetapi kalaulah boleh kerjasama dapat- kita boleh mengadakan kerjasama, alangkah baiknya dan kita menyambut baik. Misalnya betul, saya setuju. Saya baru balik daripada Shenzhen. Di Bandar Shenzhen itu, mereka tanam pokok mangga banyak tetapi kalau tanaman mangga ataupun rambutan di kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT), ia terletak di bawah keputusan pihak berkuasa tempatan. Saya setuju dengan Yang Berhormat.

Kadang-kadang kita tanam pokok *pine* dan sebagainya di bandar yang tidak mendatangkan apa-apa hasil pun. Mungkin kalau kita boleh tanam pokok buah-buahan tempatan di PBT-PBT di dalam bandar, alangkah baiknya. Kalau Shenzhen boleh menanam pokok mangga, tidak ada sebab kenapa di Malaysia kita tidak boleh menanam pokok mangga dan sebagainya. Begitu juga dengan padang golf. Saya setuju kalau tuan-tuan punya padang golf itu bersetuju untuk menanam pokok buah-buahan seperti rambutan, manggis dan sebagainya sambil main golf, mungkin kita boleh makan buah rambutan itu. Jadi bila ada ekstra, ada lebihnya boleh kita jual dan sebagainya.

Saya ambil baik cadangan daripada Yang Berhormat itu. Mungkin pihak Jabatan Pertanian boleh berbincang dengan pihak berkuasa tempatan. Pihak-pihak swasta seperti pemilik padang golf dan sebagainya supaya mereka boleh menukar cara mereka daripada menanam pokok yang tidak mendatangkan hasil apa-apa, mungkin menanam pokok buah-buahan. Dalam masa yang sama, mungkin boleh bantu kita mengurangkan import daripada segi defisit import dan sebagainya. Imbangan import dan eksport dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan ambil perkara itu dan kita akan bangkitkan kepada pihak-pihak lain yang mempunyai tanah yang banyak seperti itu.

Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah juga membangkitkan status pembukaan jelapang padi baru seperti di Pekan, Rompin dan Batang Lupar. Saya ingin memaklumkan bahawa pihak kementerian telah pun membuka tender untuk jelapang padi Rompin, Pekan, Batang Lupar dan juga Kota Belud. Kita sudah panggil tender bagi kerja-kerja pengairan dan saliran di antara 2015 yang dijangka siap sehingga 2017. Jadi kita telah pun membuka tender dan memanggil tender. Kita percaya dalam masa yang terdekat, tender akan di award dan kerja-kerja untuk membina pengairan dan sebagainya akan dapat kita laksanakan.

Yang Berhormat Dato' Suhaimi juga bertanyakan langkah kerajaan untuk memajukan taman pertanian seperti MAEPS. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian memang telah pun

melancarkan MAEPS sebagai tapak untuk agropelancongan dan kita namakan tapak tersebut sebagai *MAEPS Agrotourism Park*. Kita telah pun lancarkan bulan lepas yang mana kita akan tukar MAEPS itu kepada pusat untuk *agrotourism*. Seperti yang kita tahu, biasanya MAEPS ini akan dibuka hanya sekali dalam dua tahun apabila kita anjurkan MAHA.

Selepas ini MAEPS akan dibuka setiap masa dan kita telah berbincang dengan pihak kerajaan negeri supaya mereka juga membuka pavilion-pavilion negeri itu yang biasanya pavilion negeri akan dibuka hanya sekali untuk setiap dua tahun. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setiap kali kita anjurkan MAHA, pavilion-pavilion ini yang tidak digunakan selama dua tahun itu mengalami kerosakan dan sebagainya dan akan diperbaiki dan sebagainya. Jadi sebab itu kita kata kita buka sepanjang masa untuk negeri-negeri pun boleh membuat promosi pelancongan untuk negeri masing-masing melalui pavilion-pavilion.

Kita juga akan membuka laman-laman yang ada seperti laman sayur, laman padi, laman herba dan sebagainya supaya ia dapat menjadi daya tarikan dan juga tempat pembelajaran bagi pelajar-pelajar sekolah dan sebagainya. Kita bekerjasama dengan pihak Kementerian Pelancongan dan sehingga kini sebanyak enam MoU ataupun memorandum persefahaman telah ditandatangani dengan enam buah syarikat yang melibatkan mereka membawa pelancong ke *agrotourism park* tersebut.

Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi juga telah membangkitkan isu petani sendiri yang berniaga di pasar tani. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang kita menggalakkan petani untuk membawa sendiri produk mereka ke pasar tani kerana memang objektif wujudnya pasar tani dulu adalah untuk memastikan petani-petani boleh menjual produk mereka di pasar tani. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini kita dapati bahawa tidak semua produk petani dijual terus di pasar tani tetapi peniaga-peniaga pasar tani mengambilnya di pasar-pasar borong dan sebagainya.

Sebab itulah saya telah pun mengeluarkan arahan seperti saya sebutkan tadi. Mulai 1 Jun baru-baru ini, peniaga-peniaga pasar tani tidak lagi boleh mengambil produk mereka dari pasar borong dan sebagainya kerana petani mesti menjual sendiri ke pasar tani ataupun mereka menghantar produk mereka ke pusat-pusat pengumpulan yang mana produk dari pusat pengumpulan akan dibawa ke pasar tani dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, mulai daripada fasa pertama iaitu bulan Jun hingga Ogos, sebanyak 64 buah pasar tani telah pun bebas daripada- kita anggap bebas daripada orang tengah kerana 64 buah pasar tani ini 100% membeli terus daripada petani dan sebagainya.

Fasa kedua, bulan September hingga November, sebanyak 100 buah pasar tani lagi akan menjual produk yang 100% dari ladang dan juga nelayan. Kalau ikan *direct* daripada nelayan dan untuk bulan Disember hingga Januari, sebanyak 167 lagi dan kita menganggarkan sasaran kita keseluruhan pasar tani. Mereka tidak boleh lagi mengambil dari pasar borong tetapi *direct* daripada petani, *direct* daripada nelayan dan sebagainya kerana ini objektif pasar tani dan tujuan kita adalah untuk membantu petani-petani dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah juga bertanyakan langkah melahirkan usahawan tani. Antara langkah yang kita laksanakan pada hari ini misalnya memberi geran ataupun geran pepadanan iaitu ada dua jenis geran pepadanan. Pertamanya Geran Pepadanan *Change Upgrade Product* yang ditawarkan kepada usahawan tahap satu hingga tiga di mana nilai jualan tahunan mereka adalah sebanyak RM300,000 ke bawah. Geran pepadanan ini adalah dengan nisbah 70:30. Sebanyak 70% buah geran, 30% daripada komitmen usahawan itu sendiri. Pada tahun 2014, seramai 440 orang usahawan telah mendapat manfaat geran dengan peruntukkan sebanyak RM4.427 juta.

Keduanya, Geran Pepadanan *High Impact Project*. Ditawarkan kepada usahawan tahap empat dan lima di mana nilai jualan mereka adalah sebanyak RM300,000 hingga RM15 juta setahun. Geran pepadanan ini ditawarkan dengan nisbah 50% buah geran dan 50% daripada usahawan sendiri. Pada tahun 2014, seramai 75 orang usahawan telah mendapat manfaat geran ini dengan peruntukkan sebanyak RM10.034 juta. Ia merangkumi skop untuk kajian nutrisi dan jangka hayat produk, reka bentuk pembungkusan dan pelabelan, peningkatan keupayaan pengeluaran, penambahbaikan premis ke arah pensijilan dan perolehan papan tanda harga dan sebagainya.

Seterusnya kita juga membantu usahawan ini mengadakan promosi-promosi. Apabila kita mengadakan promosi ke luar negara misalnya, kita akan membawa usahawan-usahawan ini ke luar negara dan sebagainya. Begitu juga dengan latihan. Kita juga memberikan latihan kepada usahawan-usahawan tani ini.

#### ■1340

Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah juga bertanyakan langkah mengenal pasti usahawan yang akan memasarkan produk halal ke negara China dan memajukan agrobazaar di China. Untuk maklumat Yang Berhormat, cara kita memilih usahawan yang akan dibawa ke China terutamanya produk-produk mereka kita membuat tapisan berdasarkan yang pertamanya usahawan itu produk mereka mesti melepasi standard piawaian negara China. Itu mesti kita pastikan dahulu.

Keduanya, produk mereka produk yang mendapat permintaan yang tinggi di negara China, sebagai contoh produk yang berdasarkan durian. Ini merupakan produk yang mempunyai potensi yang besar di negara China. Jadi kita bawa produk-produk ini ke negara China. Begitu juga produk seperti *white coffee* merupakan produk yang popular di China. Jadi kita bawa produk-produk ini. Oleh sebab kalau kita bawa produk yang tidak popular di China akhirnya ia tentu akan merugikan usahawan-usahawan kita. Jadi kita buat kajian apa produk terbaik dan kita akan *invite*, akan jemput berdasarkan apa yang saya sebutkan tadi.

Bagi agrobazaar di China, saya ingin memaklumkan bahawa memang minat kepada agrobazaar di China ini amat tinggi sekali. Bulan lepas saya pergi ke enam buah bandar di negara China dalam promosi produk pertanian kita. Enam buah bandar tersebut menyatakan minat untuk membuka agrobazaar. Setakat ini kita masih lagi dalam rundingan. Kalau boleh kalau kita berjaya membuka enam

agrobazaar di negara China, saya percaya lebih banyak produk usahawan kita dapat kita pasarkan di negara China dan sebagainya. Yang Berhormat Senator...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, silakan.

**Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ke negara China Yang Berhormat dan tidak diberi peluang untuk ikut Yang Berhormat. *Inshaa-Allah* lain kali. Cuma daripada maklumat yang saya dapat bahawa bila kita membawa buah-buahan kita ke negara China itu perjalanan yang memakan masa itu membuatkan kadang-kadang menjadi masalah kepada peniaga-peniaga kita.

Saya melihat kepada RMKe-11 ini kita hendak mencapai tahun 2020. Boleh tidak saya katakan bahawa kementerian sendiri dapat berusaha mengadakan kemungkinan *tankers* yang besar-besar supaya petani-petani kita ini tidak perlu lagi berhubung kait dengan usahawan-usahawan ataupun *shipping companies* yang besar-besar ini yang *chargers* memang tinggi.

Kalau sekiranya kementerian sendiri, kalau dahulu kita ada MIC, sekarang MIC sudah tidak ada. Kalau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam tahun 2020 mempunyai kapal sendiri yang boleh eksport buah-buahan yang ditanam di padang-padang golf tadi ini, bayangkan buah-buahan kita yang begitu banyak di setiap rumah durian Musang King dan sebagainya saya rasa tahun 2020 itu akan menjadi lebih hebat pertanian di Malaysia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat kerana menyokong kementerian sehinggakan mahu kementerian sendiri mempunyai kapal dan sebagainya. Seperti Yang Berhormat tahu isu yang paling besar yang kita hadapi ialah bajet. Kita boleh mempunyai apa sahaja. Kita boleh mempunyai kargo penerbangan pun boleh kalau kita mempunyai bajet dan sebagainya.

Akan tetapi isu yang besar bajet. Oleh sebab itulah kita di peringkat awal ini menumpukan perhatian kepada pengeluaran dan tidak lagi sehingga melibatkan *transport* dan sebagainya. Mungkin satu masa nanti di bawah anak syarikat FAMA misalnya. Dia ada anak syarikat. Kita ada mewujudkan satu SPV di bawah FAMA, NAFAS, NIKMAT dan sebagainya mungkin satu hari nanti *inshaa-Allah* akan menjadi realiti cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat menyebutkan tentang kawalan perosak serta penguatkuasaan undang-undang. Saya ingin maklumkan bahawa di bawah Akta Racun Makhluk Perosak ada empat kesalahannya. Kesalahan-kesalahan hukumannya adalah sebanyak RM10,000, penjara satu tahun atau kedua-dua sekali. Kesalahannya boleh dilakukan di premis jualan racun iaitu sebagai tempat pemasaran, kesalahan boleh dilakukan di premis penyimpanan racun iaitu kilang, kesalahan boleh dilakukan di premis simpanan untuk jualan iaitu stor untuk *retail* atau kedai untuk menjual racun tersebut, kesalahan boleh dilakukan di sempadan untuk *cross* sempadan, membawa, menyeludup dan sebagainya, boleh dilakukan di kebun dengan meracun dan jualan di pasar-pasar malam dan sebagainya.

Pihak kementerian melakukan serbuan-serbuan sebenarnya di kedai-kedai dan sebagainya dan juga di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi. Untuk tahun 2015 sehingga ke hari ini misalnya

sebanyak 98 serbuan telah pun dilaksanakan dan 13 rampasan telah pun dilakukan dengan nilai rampasan sejumlah RM163,000 dan empat kes telah pun dibawa ke mahkamah.

Selain daripada penguatkuasaan, saya percaya pendidikan itu juga penting. Jadi sebab itulah pihak kementerian mengadakan kempen kesedaran seperti menyebarkan *pamphlet*, mengeluarkan iklan di dalam media-media dan sebagainya.

Seterusnya kita meningkatkan kempen untuk pertanian amalan baik ini ataupun *Good Agriculture Practice (GAP)* ini kerana dengan petani-petani kita terlibat di dalam Program Amalan Pertanian Baik (GAP) ini, maka mereka dengan secara sendirinya tidak menggunakan bahan kimia di dalam tanaman mereka. Dengan itu mereka tidak lagi menggunakan racun perosak dan sebagainya.

Terakhirnya daripada Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah mengenai sama ada wujud SOP atau tidak daripada segi program-program subsidi. Saya ingin memaklumkan memang setiap subsidi itu memang mempunyai SOP-SOP mereka tersendiri. Jadi misalnya penerima baja sebagai contoh syaratnya tidak boleh kepada pesawah yang mempunyai tanah lebih daripada 25 ekar dan sebagainya. Jadi kriteria-kriteria dan SOP-SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian.

Jadi saya kira itu sahaja Tuan Yang di-Pertua jawapan saya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekali lagi saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian, memberikan pandangan, memberikan nasihat dan bertanyakan soalan. Semuanya kita menganggap ia merupakan satu perkara yang amat penting kepada kementerian bagi kita menambah baik Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan dalam masa yang sama bukan sahaja meningkatkan pengeluaran untuk kepentingan negara tetapi juga bagi membantu meningkatkan pendapatan dan kebajikan petani, nelayan dan penternak. Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi tetapi saya dimaklumkan Menteri ini tidak akan menjawab kerana tidak ada isu untuk dijawab. Seterusnya giliran Kementerian Kerja Raya. Silakan Yang Berhormat.

**1.48 tgh.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Akan tetapi sebelum itu tunggu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekali kita ada 13 orang Menteri yang akan menjawab bagi pihak lapan buah kementerian. Jadi saya mohon kerjasama terutama pihak kementerian menjawab kalau boleh secara spesifik dan *direct to the point* kerana masa amat mencemburui kita. Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan ambil maklum nasihat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah berpuasa kepada semua yang berada di Dewan ini terutama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang beragama Islam. Semoga Ramadan kali ini dapat melatih dan mendisiplinkan kita menjadi insan yang lebih baik berbanding tahun-tahun sebelum ini, *inshaa-Allah*.

■1350

Di sini seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rancangan Malaysia Ke-11 tempoh hari dan turut menyentuh isu-isu di bawah portfolio dan bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Mereka ialah Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat; Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin; Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han; Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun; dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit.

Segala isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini amatlah dihargai dan diberi perhatian serta jawab dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ke-11 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Mei 2015 yang lalu merupakan antara bukti dan komitmen kerajaan untuk membawa negara ini mencapai status negara maju iaitu menerusi perancangan strategik untuk pusingan lima tahun yang berakhir sebelum menjelang tahun 2020.

Sebagaimana yang dimaklumkan, terdapat lima projek utama Rancangan Malaysia Ke-11 di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa kementerian ini iaitu Projek Lebuhraya Pan Borneo, Projek Jalan *Central Spine*, Projek Jalan Kota Baharu ke Kuala Krai, Projek Lebuhraya Pantai Barat dan pembinaan rangkaian jalan di Kompleks Petroleum Bersepadu atau RAPID di Pengerang, Johor.

Sebagai agensi peneraju utama sektor pembinaan negara, Kementerian Kerja Raya bersedia untuk mengalas tanggungjawab untuk melaksanakan semua strategik kelima iaitu bidang pembangunan infrastruktur. Dalam Rancangan Malaysia Ke-11, sektor pembinaan negara dijangka akan terus berkembang dan mengekalkan momentum pertumbuhan pada kadar 10.3 peratus setahun dengan nilai sumbangan sebanyak RM327 bilion atau 5.5 peratus daripada keluaran dalam negara kasar ataupun KDNK menjelang tahun 2020. Pertumbuhan sektor ini dipacu oleh permintaan domestik yang tinggi untuk membina lebih banyak infrastruktur moden dan selaras dengan hasrat menjadi negara maju.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 ini, kementerian ini turut akan memperkenalkan Program Transformasi Industri Pembinaan atau *Construction Industry Transformation Program (CITP)* 2016 hingga 2020 iaitu manual rujukan kerajaan untuk mentransformasikan sektor pembinaan negara ke arah industri yang lebih produktif, mapan dan kompetitif secara global.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam dan Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han semasa perbahasan tempoh hari telah membangkitkan mengenai permohonan Rancangan Malaysia Ke-11 untuk cadangan projek jalan persisiran pantai Melaka iaitu melibatkan skop naik taraf dan membina jalan baru empat lorong dua hala dari Kuala Linggi ke Masjid Tanah ke Sungai Udang ke Klebang ke Limbongan ke Jalan Pantai, seterusnya ke Jalan Syed Abdul Aziz ke Alai dan seterusnya ke Telok Mas.

Untuk makluman kedua-dua Ahli Yang Berhormat, kajian kemungkinan projek berkenaan telah pun disiapkan oleh kementerian ini pada tahun 2013 yang lalu. Cadangan projek jalan persisiran pantai negeri Melaka itu sememangnya telah dipohon dalam senarai projek baru dengan kedudukan atau ranking paling tinggi untuk dilaksanakan di negeri Melaka dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Anggaran kos keseluruhan projek ini ialah sebanyak RM1.1 bilion dan berkemungkinan ia akan dilaksanakan secara berfasa jika ia diluluskan oleh agensi pusat dalam Rancangan Malaysia Ke-11 ini.

Di sini saya juga ingin menarik perhatian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang mungkin ingin mengetahui mengenai status projek-projek Kementerian Kerja Raya dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa kini senarai akhir projek-projek Rancangan Malaysia Ke-11 masih lagi sedang diteliti dan diperhalusi oleh kementerian ini bersama Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Ini kerana kerajaan memerlukan masa bagi menentukan keutamaan pelaksanaan setiap projek berkenaan. Kelima-lima projek utama yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 tempoh hari iaitu sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi hanyalah merupakan sebahagian daripada keseluruhan projek Rancangan Malaysia Ke-11 yang dirancang kerajaan.

Kementerian ini menjangkakan senarai projek Rancangan Malaysia Ke-11 akan diumumkan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dalam tempoh lima tahun iaitu bermula dengan Belanjawan 2016 yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada bulan Oktober 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun pula telah...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah. Silakan Yang Berhormat

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Silakan Yang Berhormat.

**Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab berkaitan dengan jalan pantai selat Melaka. Saya harap yang ini kementerian tidak lagi *postpone*. Projek ini sudah lulus 10 tahun dulu tapi kerajaan batalkan. Masa itu kosnya ia cuma RM600 juta. Jadi kalau tangguh lagi- ini pun sudah naik RM1.1 bilion. Kalau tangguh lagi takut naik sampai RM2 bilion. Harap menjadi keutamaan kerana Banda Raya Melaka sekarang ini terlalu sesak dan ini boleh membantu sekali gus pembangunan juga Port Dickson. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri dan Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya katakan Yang Berhormat Tan Sri, bahawasanya cadangan projek jalan persisiran pantai negeri Melaka ini sememangnya telah dipohon dalam senarai baru dalam kedudukan yang sebenarnya Yang Berhormat Tan Sri, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam ranking paling atas sekali iaitu ranking yang pertama untuk dilaksanakan di negeri Melaka untuk Rancangan Malaysia Ke-11 nanti.

Apa pun Yang Berhormat, terpulanglah kepada agensi pusat iaitu Kementerian Kewangan. Mungkin ada susulan yang perlu dilakukan oleh pemimpin-pemimpin termasuklah Yang Berhormat untuk memastikan bahawa projek ini akan dilaksanakan secara khusus dan secara berfasa dan pada peringkat awal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meneruskan jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Yang Berhormat Senator Dato' Hoh Khai Mun pula telah meminta kepada kerajaan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek menaik taraf jalan *Central Spine*.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang pernah dijawab sebelum ini, projek menaik taraf jalan *Central Spine* melibatkan laluan Jalan Persekutuan 8 atau FT.08 dari Bentong ke Raub ke Lipis seterusnya ke Gua Musang ke Kuala Krai sepanjang 390 kilometer. Projek bernilai RM6.6 bilion ini telah diluluskan secara berfasa mulai daripada Rancangan Malaysia Ke-10.

Pelaksanaan projek ini telah dipecahkan kepada enam buah pakej utama. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, keutamaan kerajaan ialah untuk melaksanakan Pakej 3 terlebih dahulu iaitu melibatkan laluan dari Merapoh ke Kampung Relong di Lipis, Pahang. Ini kerana laluan tersebut telah dikenal pasti sebagai kawasan yang kerap berlaku kemalangan atau pun *black spot area*, dengan izin.

Setakat ini, sepanjang 13.6 kilometer jalan baru telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas iaitu melibatkan laluan dari Kampung Kubang Rusa ke Felda Chegar Perah 2, Kuala Lipis. Manakala laluan dari Felda Chegar Perah 2 ke Felda Telang sepanjang 12.4 kilometer lagi dijangka akan siap dan dibuka kepada pengguna mulai daripada 13 Julai 2015 ini. Ini merupakan berita gembira kepada para pengguna yang berhasrat menggunakan laluan ini untuk pulang ke negeri Kelantan pada sambutan hari raya ini. Manakala untuk laluan dari Felda Telang ke Seberang Jelai pula iaitu sepanjang 15.6 kilometer, ia dijangka akan siap pada bulan Oktober 2016.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, sebahagian daripada Pakej 5 dari Raub ke Bentong iaitu melibatkan laluan dari Kampung Asap ke Kampung Sertik sepanjang 4.5 kilometer telah ditender pada bulan Januari 2015 manakala pakej-pakej lain jalan *Central Spine* ini akan ditender dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat telah membangkitkan isu mengapa Lebuh raya Pantai Timur tidak dibina dengan mengambil kira jalur dari timur negeri Johor iaitu

mengunjur dari Pengerang ke Desaru ke Mersing ke Kuala Rompin seterusnya ke Pekan dan ke Kuantan dan seterusnya melalui negeri Terengganu dan berakhir di Pengkalan Kubor, Tumpat, Kelantan.

■1400

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri antara projek keutamaan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ialah untuk menghubungkan jalin rangkaian jalan di kawasan Pantai Timur, Semenanjung menerusi Projek Jalan Central Spine yang menghubungkan Kuala Krai ke Simpang Pelangai, Pahang dan Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai. Laluan ini mencatatkan kadar trafik yang lebih tinggi dan menjadi pilihan pengguna jalan raya untuk ke negeri Kelantan berbanding laluan-laluan yang lain termasuklah laluan pesisiran pantai iaitu Jalan Persekutuan 3. Kementerian ini mengambil maklum mengenai cadangan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan 3 atau FT03 sedia ada iaitu melibatkan jajaran dari Mersing ke Kuala Rumpun dan seterusnya ke Pekan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan laporan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDR) fasa 1 untuk Semenanjung 2008 hingga 2020, laluan tersebut sememangnya termasuk dalam perancangan kerajaan untuk dinaiktarafkan kepada jalan empat buah lorong dua hala pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, aliran trafik di jalan tersebut pada masa kini masih lagi rendah. Oleh itu projek menaik taraf Jalan Persekutuan 3 tersebut akan dipertimbangkan kerajaan secara berfasa mengikut keutamaan.

Namun begitu kerajaan tidak pernah mengabaikan usaha untuk meningkatkan tahap pembangunan rangkaian infrastruktur jalan raya di kawasan berkenaan. Ini kerana kerajaan telah meluluskan projek menaik taraf Jalan Persekutuan 12 atau FT12 dari Kuantan ke Gambang seterusnya ke Segamat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Projek dengan nilai keseluruhan sebanyak RM2.3 bilion itu akan dilaksanakan secara berfasa.

Fasa pertama melibatkan skop laluan dari persimpangan Gambang ke Persimpangan Ceneh sepanjang 47 kilometer telah diluluskan pada tahun 2014 yang lalu dengan kos sebanyak RM444.2 juta. Pelaksanaan projek yang dilaksanakan secara reka dan bina ini dijangka akan dimulakan pada akhir tahun ini iaitu setelah proses reka bentuk terperinci disiapkan. Di samping projek tersebut, kementerian juga telah memohon kepada agensi pusat untuk melaksanakan cadangan projek menaik taraf Jalan Bahau ke Keratong seterusnya ke Muadzam Shah dalam Rancangan Malaysia Kesebelas kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul pula telah meminta Kerajaan Pusat untuk mempertingkatkan kualiti jalan raya di negeri Sabah iaitu dalam tempoh jangka pendek dan juga jangka panjang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan daripada buku statistik jalan 2014, pada masa kini terdapat 1,502 kilometer Jalan Persekutuan di negeri Sabah. Manakala untuk jalan negeri ialah sepanjang 9,453 kilometer. Pada masa kini kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Sabah dilaksanakan oleh dua buah syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Pusat iaitu Lintasan Resources Sdn. Bhd. untuk Zon Pantai Barat Sabah dan Gammerlite

Sdn. Bhd. untuk Zon Pantai Timur Sabah. Berdasarkan kontrak perjanjian konsesi, syarikat-syarikat konsesi ini perlu mematuhi piawaian prestasi kerja sebagaimana yang ditetapkan.

Skop konsesi penyelenggaraan Jalan Persekutuan melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan rutin, berkala dan kecemasan. Peruntukan untuk Jalan Persekutuan disalurkan menerusi kementerian ini pada setiap tahun iaitu mengambil kira program kerja penyelenggaraan yang telah diluluskan. Untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh ini iaitu 2011 hingga 2015, Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan hampir sebanyak RM500 juta bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rutin dan berkala di seluruh Jalan Persekutuan negeri Sabah. Ini tidak termasuk peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat untuk projek pembinaan dan membina, menaik taraf jalan di Sabah yang diluluskan secara berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini Kerajaan Pusat telah meluluskan 4 buah projek baru melibatkan pembinaan laluan jalan-jalan utama di negeri Sabah dengan nilai keseluruhan projek sebanyak hampir RM650 juta. Projek-projek ini dilaksanakan secara konvensional melalui kontrak JKR iaitu seperti senarai berikut:

- (i) menaik taraf Jalan Donggongan ke Simpang Papar Spur, Sabah pakej 1 sejauh 13.7 kilometer dengan anggaran kos RM233 juta;
- (ii) menaik taraf Jalan Petagas ke Lok Kawi, Sabah pakej 1A dan 1B sejauh 6 kilometer dengan anggaran kos RM136 juta;
- (iii) menaik taraf Jalan Tawau ke Semporna dari persimpangan Lapangan Terbang Tawau ke Pekan Semporna, Sabah fasa 1 sejauh 15 kilometer dengan anggaran kos RM170 juta; dan
- (iv) menaik taraf Jalan Segama Lahad Datu Sabah fasa 1 sejauh 5.6 kilometer dengan anggaran kos sebanyak RM108 juta.

Manakala untuk Rancangan Malaysia Kesebelas, antara permohonan projek baru yang menjadi keutamaan kementerian ini dan juga Kerajaan Negeri Sabah melibatkan cadangan projek pembinaan 10 buah persimpangan bertingkat di sekitar bandar Kota Kinabalu. Ini merupakan sebahagian daripada skop projek Jalan Lingkaran Luar Kota Kinabalu atau Kota Kinabalu *Outer-Ring Road*, dengan izin, yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat secara berfasa di mana ia bertujuan untuk melancarkan aliran trafik di bandar raya tersebut. Di samping itu terdapat juga projek-projek lain yang dipohon termasuk projek pembaikan cerun dan penggantian jambatan di seluruh negeri Sabah.

Untuk tempoh jangka panjang pula, sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum bahawa Kerajaan Pusat telah bersetuju membina Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah dan negeri Sarawak. Untuk negeri Sabah skop projek Lebuhraya Pan Borneo ini melibatkan projek membina dan menaik taraf jalan sedia ada di Sabah dengan anggaran jarak keseluruhan sepanjang 727 kilometer. Namun begitu, jajaran sebenar Lebuhraya Pan Borneo di Sabah itu masih belum dimuktamadkan dan ia tertakluk kepada rundingan akhir di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

Pada masa kini fasa rundingan dengan kerajaan negeri dan pihak-pihak lain yang berkepentingan telah memasuki pusingan baru iaitu mengambil kira cadangan balas daripada pihak kerajaan negeri. Dijangkakan perjanjian konsesi Lebuhraya Pan Borneo di Sabah akan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini dan pembinaan fizikal pula dimulakan pada tahun depan. Projek ini akan mengambil masa enam hingga lapan tahun untuk disiapkan secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin pula telah memohon supaya kerajaan menimbang semula cadangan untuk menaikkan kadar tol di 19 buah lebuhraya yang terlibat bagi tahun 2015. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan setakat ini masih belum membuat sebarang keputusan mengenai kenaikan kadar tol di 19 buah lebuhraya yang terlibat pada tahun ini. Ini kerana kerajaan masih meneliti dan mempertimbangkan kesan kadar tol tersebut terhadap kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam juga ada membangkitkan mengenai isu tindakan integrasi oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat apabila berlaku sesuatu kes kemalangan di lebuhraya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap lebuhraya yang beroperasi di negara ini sememangnya telah sedia mempunyai Pelan Tindakan Kecemasan atau *Emergency Response Plan*, dengan izin, dan Tatacara Pengendalian Piawai atau *Standard Operating Procedures* (SOP) dengan izin, untuk kes-kes kemalangan yang berlaku di lebuhraya.

Ini bermakna sebelum sesuatu lebuhraya itu dibenarkan beroperasi, semua agensi kerajaan yang terlibat seperti polis, bomba, dan ambulans telah diberikan taklimat untuk menangani kes-kes kecemasan akibat kemalangan seperti lokasi bantuan, polis, bomba, ambulans yang paling berhampiran. Kebiasaannya apabila berlaku sesuatu kes kemalangan, sebahagian atau keseluruhan dari laluan lebuhraya di kawasan kejadian akan ditutup untuk memberi laluan kepada pihak berkuasa bagi menjalankan kerja-kerja mengurus, menyalut, menyelamatkan dan memberi bantuan awal kepada mangsa-mangsa kemalangan yang terlibat. Ini merupakan keutamaan pihak konsesi lebuhraya pada masa kejadian tersebut.

#### ■1410

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian ini melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada masa kini sedang berunding dengan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya di negara ini untuk mewujudkan pasukan respons kecemasan perubatan di lebuhraya. Ini merupakan antara cadangan bantuan yang boleh disumbangkan oleh syarikat-syarikat konsesi lebuhraya tersebut sebagai salah satu bentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) mereka. Ia termasuklah cadangan menyediakan kakitangan yang berkemahiran dalam penyediaan perkhidmatan respons kecemasan bagi pengurusan kemalangan di lebuhraya dan penyediaan perkhidmatan prahospital dan ambulans yang komprehensif melalui bantuan dan sihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit telah membangkitkan isu tenaga buruh asing dalam sektor pembinaan negara. Beliau juga ingin tahu

apakah strategi kerajaan melalui kementerian ini dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk mengurangkan masalah kebergantungan kepada pekerja asing ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik pendaftaran personel binaan oleh CIDB sehingga 31 Mei 2015, terdapat seramai 790,017 orang- jumlah bilangan personel binaan yang sah berdaftar di negara ini. Daripada jumlah tersebut, 84% atau 663,800 orang terdiri daripada warga tempatan dan bakinya iaitu 16% lagi atau 126,217 orang di kalangan pekerja asing. Maklumat statistik ini ialah merujuk kepada bilangan pekerja binaan yang sah berdaftar sahaja dengan CIDB pada masa kini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya amat serius untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam industri pembinaan. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya menerusi CIDB iaitu agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan modal insan industri pembinaan telah merangka beberapa strategi dan inisiatif untuk mengurangkan kebergantungan yang keterlaluan terhadap pekerja asing dalam industri pembinaan di negara kita. Dasar atau hala tuju kerajaan itu ialah berdasarkan kepada rujukan pelan induk seperti berikut. Pertama ialah *Construction Industry Master Plan (CIMP) for Malaysia* dengan izin, 2006 hingga 2015; *Industrialised Building System* atau (IBS/MEPs) 2011 hingga 2015 dan Program Transformasi Industri Pembinaan atau *Construction Industry Transformation Programme (CITP)* iaitu program transformasi serta pembinaan negara yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bermula daripada 2016 hingga 2020.

Di samping itu untuk jangka panjang pula, CIDB juga sedang giat untuk memperkasakan Akademi Binaan Malaysia (ABM) sebagai pusat latihan dan kemahiran vokasional, khusus dalam industri pembinaan. Antara objektif ABM ini ialah untuk membentuk personel binaan mahir dan separa mahir tempatan, sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing. Pada masa kini, terdapat enam buah pusat ABM yang beroperasi di seluruh negara di mana ia telah melahirkan hampir 300,000 orang belia dan personel binaan dalam pelbagai bidang kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya. Kementerian ini akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Mana-mana pertanyaan yang tidak dapat saya jawab, jika ada, akan diambil perhatian dan akan diberikan jawapan secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya ingin menjemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**2.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan dan juga mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu tahun 2016 hingga tahun 2020 yang lalu.

Sepanjang perbahasan, terdapat dua orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tiga perkara yang akan saya jelaskan pada petang ini. Tuan Yang di-Pertua, isu pertama mengenai masalah pakar runding dalam pelaksanaan Program Transformasi Kedai Runcit iaitu TUKAR yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader. Program TUKAR diperkenalkan oleh kerajaan melalui NKEA pendorongan dan peruncitan, dilaksanakan khas untuk membantu peniaga runcit tradisional menghadapi persaingan dalam perniagaan dengan cara mengubah perniagaan runcit mereka ke arah yang lebih moden dan berteknologi baru agar dapat berkembang seiring dengan perniagaan runcit yang lain.

Bagi merealisasikan proses transformasi ini, kerajaan telah mengguna pakai khidmat konsultan yang terdiri daripada penggiat industri iaitu *industry players*, dengan izin, peruncitan untuk memberikan khidmat nasihat secara percuma kepada peserta TUKAR. Rasionalnya pihak industri khususnya pasar raya besar pakar dalam bidang peruncitan. Penglibatan mereka dalam program TUKAR adalah untuk menyumbangkan semula kepada ekonomi negara dengan membantu meningkatkan perniagaan peserta TUKAR. Pihak pasar raya besar yang menyertai TUKAR ini adalah secara sukarela tanpa apa-apa komitmen oleh kerajaan.

Terdapat dua kategori konsultan TUKAR iaitu pihak pasar raya besar berjenama asing seperti TESCO, dan pihak pasar raya besar tempatan seperti MYDIN. Namun begitu, kementerian menerima baik cadangan dan juga pandangan daripada Yang Berhormat dan akan sentiasa berusaha untuk memastikan perniagaan tempatan dapat meneruskan perniagaan dalam suasana kondusif dan terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader turut mencadangkan supaya kementerian mengkaji semula pemberian lesen perniagaan kepada pasar raya besar untuk membuka premis runcit. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan tidak pernah secara terus memberikan lesen perniagaan kepada pasar raya besar untuk membuka premis runcit. Namun, kerajaan menggalakkan perniagaan premis runcit yang dikenali sebagai kedai serbaneka dengan kepentingan asing, yang menggunakan jenama asing tetapi dipelopori oleh syarikat tempatan.

Konsep perniagaan ini adalah secara francais berdasarkan kepada Akta Francais 1998. Kebenaran ini juga adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 19 Januari 2011 yang memutuskan supaya usaha sama pengusaha tempatan dan asing dalam perniagaan kedai serbaneka

hendaklah beroperasi dengan konsep *convenience stores* iaitu konsep francais dan dikenakan syarat-syarat tertentu.

Berdasarkan Akta Francais 1998, pemilik sesuatu perniagaan ataupun francaisor tidak boleh mempunyai sebarang pertalian dengan francais yang melibatkan ekuiti dalam syarikat yang mengusahakan perniagaan kedai serbaneka dengan jenama asing tersebut. Malahan, model perniagaan ini dapat memberikan peluang kepada usahawan tempatan untuk mengembangkan perniagaan mereka dalam segmen peruncitan sendiri dan berbeza dengan peruncit tempatan yang menjalankan perniagaan secara tradisional.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir mengenai peranan koperasi keluarga di dalam meningkatkan ekonomi rakyat, khususnya dalam usaha melonjakkan pendapatan golongan B40 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

#### ■1420

Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa memberi sokongan dan galakan kepada masyarakat untuk menubuhkan koperasi keluarga yang dilihat berupaya menyumbang kepada perolehan yang lebih tinggi. Ini adalah selaras dengan Dasar Koperasi Negara 2011-2020 yang antaranya memfokuskan kepada sektor ekonomi bernilai tinggi dan keupayaan modal insan koperasi. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 780 buah koperasi keluarga telah didaftarkan dengan jumlah perolehan sebanyak RM38.42 juta.

Bagi menggalakkan penubuhan koperasi keluarga di kalangan masyarakat, kerajaan telah mempermudah syarat-syarat penubuhan koperasi keluarga dengan membenarkan keluarga yang mempunyai sekurang-kurangnya 20 orang anggota dan telah layak untuk menubuhkan koperasi keluarga. Sekiranya tidak mempunyai 50 orang anggota yang disyaratkan untuk penubuhan koperasi asas, untuk koperasi keluarga kita longgarkan kepada 20 orang sahaja.

Pada masa yang sama kementerian turut membantu koperasi keluarga supaya dapat terus berkembang dan berdaya tahan melalui bantuan dan juga inisiatif seperti berikut:

- (i) kemudahan pembiayaan berbentuk pinjaman mudah tanpa cagaran, maksimum sebanyak RM50,000 dan pinjaman mudah dengan cagaran sehingga RM10 juta;
- (ii) kemudahan bantuan asas bagi geran penggalakan kepada koperasi baru sehingga RM50,000 tertakluk kepada jenis aktiviti ekonomi yang bakal dijalankan; dan
- (iii) mengadakan pelbagai program untuk memastikan koperasi keluarga terus maju iaitu kita adakan program pendedahan melalui seminar peluang-peluang perniagaan, *business matching*, aktiviti promosi, pendidikan dan latihan, program rantai nilai dan jaringan perniagaan supaya menggalakkan koperasi keluarga ini akan terus bertambah dan meningkat.

Melihat kepada sumbangan perolehan yang tinggi oleh koperasi keluarga, adalah jelas Tuan Yang di-Pertua bahawa penubuhan koperasi keluarga sememangnya berpotensi untuk meningkatkan

keupayaan ekonomi anggotanya. Kementerian mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Yang Berhormat Senator Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff kerana membangkitkan perkara ini dalam perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, itu yang terakhir, dan akhir kata saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini. Saya percaya pandangan dan cadangan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkukuhkan lagi polisi dan juga tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kementerian ini untuk dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya dipersilakan Kementerian Luar Negeri. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

#### **2.24 ptg.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih banyak kepada semua Ahli-ahli Dewan ini yang tidak membangkitkan isu Kementerian Luar Negeri... *[Ketawa]* Kecuali Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman yang berbilang-banyak terima kasih kerana telah membangkitkan satu isu yang besar iaitu isu Laut China Selatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman.

Isu ini satu isu yang kompleks dan ia akan mengambil masa yang panjang untuk kita selesaikan. Ini kerana ia melibatkan banyak negara yang menuntut tentang tuntutan bertindih di Laut China Selatan ini, selain dari Malaysia, Brunei Darussalam, Vietnam, Filipina dan China.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian Malaysia tentang isu ini jelas dan konsisten. Semua tuntutan bertindih ini kita hendak selesaikan secara aman melalui perbincangan dan perundingan dan bukan melalui sesuatu yang boleh membangkitkan konflik yang lebih besar. Sekiranya rundingan itu gagal, maka barulah rujukan akan dibuat mengikut Mahkamah Pengadilan Antarabangsa ataupun *International Court of Justice*. Kemudian opsyen ini barulah kita melihat bahawa ini boleh dibawa asas tuntutan yang penyelesaiannya adalah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut 1982 atau *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS). Bukan seperti tuntutan sejarah atau *historical claims* yang dibuat oleh mana-mana negara.

Malaysia dan negara-negara penuntut ASEAN tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *Nine-Dashed Line* kerana tuntutan tersebut tidak mengikut peruntukan undang-undang antarabangsa yang saya sebutkan tadi, UNCLOS 1982. Memandangkan isu ini adalah bertindih, ia berpotensi untuk menjejaskan keamanan di kawasan ini, maka kita bertekad untuk melaksana usaha-usaha bagi membina kesalingpercayaan dan menangani sebarang perbezaan pandangan bagi mengelakkan konflik seperti yang saya katakan.

Negara-negara ASEAN dan Republik Rakyat China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Melalui DOC ini, semua pihak bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina kesalingpercayaan dan menangani sebarang perbezaan pandangan bagi mengelakkan berlakunya konflik di Laut China Selatan.

Walau bagaimanapun, sejak tahun 2012, beberapa insiden berlaku di kawasan Laut China Selatan termasuklah insiden di antara Filipina dan Republik Rakyat China dan juga di antara Vietnam dan Republik Rakyat China di kawasan Paracels Island dan sebagainya.

Insiden-insiden ini dilihat telah menjejaskan kesalingpercayaan di antara negara-negara terlibat dan berpotensi untuk menggugat keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan. Sehubungan dengan itu, usaha untuk menangani perkara ini telah dilaksanakan termasuklah perundingan untuk mewujudkan satu lagi kod tatalaku di Laut China Selatan yang kita panggil *Code of Conduct in the South China Sea* (COC).

Di peringkat dua hala pula di antara Malaysia dan China, walaupun kita mempunyai pendirian yang tidak mengiktiraf tuntutan Republik Rakyat China di Laut China Selatan, tetapi ia tidak mempengaruhi hubungan dua hala ataupun *bilateral relationship between the two countries*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Daripada aspek politiknya, hubungan Malaysia dan Republik Rakyat China adalah amat baik dan *very comprehensive*, kedudukan Malaysia dan China. Manakala daripada aspek perdagangan dan ekonomi, Republik Rakyat Cina merupakan rakan dagangan terbesar Malaysia, maka ia tidak menimbulkan masalah walaupun ia merupakan tuntutan bertindih di Laut China Selatan di antara Malaysia dan China.

Kerajaan juga telah menzahirkan bantahan terhadap aktiviti-aktiviti China yang dilihat boleh menjejaskan kepentingan negara di Laut China Selatan. Berhubung dengan aktiviti penambakan dan pembinaan landasan kapal terbang yang dijalankan oleh beberapa buah negara di Laut China Selatan dan mendapat liputan meluas akhir-akhir ini. Aktiviti ini dilaksanakan di luar kawasan maritim Malaysia di Laut China Selatan.

#### ■1430

Maka, sehubungan dengan itu ia tidak akan menjejaskan kepentingan negara secara langsung. Walau bagaimanapun aktiviti-aktiviti ini telah menimbulkan kekusaran di antara negara-negara ASEAN yang lain kerana ia berpotensi untuk menjejaskan kestabilan di Laut China Selatan. Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015, Malaysia telah membangkitkan perkara ini kepada pihak Republik Rakyat China. Selain itu, kenyataan Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN ke-26 yang dikeluarkan pada 27 April 2015 turut menyentuh isu penambakan ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Kerajaan akan terus mengambil pendekatan yang bersesuaian dalam isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan demi memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang ini saya hendak maklumkan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Shahidan bin Kassim pagi tadi ada majlis berbuka puasa kepada semua Ahli Dewan Negara, semua sekali tidak kira Muslim atau bukan Muslim dan juga pegawai-pegawai yang berkhidmat. So, apabila sampai waktu berbuka puasa nanti. Sekarang tanpa membuang masa saya mempersilakan Kementerian Wilayah Persekutuan.

### **2.31 ptg.**

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh secara khusus berkaitan dengan bidang kuasa kementerian ini semasa sesi perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas tempoh hari.

Umumnya terdapat sembilan isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di mana lapan daripadanya permasalahan yang berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar dan Datuk Yahaya telah membahaskan isu kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur yang tidak pernah selesai dari dahulu hingga sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai rangkaian jalan raya yang baik dengan kapasiti mengikut unjuran isi padu kenderaan semasa jalan-jalan raya ini dibina. Walau bagaimanapun, berikutan keberkesanan semua dasar dan perancangan kerajaan yang telah dilaksanakan khususnya di Kuala Lumpur, taraf sosioekonomi rakyat telah meningkat dengan signifikan di mana kemampuan rakyat untuk memiliki kenderaan meningkat dengan sangat ketara iaitu sekitar 8% setiap tahun. Lambang kemakmuran ini diterjemahkan apabila hampir setiap rumah memiliki lebih daripada dua buah kereta termasuk penghuni kawasan rumah kos rendah seperti perumahan awam dan PPR. Manakala kapasiti sebahagian besar jalan raya tidak lagi dapat dipertingkatkan apabila semua rizab jalan telah digunakan sepenuhnya. Pilihan yang ada adalah dengan membina jalan bertingkat atau membuat pengambilan semula tanah untuk melebarkan jalan yang kosnya sangat tinggi.

Pihak kementerian melalui DBKL berusaha sedaya upaya meningkatkan pengurusan lalu lintas dengan infrastruktur jalan sedia ada di samping meningkatkan kapasiti jalan melalui pembinaan persimpangan bertingkat, jejambat dan lain-lain jalan sambungan. Faktor utama yang menyumbang kepada kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur pada masa ini halangan dari kerja-kerja pembinaan di dalam rizab jalan, isi padu kenderaan yang tinggi menyebabkan jalan menjadi tepu serta halangan lalu lintas kesan daripada pelanggaran peraturan lalu lintas.

Keadaan lalu lintas di Kuala Lumpur dijangka akan bertambah baik apabila projek MRT siap sepenuhnya pada tahun 2017 dan orang ramai mengubah mode pengangkutan dari kenderaan persendirian kepada mode pengangkutan awam. Adalah diakui bahawa tahap kebolehsampaian yang baik pada sebuah-sebuah bandar raya merupakan pemangkin kepada peningkatan pelaburan dan meningkatkan daya saing.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu mengecat semula bangunan usang termasuk daripada kategori bangunan warisan, *heritage* di Kuala Lumpur yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar. Bangunan-bangunan yang telah diwartakan di Kuala Lumpur kini dalam proses penambahbaikan. Antara kerja-kerja yang dilaksanakan ialah pemuliharaan bangunan, mengecat dan penyediaan lampu impak malam serta pengisian dalaman.

Antara bangunan-bangunan yang sedang dalam proses penambahbaikan ialah Masjid Jamek, penglibatan projek *River of Life*, Bangunan Sultan Abdul Samad – Projek *River of Life*, Mahkamah Tinggi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Mahkamah Lama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Bangunan dan Panggung Sanitary Board DBKL, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Bangunan DBKL Jalan Tangsi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Bagi bangunan-bangunan rumah kedai lama pula, DBKL bekerjasama dengan pemilik-pemilik bangunan untuk membangunkan kawasan dan menambahbaikkan bangunan, mengecat dan menyediakan kemudahan lampu impak malam. Antara kawasan-kawasan yang terlibat ialah Lebu Ampang, Medan Pasar, Jalan Petaling dan sekitarnya, Pekan Sungai Besi, Brickfields dan Jalan Tunku Abdul Rahman. Setelah kerja-kerja ini siap, Kuala Lumpur diharapkan akan berada dalam keadaan yang cantik dan ceria.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar kemudiannya turut bertanyakan tentang rancangan kementerian untuk memanfaatkan sungai di Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memulakan inisiatif bagi memanfaatkan sungai di Kuala Lumpur bermula pada 2011. Melalui Program Transformasi Ekonomi di mana salah satu projek yang dilaksanakan ialah projek *River of Life* (RoL) di bawah NKEA Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley.

Projek ini dilaksanakan bagi mentransformasikan Sungai Gombak dan Sungai Klang kepada ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi. Objektif utama projek RoL adalah untuk mencapai tahap kualiti air sungai kelas 2B menjelang tahun 2020. Secara keseluruhan, projek *River of Life* terbahagi kepada tiga buah komponen iaitu pembersihan sungai (*river cleaning*), pengindahan sungai (*river beautification*) dan pembangunan tanah (*land development*). Pada ketika ini, prestasi semasa keseluruhan projek RoL telah mencapai 84% berbanding dengan 43% yang disasarkan mengikut jadual. Ia dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim telah menyentuh secara khusus tentang isu pembangunan Kampung Baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha membangunkan Kampung Baru telah dimulakan dengan penubuhan Perbadanan Pembangunan

Kampung Bharu (PKB) pada 1 April 2012 selaras dengan Akta 733 yang telah diluluskan pada 30 Disember 2011.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang yang bangun Yang Berhormat. Ada seorang yang bangun hendak bertanya Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Saya belum jawab pun Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi hendak tanya dahulu, apa yang Yang Berhormat hendak bangkitkan.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Tadi nama siapa yang membangkitkan projek Pembangunan Kampung Bharu itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, apa penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Okey apa penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** Tan Sri Rahim ataupun Datuk Seri Halim, *which one* tadi?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Nota saya menunjukkan Tan Sri Dato' Abdul Rahim.

**Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad:** ...Terima kasih. Saya rasa saya yang membangkitkan.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Saya ingat Tan Sri punya Tan Sri belum lagi. Sabar Tan Sri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha membangunkan Kampung Baru telah dimulakan dengan penubuhan Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) pada 1 April 2012 selaras dengan Akta 733 telah diluluskan pada 30 Disember 2011. Selaras dengan penubuhan tersebut, PKB telah melaksanakan perkara paling utama iaitu menyediakan sebuah kerangka yang akan memandu hala tuju pembangunan Kampung Baru pada masa hadapan iaitu penyediaan Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampung Bharu (PITPKB) yang telah dimuktamadkan pada 17 Disember 2014 dan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 15 Januari 2015.

#### ■1440

PITPKB telah menetapkan Pembangunan Kampung Baru dimulakan pada tahun 2015 dan merangkumi empat fasa bagi tempoh 20 tahun. PKB pada masa kini sedang berbincang dengan pihak berpotensi dalam mendapatkan dana diperlukan bagi memastikan pembangunan yang ditetapkan mampu dilaksanakan dengan sempurna. Selaras dengan itu, pada masa kini terdapat 5 projek sedang dilaksanakan dan 11 projek pula pada peringkat pengemaskinian dan kelulusan pelan di Kampung Baru. Projek-projek yang sedang dalam pembinaan antaranya pembangunan semula Pasar Raja Bot oleh kerajaan serta cadangan pembangunan hotel dan pangsapuri servis 37 tingkat oleh Pembangunan Kampung Baru Sdn. Bhd. dan cadangan pembangunan bercampur Legasi Residen oleh UDA Holdings Sdn. Bhd. yang merupakan inisiatif pihak swasta.

Selain itu, PKB juga turut memainkan peranan dalam membantu dan memudahkan pemilik-pemilik berkeupayaan untuk membangunkan tanah mereka dalam memenuhi keperluan teknikal perancangan yang ditetapkan. Merujuk kepada aspek agihan peruntukan kewangan pula, penyaluran

kepada pihak DBKL sebenarnya hanya berlaku semasa proses awal penubuhan PKB pada tahun 2012. Berikutan PKB masih tidak memiliki kakitangan dan prosedur kewangan seperti yang ditetapkan oleh kerajaan pada ketika itu. Kini, proses penyaluran bagi projek-projek baru akan terus disalurkan oleh Kementerian kepada pihak PKB bermula pada tahun 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Puan Shahanim seterusnya telah membangkitkan isu tentang rumah perlindungan bagi golongan gelandangan, di mana saya akan hanya menjawab secara khusus hanya di kawasan Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah penyelesaian untuk menyediakan kemudahan pusat perlindungan dan penempatan kepada golongan ini, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama DBKL telah mengenal pasti tiga buah kawasan yang sesuai untuk dijadikan lokasi pusat penempatan bagi golongan gelandangan. Sehingga Mei 2015, dua daripada tiga buah kawasan tersebut telah pun dimulakan pembangunan pusat penempatan. Manakala, satu lagi masih dalam tindakan untuk proses pengambilan tanah. Status pembangunan pusat-pusat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Pusat penempatan gelandangan di Lot 650, Jalan Pahang, Kuala Lumpur. Pusat gelandangan ini telah pun dibangunkan oleh pihak MRCB secara bertanggungjawab korporat sosial syarikat bermula pada bulan Februari 2015 dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2015 ini. Sehingga 25 Jun 2015, projek ini telah pun mencapai kemajuan fizikal sebanyak 57%. Komponen di dalam penempatan ini termasuklah kemudahan bilik menginap bagi pelbagai golongan seperti orang kurang upaya (OKU), warga emas, tempat agihan dan pemberian makanan, bilik air dan ruang solat. Pusat ini boleh menempatkan sejumlah 250 orang pada satu masa. Pengoperasian pusat ini akan diselaraskan oleh pihak DBKL bersama dengan NGO dan agensi kerajaan yang berkaitan.
- (ii) Pusat penempatan gelandangan di Lot 1996, Seksyen 41, Lorong Medan Jalan 1 dan 2, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur. Bagi pembangunan pusat gelandangan di Lot 1996, ia adalah bersifat sementara bagi memenuhi keperluan jangka masa terdekat. Justeru, pembangunannya menggunakan sistem IBS oleh Syarikat *Sinotech Modular Housing Company Limited* secara bertanggungjawab korporat sosial. Pusat ini sudah pun hampir siap dan pada masa ini pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang menyiapkan kerja-kerja akhir bagi memastikan bangunan ini sedia untuk memulakan operasinya sebagai pusat agihan makanan pada awal Julai 2015, termasuklah penyediaan tangki septik pengisian dan susun atur perabot serta pemasangan utiliti.
- (iii) Pembangunan rumah perlindungan sementara gelandangan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Bagi pusat gelandangan di Chow Kit pula, pihak DBKL sedang berusaha dengan proses pengambilan balik tanah, *land acquisition* ke atas dua unit kedai. Bangunan tersebut nanti akan diubahsuai bagi menyediakan

kemudahan penginapan bagi golongan gelandangan, terutamanya golongan wanita dan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu...

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mohon pencerahan daripada pihak kementerian mengenai golongan gelandangan ini. Pertamanya, tentang tempoh gelandangan ini boleh masuk ke pusat-pusat ini sama ada pada waktu malam atau 24 jam, itu yang pertama. Yang kedua, saya juga ingin mengetahui adakah pusat-pusat yang menempatkan gelandangan ini akan diasingkan sama ada golongan wanita dan kanak-kanak, golongan lelaki. Sekiranya pusat-pusat ini siap sepenuhnya, adakah sekiranya masih ada lagi gelandangan yang tidur di sekitar Chow Kit, mereka ini akan ditangkap ataupun diambil tindakan? Oleh sebab kita tidak mahu lagi tahun 2020 masih ada lagi gelandangan. Kita tidak mahu dah gelandangan ada di sekitar Kuala Lumpur. Jadi, saya hendak tahu tindakan kementerian selepas bangunan-bangunan ini telah siap. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Yang Berhormat, soalan yang pertama, kita masih menyiapkan garis panduan bagi masa untuk mereka menghuni tempat ini.

Bagi soalan kedua, memang kita akan mengasingkan lelaki dan perempuan, perempuan dengan kanak-kanak dan lelaki.

Untuk soalan ketiga pula berkenaan dengan tindakan selepas rumah-rumah gelandangan ini siap, pusat-pusat gelandangan ini siap, sudah tentu kita akan ambil tindakan penguatkuasaan. Kita akan dapatkan bantuan dari Jabatan Kebajikan dan memastikan mereka ini diambil tindakan secara peruntukan undang-undang yang sedia ada.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah. Soalan tambahan sebenarnya daripada apa yang ditanya oleh Yang Berhormat. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian. Bagaimanakah gelandangan yang berkeluarga ini? Adakah mereka juga akan diletakkan berasingan dan adakah kementerian berfikir untuk menyiapkan sebuah rumah gelandangan bagi mereka yang berkeluarga ini agar tidak dipisahkan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Soalan ini memang satu soalan yang baik. Memang kita ada peruntukan tetapi pada masa sekarang kita belum buat pengumuman macam mana kita hendak uruskan hal ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu lambakan kawasan setinggan di Kuala Lumpur seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya. Pihak kementerian telah pun mempunyai perancangan untuk membersihkan kawasan setinggan di Kuala Lumpur. Bilangan setinggan di tanah kerajaan menurut bancian USM tahun 1998/1999, termasuklah keluarga tambahan sebanyak 28,541 bilangan setinggan. Bilangan pemindahan setinggan yang sudah dilaksanakan

sehingga kini sebanyak 25,913 jumlah setinggan. Mengikut statistik sehingga 1 Jun 2015, terdapat baki sebanyak 2,633 jumlah setinggan di Kuala Lumpur.

Dari tahun ke tahun, usaha mengurangkan bilangan kawasan setinggan membuahkan hasil, amnya pengurangan kawasan setinggan juga boleh dipercepatkan jika projek-projek yang dirancang oleh kementerian, pihak berkuasa tempatan dan pihak pemaju boleh dilaksanakan dengan efisien. Walau bagaimanapun, kekangan dan halangan sentiasa wujud dalam hal ini. Penghuni di kawasan setinggan enggan berpindah kerana mereka telah menetap lama di situ. Antaranya mencecah 20 hingga 30 tahun.

■1450

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Minta laluan, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Tidak mahu tunggu sehingga saya habis?

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Bolehlah.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Mereka bekerja dan anak-anak bersekolah di kawasan itu. Di samping itu, permintaan pampasan mereka juga dilihat tidak munasabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak DBKL menawarkan pembayaran *ex-gratia* sebanyak RM1,000 serta penempatan semula penghuni setinggan di atas tanah kerajaan ke kawasan PPR. Proses perbincangan ini kadangkala memakan tempoh masa yang lama dan kebiasaannya ia akan terus berlanjutan.

Perancangan projek yang diatur akan tergendala dan ia melambatkan usaha pembangunan untuk dijalankan. Selain itu juga, pelaksanaan penguatkuasaan yang lebih tegas perlu diselaraskan untuk memantau sekiranya terdapat kewujudan kawasan setinggan baru di Kuala Lumpur. Akhir kata, pihak kementerian optimis untuk mengatasi masalah kawasan setinggan sedia ada di Kuala Lumpur ini. Menurut laporan statistik tahunan untuk bulan ini ia dijangka boleh diselesaikan menjelang tahun 2020. Silakan, Yang Berhormat.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang saya kasihi. Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan saya dua-tiga hari yang lepas saya ada sebut tiga perkara. Pertama, tentang kesesakan jalan raya.

Kedua, tentang keadaan gerai kebersihan yang agak bercelaru nampak di Kuala Lumpur sekarang dan yang ketiganya soal setinggan.

Soal jalan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi kita setengah-setengah tempat kita sememangnya berpuas hati dengan apa yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Akan tetapi sesetengah tempat seperti mana Jalan Sentul dan sebagainya, jalan rayanya agak teruk. Jalan rayanya berlubang di sana, berlubang di sini dan ini akan menambahkan lagi kesesakan.

Sebagaimana yang kita tahu, dari Jalan Sentul ke Batu Caves, kalau *peak hour*, kalau *time* yang orang pergi kerja, balik kerja, amat sesak sekali. Jadi, ini masalah-masalah yang harus dilihat kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ketiganya, tentang setinggan yang dibicarakan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya akur apa yang Yang Berhormat Menteri perkatakan. Di Parlimen saya di Parlimen Batu,

Datuk Saravanan pun ada, dia tahu, Parlimen Batu kita masih ada tiga buah kawasan setinggan yang agak besar.

Tadi Yang Berhormat Menteri, saya hendak petik kata-kata Yang Berhormat Menteri tadi. Dia kata ada setengah-setengah setinggan ini susah orang hendak keluar, macam-macam orang hendak buat tuntutan. Akan tetapi saya hendak beritahu, Setinggan Kampung Chubadak Jaya di dalam Parlimen Batu, mereka bersedia untuk keluar bila-bila masa. Akan tetapi pemaju yang diamanahkan selama 25 tahun daripada dahulu sampai sekarang tidak buat apa pun.

Jadi, saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada Dewan Bandaraya, kalau pemaju berkenaan tidak mampu melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, buang sahaja, ambil lantik pemaju baru, senang cerita. Orang kampung pun senang. Mereka di situ, rakyat di situ memberitahu kepada saya, setiap kali hujan lebat banjir masuk rumah, tikus dan sebagainya, mereka hendak pindah. Sememangnya mereka hendak pindah tetapi masih menunggu-nunggu pelaksanaan yang dijanjikan oleh mereka. Sekian, terima kasih.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Sedikit boleh Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya saya cuma hendak merakamkan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak kementerian. Oleh sebab bagi saya usaha membaik pulih membina tiga buah bangunan ini iaitu di Jalan Sultan Ismail, Jalan Chow Kit dan juga Jalan Pahang. Saya merakamkan tahniah atas usaha kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya. Saya ambil maklum yang telah dimaklumkan tadi, cadangan-cadangan yang diberi kepada kementerian. Saya akan bawalah cadangan Yang Berhormat kepada pengajian dan seterusnya pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya juga telah menyentuh tentang isu gerai penjaja yang tidak tersusun di Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian melalui DBKL telah melaksanakan program menaik taraf penjaja tepi jalan melalui tiga kaedah iaitu:

- (i) menaik taraf gerai di tepi jalan di lokasi sedia ada seperti di Taman Desa, Jalan Klang Lama, Jalan Cochrane dan Taman Tenaga, Cheras;
- (ii) membina pusat penjaja baru di lokasi yang dikenal pasti sesuai seperti di tapak sementara Desa Tasik, Taman Wahyu dan Pusat Perdagangan Lorong Bunus;
- (iii) mentransformasikan penjaja di tepi jalan kepada konsep perniagaan menggunakan van ataupun trak.

Selain daripada itu, pihak DBKL telah menerima beberapa buah Kertas Cadangan daripada pihak swasta untuk menggunakan *kiosk* penjaja yang lebih cantik dan standard. Buat masa ini Kertas Cadangan tersebut masih di peringkat kajian pelaksanaan. Walau bagaimanapun, pihak DBKL telah

melaksanakan penggunaan gerai berkonsep gerai *green kiosk* bertenaga solar di beberapa lokasi terpilih seperti berikut:

- (i) Lorong Fatimah - tiga unit gerai;
- (ii) Sun Complex - 4 unit gerai; dan
- (iii) Medan Pasar - 2 unit gerai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh telah membahaskan tentang isu kelulusan projek pembangunan Kuala Lumpur, khususnya di Segambut dan Sentul. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982, Akta 267 telah menetapkan mana-mana pembangunan yang akan dibangunkan perlu untuk mendapat kelulusan kebenaran perancangan, *development order*. Semua cadangan pembangunan yang dikemukakan kepada DBKL akan dinilai dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS). Jawatankuasa ini diwakili oleh semua Jabatan Teknikal Dalam DBKL serta agensi teknikal luaran.

DBKL mempunyai kaedah yang telah ditetapkan bagi menilai dan memproses permohonan pembangunan yang dikemukakan oleh pihak pemaju. Dalam perkara ini, antara syarat yang dikenakan adalah sekiranya mana-mana skim pembangunan kediaman dengan keluasan tapak pembangunan berkeluasan 5 ekar dan ke atas akan dikenakan syarat penyediaan rumah mampu milik. Sekiranya tapak cadangan terlibat dengan setinggan, pihak pemaju akan disyaratkan untuk mengambil kira penyediaan rumah kos rendah bagi ditawarkan kepada para penduduk setinggan sebagai alternatif penyelesaian masalah setinggan.

Selain daripada itu, pihak pemaju juga boleh berbincang dengan penduduk-penduduk setinggan tersebut bagi menyelesaikan isu penempatan penduduk tersebut. Bagi perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh yang mana rumah kaum India di Segambut Estate telah dirobohkan oleh pemaju. Semakan pihak DBKL mendapati pemilik tanah belum mengemukakan sebarang cadangan pembangunan kekal di atas tapak tersebut.

Walau bagaimanapun, DBKL sedang mempertimbangkan cadangan pembangunan bercorak sementara bagi pembangunan Pusat Latihan Memandu di atas Lot 13706 dan Lot 13707. Manakala bagi perkara di Sentul, pihak DBKL telah mensyaratkan pihak Tetuan Sentul Raya Sdn. Bhd. menyediakan rumah kos rendah sebagai alternatif penempatan penduduk-penduduk asal di atas tapak pembangunan mereka.

Pada 9 hari bulan April 2015, JKPS telah mempertimbangkan dan meluluskan secara dasar bagi permohonan pembangunan sebuah blok pangsapuri kos rendah setinggi 21 tingkat, 250 unit berserta kemudahan penduduk dan tempat letak kereta di atas Lot 2004, Off Jalan Sentul, Kuala Lumpur. Dalam skim pembangunan yang sama oleh Tetuan Sentul Raya, JKPS pada 14 hari bulan Mei 2015 secara dasarnya telah meluluskan cadangan pembangunan sebuah blok pangsapuri setinggi 27 tingkat, 250 unit berserta kemudahan penduduk dan tempat letak kereta di atas Lot Pt. 118, Off Jalan Sentul, Kuala Lumpur.

**■1500**

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali menyentuh tentang isu di Wilayah Persekutuan Labuan. Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus telah membangkitkan tentang kadar sewa premis perniagaan yang tinggi di Labuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan harga sewa ruang niaga yang tinggi di Labuan berpunca daripada kerancakan ekonomi Labuan yang menunjukkan keyakinan peniaga di Labuan. Berhubung dengan ketidakupayaan golongan bumiputera untuk menanggung kos sewa yang tinggi, pihak kementerian melalui Perbadanan Labuan kini sedang berusaha membangunkan lebih banyak peluang dan ruang untuk golongan yang dinyatakan sama ada oleh pihak Perbadanan Labuan sendiri mahupun secara usahawan dengan swasta.

Pihak Perbadanan Labuan sendiri sedang menyediakan lebih banyak gerai makanan di bandar dan kawasan kampung juga. Dengan ini kadar sewa *premises* perniagaan akan menjadi lebih kompetitif dan secara tidak langsung dapat menjadi rendah berbanding dengan kadar sedia ada. Bangunan daripada projek usaha sama akan disewakan kepada usahawan bumiputera baru dan juga kepada mereka yang hendak membesarkan perniagaan mereka. Keutamaan sudah pastinya akan diberikan kepada penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin betulkan rekod seperti mana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim tadi. Memang isu Kampung Baru dibangkitkan oleh dua orang Senator iaitu Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abd. Halim kerana nama dia tertinggal daripada nama di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Segala pandangan dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat akan kami manfaatkan demi menjadikan Wilayah Persekutuan sentiasa maju sejahtera. Salam Wilayahku Ceria. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Kementerian Belia dan Sukan.

**3.02 ptg.**

**Datuk Saravanan A/L Murugan [Timbalan Menteri Belia dan Sukan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 10 Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian iaitu daripada Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya; Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B); Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail; Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin; Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han; Yang Berhormat Senator Tuan Zali bin Mat Yasin; Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon; Yang

Berhormat Senator Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang dikemukakan mengenai Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sesi sidang Parlimen Dewan Rakyat pada 21 Mei 2015 dan dibentangkan semula di dalam Dewan Negara oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar pada 22 Jun 2015 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebagaimana berikut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Saravanan A/L Murugan:** Tuan Yang di-Pertua mengenai isu belia, jumlah pertubuhan belia dan jumlah belia yang telah dilatih. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam, KBS melalui Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia sentiasa mempromosikan kelebihan-kelebihan persatuan tanpa mengira kaum. Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia juga sering kali mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan pertubuhan-pertubuhan peringkat tinggi bagi menggalakkan penambahan hal ini serta menjalankan pelbagai aktiviti yang bersesuaian agar penyertaan golongan belia terhadap persatuan belia dapat ditingkatkan.

Sehingga tahun 2015, jumlah pertubuhan belia yang telah direkodkan adalah berjumlah 10,969 buah pertubuhan. Manakala jumlah pertubuhan belia yang telah dibubarkan adalah sebanyak 1,715 buah pertubuhan. Pecahan mengikut jumlah ahli pertubuhan belia mengikut kaum yang direkodkan oleh Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia adalah seperti berikut:

<b>Jumlah Ahli Pertubuhan Belia Mengikut Kaum</b>		
<b>Kaum</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Melayu	1,285,719	48
Cina	750,003	28
India	508,931	19
Lain-lain	133,929	5
<b>Jumlah</b>	<b>2,678,582</b>	<b>100</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah belia yang dilatih pada tahun 2013 adalah sebanyak 5,348 orang, pada tahun 2014 sebanyak 7,524. Manakala pada tahun 2015, sasaran sehingga bulan Disember adalah sebanyak 5,740 orang. KBS menjangka belia yang akan dilatih dalam tempoh lima tahun akan datang pula sebanyak 6,000 orang belia dilatih setiap tahun. Anggaran belia yang dilatih menjelang tahun 2020 iaitu lima tahun akan datang sebanyak 30 ribu orang belia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai Parlimen Belia Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Zali bin Mat Yasin, sebanyak sembilan usul telah dibahaskan semasa Persidangan Parlimen Belia Malaysia sidang tahun 2015 hingga tahun 2016 yang telah diadakan pada 10 Januari dan 11 Januari 2015 di Dewan Rakyat. Usul-usul tersebut telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri pada 21 Januari 2015. Sembilan usul berkenaan juga telah dikemukakan kepada kementerian atau agensi yang terlibat bagi mendapatkan maklum balas dan tindakan. Salah satu daripada usul

tersebut ialah penubuhan Dewan Belia ASEAN ataupun *ASEAN Youth Hall Assembly* yang telah dibentangkan di Mesyuarat Menteri-menteri Belia ASEAN pada awal Jun 2015 dan diterima baik oleh semua ahli mesyuarat.

Persidangan Parlimen Belia Malaysia, Sidang Kedua pada 11 Mei hingga 13 Mei 2015 pula telah membahaskan sebanyak 15 Usul dan pihak KBS sedang mendapatkan maklum balas daripada kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Untuk makluman, pihak KBS telah mengaturkan beberapa pertemuan antara Jawatankuasa Parlimen Belia Malaysia dengan kementerian atau agensi yang berkenaan untuk mendapatkan input serta pandangan berkaitan bagi menggerakkan tindakan berkaitan usul-usul yang telah dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya mengenai isu Majlis Perundingan Belia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zali juga. Untuk makluman Yang Berhormat, hasil persidangan Majlis Perundingan Belia Negara ialah diangkat kepada Majlis Perundingan Belia Negeri dan seterusnya dibawa untuk dibahaskan di Majlis Perundingan Belia Negara. Hasil persidangan setiap MPBN diangkat kepada Mesyuarat Jemaah Menteri dan seterusnya dipanjangkan kepada pihak pengurusan tertinggi agensi yang berkenaan untuk maklum balas dan tindakan lanjut.

Maklum balas yang diberikan oleh setiap agensi berkaitan di dokumenkan dan diedarkan dalam persidangan berikut. Oleh yang demikian wakil agensi kementerian menghadiri persidangan perlu mendapatkan persetujuan pihak pengurusan tertinggi yang diwakilinya untuk membuat sebarang keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya penjenamaan semula Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan menyambut baik cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam berhubung penjenamaan semula Institut Kemahiran Belia Negara di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang melaksanakan Program Transformasi IKBN dengan matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran lepasan IKBN. Ini seterusnya dapat merealisasikan hasrat kementerian untuk menjadikan IKBN sebagai hab latihan kemahiran negara dan beberapa IKBN akan menjadi *center of excellent*, dengan izin. Selain kerjasama dengan pihak industri, kementerian juga turut bekerjasama dengan beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Awam Swasta. Menerusi kerjasama ini, mana-mana pelatih yang berhasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi boleh memohon jika melepasi syarat kelayakan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang telah dipersetujui.

Peluang melanjutkan pengajian tidak hanya terbuka kepada pelajar-pelajar tetapi juga terbuka kepada tenaga pelajar kerana berpeluang untuk meningkatkan lagi kompetensi dan kualiti tenaga pengajar serta kokurikulum.

#### ■1510

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya pengangguran belia. Menyentuh isu pengangguran seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail dan juga Yang

Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han. Untuk makluman, Kementerian Belia dan Sukan sememangnya prihatin terhadap masalah ini. Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di bawah KBS tidak hanya menitikberatkan aspek latihan kemahiran teknikal semata-mata tetapi subjek keusahawanan turut diterapkan yang bertujuan untuk memberikan pendedahan dan perkara-perkara asas berkaitan bidang perniagaan bagi membolehkan mereka dapat berdikari selepas tamat belajar. Ini bermakna jika mereka berminat untuk membuka perniagaan sendiri mereka, maka pendidikan keusahawanan yang telah dipelajari sebelum ini dapat dijadikan sebagai panduan.

Selain itu, suka juga saya menyatakan di sini bahawa kementerian turut menjalinkan kerjasama dengan pihak industri. Kerjasama ini membolehkan pelajar IKBN dapat mengikuti latihan yang bertepatan dengan kehendak industri. Ini secara tidak langsung meningkatkan lagi tahap kompetensi dan kebolehpasaran pelajar IKBN seterusnya mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia.

Kementerian turut menjalinkan kerjasama dengan agensi swasta dan bimbingan profesional bagi menampung permintaan para belia yang tercicir daripada sistem pendidikan mahupun para belia yang telah bekerja tetapi ingin menambah kemahiran mereka. Antaranya adalah seperti Program Perintis yang merupakan program latihan di tempat kerja sebenar, *training at workplace* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, dan dijalankan selama tiga bulan di industri serta program Latihan Kemahiran Tidak Formal (LKTF) yang dijalankan di Kompleks Belia dan Sukan atau Kompleks Rakan Muda di semua negeri pada hujung minggu.

Selain itu juga, kementerian turut menawarkan Program *Boot Camp* iaitu latihan kemahiran yang dijalankan secara intensif selama 12 hingga 14 minggu di industri. Melalui pelaksanaan program sepenuh masa di IKBN dan program jangka pendek di luar IKBN serta kerjasama dengan pihak industri ini adalah diharapkan ia dapat membantu kerajaan untuk mengurangkan bilangan pengangguran belia di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mentransformasi pendidikan TVET. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon, *Technical Vocational Education and Training* (TVET) dengan izin, telah diberikan penekanan utama dalam RMKe-11. Kerajaan berhasrat untuk mentransformasikan pendidikan TVET agar TVET dapat memenuhi permintaan industri dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi serta menarik perhatian pelajar agar menjadikan TVET sebagai laluan pendidikan pilihan.

Dalam konteks Kementerian Belia dan Sukan, kementerian sebenarnya telah memperkenalkan Program Transformasi IKBN sejak tahun 2014 dengan harapan untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap latihan kemahiran dan menjadikan IKBN sebagai pilihan pelajar untuk menyambung pengajian. Kursus-kursus yang ditawarkan di IKBN disesuaikan dengan keperluan semasa dan permintaan industri seperti kursus elektrik dan elektronik, automobil, hospitaliti, fotografi, *oil and gas* dan sebagainya.

Di bawah Program Transformasi IKBN juga, kementerian melalui IKBN telah mewujudkan kerjasama dengan pihak industri. Matlamatnya telah melahirkan ramai lepasan IKBN yang berkualiti tinggi dan sekali gus meningkatkan potensi peluang pekerjaan mereka. Sehingga 25 Jun 2015, sebanyak 15 MoU di peringkat nasional telah ditandatangani bersama pelbagai syarikat seperti Tan Chong Group,

Samsung, SDI, AEON, Petronas, Institut Teknologi Singapura, *Malaysia Automotive Institute* (MAI), Themed Attractions and Resorts Sdn Bhd, Tune Hotel, Nilai Springs Resort, UMW Group, Berjaya Group, Animation Themed Park Sdn. Bhd. dan terbaru *Federation of Malaysia Skills Development Centre*. Pemeteraian perjanjian ini menawarkan sebanyak 424 peluang pekerjaan dan *on the job training* kepada pelajar-pelajar IKBN serta 170 buah tempat bagi tenaga pengajar untuk menjalankan *train of trainers*, dengan izin.

Pendekatan kementerian ini selari dengan matlamat RMKe-11 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dengan melahirkan lebih ramai tenaga kerja dalam sektor teknikal dan vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya pencapaian Sukan SEA 2015 di Singapura. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya, Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin dan Yang Berhormat Tuan Zali bin Mat Yasin yang telah menyentuh mengenai isu sukan negara kita. Terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang memberi pengiktirafan kepada kementerian berikutan kejayaan pungutan 62 buah pingat emas, 52 buah pingat perak, dan 66 buah pingat gangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi dan pencapaian kontinjen negara di temasya Sukan SEA ke-28 di Singapura amat membanggakan apabila telah berjaya mencapai sasaran ataupun melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 56% ataupun 184 buah pingat kepada 56.5% iaitu 186 buah pingat, pencapaian pingat keseluruhan daripada acara yang disertai. Pencapaian 62 buah pingat emas pada kali ini sekali gus berjaya mengatasi kutipan 40 buah pingat emas pada edisi tahun 2009 di Laos dan tahun 2011 di Indonesia dengan 58 buah pingat emas dan pada tahun 2013 di Myanmar dengan 43 buah pingat emas.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan ini juga merupakan kesan limpah daripada Program Pelapis yang telah dilaksanakan sejak tahun 2007 yang lalu. Sebanyak 19 jenis sukan teras yang kita tumpu bagi memastikan kesinambungan atlet yang bakal menggantikan atlet-atlet senior. Kementerian mengakui bahawa sukan renang dan sukan olahraga kini dalam kemerosotan prestasi walaupun menyumbang dalam pencapaian sasaran 56% buah pingat keseluruhan kontinjen negara iaitu renang tiga buah pingat emas, empat buah pingat perak dan empat buah pingat gangsa dan olahraga tiga buah pingat emas, dua buah pingat perak dan sembilan buah pingat gangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, seramai 438 orang atlet renang dan 958 orang atlet olahraga sedang menjalani latihan di bawah Program Pelapis, Majlis Sukan Negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 18 orang atlet renang dan 144 orang atlet olahraga berlatih di bawah Program Senior Kebangsaan yang akan menumpukan persediaan ke arah Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Transformasi Sukan Negara diumumkan pada bulan Februari lalu dengan pelaksanaan modul sukan baru yang menggariskan beberapa usaha untuk meningkatkan prestasi sukan negara. Antara langkah tersebut termasuklah penyediaan Pelan Pembangunan Sukan Jangka Panjang,

*blueprint*, bagi tempoh 2015 hingga tahun 2023 yang melibatkan 19 jenis sukan teras dengan kerjasama semua pemegang taruh atau *stakeholders*.

Begitu juga sukan bola sepak, kementerian telah menyediakan satu Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PBBN) yang bertujuan untuk memastikan pembangunan pemain, kejurulatihan, kemudahan dan pertandingan dilaksanakan secara berterusan di peringkat akar umbi. Sehingga kini, seramai 19,250 berlatih di seluruh negara. PBBN juga akan dijadikan tapak penyediaan pemain-pemain yang mampu bersaing di Kejohanan Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun pada tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya cadangan daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam mengenai cadangan Institut Sukan Negara dinaiktaraf menjadi Universiti Sukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Institut Sukan Negara (ISN) telah menubuhkan cawangan ISN negeri yang dinamakan Pusat Satelit ISN negeri di seluruh negara bermula sejak tahun 2007. Sebanyak 19 buah pusat telah ditubuhkan untuk menguruskan prestasi tinggi yang melibatkan perkhidmatan sokongan sains sukan seperti sains fizikal, psikologi sukan, pemakanan sukan dan fisiologi senam serta perubahan sukan secara berperingkat kepada atlet dan jurulatih negeri terutama di peringkat akar umbi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian perlu mengkaji terlebih dahulu perkara ini memandangkan perkhidmatan ISN di negeri-negeri adalah bertujuan untuk peningkatan prestasi atlet negeri dalam melahirkan jaguh-jaguh sukan berprestasi tinggi. Walau bagaimanapun, kementerian akan mengkaji cadangan Yang Berhormat secara mendalam dan sekiranya impaknya baik, kita akan mengimplementasikan.

#### ■1520

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, inisiatif KBS dalam melaksanakan *fitness stress* secara ujian standard kepada murid sekolah.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B), pelaksanaan program di bawah Kementerian Belia dan Sukan adalah berlandaskan Pelan Strategik KBS 2010-2015 di bawah teras strategik ketiga iaitu pembudayaan sukan untuk semua. Perancangan sektor visi masa panjang dalam usaha melahirkan masyarakat berbudaya sukan atau *sporting nation*, dengan izin, adalah dengan menjadikan sukan sebagai salah sebuah platform ke arah pembangunan dan penyatuan masyarakat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, KBS tidak melaksanakan *fitness test* kepada murid-murid sekolah. Walau bagaimanapun, ia dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan melalui standard kecergasan fizikal kebangsaan untuk murid-murid sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai isu peruntukan penyelenggaraan gelanggang futsal di seluruh Malaysia. Pihak kementerian juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zali bin Mat Yasin berkenaan perkara ini. Kementerian Belia dan Sukan secara berterusan berusaha untuk meningkatkan tahap kemudahan sukan di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar dengan mengambil kira kepentingan dan keperluan pembangunan sukan negara.

Kementerian juga telah pun mengenal pasti senarai cadangan baru untuk projek pembangunan infrastruktur sukan di bawah RMKe-11 termasuk menaik taraf gelanggang sukan dan futsal.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan mengalu-alukan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg mengenai mini kompleks sukan di Sarawak bagi RMKe-11 ini. Buat masa ini, Kementerian Belia dan Sukan telah membina pelbagai infrastruktur dan kemudahan sukan di Sarawak.

Pada masa yang sama, Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak juga telah turut menyediakan kemudahan-kemudahan berkenaan. Namun dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti sukan, kementerian telah pun memohon dalam RMKe-11 untuk menaik taraf Kompleks Belia dan Sukan, Kompleks Sukan Komuniti dan gelanggang sukan sedia ada. Kementerian juga turut membuat permohonan bagi pembinaan sebuah pusat skuasy di Kuching bagi tujuan melatih dan mengasah bakat muda sebagai atlet pelapis.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja maklum balas dan jawapan saya ke atas pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Belia dan Sukan dan saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam isu perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas dan segala cadangan dan pandangan telah diterima secara terbuka dan akan mengkaji dan akan diimplementasikan mengikut keperluan yang sedia ada. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Silakan.

### **3.23 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada sembilan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun menyentuh isu-isu, cadangan, saranan yang berkaitan dengan kementerian saya semasa perbahasan Usul Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020.

Mereka yang terlibat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat Tuan Yang di-Pertua ialah Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman; Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit; Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin; Yang Berhormat Senator Tuan Chia Song Cheng; Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam; dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator ini sekiranya mereka berada di dalam Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh isu itu teruskan sahajalah. Ambil isu yang berkaitan itu, berkenaan dan apa dia.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Sebab apa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah sebut nama tadi, teruskan.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya, ya, sekali lalu. Kalau panjang Tuan Yang di-Pertua, saya akan hantar secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Kerana ada persoalan yang jawapannya panjang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dia tebal macam ini Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada saya tahu Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki dekat luar.

Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki yang membangkitkan perkara yang berkaitan dengan pertindihan fungsi agensi seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bersama dengan JPAM, JLN di bawah Kementerian KPKT dengan beberapa buah agensi yang lain.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, fungsi dan tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat dinyatakan secara jelas Tuan Yang di-Pertua. Dalam seksyen 5(1), Akta Perkhidmatan Bomba 1988 iaitu Akta 341 jelas menyatakan bahawa tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat hendaklah termasuk mengambil langkah yang sah bagi memadam, menentang... Masuk pun dia... [*Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki memasuki Dewan*] Untuk mencegah dan mengawal kebakaran. Kedua, melindungi nyawa dan harta sekiranya berlaku kebakaran.

Seterusnya menentukan adanya jalan keluar kebakaran penyelenggaraan, pengawalseliaan yang sempurna, menentukan adanya jalan keluar yang cukup untuk semua premis yang ditetapkan sekiranya berlaku kebakaran Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi dan seterusnya menjalankan penyiasatan tentang sebab punca hal keadaan kebakaran dan melaksanakan khidmat kemanusiaan termasuk perlindungan nyawa dan harta semasa berlaku apa-apa juga bentuk bencana.

Sebenarnya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi, sebenarnya tidak ada pertindihan fungsi sepertimana yang dibimbangkan oleh pihak Yang Berhormat Senator kerana peranan yang dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam kerja-kerja penyelamat ataupun *rescue* dan dalam skop tugas memadam kebakaran dan menyelamatkan telah pun dijelaskan antara sebahagian seperti yang saya nyatakan di bawah Akta 341. Ia tanggungjawab utama bagi pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Manakala Tuan Yang di-Pertua, bagi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Kementerian Dalam Negeri pula diwujudkan di bawah Akta Pertahanan Awam 1951 iaitu Akta 221 dan mempunyai peranan dan tanggungjawabnya yang tersendiri. Contohnya, peranan JPAM yang ditetapkan di bawah

Akta 221 adalah untuk melatih rakyat dalam aspek keselamatan pertahanan awam di bawah seksyen 3(2c) dalam melaksanakan kerja bantuan bencana, beri perlindungan, jamin keselamatan nyawa orang dan harta benda, penduduk awam sekiranya berlaku sesuatu bencana dan memudahkan pemulihan mangsa selepas bencana tersebut.

Bagi seksyen 8(1), nampak macam serupa tetapi sebenarnya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi, nampak macam sama. Nampak macam serupa tetapi tidak sama kerana setiap agensi mempunyai bidang kuasa dan tanggungjawabnya yang tersendiri Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga dengan Jabatan Landskap Negara.

Jabatan Landskap Negara Tuan Yang di-Pertua, melaksanakan fungsi sebagai agensi utama merancang, menyelaras, melaksana, mengawal selia pembangunan landskap kawasan lapang, kawasan hijau serta kemudahan rekreasi negara bagi kita mempertingkatkan lagi kualiti persekitaran dan kehidupan selaras dengan visi dan wawasan kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara taman terindah menjelang tahun 2020.

Itu menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi. Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi juga membangkitkan perkara yang berkaitan dengan peranan kementerian dalam memantau pihak-pihak berkuasa tempatan di Malaysia. Asas perundangan bagi Kerajaan Tempatan diperuntukkan Tuan Yang di-Pertua dalam Butiran 4, Senarai 2 Jadual Kesembilan di bawah Perlembagaan Persekutuan sebagai perkara di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sehubungan dengan itu, peruntukan tersebut, kerajaan negeri mempunyai hak yang eksklusif ke atas mana-mana perkara yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan pula memberi kuasa kepada Parlimen untuk menentukan keseragaman undang-undang dan dasar mengenai Kerajaan Tempatan. Lanjutan daripada itu Tuan Yang di-Pertua, maka Akta Kerajaan Tempatan 1976 ataupun Akta 171 telah pun digubal dan diguna pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia sebagai akta rujukan utama berhubungan dengan perkara yang berkaitan dengan kerajaan tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi, bagi negeri Sabah dan Sarawak Yang Berhormat, dia tidak mengguna pakai Akta 171 ini kerana pihak-pihak berkuasa tempatan di kedua-dua negeri ini Tuan Yang di-Pertua menggunakan peruntukan undang-undang negeri yang tersendiri.

#### **•1530**

Negeri Sabah, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No. 11 of 1991) dengan izin, dan pihak berkuasa tempatan dikawal selia Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah dan manakala Sarawak pula di bawah Ordinan Penguasa Tempatan 1996 dan PBT di negeri yang berkenaan adalah di bawah kawal selia Kementerian Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Komuniti Sarawak.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan juga telah pun memperuntukkan penubuhan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) sebagai badan

tertinggi penggubal dasar dan undang-undang bagi semua peringkat PBT. Ini bermakna bahawa sebarang perkara yang melibatkan apa-apa juga bentuk dasar dan perundangan mengenai PBT perlulah dirunding terlebih dahulu di Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan oleh mana-mana agensi ataupun kementerian persekutuan mahupun kerajaan negeri. Adalah menjadi kewajipan Majlis Negara Kerajaan Tempatan untuk menasihatkan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mengenai apa-apa perkara yang dirasakan perlu dan memastikan kelancaran keseragaman dasar dan perundangan di pihak berkuasa tempatan.

Ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, peranan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menentukan pihak berkuasa tempatan mampu merealisasikan hasrat kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas melalui pelbagai pendekatan seperti membantu merancang pembangunan sosioekonomi di kawasan pihak berkuasa tempatan dengan kemudahan menyalurkan peruntukan pembangunan selain daripada mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Saya nak memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian sedang menguruskan satu bentuk usaha yang sedang dijalankan oleh pihak kementerian iaitu untuk mentransformasikan pihak berkuasa tempatan Tuan Yang di-Pertua, dengan satu program yang berkonsepkan PBT di hati rakyat untuk mewujudkan PBT bertatahkan kepada kelola baik berdasarkan kepada prinsip tadbir urus yang terbaik dan selain daripada itu, pembangunan modal insan, kecekapan pentadbiran bagi pengukuhan kewangan, kesejahteraan rakyat dan juga komunikasi yang berkesan. Ini adalah antara program-program yang akan dilaksanakan untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany atas isu yang dibangkitkan berkaitan dengan penyediaan perumahan rumah mampu milik di kawasan Lembah Klang. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian komited, kementerian amat komited dalam membantu rakyat termasuklah golongan B40 dan M40 dengan izin, dalam menangani isu pemilikan rumah kediaman mampu milik dan selesa.

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun melaksanakan pelbagai program. Masih berterusan program ini Yang Berhormat, sampailah pada tahun yang akan datang. Sudah pun masuk dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk RMKe-11. Kita akan teruskan dengan program perumahan rakyat iaitu PPR, program Skim *MyHome* dan juga Skim Pinjaman Perumahan (SPP) yang dapat membantu rakyat yang berpendapatan rendah untuk mereka memiliki rumah. Dalam pelaksanaan program-program ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian turut memberikan fokus pembangunan perumahan di kawasan-kawasan bandar besar dan juga kawasan-kawasan pinggir bandar yang bersesuaian bergantung kepada keperluan yang akan diutarakan oleh pihak kerajaan negeri dan termasuk kedudukan kewangan dan juga pelbagai faktor-faktor yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany, sehingga 25 Jun 2015, sebanyak 102,002 unit rumah yang telah pun merangkumi 168 projek yang terdiri daripada PPR yang disewa dan dimiliki telah pun dibina di seluruh negara. Bagi projek PPR di kawasan sekitar Kuala Lumpur, terdapat sebanyak 32,762 unit rumah dengan 25 projek yang telah pun siap dibina. Manakala sebanyak 2,100 unit lagi Yang Berhormat Senator, sedang dibina rumah ini di PPR Kepong dan juga di PPR Sentul. Manakala di kawasan sekitar Selangor Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebanyak empat projek yang telah pun siap merangkumi 5,184 unit rumah dan jumlah keseluruhan projek PPR di sekitar kawasan Kuala Lumpur dan Selangor sebanyak 31 projek yang melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak 40,046 unit rumah. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga telah pun membuat perancangan untuk kita bina lebih banyak lagi rumah-rumah PPR di kawasan sekitar Kuala Lumpur bagi memenuhi permintaan perumahan di kawasan yang berkenaan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, di bawah Skim *MyHome* Yang Berhormat ...

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Minta laluan sikit.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya, sila.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Laju sangat nampaknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat punya menjawab bukan main laju lagi. Dengan nada suara Yang Berhormat itu pun buat celik mata. Kalau tidak, banyak yang tidur. Silakan Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Yahaya bin Mat Ghani:** Macam kereta api laju, dia kena *break* sekejap. Saya nak tanya Yang Berhormat Menteri tentang rumah PPR yang berada di Selangor dan berada di Kuala Lumpur. Kalau di Kuala Lumpur sewanya RM124 sebulan, kalau di Selangor bagaimana? Adakah perbezaan antara dua buah negeri ini, sama ada di Selangor melebihi di Kuala Lumpur atau bagaimana? Cuba bagi penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya ini kalau cakap *slow* nanti saya *slow* pula. Jadi kalau dia pantas itu, agaknya mungkin boleh menghairahkan semua termasuk Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf, lama betul Yang Berhormat *concentrate* pada dia tadi itu.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ha betul, betul sebab bila saya jawab dia tengah ambil-ambil gambar Tuan Yang di-Pertua. Jadi, maknanya telah berjaya dan berupaya merangsang beliau. Jadi, terima kasihlah [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Haji Yahaya. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, cuma kita ada dua jenis PPR Tuan Yang di-Pertua. Satu dimiliki, maknanya kita jual pada harga RM35,000 di Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak ialah RM42,000. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita tidak galakkan lagi pembinaan PPR dimiliki untuk dijual. Ini kerana hasrat Yang Berhormat Menteri dan juga

kementerian ialah untuk kita menyediakan perumahan bagi mereka yang berpendapatan RM2,500 ke bawah supaya dalam tempoh mereka masih lagi boleh membuat tabungan perumahan, mereka bolehlah sewa rumah PPR yang kita bangunkan. Kedua ialah PPR disewa. Bagi sewaan ini Tuan Yang di-Pertua, dia merangkumi semua sewaan yang dikenakan kepada semua PPR yang disewa adalah sebanyak RM124 Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya. Maknanya kalau Yang Berhormat Datuk pergi ke mana-mana, kalau di Johor pun RM124 atau di mana sahaja. *Standard price* yang diletakkan sebagai *rental* ataupun sewaan yang dikenakan kepada mereka yang layak untuk menyewa ialah sebanyak RM124. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Skim *MyHome*, menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Senator Puan Hajah Mariany. Tadi saya sebut PPR Yang Berhormat, kali ini yang di bawah kementerian, kita ada juga Skim *MyHome*. Pada masa ini bagi kawasan Wilayah Persekutuan dan Selangor, jumlah projek Skim *MyHome* yang telah pun kita luluskan ialah sebanyak enam projek melibatkan 2,726 unit rumah. Projek yang diluluskan di Wilayah Persekutuan adalah di Bukit Jalil sebanyak 508 unit, manakala di Selangor adalah di Sungai Buloh iaitu 1,363 unit, Semenyih 240 unit, Ijok 315 unit dan Cyberjaya 300 unit. Ini program di mana pemaju berdaftar dengan kita Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan disediakan oleh kerajaan sebanyak RM300 juta dan kita berikan kepada mana-mana pembeli yang berdaftar untuk mana-mana skim projek *MyHome*, Skim *MyHome 1* atau Skim *MyHome 2*, mereka layak untuk menerima subsidi yang disediakan oleh kerajaan iaitu sebanyak RM30,000. Ia lebih kurang sebagai *down payment* atau *the 10%* yang biasanya dibayar kepada pemaju Tuan Yang di-Pertua. Ini kelebihan yang kerajaan sediakan kepada mereka yang mahu terus memiliki rumah di bawah Skim *MyHome 1* dan juga Skim *MyHome 2*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Senator *favorite* saya iaitu Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Saya tadi kalau Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim tak ada tadi Tan Sri, saya tidak akan berdiri dengan keadaan yang begini.

#### ■1540

Jadi apabila nampak Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman ada itu *adrenalin* itu mengalir dengan pantas. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman kerana telah membangkitkan banyak persoalan dan memang subjek *favorite* kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman iaitu keupayaan kerajaan untuk membina rumah bagi memenuhi keperluan pemilikan rumah oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari keperluan permasalahan rakyat dalam memiliki rumah, Kerajaan Persekutuan telah pun menyediakan dan memulakan inisiatif penyediaan perumahan mampu milik pada tahun 2013 dengan menyasarkan untuk membina satu juta buah rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun bagi meningkatkan bekalan perumahan mampu milik demi kesejahteraan semua lapisan rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, inisiatif pembangunan perumahan ini bukan sahaja dilaksanakan kementerian saya semata-mata, tetapi juga

dilaksanakan oleh beberapa buah agensi dan kementerian yang lain dan juga kerajaan negeri termasuklah perumahan yang dibangunkan oleh pihak swasta Tuan Yang di-Pertua.

Antara agensi yang terlibat adalah seperti Perbadanan Perumahan 1Malaysia (PR1MA) di bawah Jabatan Perdana Menteri, Syarikat Perumahan Negara di bawah Kementerian Kewangan dan juga kementerian-kementerian lain dan juga kerajaan negeri termasuk pemaju-pemaju swasta. Sehingga Disember 2014 Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 95,124 buah unit rumah mampu milik telah pun siap dibina oleh semua agensi yang berkaitan termasuk 40,650 unit yang dibina oleh pihak pemaju swasta. Manakala 42,857 unit berada dalam fasa pembinaan dan 249,468 unit rumah lagi masih dalam pelbagai peringkat perancangan.

Walaupun dinyatakan dalam pelbagai peringkat perancangan, sebenarnya projek-projek ini telah pun diberikan komitmen untuk dilaksanakan dan bukannya sekadar di atas kertas sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas kementerian telah pun merancang untuk membina 50,000 lagi rumah PPR di seluruh negara dan pemantauan yang efektif dan berterusan akan dijalankan Tuan Yang di-Pertua.

Untuk menjawab kepada persoalan seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman iaitu mengenai mekanisme pemantauan bagi memastikan pemantauan pelaksanaan program perumahan ini berjalan dengan baik. Saya ingin sekali lagi memaklumkan seperti jawapan yang sebelumnya iaitu kementerian telah pun menubuhkan Jabatan Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri bagi menyelaraskan dan memantau Tuan Yang di-Pertua, pencapaian sasaran pembinaan satu juta buah rumah mampu milik.

Jawatankuasa ini akan melaporkan pencapaian pelaksanaan program pencapaian pelaksanaan program satu juta buah rumah mampu milik kepada Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jabatan Perumahan bagi Jawatankuasa Perumahan Negara ini Tuan Yang di-Pertua dianggotai oleh pelbagai agensi yang terlibat termasuk PR1MA, SPNB dan juga yang lain-lain.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman bahawa kementerian sedang membangunkan sistem data perumahan negara. Inisiatif ini, inisiatif untuk mewujudkan sistem ini ia merupakan satu inisiatif untuk mewujudkan sebuah gerbang utama kepada semua agensi kerajaan dan rakyat bagi memperoleh apa juga data yang berkaitan dengan permintaan ataupun penawaran rumah mampu milik di seluruh negara. *Inshaa-Allah* Tuan Yang di-Pertua, data ini akan dapat membantu perancangan, pembangunan rumah mampu milik. Seterusnya sistem ini akan menjadi sumber utama rujukan yang akan memberikan manfaat kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman yang berkaitan mengenai kewujudan terlalu banyak agensi pelaksana dalam melaksanakan pembangunan perumahan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman perumahan merupakan isu sejagat, ia melibatkan semua pihak di semua lapisan masyarakat. Sebagaimana wujudnya kepelbagaian latar belakang masyarakat, begitu jugalah perlunya variasi dalam saluran penyediaan perumahan. Ini membolehkan keupayaan untuk menyediakan dan meningkatkan lagi pemilikan rumah dapat diluaskan kepada semua kumpulan sasaran dan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah kementerian saya yang menyasarkan golongan berpendapatan rendah dengan *threshold income* sebanyak RM2,500 ke bawah di kawasan perbandaran. Manakala Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memfokuskan kepada bantuan yang disalurkan kepada golongan yang tinggal di luar bandar.

Selain daripada itu Rumah Mesra Rakyat yang dilaksanakan di bawah agensi Kementerian Kewangan dan juga Perbadanan PR1MA yang dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri menyasarkan kepada pembinaan rumah mampu milik untuk rakyat. Jadi semua agensi ini Tuan Yang di-Pertua, melaksanakan perancangan yang seterusnya membangunkan perumahan-perumahan berdasarkan kepada tanggungjawab dan peranan dan juga berdasarkan kepada kumpulan sasaran. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya beralih...

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Minta mencelah.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ya, silakan Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Dengan izin, *your remarks about me taken very seriously [Ketawa]* Terima kasih. Sebelum Yang Berhormat tinggalkan topik berhubung agensi-agensi ini, saya faham bahawa *function* setiap agensi ini seperti PR1MA, SPNB ini adalah berlainan.

Apa yang saya persoalkan ialah kawal seliaan. Kita ada Kementerian Perumahan, dipanggil Kementerian Perumahan. Kalau kita tengok *neighboring countries* kita, kita tidak mempunyai macam-macam *controlling body* yang mengontrol pembinaan rumah ini. Jadi persoalan saya ialah SPNB di bawah Kementerian Kewangan, PR1MA di bawah Jabatan Perdana Menteri dan PPR di bawah Kementerian Perumahan.

Apa yang saya katakan okeylah adakan SPNB, adakan PR1MA. Tidak bolehkah agensi-agensi ini menjawab kepada satu kementerian sahaja. Takkanlah Majlis Perumahan Negara ini hendak hantar orang pergi tengok macam mana *PR1MA is doing*, macam mana *SPNB is doing*. Soalan saya ialah tidak bolehkah *the controlling ministry* ini *after all* kita ada Kementerian Perumahan. Bagilah kepada Kementerian Perumahan yang untuk menentukan sama ada kerja-kerja ini dibuat dan sebagainya. Itu sahaja persoalan saya. Saya bangkitkan perkara ini saya fahamkan bahawa PPR hendak buat kerja pun terpulang. Saya difahamkan bajet pun sudah tidak cukup tahun ini. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman. *I like that statement and I also take it seriously [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam masa terdekat atau bila-bila selepas ini kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan dan mengarahkan supaya semua perkara dan projek yang berkaitan dengan perumahan diletakkan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kecil tapak tangan padang bola ditadahkan. Kita tunggu sahaja arahan.

Jadi untuk sementara waktu ini Tuan Yang di-Pertua, kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman untuk sementara itu, untuk menunggu perkara seperti itu berlaku jadi buat masa ini Tuan Yang di-Pertua diwujudkan Majlis Perumahan Negara dan Majlis Perumahan Negara ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Itu di peringkat yang tertinggi yang mana semua agensi yang terlibat dengan perancangan pembangunan perumahan duduk sebagai keahlian.

Di peringkat penyelarasan yang dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri Tuan Yang di-Pertua, ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Perumahan Negara seperti yang saya sebutkan tadi yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Jadi untuk sementara waktu ini Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, untuk sementara waktu ini biarkanlah dua buah badan ini melaksanakan tanggungjawabnya sementara kita menunggu cadangan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa yang akan datang.

▪ **1550**

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meneruskan jawapan perbahasan saya. Saya beralih kepada isu yang telah pun dibangkitkan oleh Senator Tuan Chia Song Cheng yang meminta supaya Yang Berhormat Tuan Chia tidak ada tetapi saya ada nampak tadi. Tidak tahulah mungkin tadi atau semalam. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chia ialah mengenai mengkaji masalah yang dihadapi oleh pihak JMB atau MC, badan pengurusan bersama yang sentiasa menghadapi masalah untuk mengutip *fees* kepada penghuni-penghuni yang ada di mana-mana kediaman bangunan berstrata.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*] yang baru sahaja dikuatkuasakan pada 1 Jun yang lalu telah pun digubal bagi memenuhi keperluan pembeli, pemilik, pihak pengurusan serta pihak-pihak yang berkepentingan di samping mengatasi kelemahan-kelemahan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chia. Akta 757 ini telah pun dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015 yang lalu di sepuluh buah negeri di Semenanjung Malaysia dan juga ketiga-tiga Wilayah Persekutuan manakala bagi negeri Pulau Pinang, tarikh permulaan kuat kuasa bagi akta ini pada 12 Jun 2015.

Bagi membantu pihak pemaju dan juga badan pengurusan dalam mengutip caj penyelenggaraan Akta 757 ini telah pun menyatakan dengan jelas di bawah seksyen 34, dan seksyen 35 mengenai proses dan prosedur yang boleh digunakan untuk mengutip caj penyelenggaraan dan pemaju, badan pengurusan bersama iaitu JMB dan perbadanan pengurusan iaitu MC boleh menyampaikan kepada pembeli ataupun pemunya petak iaitu unit yang mengikut mana-mana yang berkenaan dalam notis bertulis untuk menuntut pembayaran jumlah wang yang dikenakan untuk dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis yang berkenaan dan tidak boleh kurang daripada 14 hari daripada tarikh penyampaian notis yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika ada mana-mana jumlah wang yang masih tidak dibayar oleh pembeli ataupun tuan punya petak ataupun unit, pada akhir tempoh yang dinyatakan dalam notis tersebut, pemaju atau badan pengurusan (JMB) boleh memfailkan satu saman ataupun tuntutan dalam sebuah mahkamah atau di hadapan tribunal pengurusan strata yang telah pun ditubuhkan untuk mendapatkan jumlah wang tersebut.

Selain daripada itu, pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Bandar dan semua Yang di-Pertua pihak berkuasa tempatan, apabila permohonan bersumpah secara bertulis ini dibuat oleh pemaju ataupun mana-mana anggota jawatankuasa pengurusan untuk dikeluarkan waran penahanan bagi memberi kuasa penahanan ke atas apa-apa harta alih yang dipunyai oleh pemunya petak ataupun unit yang ingkar yang boleh dijumpai dalam unit-unit yang tersebut. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan masih prihatin. Kerajaan memahami masalah dan juga kemampuan terutama kepada rakyat yang duduk kepada mana-mana kediaman berstrata kos rendah ataupun kos sederhana rendah dalam menyelenggarakan kediaman berstrata mereka.

Maka kerana itu, kementerian telah pun melaksanakan program penyelenggaraan perumahan bagi mana-mana projek rumah. Projek berstrata, kediaman berstrata ataupun flat kos rendah yang dibina oleh kerajaan di bawah program penyelenggaraan perumahan dan mana-mana projek flat kos rendah atau kos sederhana rendah yang dibina oleh pihak swasta yang berusia sepuluh tahun ke atas layak untuk mendapat ataupun menikmati permohonan melalui program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia bagi membantu meringankan beban rakyat dalam menyelenggarakan kediaman mereka.

Untuk ini, saya ingin memaklumkan bagi tahun 2011, kerajaan telah pun membelanjakan sebanyak RM108.7 juta bagi membantu menyelenggarakan dan membaik pulih 119 buah kawasan pemaju yang melibatkan sebanyak 50,449 unit rumah dan sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 13 buah kawasan pemajuan perumahan kos rendah awam bertingkat telah pun di baik pulih di negeri Johor melalui Program PTP dengan peruntukan sebanyak RM4.8 juta. Ini antara kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan melalui kementerian.

Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam telah pun menyentuh bab yang berkaitan dengan kaedah pelupusan sisa pepejal menggunakan teknologi insinerator. Pihak

kementerian mengucapkan terima kasih atas sokongan dikemukakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Terima kasih Senator Tan Sri kerana sokongan. Ini kerana ia bukan satu perkara yang mudah untuk melaksanakan pembinaan insinerator ini dan bila cadangan yang dikemukakan oleh pihak kementerian untuk kita bina sebuah insinerator ataupun loji *waste to energy* di Taman Beringin, kita mendapat bantahan daripada mereka yang mahu mengambil kesempatan atas kepentingan-kepentingan yang lain-lain sehingga mengelirukan pemikiran rakyat bahawa sekiranya diwujudkan loji *waste to energy* ataupun insinerator ini, ia akan mendatangkan pulangan yang lebih tidak baik melebihi daripada pulangan yang lebih baik kepada masyarakat. Jadi kita ucapkan terima kasih atas sokongan. Kalau semua boleh memberikan sokongan seperti Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali, maka mudah kerja untuk kita laksanakan.

Untuk maklumat Yang Berhormat, faktor utama yang dititikberatkan oleh kerajaan, apabila kita mahu memilih sesuatu teknologi, dia mestilah efektif, mesra alam dan juga terbukti. Maka kerana itu, saya ingin memaklumkan kementerian juga sedang melaksanakan projek *waste to energy* di Taman Beringin, Kepong bagi meningkatkan keupayaan pengurusan sisa pepejal dan projek ini telah pun di tender di peringkat antarabangsa oleh UKAS dan berdasarkan kepada maklumat yang diterima, proses tender sekarang di peringkat *request for proposal* iaitu peringkat kedua daripada tiga peringkat tender berkenaan. Selain daripada itu, mini insinerator juga telah pun dipasang berskala kecil di pulau-pulau peranginan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tan Sri iaitu di Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, Tioman dan Cameron Highlands.

Bagi peringkat awal ini, kita akan mulakan dengan projek loji *waste to energy* iaitu insinerator di Taman Beringin dahulu dan kemudian mungkin datang dengan cadangan-cadangan yang lebih besar selain daripada kita akan menguruskan mini-mini insinerator di empat buah kepulauan yang ada termasuk di Cameron Highlands.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed berkaitan dengan usaha kerajaan untuk tingkatkan kadar kitar semula. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, kadar kitar semula negara pada tahun 2004 menyedihkan iaitu 5% sahaja. Akan tetapi kadar ini telah meningkat kepada 10.5% pada tahun 2012 yang menunjukkan peningkatan 100% daripada 5% sebelum ini iaitu dua kali ganda dalam tempoh lapan tahun. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, kadar ini iaitu 10.5% ini masih belum lagi mencukupi atau belum boleh dibanggakan sekiranya kita hendak bandingkan dengan negara-negara yang lain.

Sehubungan dengan itu, maka kementerian melalui Solid Waste Corporation ataupun SW Corp. dan juga Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara akan memastikan kadar kitar semula negara melepasi sasaran 22% melalui pelaksanaan pelbagai langkah untuk kita memperkasakan terus aktiviti dan program yang berkait rapat dengan amalan kitar semula di kalangan masyarakat, bukan sahaja masyarakat termasuk melibatkan semua kepelbagaian termasuk pihak swasta.

Bagi makluman Yang Berhormat Senator, untuk memastikan amalan kitar semula ini diperingkatkan di peringkat masyarakat atau komuniti, kementerian akan menguatkuasakan peraturan yang dibuat di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 iaitu Akta 672 berkaitan dengan pengasingan sisa di punca mulai 1 September 2015. Melalui peraturan tersebut, semua penghuni premis kediaman di tujuh buah negeri iaitu di Perlis, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang telah pun menerima pakai Akta 672 diwajibkan mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula dari rumah, daripada punca.

■1600

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, masyarakat perlu mengasingkan bahan-bahan kitar semula yang ditetapkan, kertas, plastik, botol dan lain-lain. Bahan kitar semula ini akan dikutip sebanyak sekali dalam seminggu oleh syarikat konsesi bersama-sama dengan sisa pukal ataupun sisa kebun. Manakala, sisa baki akan dikutip seperti biasa dengan kekerapan kutipan dua kali seminggu. Adalah diharapkan dengan pelaksanaan pengasingan sisa daripada punca ini Yang Berhormat Senator, ia akan dapat mendidik masyarakat untuk lebih bertanggungjawab menguruskan sisa-sisa yang dihasilkan dari rumah. Supaya dapat diuruskan dengan lebih baik lagi untuk kita tingkatkan lagi kadar kitar semula di Malaysia. Antara program yang mungkin saya boleh sebut, Program Komuniti 3R iaitu “*reduce*”, “*reuse*” dan “*recycle*”, dengan izin, dilaksanakan merangkumi segala elemen pengurangan guna semula dan kitar semula barangan terbuang.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Kemudian selain daripada itu ialah Pelan Transformasi Minda yang telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 24 Februari 2015 iaitu Pelan Transformasi Minda ke arah negara bersih, indah dan sejahtera untuk tempoh 2014 sehingga 2020. Pelan ini menggariskan enam objektif strategik 24 strategi untuk membentuk masyarakat melihat secara mata hati pelihara alam sekitar, amalkan nilai-nilai murni, disiplin, mematuhi peraturan berkaitan dengan kebersihan dan alam sekitar serta masyarakat menghargai bahawa sisa-sisa yang boleh dikitar semula ini boleh dijadikan sebagai sumber ekonomi, tenaga dan juga nilai artistik.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan komited untuk menguruskan dan menyelesaikan masalah ini dan untuk diperkasakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun, ia bergantung bukan sahaja kepada usaha kuat yang akan dijalankan oleh kerajaan, ia bergantung kepada semangat kerjasama *smart partnership* antara individu, swasta dan kerajaan. Tidak ada isu politik di sebaliknya kerana ini semua adalah untuk kelestarian dan juga kesejahteraan hidup rakyat secara keseluruhannya. Silakan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon sedikit tambahan berkait dengan kesediaan, terutamanya kesediaan kewangan dari sudut PBT itu sendiri ke arah pelaksanaan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Yang Berhormat Senator, tadi penguatkuasaan secara mandatori, pengasingan dipunca. Ia tidak melibatkan apa-apa peruntukan kewangan. Kita cuma menyusun balik gerak kerja yang perlu dilakukan oleh syarikat konsesi. Sekarang ini syarikat konsesi mengutip sampah tiga kali seminggu. Dalam tempoh tiga kali seminggu itu ada satu kali yang akan diambil mengikut kepada keperluan yang akan dirancang secara bersama dengan pihak berkuasa tempatan. Daripada tiga itu, diambil satu untuk kita kutip bukan sahaja sampah-sampah pukal, sampah kebun, termasuk juga sisa yang perlu diasingkan iaitu seperti yang saya sebutkan tadi plastik, surat khabar, botol dan sebagainya yang boleh dikitar semula. Jadi, ia tidak melibatkan apa-apa kos tambahan kepada PBT ataupun kepada pembayar cukai. Oleh sebab ia termasuk dalam senarai tiga hari seminggu yang perlu dikutip. Kita cuma susun sahaja pengurusan kutipan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ada lagi tiga sahaja. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi tentang cadangan penubuhan dana pusingan untuk RMKe-11 bagi orang-orang kurang upaya mendapat pinjaman bagi memiliki rumah. Yang Berhormat Senator menyebutkan bahawa telah mencadangkan, di mana Timbalan Menteri telah pun memberikan persetujuan untuk membawa kepada kementerian. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian masih lagi sedang mengkaji kerana Yang Berhormat baru bawa hari itu. Kita terima cadangan itu satu cadangan yang baik dan kementerian perlu kaji dan masih lagi dalam peringkat kajian untuk kita menilai kesesuaian cadangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Sekiranya didapati sesuai dan ada keupayaan, maka ia akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim yang membangkitkan isu yang berkaitan dengan penyediaan perumahan, kawalan terhadap pemajuan perumahan, termasuklah kuota pembangunan perumahan dan pemilikan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim, penetapan sesuatu kuota pembangunan rumah kos rendah dan juga kuota bumiputera bagi setiap pemajuan, ia adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Ia berbeza-beza mengikut kepada syarat yang telah pun ditetapkan oleh negeri masing-masing. Bagi setiap unit rumah kos rendah yang gagal dibina pemaju perlu membayar levi atau sumbangan kepada kerajaan negeri. Kadar levi ini atau sumbangan yang dikenakan ini juga adalah berbeza mengikut kerajaan negeri. Pada dasarnya, kutipan berkenaan adalah untuk tujuan tabungan pembangunan rumah mampu milik di kerajaan yang berkenaan.

Ketetapan mengenai jumlah kuota bumiputera ataupun mengikut kaum Tuan Yang di-Pertua, itu juga keutamaan dan hak kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri akan membuat keputusan melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masing-masing. Jadi, ini perkara yang hendak saya memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim yang kuota untuk kaum, ia hak kerajaan negeri.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim juga telah pun membangkitkan dan mencadangkan supaya tanah-tanah milik Kerajaan Persekutuan dimanfaatkan untuk

pembinaan lebih banyak lagi rumah mampu milik. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian bersetuju ke atas pandangan baik yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim ini. Untuk maklumat, kementerian telah pun merancang Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan Bank Tanah bagi tujuan pembangunan rumah mampu milik seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim. Tanah-tanah yang bersesuaian dan strategik bagi pembangunan perumahan mampu milik akan kita pohon dan dapatkan, masuk dalam inventori tanah di bawah bank tanah yang akan diwujudkan bagi memudahkan perancangan projek perumahan mampu milik kepada rakyat di masa akan datang. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, mekanisme pelaksanaan dan perwujudan bank tanah berkenaan sedang diperincikan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu yang terakhir yang dibangkitkan oleh adinda saya, Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin berserta dengan Yang Berhormat Senator Tuan Koh Chin Han iaitu membangkitkan isu dan pandangan berkaitan dengan peningkatan harga rumah. Sebenarnya ini persoalan yang dibangkitkan, dan setiap kali jawapannya telah pun kita berikan. Jawapannya adalah kepada apa yang sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan saya pun telah banyak kali menjawabnya di dalam Dewan yang mulia ini.

Hari ini saya ingin memaklumkan sekali lagi bahawa kerajaan sememangnya memantau isu berkaitan harga rumah. Dalam usaha untuk kita kawal harga rumah, kerajaan ambil beberapa langkah pendekatan ataupun kita boleh sebut sebagai *cooling measures*, dengan izin, untuk kita membendung kenaikan harga rumah secara tidak sihat melalui langkah-langkah fiskal seperti berikut Tuan Yang di-Pertua:

- (i) menaikkan kadar cukai keuntungan harta tanah ataupun CKHT mulai 2014;
- (ii) menaikkan harga jualan minimum kepada warga asing kepada RM1 juta seunit rumah;
- (iii) pemaju disyaratkan untuk mempamerkan harga rumah secara terperinci bagi meningkatkan ketelusan yang boleh memberikan manfaat kepada pembeli;
- (iv) melarang pelaksanaan *developer interest bearing scheme* (DBIS);
- (v) pemaju perlu melaporkan kepada kementerian mengenai pembelian pukal melebihi daripada empat unit. Mana-mana hartanah dalam satu pemajuan sama ada oleh individu ataupun oleh pihak syarikat;
- (vi) Bank Negara Malaysia telah pun mengeluarkan panduan mengenai *loan to value* ataupun LTV bagi pembelian rumah ketiga dan ke atas di mana peminjam hanya akan memperoleh pinjaman maksimum 70% sahaja dan harus menanggung sendiri baki pinjaman tersebut.

Harga rumah yang tinggi lazimnya berlaku di kawasan perbandaran utama Tuan Yang di-Pertua, seperti di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak disebabkan oleh peningkatan kos

tanah dan juga kos bahan binaan. Hasilnya Tuan Yang di-Pertua, daripada langkah-langkah *cooling measures*, dengan izin, dan juga usaha pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dalam meningkatkan lambakan rumah mampu milik di pasaran berdasarkan kepada Laporan Indeks Harga Rumah Malaysia yang dikeluarkan oleh NAPIX.

#### ■1610

Indeks harga rumah telah pun menunjukkan aliran menurun pada *quarter* empat, 2014. Indeks harga untuk semua rumah berada pada 213.1 mata iaitu tahun asas 2000 meningkat 7% secara tahunan tetapi lebih rendah berbanding dengan kenaikan 9.6% daripada *quarter* empat 2013 dan 12.2% pada *quarter* empat 2012.

Indeks tersebut juga menunjukan penurunan sebanyak 0.2% secara suku tahunan. Kerajaan akan terus memantau kenaikan harga rumah ini seperti enam langkah yang disebutkan tadi untuk kita laksanakan inisiatif serampang dua mata. Bina lebih banyak lagi rumah mampu milik, melalui pelbagai agensi yang berkualiti kepada golongan sasaran serta langkah-langkah fiskal yang akan diteruskan Tuan Yang di-Pertua.

Maka dengan itu saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator yang telah pun mengambil bahagian sebanyak sembilan Yang Berhormat. *Inshaaa-Allah* segala pandangan dan juga perkara lain yang mungkin saya tidak dapat jelaskan dengan lebih tepat lagi atau *details* dalam pertimbangan untuk diambil berat oleh pihak kementerian. Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya sudahi penggulungan saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya ingin mempersilakan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Saya difahamkan Yang Berhormat Puan Hajah Nancy yang akan menjawab bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

#### 4.11 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sebelum saya meneruskan penggulungan perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas ini, ingin saya memaklumkan saya memangku tugas untuk menjawab bagi pihak rakan saya Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan pada hari ini.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada dua orang Yang Berhormat Senator yang telah berbahas dan menyentuh isu di bawah seliaan kementerian ini iaitu pertama; Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong dan kedua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong telah meminta kementerian supaya mengawal selia nilai-nilai kesenian, kebudayaan dan warisan budaya dalam pemuliharaan bangunan bersejarah. Beliau mendakwa terdapat kontraktor yang dilantik untuk membaiki pulih bangunan-bangunan tersebut lebih mementingkan keuntungan dengan mengupah kontraktor lain atau dengan izin, *subcontractor* yang bergred lebih rendah atau tidak mahir yang secara tidak langsung telah mengurangkan nilai estetika bangunan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara sememangnya telah melaksanakan langkah-langkah proaktif bagi mengawal selia nilai kesenian, kebudayaan dan warisan budaya dalam pemuliharaan bangunan bersejarah. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah:

- (i) menetapkan pelantikan kontraktor bagi mana-mana projek pemuliharaan bangunan warisan yang berstatus warisan atau warisan kebangsaan mestilah mempunyai pendaftaran dengan pihak Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia atau dengan singkatnya CIDB di bawah kod B03 iaitu bidang pemuliharaan bangunan. Selain itu, pihak yang melantik juga sentiasa di nasihati dari semasa ke semasa bagi memastikan kontraktor yang dilantik mempunyai pengalaman di dalam kerja pemuliharaan bangunan dan mempunyai rekod persembahan kerja terdahulu yang baik;
- (ii) menetapkan supaya pihak pemaju dan kontraktor perlu melantik seorang *conservator* bagi memberi khidmat nasihat berkaitan keperluan kerja-kerja pemuliharaan, menyediakan dokumentasi dan mengawasi setiap tatacara kerja yang terlibat dalam pemuliharaan bangunan warisan terbabit selaras dengan kehendak garis panduan pemuliharaan bangunan warisan. Bagi tujuan ini, Jabatan Warisan Negara telah mengeluarkan senarai *conservator* berdaftar yang boleh dijadikan rujukan oleh mana-mana agensi berkaitan sebelum melakukan pelantikan; dan
- (iii) perlindungan ke atas bangunan warisan yang diberi pengiktirafan sebagai warisan dan warisan kebangsaan mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Pemantauan berkala sentiasa dilakukan oleh Jabatan Warisan Negara ke atas bangunan yang telah diberi pengiktirafan sebagai warisan dan warisan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki telah mencadangkan agar kementerian membuat kajian mengenai hasil pendapatan pelancongan daripada pelancong Republik Rakyat China berbanding dengan kesan negatif yang dibawa mereka. Beliau telah memberi contoh seperti aktiviti pelacuran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013 jumlah pelancong Republik Rakyat China ke Malaysia adalah seramai 1,791,423 orang. Walau bagaimanapun, bilangan ini berkurangan

pada tahun 2014 iaitu seramai 1,613,355 orang. Angka ini menunjukkan penurunan sebanyak 9.9%. Antara faktor yang menyumbang kadar penurunan ini adalah disebabkan oleh beberapa insiden yang berlaku seperti insiden MH370 dan kes yang berlaku di Sabah.

Daripada segi pendapatan pula, pasaran ini telah memberi pulangan sebanyak RM4.9 bilion iaitu 6.8% daripada jumlah pendapatan pelancongan bernilai RM72 bilion pada tahun 2014. Ini telah meletakkan Republik Rakyat China sebagai pasaran jarak sederhana yang utama bagi Malaysia. Dalam masa yang sama statistik telah dibekalkan kepada saya menunjukkan bahawa peratusan jenayah yang membabitkan warga Republik Rakyat China di Malaysia sebanyak 0.28% iaitu satu nisbah yang amat kecil jika dibandingkan dengan kelebihan yang dibawa oleh pelancong dari negara berkenaan.

Kita juga sedia ambil maklum bahawa pelancong yang hadir ke Malaysia mereka yang mempunyai tiket penerbangan pulang atau dengan izin, *return ticket* dalam tempoh yang dibenarkan. Sebilangan daripada statistik jenayah yang disebutkan tadi juga menunjukkan bahawa mereka itu telah masuk ke Malaysia dengan tidak menggunakan visa pelancong.

Dalam hal ini, kementerian pada masa ini menumpukan dan meningkatkan usaha untuk menarik lebih ramai kedatangan pelancong dan Republik Rakyat China bagi memastikan sasaran yang ditetapkan pada tahun 2015 dapat dicapai. Kita dengan izin, *we stand guided by the figures* ataupun statistik yang diberi oleh Kementerian Dalam Negeri. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua maka saya...

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Boleh saya mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya persoalan yang dibangkitkan ialah lebih merujuk kepada isu visa warga China ke Malaysia yang diberitakan akan diberikan tempoh percubaan bagi membenarkan pelancong China ini masuk secara berkumpulan ke Malaysia. Jadi berasaskan statistik tadi apakah kementerian yakin bahawa kewajaran memberikan visa- memasuki Malaysia tanpa visa itu satu keputusan yang terbaik bagi Malaysia. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Senator. Berpandukan kepada statistik tadi dan ini adalah salah satu daripada cara kita untuk meningkatkan statistik pelancongan di negara kita dan dengan itu juga kita melihat kepada pendapatan daripada hasil itu. Maka kerajaan telah memutuskan supaya visa warga China yang datang secara berkumpulan di mana mereka ini secara dengan *is guaranteed*, dengan izin, bahawa mereka mempunyai tiket untuk pulang.

Jadi sebab itulah kita membenarkan. Itu pun saya kalau tidak silap, kalau saya tidak silap ia mengikuti *seasonal* misalnya daripada segi program-program besar yang berlaku di Malaysia misalnya kalau ada daripada segi festival Malaysia yang ada di Malaysia, program-program yang besar itu di mana ramai yang hendak datang menyaksikan aktiviti yang di negara kita. Jadi kalau kita tidak memberi peluang ini pada pelancongan China untuk datang dengan cara yang sebegitu dan kita akan rugi. Ini kerana negara seperti Thailand dan juga Indonesia percuma secara kepada mereka.

## ■1620

Jadi sebab itu kita menggalakkan supaya dilaksanakan visa secara percuma ini tetapi ia tertakluk hanya kepada apabila mereka datang secara berkumpulan sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato'. Dengan itu Dato' diminta...

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Boleh saya mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang hendak mencelah Yang Berhormat Menteri, hadapan.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih. Saya yang membangkitkan perkara itu. Saya hendak bertanya begini, kalau mereka datang secara berkumpulan kemudian ada di kalangan mereka tidak pulang ataupun *overstayed*. Pada siapa kita hendak pertanggungjawaban? Tidakkah ini kemudian membabitkan banyak permasalahan di negara kita? Sebagai contoh, polis kena kerja lebih. Kalau kita tangkap dia, kita kena dakwa dia. Sementara dakwa atau reman kah, kita kena bagi makan dia dan pelbagai. Jadi tugas polis pula telah tersasar ke tempat yang tidak diperlukan. Sedangkan kita sudah ada banyak masalah di negara kita. Saya hendakkan dapat penjelasan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato'. Memang ini adalah antara risiko yang kita ambil tetapi oleh sebab itulah kita menetapkan supaya hanya mereka yang berkumpul melalui agen. Jadi kita boleh mengurus terus dengan agen. Selain daripada itu juga ia akan menjadi- akan di monitor, dengan izin, oleh pihak Jabatan Imigresen. Jadi memanglah apa yang berlaku adalah satu- kalau berlakunya *overstayed* akan menjadi satu risiko kepada kita. Namun begitu pihak imigresen akan menjalankan tugas mereka walaupun kita memang kalau boleh kita tidak mahu perkara seperti itu berlaku. Akan tetapi ia jarang berlaku kepada kumpulan yang datang sebagai pelancong secara berkumpulan. Terima kasih. Dengan itu yang...

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi hendak minta penjelasan sikit lagi. Ini menyentuh pula aspek undang-undang, telah kita ada undang-undang yang lengkap misalnya kata kita hendak pertanggungjawaban kepada agen maksudnya kalau misalnya ada *overstayed*, kita akan pertanggungjawaban kepada agen tetapi macam mana daripada segi undang-undangnya? Apakah telah termasuk dalam perundangan ataupun kita baru hendak pinda?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato'. Ia hanya diperlukan dalam TOR mereka, *terms and condition* dalam daripada segi kontrak. Undang-undang kalau *over stay* memang satu undang-undang jenayah, memang sudah adapun wujud. Jadi bukanlah kita hendak mengenakan kepada agen itu melalui undang-undang jenayah tersebut tetapi melalui *terms and condition of contract* apabila melalui agensi tersebut. Jadi tidak memerlukan lagi daripada segi pindaan undang-undang. Terima kasih Yang Berhormat.

Ini juga saya makluman yang tambahan di sini, di mana Jabatan Imigresen juga boleh senarai hitamkan mereka yang ditangkap terlibat dalam aktiviti ataupun kegiatan yang tidak bermoral. Jadi ini yang saya nyatakan tadi, yang kita akan masukkan dalam *terms and conditions* daripada segi kontrak dengan agensi tersebut. Terima kasih.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri sesi penggulungan bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan setelah menjawab semua pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sepanjang sesi perbahasan usul RMKe-11, dan bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan keprihatinan terhadap isu-isu yang telah diutarakan. Setakat ini sahaja yang isu-isu perbahasan yang menyentuh pihak kementerian. Akhir kata, diharapkan agar semua Ahli Yang Berhormat dapat sama-sama mendukung iltizam untuk menjayakan *Malaysia Year of Festivals 2015*. Dengan itu saya mengucapkan selamat berpuasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya kita beralih ke Jabatan Perdana Menteri di mana ada enam orang Menteri yang akan menjawab. Sekali lagi saya ingin menjemput Yang Berhormat Hajah Nancy untuk menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dalam bidang di bawah kuasa Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri.

#### **4.25 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kini saya ingin menggulung perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas bagi isu yang telah dibangkitkan bagi agensi di bawah seliaan saya di Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin yang telah membangkitkan isu berhubung kebangkrapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin telah membangkitkan isu berkenaan pasangan suami isteri yang kedua-duanya diisytiharkan bankrap kerana suami atau isteri berkenaan menjadi penjamin pasangan mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebangkrapan disebabkan menjadi penjamin dikategorikan kepada dua kategori iaitu pertama, penjamin sosial, dan kedua, penjamin korporat. Penjamin sosial ialah penjamin bagi pinjaman sewa beli kenderaan, pinjaman sewa beli perumahan bagi tujuan kediaman serta pinjaman pendidikan. Penjamin bagi kategori ini tidak mempunyai kepentingan atas hutang yang dijamin dan tidak memperoleh manfaat daripada pinjaman tersebut. Manakala penjamin korporat pula ialah penjamin bagi pinjaman perniagaan yang mana bankrap secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam pengurusan perniagaan tersebut dan memperoleh manfaat daripada pinjaman tersebut.

Mana-mana individu yang bersetuju menjadi penjamin sosial atau korporat mempunyai tanggungjawab untuk menjelaskan pinjaman yang terlibat dalam keadaan peminjam gagal membayar pinjaman tersebut. Individu yang menjadi penjamin mempunyai pengetahuan yang tindakan undang-undang boleh diambil terhadap dirinya berdasarkan perjanjian jaminan. Penjamin dalam semua keadaan akan sedar terhadap kesan-kesan jaminannya termasuk menanggung bayaran ansuran pinjaman dan kegagalannya untuk berbuat demikian akan menyebabkan tindakan undang-undang boleh diambil oleh pemiutang terhadapnya.

Dalam hal ini pasangan suami isteri yang kedua-duanya diisytiharkan bankrap yang merupakan penjamin dinasihatkan untuk hadir ke Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) serta memberikan kerjasama yang baik seperti membuat pembayaran ansuran secara teratur dan mematuhi arahan yang diberikan bagi membolehkan bankrap tersebut keluar daripada kebangkrupannya dalam kadar yang segera. Kita tidak dapat memberi satu jawapan yang standard untuk setiap kes. Jadi sebab itu saya mencadangkan supaya mereka yang terbabit ini untuk pergi terus ke pejabat supaya dapat berbincang untuk merunding cara mana pejabat boleh membantu iaitu pejabat MDI. Ini kerana seperti mana yang saya nyatakan tadi yang membankrapkan mereka bukanlah MDI tetapi tempat mereka berhutang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan yang seterusnya...

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Boleh memohon...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan yang disampaikan tadi. Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi atas jawapan itu. Cuma daripada pandangan saya, kita faham memang perkara ini boleh dibawa bincang dengan jabatan-jabatan tertentu. Mungkin boleh mengatur bagaimana pembayaran yang dibuat.

Cuma daripada segi prinsipnya Yang Berhormat Menteri yang saya ingin sampaikan ialah kita faham ia boleh dibincangkan tetapi daripada segi prinsip. Apa yang kita tidak hendak ialah bagaimana boleh mungkin difikirkan satu mekanisme baru. Kalau sekiranya jumlah pinjaman itu tidaklah berkepentingan seperti mana Yang Berhormat Menteri sampaikan tadi. Kalau pinjamannya hanya RM30,000, pada saya daripada segi prinsipnya adalah tidak adil dan dilihat agak zalim sekiranya kedua-dua pasangan suami isteri itu dikenakan tindakan atas jumlah yang sama. Melainkan kalau sekiranya pinjaman mereka itu berjumlah jutaan ringgit, ada kepentingan untuk mereka boleh membawa duit itu keluar dan sebagainya, itu lain.

Akan tetapi kalau ini hanya melibatkan sebuah kenderaan, agak zalim untuk kedua-dua pasangan suami isteri yang muda yang masih ada tanggungjawab untuk membesarkan anak mereka dikenakan tindakan sebegitu rupa. Mungkin ia boleh difikirkan bagaimana cara selepas ini kalau boleh dipertimbangkan semula supaya tidak boleh dikenakan tindakan kepada kedua-dua suami isteri. Melainkan kalau mereka saya kata tadi buat pinjaman jutaan ringgit, itu mungkin ada perancangannya yang dibuat lebih awal tetapi kalau hanya kerana pinjaman sewa beli kenderaan, RM30,000 dan sebagainya, saya fikir itu adalah tidak tepat dan mungkin agak sedikit zalim kepada tindakan yang diberikan kepada kedua-dua. Jadi itu sahaja pandangan saya Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

■1630

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya saya seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Datuk, memang saya amat bersetuju. Memang kita- sebab itu saya menyarankan pertama tadi, saya hendak ulangkan di sini, bukan MDI yang membankrapkan, yang membankrapkan tempat mereka berhutang. Jadi kalau seseorang itu menjamin,

kalau dia menjadi *social guarantor*, dengan izin, dalam hal penjamin daripada segi kereta tadi, kenderaan tadi, sebab itu saya menyarankan pergi ke pejabat-pejabat MDI supaya dapat berunding.

Kalau saya hendak bagi jawapan secara standard dekat sini tidak boleh kerana ia perlu dilihat dari sudut keseluruhannya bagaimana keadaan keluarga tersebut terutama mereka yang menjadi penjamin sebagai *social guarantor* itu, cara-cara yang tertentu untuk kita membantu mereka. Jadi saya hendak ucapkan terima kasih atas saranan tersebut dan diharapkan dengan adanya kita mengadakan undang-undang baru nanti yang melibatkan insolvensi, *inshaa-Allah*, kita memberi peluang yang lebih untuk membantu mereka yang terlibat dalam perkara seperti ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan jawapan itu, maka saya ingin akhiri sesi penggulungan bagi agensi di bawah seliaan saya di Jabatan Perdana Menteri. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa kepada semua Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam dan juga selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan datang. Jadi sesi penggulungan oleh Jabatan Perdana Menteri akan diteruskan oleh rakan-rakan saya di kementerian yang sama di Jabatan Perdana Menteri yang lain. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim. Silakan Yang Berhormat Menteri.

#### 4.32 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara, Perbadanan PR1MA- PR1MA tetap di bawah Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, ESSCOM, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, APMM, Parlimen serta isu-isu am pentadbiran di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan di bawah portfolio yang telah saya sebutkan iaitu Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah; Yang Berhormat Ng Chiang Chin; Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas; Yang Berhormat Datuk Jamilah; Yang Berhormat Datin Rahimah; Yang Berhormat Dato' Boon Som; Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian; Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Datuk Kadzim, Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani; Yang Berhormat Datuk Norliza; Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim; Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar; Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah; Yang Berhormat Puan Hajah Mariany; Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim; Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah; Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam; Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan; dan Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff.

Saya menyebut nama-nama ini untuk membolehkan saya maklum kepada Yang Berhormat bahawa saya akan cuba habiskan dalam masa maksimum satu jam tetapi saya akan cuba habiskan dalam masa 45 minit dan saya akan berhenti mengikut perjanjian masa itu dan yang lain-lain saya akan jawab secara bertulis. Sebab, saya ada dekat 40 isu yang harus dijawab. Jadi kepada kawan-kawan lain yang tidak dapat saya jawab, saya sudah pasti saya jawab secara bertulis sebab kita kena habiskan sebelum jam 7 hari ini untuk membolehkan selepas ini kita berbuka puasa bersama. Kalau kita tidak habis, bererti kita sambung selepas tarawih jam 10 malam. Ini agak memberatkan.

Jadi saya akan mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya kita habis tepat jam 7. Ini bererti, kawan saya yang terakhir Yang Berhormat Razali Ibrahim akan menghadapi tekanan masa sedikit. Kalau dia tinggal lima minit, bererti dalam masa lima minit dihabiskan. Dengan itu kita boleh habiskan lebih awal dan malam ini kita akan beribadat bersungguh-sungguh, kita sudah nak sampai ke pengakhiran Ramadhan.

Pertama sekali ialah ESSCOM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, Yang Berhormat Senator Chin dan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah. Sebagai pengenalannya-sebab apa, banyak apabila kita bercakap tentang portfolio yang telah saya sebutkan, kita tidak dapat makluman tentang matlamat penubuhan. ESSCOM telah ditubuhkan pada 7 Mac 2013 ekoran insiden pencerobohan pengganas Sulu di Tanduo, Lahad Datu, Sabah. Penubuhan ESSCOM ini bermatlamat:

- (i) memastikan dan mempertingkatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat;
- (ii) memastikan kesejahteraan hidup dan kewujudan bersama;
- (iii) memelihara dan memudahkan di kawasan Timur Sabah, perjalanan secara bebas; dan
- (iv) tindakan sewajarnya untuk menempatkan semula orang atau kumpulan orang.

Kawasan ESSZONE adalah seluas 134,716.54 kilometer persegi di pesisir pantai yang panjang iaitu 1,733.7 kilometer.

Berhubung dengan cadangan supaya selain daripada polis, tentera dan agensi lain seperti JPM dan APMM mempunyai unit menjalankan kegiatan mengumpulkan maklumat risikan khusus menyentuh tentang Timur Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan amat mengalu-alukan sebarang cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan tahap kawalan keselamatan di pantai Timur Sabah. Kita mengambil maklum mengenai cadangan Yang Berhormat. Untuk makluman, ESSCOM telah mempunyai unit risikan sendiri yang menjalankan aktiviti risikan yang terdiri daripada risikan PDRM, ATM dan juga APMM. Selain itu, ESSCOM juga sentiasa berkongsi maklumat risikan dengan agensi-agensi lain dalam menangani aktiviti jenayah rentas sempadan, penyeludupan serta memperkukuhkan kedudukan keselamatan di ESSZONE.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas juga menyarankan agar penubuhan ESSCOM dapat menangani isu PATI di Sabah dengan lebih efektif. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ESSCOM

ditubuhkan untuk mengekang gelombang kedua pencerobohan pegganas Sulu khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah.

Walau bagaimanapun, peranan ESSCOM telah diperluas untuk membantu agensi-agensi penguat kuasa lain termasuk Jabatan Imigresen dalam menangani isu pendatang tanpa izin. Ops bersepadu yang diselaraskan oleh ESSCOM yang disertai oleh pelbagai agensi yang lain seperti Kastam, Jabatan Hutan, Imigresen, Pejabat Daerah, Majlis Daerah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, MKN adalah bertujuan untuk membersihkan Pantai Timur Sabah daripada masalah pendatang tanpa izin.

Operasi bertemakan 'tiada hari tanpa operasi' dan 'biasakan yang betul, betulkan yang biasa' yang telah dilaksanakan di enam buah daerah iaitu Kudat, Sandakan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau adalah untuk menghapuskan dominasi pendatang tanpa izin di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai seperti di bandar-bandar utama dan pasar-pasar besar. Golongan PATI ini disyaki menjalankan perniagaan secara haram tanpa lesen termasuk menjual barang-barang terlarang seperti rokok seludup dan VCD cetak rompak. Usaha ini diharap dapat memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk menguasai semula aktiviti berniaga dan sekali gus meningkatkan taraf ekonomi masing-masing di kawasan yang berkenaan. Daripada Januari sampai sekarang, kita telah memeriksa 60,333 orang dan tangkapan yang dibuat ialah 4,803 orang.

Berhubung dengan cadangan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin supaya satu Jawatankuasa Parlimen diwujudkan bagi mengkaji permasalahan yang berlaku di kawasan ESSCOM dan membincangkan penyelesaiannya, aset dan kelengkapan pasukan keselamatan dipertingkatkan secepat mungkin dan perancangan susulan kes penculikan di Pantai Timur Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan menyambut baik sebarang cadangan untuk memantapkan semula kawalan keselamatan di Timur Sabah.

#### ■1640

Walau bagaimanapun, kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas peringkat Parlimen untuk mengkaji aspek keselamatan di kawasan berkenaan. Pada kini kehadiran ESSCOM adalah cukup memadai.

Mengenai perancangan susulan kes penculikan di Pantai Timur Sabah, ESSCOM akan cuba sedaya upaya untuk mengawal perairan negara daripada dibolosi dengan mengetatkan kawal selia sempadan, termasuk mengadakan kerjasama rapat dengan Filipina dalam aspek kawalan persempadanan dengan mengadakan kawalan perairan secara bersama selain bertukar risikan.

Berhubung dengan kenapa isu keselamatan ini masih timbul, terutamanya berhubung dengan penculikan, untuk makluman yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman, untuk makluman Yang Berhormat, ESSCOM telah ditubuhkan pada 2013 ekoran berlakunya insiden pencerobohan pegganas Sulu di Tanduo, Lahad Datu, yang antara lain bertujuan untuk mengekang dan mencegah berlakunya gelombang kedua pencerobohan pegganas Sulu di Pantai Timur Sabah.

Walau bagaimanapun, sejak ESSCOM ditubuhkan, tidak lagi insiden pencerobohan pengganas Sulu yang baharu meskipun ESSCOM masih berdepan dengan pelbagai ancaman lain yang boleh mengancam keselamatan negeri Sabah. Sejak perintah berkurung dikuatkuasakan di enam buah daerah di ESSZONE bermula 19 Julai tahun lalu, ESSCOM telah berjaya mematahkan sekurang-kurangnya enam cubaan menculik di perairan ESSZONE terutamanya di tiga buah daerah yang berisiko tinggi berlakunya jenayah culik iaitu Semporna, Kunak dan Lahad Datu, kali ini telah menambah keyakinan dan mengembalikan kepercayaan masyarakat setempat termasuk pelancong dan juga pelabur asing untuk datang ke negara ini.

Namun begitu, baru-baru ini, kita telah dikejutkan dengan kejadian insiden penculikan di Restoran Ocean King Sandakan yang disyaki didalangi dan dibantu oleh orang dalam. Ekoran daripada insiden berkenaan, ESSCOM telah berjaya menyusun semula strategi yang lebih komprehensif bagi menghadapi jenayah culik ini dengan mengkoordinasi dan mengoptimumkan penggunaan aset-aset yang sedia ada termasuk menggunakan aset-aset canggih seperti helikopter bagi mengesan dan memburu penculik-penculik.

Pada masa kini, ESSCOM menghadapi cabaran besar dalam mengekang aktiviti penculikan seperti yang disebutkan tadi. Oleh sebab adanya penglibatan dan juga sokongan orang dalam PATI yang perlu dibanteras secara menyeluruh. ESSCOM akan meneruskan perancangan bagi membanteras aktiviti penculikan hingga ke akar umbi. Dalam hal ini, ESSCOM akan mempertingkatkan keupayaan pengawasan melalui penggunaan radar berteknologi tinggi dan mengukuhkan keupayaan risikan termasuk mengadakan kerjasama rapat dengan pihak Filipina.

Berhubung dengan sejauh mana tindakan diambil untuk mewujudkan kawasan penempatan baru bagi menggantikan perkampungan air yang lama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan bancian yang dijalankan pada 29 Julai hingga 1 Ogos 2013, di Mukim Simunul, Semporna, ESSCOM telah mengenal pasti sebanyak 1,371 buah rumah yang perlu dibina bagi penempatan penduduk. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 832 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) sedang dibina di kawasan Jalan Bubul Lama, Semporna dan pembinaannya telah siap 80%.

Manakala di Sandakan, lima buah perkampungan telah dibanci pada 15 hingga 17 Februari 2014. Hasil daripada bancian menunjukkan sebanyak 2,089 unit rumah perlu dibina bagi penempatan baru penduduk kampung air yang terlibat.

Sehubungan itu, kawasan penempatan baru seluas 60 hektar telah dikenal pasti oleh ESSCOM dan Majlis Perbandaran Sandakan. Daripada jumlah tersebut, 30 ekar daripadanya akan dibangunkan dengan 1,000 unit apartmen PPR. Rumah-rumah berkenaan telah siap dibina dan sedang dalam peringkat perbincangan untuk dibeli daripada MPS bagi menempatkan semula penduduk di kampung air.

Majlis Keselamatan Negara. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul; Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong; Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah; Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman; Yang

Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit; Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam; dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Keselamatan Negara telah ditubuhkan secara rasmi pada 7 Julai 1971 melalui keputusan Jemaah Menteri yang bersidang pada 23 Februari 1971. Pada asasnya, MKN merupakan agensi peneraju dan bertanggungjawab menyelaraskan dasar yang berkaitan dengan keselamatan negara dan arah tuju hal-hal keselamatan.

Fungsi teras MKN adalah seperti berikut:

- (i) mempertahankan kedaulatan dan kepentingan strategik negara;
- (ii) pengurusan krisis dan bencana dan;
- (iii) pengurusan sempadan darat, maritim dan juga udara;

Berhubung dengan kesedaran keselamatan di kawasan sempadan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil serius mengenai kekhuatiran berkaitan isu keselamatan di sempadan. Umumnya, kewujudan permasalahan aktiviti penyeludupan ini bukan sahaja berlaku di laluan rasmi yang telah digazet, malah terdapat juga pelolosan di laluan-laluan tikus berhampiran lokasi-lokasi di pintu masuk darat antarabangsa.

Sehingga kini terdapat lapan buah laluan rasmi pintu masuk sempadan darat. Saya kena baca nama ini supaya Ahli Yang Berhormat mengetahui di manakah tempat laluan rasmi dan kawasan laluan tak rasmi selalunya berlaku di antara pos ke pos:

- (i) Pos yang pertama ialah Padang Besar, Perlis - belah Siam dia panggil Padang Basa;
- (ii) Wang Kelian, Perlis - belah Siam, Wang Peracan;
- (iii) Bukit Kayu Hitam, Kedah - sebelah Siam, Bandar Danok;
- (iv) Kota Putra, Durian Burung - sebelah Siam, Ban Prakob;
- (v) Pengkalan Hulu, Perak - sebelah Siam, Betong, Yala;
- (vi) Rantau Panjang, Kelantan - Sungai Golok di sebelah Narathiwat;
- (vii) Bukit Bunga, Kelantan - sebelah Siam Ban Buketa;
- (viii) Pengkalan Kubor, Kelantan - Tak Bai, Narathiwat;

Kedudukan lokasi-lokasi pintu masuk sempadan darat antarabangsa Malaysia-Thailand yang strategik telah dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur yang lengkap khususnya seperti laluan lebuhraya di bandar-bandar utama menjadi pemangkin kepada berlakunya aktiviti penyeludupan yang lebih mudah dan terancang.

Dalam menangani permasalahan ini, kerajaan telah mengambil langkah untuk menangani aktiviti penyeludupan dengan pembangunan 31 buah CCTV yang ditempatkan di sempadan antarabangsa Padang Besar.

Kerajaan juga sedang mengkaji cadangan penubuhan unit khas sempadan supaya operasi rondaan dapat dipertingkatkan dan tidak berkala, dan turut merancang untuk melengkapkan infrastruktur dengan teknologi penguatkuasaan yang lebih moden seperti penggunaan dron oleh agensi dan juga pasukan keselamatan di sempadan bagi menambah baik operasi serta memantapkan maklumat risikan terhadap aktiviti penyeludupan.

Di peringkat bilateral, kerajaan melaksanakan penyelarasan dan perancangan keselamatan di sempadan darat bersama dengan negara jiran Thailand melalui *General Border Committee*, *High Level Committee Malaysia-Thailand* serta *Regional Border Committee Malaysia-Thailand*. Biarpun bilateral ini digunakan oleh kerajaan untuk memberi penekanan kepada negara jiran bahawa kerajaan Malaysia terpaksa menanggung kerugian yang besar akibat daripada pelolosan PATI dan aliran laluan masuk yang dipermudahkan. Yang saya maksudkan di sini ialah di samping PATI daripada negara lain yang datang melalui negara jiran, warga negara jiran juga akan masuk ke sini sebagai PATI dan inilah tekanan yang dihadapi oleh kerajaan Malaysia.

Berhubung dengan sempadan Kedah-Perlis, Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff, untuk makluman Yang Berhormat, tindakan kerajaan terhadap isu keselamatan sempadan yang berlaku di Kedah-Perlis adalah seperti berikut:

- (i) kita tingkatkan operasi. Melaksanakan siasatan dan saringan terhadap penoreh getah di kawasan kebun getah terutamanya di Lubuk Sireh dan juga di kebun getah di sebelah Kedah;
- (ii) mengesan dalang-dalang di kalangan masyarakat tempatan termasuk kaum Rohingya sendiri di Perlis; dan
- (iii) kita juga akan berhubung kepada Kementerian Dalam Negeri untuk membuat kajian terhadap kebanjiran kehadiran warga asing di negeri Perlis walaupun tiada peluang pekerjaan yang banyak.

Di samping mengkaji cadangan terhadap penubuhan Unit Kawalan Sempadan, kerajaan juga akan mengkaji cadangan untuk pihak ITM mengambil alih kawalan keselamatan di kawasan sempadan yang tidak berpagar.

Kerajaan mengambil serius mengenai kekhuatiran tahap keselamatan sempadan negara berikutan penemuan kubur besar di kawasan sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand iaitu di Wang Besar dan juga Lubuk Sireh, Perlis baru-baru ini ekoran aktiviti penyeludupan manusia. Kecekapan risikan pasukan keselamatan khususnya PGA yang berpangkalan di Markas Briged Utara PGA Ulu Kinta, Perak dianggotai sebahagian besarnya oleh Orang Asli Sungai Perak serta kecekapan anggota pasukan komando VET 69 dan juga Unit Tindakan Khas PDRM telah berjaya membongkar satu lagi bukti pencerobohan migran melalui jalan-jalan tikus yang di lokaliti sempadan darat antarabangsa.

#### ■1650

Berhubung dengan kawalan ketat di sempadan, Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas menyarankan agar dilaksanakan terutamanya oleh Jabatan Imigresen dan juga angkatan tentera. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, bagi meningkatkan tahap keselamatan di sempadan negara, kerajaan sentiasa menyusun pelan strategik khususnya dalam memantapkan kawalan sempadan negara seperti langkah-langkah berikut; penambahan aset dan infrastruktur yang lebih baik di pintu-pintu masuk, pengoperasian dan penguatkuasaan oleh Jabatan Imigresen dan juga angkatan tentera.

Berhubung dengan cadangan *border studies institute* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Boon Som. Cadangan Yang Berhormat untuk ditubuhkan *boarder studies institute* cadangan yang baik dan akan dipertimbangkan oleh kerajaan dalam membantu negara untuk memperkemaskan pengurusan sempadan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak dalam ucapannya pada *29th Asia-Pacific Roundtable* pada 1 Jun 2015 di Kuala Lumpur telah menyentuh berkaitan isu pemerdagangan manusia yang berlaku di sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand baru-baru ini.

Beliau juga telah menekankan bahawa perlunya kerjasama *ASEAN-Institutes of Strategic and International Studies* (ASEAN-ISIS) dan ISIS Malaysia serta menyarankan agar para diplomat, ahli akademik, serta media untuk turut berganding bahu mencari penyelesaian praktikal dan realistik di peringkat kepimpinan tempatan serantau dan global bagi mengelak isu keselamatan seperti ini daripada berulang. Pada masa ini, terdapat beberapa sektor pusat pengajian tinggi Malaysia yang memberi fokus kepada aspek ini. Pertama, Institut Penyelidikan Indonesia, Thailand dan Singapura; Universiti Utara Malaysia; Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Cadangan *border patrol unit* iaitu agensi baru untuk menjaga keselamatan sempadan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan berterima kasih atas cadangan berkenaan dan ia selaras dengan pemikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap penubuhan agensi baru untuk menjaga keselamatan sempadan. Kajian teliti perlu dibuat terlebih dahulu mengenai implikasi pertindihan tugas dan tanggungjawab serta kewangan dan sebagainya. Mengenai pegawai penguat kuasa di perairan sempadan menjalani saringan terlebih dahulu. Pada asasnya, memang telah dibuat saringan sebelum penempatan dibuat dan perkara ini akan dipertingkatkan lagi untuk keberkesanan tugas di sempadan.

Pencerobohan kapal tentera Republik Rakyat China seperti yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Jamilah iaitu pencerobohan tentera China di kawasan ZEE perairan negara. Berhubung dengan isu pencerobohan kapal tentera Republik Rakyat China di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif, perkara ini adalah di bawah pemerhatian MKN dan telah dibawa kepada perhatian Angkatan Tentera Malaysia dan juga APMM. Sejak dua tahun kebelakangan ini, kapal tentera laut dan juga *China Coast Guard* sering berada di kawasan perairan negara dan berlabuh di sekitar kawasan Beting Petinggi Ali dan juga Beting Raja Jarum.

Walau bagaimanapun, pihak pasukan keselamatan negara khususnya aset TLDM juga sentiasa berada di kawasan tersebut, 24 jam tujuh hari untuk memantau pergerakan kapal-kapal tentera asing di kawasan yang berkenaan. Kita juga menunjukkan kehadiran *show present* bagi pengukuhan tuntutan

kedaulatan negara di Laut China Selatan. Sehingga kini, setiap insiden pencerobohan aset asing di perairan negara dapat ditangani dengan baik oleh pasukan keselamatan negara. Kapal yang menceroboh akan direkodkan, seterusnya pihak Kementerian Luar Negeri akan mengemukakan bantahan diplomatik sekiranya bukti-bukti insiden telah dapat disahkan.

Berhubung dengan PATI di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas, tindakan segera yang berterusan sentiasa diambil untuk menangani isu PATI di Sabah. Operasi bersepadu diterajui oleh MKN Sabah serta ESSCOM yang melibatkan agensi penguat kuasa yang lain dipertingkatkan dan penghantaran pulang PATI ke negara asal juga diperhebat. Kerajaan mengambil serius mengenai isu PATI di Sabah dan operasi mengesan dan menangkap PATI giat dijalankan oleh agensi penguat kuasa. Menerusi operasi pelbagai agensi penguat kuasa yang bermula bulan Januari sehingga Mei, seramai 49,419 orang telah diperiksa di lapangan dan daripada jumlah itu, seramai 8,791 orang telah direman untuk siasatan lanjut.

Manakala operasi bersepadu yang dijalankan setakat sembilan siri sehingga bulan Jun 2015, seramai 11,518 orang PATI telah diusir keluar ke negara asal mereka. Manakala statistik sehingga 29 Jun 2015, menunjukkan seramai 7,363 orang PATI lagi yang berada di pusat tahanan sementara PTS seluruh Sabah yang akan diusir dalam tempoh terdekat dengan PTS Kota Kinabalu dihuni seramai 2,025 orang, PTS Papar seramai 2,345 orang, PTS Sibuga seramai 1,661 orang dan PTS Tawau seramai 1,331 orang.

Selain daripada itu, usaha mengukuhkan aspek pengawalan sempadan perairan di pantai timur Sabah seperti perintah berkurung yang diterajui oleh ESSCOM juga terus giat dijalankan bagi memastikan aspek keselamatan pantai timur Sabah terjamin merangkumi aspek kemasukan PATI di Sabah. Usaha-usaha berterusan turut dilaksanakan oleh agensi penguat kuasa bagi mengawal dan menangani isu PATI di Sabah.

Saya juga menjawab perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin berhubung dengan perkara yang sama iaitu tentang PATI di Sabah dan juga akhir sekali berhubung dengan soal PATI ini- maaf.

Saya juga ingin menyentuh isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany iaitu menjalankan simulasi ataupun *derail response plan* dapat dilakukan dengan kerap agar pengurusan krisis bencana dapat dijalankan dengan lancar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Latih Amal dan juga program kesedaran awam mengenai bencana telah dan sedang dijalankan secara berterusan secara bersama oleh agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan serta masyarakat di seluruh negara, khususnya di kawasan-kawasan berisiko. Antara latihan yang dilaksanakan penganjuran *ASEAN Regional Forum Disaster Relief Exercise (ARF DiREx) 2015* yang telah dilaksanakan daripada 24 sehingga 29 Mei 2015 di Kedah dan Perlis.

Latihan pengurusan bencana berkala besar yang dihadiri oleh lebih kurang 3,000 orang peserta daripada 27 buah negara bermatlamat menguji kesiapsiagaan serta kerjasama di antara agensi di peringkat serantau dan juga antarabangsa dalam bertindak balas terhadap situasi bencana. Selain

daripada itu, latihan berskala kecil di peringkat tempatan juga akan turut dilaksanakan secara berterusan khususnya di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi.

Dalam persiapan menghadapi berlakunya gegaran gempa, Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam ingin tahu persiapan yang telah dibuat oleh kerajaan dalam menghadapi sebelum berlakunya gegaran gempa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara telah menjelaskan mengenai mekanisme pengurusan bencana yang dilaksanakan melalui penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah, negeri dan pusat. Jawatankuasa Pengurusan Bencana ini masing-masing diketuai oleh residen ataupun pegawai daerah, setiausaha kerajaan negeri dan Menteri yang dilantik iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk mengawal selia pengurusan bencana secara menyeluruh di peringkat negeri dan juga negara.

Mengenai tindak balas semasa kejadian gempa pada 5 Jun 2015 yang lalu, agensi penyelamat telah mula bertindak sejurus gempa bumi berlaku. Pos kawalan tempat kejadian telah diaktifkan dan pihak Polis Diraja Malaysia di peringkat Taman-taman Sabah pada 8.30 pagi. Operasi mencari dan menyelamatkan telah dilakukan secara bersepadu dengan penglibatan pasukan penyelamat, malim gunung serta turut dilengkapi dengan keperluan aset-aset milik agensi kerajaan telah diatur gerak termasuk aset-aset udara.

#### ■1700

Dalam keadaan tindak balas yang telah dipraktikkan di negara maju, peranan komuniti amat penting sebagai *first responder* bagi menyelamatkan nyawa diri sendiri, keluarga dan jiran sekeliling sekiranya berlaku kecemasan atau bencana. Hal ini jelas ditunjukkan oleh malim gunung selaku individu yang arif mengenai selok-belok kawasan pergunungan berkenaan selaras dengan buku panduan tugas dan tanggungjawab malim gunung yang telah disediakan oleh pihak taman-taman Sabah. Di Semenanjung Malaysia beberapa siri gempa bermagnitud kecil telah berlaku di kawasan sesar Bukit Tinggi, Pahang antara 2007 sehingga 2009. Di negeri Sabah terdapat beberapa sesar aktif. Antaranya ialah sesar Mensaban, sesar Crocker, sesar Tabin, sesar Lobou-lobou yang boleh menghasilkan gempa bumi yang bermagnitud kecil sehingga sederhana.

Selain daripada kejadian pada 5 Jun 2015 lalu, kejadian gempa bumi paling kuat pernah direkodkan di Sabah adalah pada tahun 1976 di Lahad Datu dengan magnitud 5.8 Richter menyebabkan kerosakan kepada struktur bangunan di Lahad Datu. Gempa bumi dengan magnitud 5.1 Richter di Ranau pada tahun 1991 juga telah menyebabkan kerosakan kepada struktur bangunan di Ranau. Walau bagaimanapun masih ada ruang untuk penambahbaikan dengan melihat kepada keperluan aset bagi menghadapi kejadian bencana seperti gempa bumi pada 5 Jun yang lalu.

Berhubung dengan sistem amaran awal yang harus dipasang di Gunung Kinabalu dan juga mencadangkan sistem amaran gempa bumi dipasang di kawasan *quake-prone* seperti Gunung Kinabalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gempa bumi kejadian bencana alam yang tidak boleh diramalkan bila, di mana dan juga berapa magnitudnya. Ini kerana tiada sebarang teknologi yang dapat memberi

amaran awal gempa. Dengan mengambil kira aktiviti plat bumi dan sesar aktif di Sabah, maka kejadian gempa bumi boleh berlaku pada masa hadapan. Jabatan Meteorologi Malaysia kini mempunyai 44 alat pengesan gempa bumi, alat pengesan jenis *weak motion* dan juga *strong motion* yang dipasang di seluruh negara termasuk lapan peralatan pengesan di Sabah.

Pada masa ini Jabatan Meteorologi Malaysia sedang memasang 20 lagi peralatan pengesan gempa bumi tambahan termasuk tujuh peralatan di Sabah. Kesemua peralatan baru tersebut dijangka siap beroperasi pada penghujung 2015. Berdasarkan kepada teknologi sedia ada yang digunakan di negara-negara maju seperti Jepun, tiada alat telah dicipta bagi memberikan amaran awal gempa bumi kerana sifat kejadian bencana ini yang berlaku secara tiba-tiba. Walau bagaimanapun Kerajaan Jepun sedang mengguna pakai satu sistem yang boleh menghentikan sistem utiliti, elektrik dan gas seperti perkhidmatan rel kereta api bagi mengelakkan dari berlaku kejadian bencana susulan seperti letupan akibat kebocoran gas.

Berhubung dengan cadangan diperkukuhkan pasukan penyelamat di Gunung Kinabalu, Senator Datuk Kadzim mencadangkan ditubuhkan pasukan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, keselamatan para pendaki di Gunung Kinabalu dipertanggungjawabkan kepada malim gunung merujuk kepada Perkara 2, 5, 10 dan 11 Buku Panduan Tugas dan Tanggungjawab Malim Gunung yang telah disediakan oleh Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah iaitu bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan pendaki yang berada di bawah tanggungjawab sepanjang masa pendakian, membantu dan menyertai operasi menyelamatkan mangsa pendaki dan menguruskan serta mengawal pendaki yang mengalami sebarang kes-kes kecemasan.

Semasa pengendalian bencana gempa 5 Jun 2015 yang lalu, kesemua gerakan awal mencari dan menyelamatkan mangsa telah di selaras oleh pihak Lembaga Pemegang Amanah Taman-taman Sabah. Dalam keadaan tersebut, wakil Taman Sabah yang berada di sana ialah Encik Mitunjay Lagim. Peserta pertama malim gunung yang dihantar naik ke Gunung Kinabalu telah digerakkan atas dasar untuk menyelamatkan mereka yang menimpa kemalangan. Selainnya, operasi mencari dan menyelamatkan oleh agensi kerajaan telah digerakkan secara menyeluruh dan teratur. Walau bagaimanapun maklumat operasi masih dibantu oleh petugas Taman Sabah. Oleh yang demikian, saya jelas bahawa malim gunung perlu menjalankan peranan sebagai *first responder* disusuli dengan tindakan pihak agensi penyelamat. Walau bagaimanapun kemahiran untuk memberi rawatan kecemasan *first aider* perlu ditingkatkan.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 12 Jun 2015 telah memutuskan supaya malim gunung diserapkan sebagai anggota pasukan sukarela Jabatan Bomba dan Penyelamat. Pada 22 Jun 2015, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melantik kumpulan pertama 20 orang 'malim gunung' sebagai *Mountain Search and Rescue (MOSA)*. Melalui pelantikan ini, kemahiran dan pengetahuan para malim gunung untuk bertindak dalam situasi akan dapat dipertingkatkan selain dapat memberikan pendapatan tambahan apabila berkhidmat sebagai anggota pasukan bomba sukarela.

Sekarang saya ingin menyentuh tentang APMM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat supaya kita jelas tentang kedudukan APMM. APMM secara rasminya bermula operasi pada tahun 2005 dan mulai September 2009, Jemaah Menteri telah meletakkan APMM sebagai agensi tunggal penguat kuasa Zon Maritim Malaysia. Tujuan utama penubuhan APMM adalah untuk menguatkuasakan semua undang-undang Persekutuan di Zon Maritim Malaysia yang bermula daripada tikas air surut sehingga 200 batu nautika Zon Ekonomi Eksklusif. Walaupun semua aset telah diarahkan untuk diserahkan kepada APMM, namun masih terdapat sebahagian aset yang tidak dapat diserahkan lagi. Terdapat juga aset-aset yang diserahkan terpaksa dilupuskan dalam masa tujuh hari kerana umurnya sudah mencapai 50 tahun. Antara bidang tugas APMM menangani masalah nelayan yang melanggar zon penangkapan ikan yang telah ditetapkan, masalah rompakan di maritim, pemerdagangan manusia, penyeludupan, pelanunan dan operasi mencari dan menyelamatkan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat ingin mengetahui jumlah rompakan lanun di Selat Melaka, jumlah yang telah didakwa negara asal lanun-lanun tersebut, jumlah yang melibatkan kapal-kapal antarabangsa dan tindakan kerajaan untuk menanganinya. Tindakan kerajaan dalam menangani isu lanun ini adalah seperti berikut:

- (i) melalui gerakan teknologi dan kerjasama dengan negara-negara jiran terutamanya Indonesia dan Singapura; dan
- (ii) merancang untuk melaksanakan satu operasi membanteras penempatan sementara di pulau-pulau tidak berpenghuni supaya tidak digunakan oleh lanun.

Pada tahun 2004, terdapat 38 kes rompakan di Perairan Selat Melaka. Walau bagaimanapun, setelah APMM memulakan operasi pada tahun 2005, jumlah rompakan telah menurun secara mendadak dan menjelang 2009, terdapat sifar kes rompakan kecuali dua kes pada tahun 2011 dan 2014. Dalam dua kes yang berlaku pada tahun 2011, pesalah tersebut telah ditangkap dan didakwa dengan hukuman 15 tahun penjara dan lima kali sebatan. Bagi tahun 2015 sehingga kini, masih tidak ada kes rompakan yang dilaporkan. Sehingga kini terdapat lima kes rompakan dengan jumlah 40 orang perompak telah dijatuhkan hukuman 10 hingga 15 tahun penjara serta satu hingga lima kali sebatan. Semua perompak berasal daripada negara Indonesia. Terdapat tiga kapal antarabangsa yang terlibat iaitu Panama, Mongolia dan juga Singapura.

Yang Berhormat Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd. Anwar. Adakah kerajaan bercadang menggunakan model pendekatan yang sama seperti Selat Melaka dahulu melalui kerjasama tiga buah negara untuk menangani aktiviti pelanunan di pesisir pantai Semenanjung dan juga Sabah dan Sarawak? Kerajaan akan menggunakan semula kaedah yang telah digunakan di Selat Melaka dan akan ditambah baik dengan meningkatkan kerjasama dengan beberapa buah negara serantau seperti Indonesia, Singapura dan juga Thailand. Selain daripada itu, aset-aset juga akan ditambah baik supaya Zon Maritim Malaysia dapat dikawal dengan baik bagi menjamin keselamatan pengguna maritim. APMM juga pada tahun 2001 telah mewujudkan perjanjian persefahaman dengan Australia melalui *Australian Customs and Border Protection Service* dalam menangani isu-isu keselamatan maritim serantau.

## ■1710

Kerjasama ini membawa hasil apabila pesawat PC Orion Australia telah berjaya mengesan Anti Orkim Harmony di perairan Teluk Siam pada 13 Jun 2015. Kapal dagang ini telah dirompak di perairan Laut China Selatan dan dibawa lari ke perairan Indonesia dan Thailand. Maklumat pengesanan dari pesawat tersebut telah disalurkan kepada APMM untuk tindakan lanjut. Dalam masa yang sama APMM juga telah mendapat bantuan dari *Vietnam Coast Guard* untuk menangkap penjenayah tersebut. Sebagai langkah keselamatan, kapal-kapal dagang disarankan menggunakan laluan antarabangsa yang disyorkan, *international recommended route* bagi mengelakkan kejadian rompakan seperti yang berlaku kepada kapal Anti Orkim Harmony.

Jabatan Audit Negara, tinggal 20 minit lagi. Jabatan Audit Negara, berapa minit lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua:** 13 minit lagi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ada 13 minit lagi, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua adalah seorang yang cukup dikasihi. Datuk Yahaya bin Mat Ghani mencadangkan supaya setiap agensi kerajaan ditempatkan di Unit Audit Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap kementerian telah pun mempunyai Bahagian Audit Dalam yang bertanggungjawab kepada pegawai kementerian dalam melaksanakan audit dalaman. Di samping itu terdapat juga cawangan Jabatan Audit Negara yang ditempatkan di kementerian bagi melaksanakan audit bagi pihak Jabatan Audit Negara.

Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, untuk makluman Yang Berhormat, Ahli Parlimen merupakan mereka yang telah memenangi kerusi Parlimen melalui pilihan raya yang diadakan. Justeru adalah tertakluk pada parti yang bertanding untuk meletakkan calon-calon yang bersesuaian bertanding di Kerusi-Kerusi Parlimen yang berkaitan. Bagi pihak kerajaan pimpinan Barisan Nasional pula Yang Berhormat, kita sememangnya sentiasa melibatkan wanita untuk bertanding di beberapa Kerusi Parlimen. Malahan kita juga turut melantik sebahagian daripada mereka untuk memegang jawatan Menteri, Timbalan Menteri, Timbalan Speaker di dalam kerajaan.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon mencelah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya pencilah.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Agaknya lah dalam tempoh lima tahun yang ada ini, adakah kerajaan boleh mencapai 30% di kalangan wanita sebagai Ahli Parlimen dan DUN sedangkan sekarang hanya dalam 10% sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jawapannya mudah dan tepat. Sekiranya Barisan Nasional menang sekali lagi, sudah pasti angka-angka ini akan menjadi kenyataan. Jadi sokonglah kami untuk memastikan supaya rakyat Malaysia terutamanya wanita diperjuangkan dengan hebatnya.

PR1MA, saya terpaksa sebut PR1MA dulu ya Yang Berhormat. Penghabis sekali saya akan sebut JPA. Dalam jawapan yang lepas saya tertinggal JPA. PR1MA Yang Berhormat, selepas itu yang lain-lain itu saya akan jawab secara bertulis. Pengenalan PR1MA, untuk makluman Yang Berhormat, perumahan mampu milik yang disediakan PR1MA adalah khusus untuk golongan yang berpendapatan

sederhana. Ia tidak perlu tukar kementerian Yang Berhormat, dia mesti terus berada di Jabatan Perdana Menteri. Kalau PPR perlukan peruntukan tambahan, kita boleh berbuat demikian tapi biarlah PR1MA dengan golongan berpendapatan sederhana berada di Jabatan Perdana Menteri.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dia tengah bertafakur. Golongan ini di definisikan sebagai golongan yang mempunyai pendapatan isi rumah di antara RM2,500 sehingga RM10,000 sebulan. Rumah mampu milik yang disediakan PR1MA adalah dalam lingkungan harga RM100,000 sehingga RM400,000 bergantung kepada jenis dan lokasi. Harga rumah PR1MA adalah berasaskan pada tahap kemampuan, *affordability level* dan sekurang-kurangnya 20% lebih rendah daripada harga pasaran. Ini kementerian tidak boleh buat, Jabatan Perdana Menteri boleh buat iaitu mengurangkan harga diskaun 20% kepada semua rumah-rumah PR1MA.

Dalam melaksanakan projek perumahannya, PR1MA telah merangka modal perniagaan yang bersesuaian untuk mencapai matlamat mandatnya. Antara kaedah pelaksanaan yang diamalkan termasuklah pembinaan rumah di atas tapak tanah yang diperolehi oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Walau bagaimanapun memandangkan tanah milik kerajaan di kawasan bandar dan pinggir bandar adalah terhad, PR1MA menjalankan kerjasama melalui kaedah usaha sama, *joint venture* dengan pihak swasta untuk mendapatkan tanah serta melaksanakan pembangunan PR1MA di lokasi-lokasi strategik. Pembangunan PR1MA di lokasi-lokasi strategik ini menampilkan persekitaran yang kondusif melalui penyediaan kemudahan dan utiliti sedia ada seperti kemudahan komuniti.

Kemudahan ini bertujuan untuk mengurangkan sara hidup pembeli. *Accessibility* pengangkutan awam seperti kemudahan bas, LRT, MRT memainkan peranan penting dalam merancang dan mengenal pasti pembangunan PR1MA. Selain itu kemudahan lain yang lengkap seperti sekolah serta kawasan komersial berdekatan turut disediakan. Pembeli rumah PR1MA yang berjaya mendapatkan rumah semasa proses undian terbuka mempunyai beberapa pilihan dalam mendapatkan pembiayaan perumahan. PR1MA menyediakan dua pilihan. Yang Berhormat ya, dua pilihan. Pembeli mempunyai pilihan untuk mendapatkan pakej perumahan PR1MA daripada panel bank dan juga institusi kewangan yang bekerjasama secara strategik dengan PR1MA.

Melalui pakej ini pembeli ditawarkan kemudahan pinjaman sehingga 110% bagi rumah PR1MA. Pembeli tidak lagi terbeban untuk menyediakan bayaran-bayaran awalan untuk khidmat guaman, duti setem dan sebagainya. Sehingga kini terdapat lima buah bank dan institusi kewangan yang menyertai untuk menawarkan pakej tersebut, Maybank, CIMB, MBSB, Bank Rakyat dan juga Bank Simpanan Nasional (BSN). Sekiranya pembeli gagal di peringkat tapisan kewangan oleh panel bank PR1MA, pembeli boleh memohon untuk mendapatkan skim *Rent to Own* (RTO) yang dirangka khas oleh PR1MA. Bayaran balik pembiayaan ini menerusi kutipan sewaan serta perolehan melalui unit kediaman berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Boleh mencelah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak bangkit berhubung dengan pinjaman oleh rakyat yang hendak rumah PR1MA ini. Seperti yang kita tahu antara masalah mereka-mereka yang tidak dapat hutang ini ialah masalah CCRIS, masalah nama di senarai hitamkan dan sebagainya. Adakah orang-orang yang hendak meminjam PR1MA ini perkara-perkara seumpama itu pun akan diambil kira ataupun kerajaan akan memberi pengecualian. Kalau yang mempunyai nama-nama yang di senarai hitamkan supaya mereka itu dapat sebab kadangkala senarai hitam ini pun dibuat dengan secara tidak begitu menyeluruh. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, secara *detail* nya boleh kita berbincang perkara itu. Akan tetapi secara umumnya bahawa mereka boleh meminjam dari bank yang lima buah bank saya sebutkan tadi. Akan tetapi kalau gagal, dia akan berurusan terus dengan PR1MA melalui *rent to own*, sewa beli. Makna kata dia bayar tapi sewa beli ini akan dibuat selepas rumah siap. Jadi makna kata kalau sekiranya berhubung dengan senarai hitam dan sebagainya saya tidak dapat jawab Yang Berhormat tetapi saya hendak bagi tahu dia gagal bank, dia boleh menyertai RTO. Makna kata PR1MA, setelah dia dapat rumah PR1MA dia dalam keadaan tidak mungkin dia terlepas daripada mendapatkan rumah tersebut. Kalau tidak boleh pinjam bank, dia boleh menyertai skim RTO.

Ini yang terbaik Yang Berhormat yang pernah ditawarkan oleh kerajaan. Saya pun sebenarnya terkejut melihat skim ini, RTO ini yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Negeri Sembilan di mana orang yang dapat rumah PR1MA itu, pengharapannya tidak hilang. Kalau dia tidak dapat pinjaman bank, dia boleh menyertai skim *rent to own* iaitu sewa beli, dia sewa dan dia kira beli sampai tempohnya selepas 10 tahun dan juga lain-lain lagi yang saya telah perincikan. Jadi Yang Berhormat yang telah menimbulkan mengenai PR1MA, saya jawab secara bertulis setelah saya menerangkan bahawa apa itu PR1MA yang sebenarnya. Boleh ya, jangan marah sebab saya mengejar masa.

Kemudian Parlimen ya. Parlimen dia kena sebut, penghabis sekali JPA. Parlimen merupakan badan yang telah menimbulkan perkara-perkara mengenai Parlimen ialah Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan....

**Puan Shanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dato' Boon Som, Tan Sri...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ada yang berdiri hendak minta celah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ....Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Ya.

**Puan Shanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya ada mengemukakan tentang skim memperbaiki rumah orang miskin ataupun skim memperbaiki rumah daif yang telah di dalam RMKe-11 telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebanyak 400,000 unit rumah yang akan dibaiki sehingga tahun 2020. Jadi adakah Yang Berhormat Menteri sudah menjawab persoalan saya?

## ■1720

Saya memohon agar skim memperbaiki rumah orang miskin ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, sebenarnya rumah ini ialah terletak di bawah Kementerian Luar Bandar. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat itu, saya telah pun sampaikan kepada pihak atas dan masih menunggunya. Akan tetapi dalam keadaan suasana kehidupan yang ada sekarang ini, selalunya kita bertahan di tahap yang ada di bahagian masing-masing. Kita hendak kurangkan sedikit apa bentuk mungkin tidak kepuasan hati dan sebagainya. Walau bagaimanapun, skim di bawah ICU itu akan diteruskan, yang di bawah Kementerian Luar Bandar akan diteruskan. Jadi, yang terbaiknya ialah kita menambah peruntukan.

**Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi. Saya berpendapat, sekarang ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kita terlalu agensi atau kementerian yang telah mencuba untuk memperbaiki rumah-rumah orang miskin ini. Kita ada RISDA, kita ada Lembaga Perikanan, kita ada dari ICU, kita ada daripada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Namun begitu, saya lihat dan saya dapat tengok sendiri di seluruh Malaysia ini, walaupun banyak agensi dan kementerian yang cuba memperbaiki rumah-rumah orang miskin ini. Namun, rumah-rumah orang miskin ini, rumah-rumah daif ini masih lagi tiada kesudahan. Jadi, dengan itu saya mohonlah kalau boleh diletakkan betul-betul kita fokus, kita komited di bawah satu kementerian yang betul-betul melihat untuk memperbaiki rumah-rumah daif ini dengan begitu bersungguh-sungguh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih. Kita lihat jawapan saya di bawah ICU nanti Yang Berhormat ya, sebab apa saya dalam proses ini sebab saya masih fokus kepada PR1MA tadi. Jadi, bila Yang Berhormat timbulkan benda ini saya kena lihat di bawah ICU. Kalau tidak ada nanti saya akan jawab soalan Yang Berhormat. Berhubung dengan Parlimen. Parlimen merupakan badan perundangan Kerajaan Persekutuan dan ia buat undang-undang yang boleh dikuatkuasakan di seluruh negara. Parlimen meluluskan undang-undang Persekutuan, membuat pindaan undang-undang Persekutuan yang ada, memeriksa dasar-dasar kerajaan, menguruskan perbelanjaan kerajaan dan meluluskan hasil-hasil cukai yang baru. Parlimen juga menjadi forum untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan orang ramai. Bagi membolehkan Parlimen menjalankan tanggungjawab dengan sepenuhnya dan dengan lebih berkesan, perlembagaan telah memperuntukkan beberapa hak dan pengecualian yang dipanggil keistimewaan Ahli Parlimen.

Kepada Ahli-ahli Parlimen di setiap Dewan yang mempunyai kuasa mengawal selia tatacaranya sendiri, mempunyai kuasa mutlak atas prosiding masing-masing yang mana kuasa-kuasa ini tidak boleh dicabar di dalam mana-mana mahkamah. Dalam setiap Dewan boleh mengenakan hukuman ke atas pelanggaran hak keistimewaan atau menghina, *contempt* di dalam Dewan tersebut. Secara amnya, Ahli Dewan menikmati imuniti daripada prosiding sivil dan jenayah terhadap perkara yang di bahas dan dibuat

dalam Parlimen kecuali seperti yang telah ditetapkan dalam beberapa undang-undang ataupun akta tertentu.

Yang Berhormat, berhubung dengan 33 orang pegawai lantikan secara *contract of service*... [Disampuk] Saya jawab secara bertulis Yang Berhormat ya, Yang Berhormat tidak ada di sini. *Contract of service* dan secara *contract of service* dilantik secara kontrak bagi mengisi kekosongan jawatan di Parlimen. Jadi, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan tidak ada sini, Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong pun tidak ada sini. Jadi, dengan itu ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Boon Som A/L Inong ada.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dato' Boon Som A/L Inong ada ya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kerja pengubahsuaian dan pemuliharaan bangunan Parlimen dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian Kerja Raya. Walau bagaimanapun, sebelum kerja-kerja pengubahsuaian dan pembinaan dimulakan, kesemua pelan kerja ubah suai bangunan Parlimen ini telah dikemukakan terlebih dahulu ke Jabatan Warisan Negara untuk kelulusan. Memandangkan bangunan Parlimen telah diwartakan sebagai bangunan warisan. Jabatan Warisan juga berperanan untuk menentukan nilai sejarah bangunan Parlimen sentiasa dipelihara sehingga projek tersebut selesai.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah telah menimbulkan tentang Tuan Tony Pua Kiam Wee. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Ahli Yang Berhormat dalam satu Jawatankuasa Pilihan melalui Jawatankuasa Pemilih. Jawatankuasa Pemilih dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan dianggotai oleh enam orang ahli daripada ketua-ketua parti, baik di pihak parti pemerintah dan parti pembangkang. Pemilihan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara sebagai Ahli PAC dicadangkan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemilih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jawatankuasa PAC suatu Jawatankuasa yang dianggotai oleh kedua-dua parti pemerintah dan pembangkang dan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara merupakan ahlinya.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 85, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, keterangan yang diambil di hadapan sebuah Jawatankuasa Pilihan dan apa-apa surat yang dikeluarkan kepadanya tidak boleh disiarkan oleh setiap Ahli Jawatankuasa itu atau oleh siapa jua sebelum Jawatankuasa ini membawa perkara itu kepada Majlis. Kalau dia buat juga, maka tindakan yang sesuai akan diambil kepadanya.

ICU. Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim mencadangkan supaya kerajaan memberikan perhatian kepada pembinaan rumah di negeri tidak terjejas sebagaimana berlaku di Pulau Pinang. Di mana JKP Perda tidak dapat membina rumah kerana pelannya tidak mendapat kelulusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjangkah lagi Yang Berhormat?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Itulah oleh sebab saya tinggal lima minit lagi, empat minit lagi, saya minta saya jawab secara bertulis, ICU ya, Yang Berhormat Senator- Parlimen tadi saya akan jawab secara bertulis. Kemudian PR1MA juga sebahagiannya saya akan jawab secara bertulis iaitu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Senator

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat dan juga Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B). Kemudian berhubung dengan Parlimen juga saya jawab secara bertulis. ICU juga saya akan jawab secara bertulis, saya pegang pada janji.

Kemudian akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sebab ini kena sebut sebab ia melibatkan beberapa pertanyaan berhubung dengan pencen Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu berhubung dengan JPA. Saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian tentang membincangkan tentang JPA iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari Bin Mat; Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit; Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung; dan Yang Berhormat Senator Tuan Wilfred Yong Chen Leong. Seperti yang kita telah sedia maklum, saya akan menjawab secara bertulis berhubung dengan perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki iaitu berhubung dengan pegawai-pegawai PTD. Ini sebab jawapannya agak panjang sedikit ya.

Kemudian tentang perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin juga saya jawab secara bertulis. Saya akan jawab satu ya iaitu berhubung dengan pencen Ahli-ahli Parlimen. Saya juga akan menjawab bertulis tentang apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali tetapi saya juga ingin maklumkan bahawa biasiswa lepasan Berseri, Yang Berhormat. Daripada segi kaum, memang oleh sebab kita janji dulu iaitu kita akan bagi biasiswa berdasarkan 9A *straight*. Jadi, mengikut kaum, 71% daripada biasiswa ini diberi kepada kaum Cina dan pada tahun 2014, 73% juga diberi kepada kaum Cina yang lain-lain dikongsi bersama oleh orang India dan juga bumiputera.

Saya juga akan bagi angka terkini pada Yang Berhormat berhubung dengan perkara tersebut dan kita sedang mengkajinya. Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff menyarankan agar kerajaan membuat semakan terhadap pencen yang diterima oleh bekas Ahli Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan amat menyanjung tinggi peranan yang dimainkan oleh Ahli Parlimen termasuk mereka yang telah berhenti. Oleh yang demikian, kerajaan telah bermurah hati untuk menyemak semula pencen Ahli Parlimen agar kebajikan mereka terus terpelihara. Sehubungan dengan itu, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014, palarasan pencen Ahli Parlimen yang telah berhenti diselaraskan setiap tahun dengan kenaikan 2%. Ia sejajar dengan Perenggan 21, Perintah Ahli Parlimen, Saraan Pindaan Jadual Pertama 2015 yang memperuntukkan apa-apa pencen yang diberikan di bawah Perenggan 2 atau pencen terbitan yang diberikan di bawah Perenggan 5 atau Perenggan 6 hendaklah diselaraskan setiap tahun dengan kenaikan sebanyak 2% hendaklah dibayar mulai Januari setiap tahun.

## ■1730

Pelarasan baru ini menggantikan cara lama di mana pelarasan hanya dilaksanakan apabila gaji penjawat awam diselaraskan. Walau bagaimanapun, permohonan Majlis Bekas Wakil-wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK) dan juga Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara memohon supaya kerajaan menyemak semula pencen yang diterima oleh bekas Ahli Parlimen akan diperbincangkan dan bergantung pada kewangan kerajaan.

Jadi makna kata, kerajaan tidak berdiam diri mengenai perkara tersebut dan kita akan berbincang mengenainya. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou Kok Chung, saya akan jawab secara bertulis. Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani berhubung dengan saiz perkhidmatan awam juga saya jawab secara bertulis. Tak apa Yang Berhormat tengah bertafakur, tidak ada masalah [Ketawa] Kemudian, perkara-perkara yang disentuh oleh Tuan Wilfred Yong Chen Leong juga saya akan jawab secara bertulis sebab Yang Berhormat, nampaknya semua bertulis.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap sebab saya telah berjanji dengan Speaker tadi bahawa semua perbincangan ini akan dihabiskan sebelum jam 7.00 untuk membolehkan umat Islam berbuka puasa dan tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat semua menerima jemputan saya termasuk Ahli Parlimen untuk berbuka puasa sekejap lagi.

Saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang saya tidak sempat jawab, saya akan jawabnya secara bertulis dan yang lain-lainnya saya akan catat dan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya kita tidak berdiam diri, kita sentiasa bergerak untuk memastikan negara ini membangun dengan pesatnya. Terima kasih. Sekian, *wabillahi taufik*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir.

5.32 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan hal ehwal Islam semasa perbincangan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di Dewan yang mulia ini. saya telah meneliti semua isu yang dibangkitkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri khususnya jabatan dan agensi berkaitan telah mengambil perhatian, menghargai pandangan, teguran serta cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin memberi penjelasan terhadap isu yang berkaitan Lembaga Tabung Haji. Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki membangkitkan isu pembelian tanah di

Pusat Kewangan Tun Razak Exchange (TRX) yang menyarankan supaya Tabung Haji tidak menjual semula tanah tersebut.

Dalam kesempatan ini, ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa penubuhan Tabung Haji dikuatkuasakan di bawah Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969, Akta 8 dan Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1963 Akta A168.

Seterusnya akta tersebut dipinda dan diganti dengan Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535] yang telah memansuhkan akta terdahulu, di mana fungsi-fungsi Lembaga Tabung Haji adalah seperti berikut yang termaktub di Bahagian II, Perkara 4(1) iaitu mentadbir kumpulan wang, mentadbir segala perkara yang berkenaan dengan kebajikan jemaah haji dan untuk merumuskan dasar-dasar yang berkaitan dengannya dan melakukan apa-apa urusan yang lain yang dikehendaki atau dibenarkan dilakukan di bawah akta ini.

Peruntukan di bawah seksyen 16(2)(b) Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535], Tabung Haji dibenarkan untuk menggunakan simpanan pendeposit untuk tujuan pelaburan. Berhubung dengan isu pembelian tanah di Tun Razak Exchange Kuala Lumpur oleh TH sebagaimana jawapan saya kepada soalan tambahan semasa menjawab pertanyaan lisan nombor satu, pada 25 Jun 2015 Dewan ini, ditegaskan bahawa pembelian tanah tersebut merupakan satu keputusan pelaburan komersial sejajar dengan strategik pelaburan Tabung Haji yang memberi tumpuan kepada sektor hartanah domestik.

Pembelian tanah tersebut memenuhi kepatuhan syariah, selera risiko serta potensi unjuran pulangan yang positif kepada kumpulan Tabung Haji pada masa hadapan. Dengan perkataan lain, pembelian tanah tersebut urusan perniagaan sepenuhnya. Cadangan penjualan semula tanah tersebut pada pihak yang berminat telah diumumkan di sidang media pada 9 Mei 2015. Tabung Haji telah menerima tawaran pembelian dan masih dalam peringkat perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan.

Penilaian yang teliti perlu memandangkan potensi tanah tersebut yang bernilai tinggi serta memastikan keterlibatan umat Islam secara berkumpulan dalam pembangunan ekonomi di kawasan berkenaan. Dalam masa yang sama, Tabung Haji juga mengambil perhatian terhadap semua pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara dan juga sebelum ini di Dewan Rakyat serta pihak berkepentingan agar Tabung Haji membuat semakan semula terhadap cadangan penjualan tanah tersebut. Keputusan muktamad mengenai perkara ini akan dirujuk kembali kepada Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji.

Di sini ingin saya tegaskan bahawa Tabung Haji sentiasa berusaha memastikan setiap pelaburan patuh syariah dan memperoleh pulangan yang kompetitif demi kepentingan para pendeposit.

Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat pula mengalu-alukan siasatan yang telus dapat dilakukan. Pada masa kini siasatan terhadap isu pembelian tanah tersebut masih dijalankan oleh pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Akauntan Negara.

Tindakan yang sewajarnya akan diambil setelah hasil siasatan diperoleh kelak. Ahli Yang Berhormat juga bertanya berapakah kos yang ditanggung oleh Tabung Haji bagi membawa pendeposit

ke Makkah setiap musim haji? Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini Tabung Haji akan menanggung kos keseluruhan operasi haji merangkumi tanah suci dan juga tanah air dengan anggaran berjumlah RM370 juta di mana terkandung di dalamnya 22,320 orang jemaah haji termasuk keseluruhan kos subsidi haji yang berjumlah RM180 juta yang terkini.

Suka dimaklumkan bahawa Tabung Haji telah mengekalkan kos bayaran haji sebanyak RM9,980 selama tujuh tahun berturut-turut iaitulah semenjak musim haji 2009, 1430 Hijrah hingga 2015, 1436 Hijrah walaupun kos meningkat setiap tahun dan kos sebenar bagi setiap jemaah meningkat pada setiap tahun ini iaitulah sebanyak RM17,270 dan perbezaan sebanyak RM7,290 adalah ditanggung oleh Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, yang seterusnya Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Bin Mat ingin tahu sejauh manakah pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia dalam sektor-sektor yang telah ditentukan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, penyelidikan Indeks Syariah Malaysia akan mencakupi lapan bidang utama yang telah ditentukan iaitulah:

- (i) Perundangan Islam;
- (ii) Politik;
- (iii) Ekonomi;
- (iv) Pendidikan;
- (v) Kesihatan;
- (vi) Budaya;
- (vii) Prasarana dan persekitaran; dan
- (viii) Sosial.

Penyelidikan ini akan dilaksanakan oleh lapan pasukan penyelidik daripada universiti awam yang telah dipilih mengikut bidang dan sektor penyelidikan dan kepakaran universiti berkenaan.

Pada masa kini, kerangka penyelidikan Indeks Syariah Malaysia telah pun disiapkan dan sebahagian kerja telah pun dilaksanakan. Penyelidikan dan pengukuran akan melibatkan semua peringkat, bermula daripada pembuat dasar, pelaksana dasar dan masyarakat awam. Kerajaan berharap pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia ini berasaskan prinsip *maqasid syariah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta, akan memberi manfaat kepada semua golongan dan lapisan masyarakat di negara ini serta menyerlahkan kesejagatan Islam kepada seluruh umat manusia tanpa mengira batas agama.

Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Bin Mat juga menyarankan supaya dikaji semula definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah dan penjelasan mengenainya kepada masyarakat. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan bajet tahun 2014 dan saya telah jelaskan semasa penggulungan pada 16 Disember 2013.

Suka saya jelaskan sekali lagi bahawa Mesyuarat Panel Kajian Akidah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 28 Disember 2010 telah merumuskan bahawa definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah

ialah golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Quran dan sunah Nabi SAW menerusi para sahabat, tabi' dan tabi'in yang setia bersama mereka dalam prinsip-prinsip akidah, syariah dan akhlak.

#### ■1740

Saya fikir definisi ini pada zaman Yang Berhormat Dato' Dr. Johari sebagai daripada kalangan panel kajian akidah pada masa tersebut. Penjelasan definisi yang agak panjang sedikit, tadi definisi yang telah pun dirumuskan siapakah Ahli Sunnah Wa Jamaah. Jadi, penjelasan tersebut adalah sebagaimana berikut, mereka golongan yang memahami- Yang Berhormat hendak pergi mana? Ini akidah Ahli Sunnah Wal jemaah... *[Merujuk kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat]*

Mereka golongan- sebab saya minta Yang Berhormat didengar sama. Mereka golongan yang memahami dan berpegang kepada Al-Quran dan Sunah Nabi SAW mengikut manhaj dan kaedah salah dan khalaf yakni al-Asya'irah dan juga Maturidiah termasuk yang terangkum dalam tafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagaimana yang saya sebutkan juga walaupun tidak disebut dalam definisi ini.

Manakala 'B', mereka golongan berfahaman sederhana, *wasatiyyah*, tidak melampau dan tidak terlalu longgar. Ini mengeluarkan khawarij, syiah, wafidah, qadariah, jabariah, mu'tazilah, anti hadis, Islam liberal, pluralisme agama dan seumpamanya. Manakala 'C', yaknilah definisinya mereka ialah golongan yang mengutamakan perpaduan dan persaudaraan Islam bukan permusuhan, perdamaian bukan peperangan, berpegang kepada prinsip tidak memuja pemimpin, tidak taksab sehingga mengkafirkan atau menyesatkan sesama Islam.

Di samping itu, kebanyakan enakmen keluarga Islam negeri-negeri secara jelas telah mentakrifkan hukum syarak ertinya mengikut mazhab Syafii berdasarkan kepada enakmen-enakmen keluarga negeri atau mana-mana mazhab Maliki, Hanafi dan juga Hambali. Walau bagaimanapun, penekanan diberikan kepada mazhab Syafi'i dan mazhab-mazhab sunni yang lain boleh dirujuk sekiranya terdapat keperluan kemaslahatan dan juga kepentingan awam.

Dalam erti kata mudah, negara kita Malaysia walaupun pegangan kita keutamaan mazhab Syafii tetapi ada beberapa perkara yang lain kita mengambil kira pandangan-pandangan mazhab yang muktabar sebagaimana contoh zakat fitrah, ini pasal bulan Ramadhan. Dulu dalam bentuk beras dan sebagainya tetapi hari ini kita menggunakan pandangan daripada mazhab Maliki iaitu boleh ditukarkan dalam bentuk kewangan, baja. Baja ini berunsurkan daripada...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kewangan, mazhab Hambali.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom:** Termasuk Hambali. Termasuk macam baja, dia termasuk dalam perkara yang dipanggil najis dan sebagainya tetapi kita mengambil kira daripada mazhab Hanafi. Begitu juga dalam hal yang demikian, Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa masyarakat Islam di Malaysia secara tradisinya sejak sebelum dan selepas merdeka lagi telah berpegang kepada mazhab Syafi'i sebagai mazhabnya dan kaedah al-Asya'irah sebagai akidahnya. Ia telah sekian lama telah diterima secara majoriti sebagai pegangan arus perdana masyarakat Islam di negara ini.

Berhubung penjelasan definisi Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada masyarakat, dimaklumkan bahawa penjelasan berhubung perkara ini sentiasa diberikan kepada masyarakat melalui pelbagai medium seperti media cetak, media elektronik, seminar, kursus, khutbah, ceramah dan lain-lain melibatkan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan dan swasta.

Antaranya ialah penerbitan buku oleh JAKIM, "*Bagaimana Mengenal Ahli Sunnah Wal Jamaah*". Pelbagai seminar diadakan bagi menjelaskan mengenai perbezaan yang terdapat dalam ciri-ciri akidah Ahli Sunah Wa Jemaah dan ciri-ciri akidah yang selain daripada akidah Ahli Sunah Wa Jemaah. Antaranya Siri Jelajah Seminar Akidah Ahli Sunah Wa Jemaah 2011 di empat buah daerah di negeri Sabah iaitu Sandakan, Semporna, Tawau, Keningau pada 6 Oktober sehingga 8 Oktober 2011 anjuran JAKIM cawangan Sabah dengan Pejabat Mufti Negeri Sabah.

Seminar Sufi, "*Menurut Pendekatan Wasatiyyah*" 6 September sehingga 8 September 2015 melibatkan peserta daripada JAIN, MAIN dan Pejabat Mufti Negeri-negeri. Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Akidah pada 25 November 2014 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bandar Baru Bangi, Selangor. Seterusnya menganjurkan Wacana Intelektual Akidah Ancaman Ideologi Semasa di Malaysia Serta Kesannya Kepada Perundangan Negara pada 23 Mac 2015 anjuran JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) bertempat di Dewan Utama Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan. Antara objektif program memberi penjelasan yang tepat kepada masyarakat berkaitan ciri akidah islamiah yang bertepatan dengan Ahli Sunah Wa Jemaah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed telah menyarankan agar...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh, Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang bangun, Yang Berhormat.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom:** Silakan.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan panjang lebar berhubung dengan soalan saya. Soalan saya ringkas sahaja tetapi *alhamdulillah* diberikan satu penjelasan yang saya rasa puas hatinya.

Mungkin saya tanya dah soalan ini pada waktu dulu tetapi saya ulang lagi tanya sebab dalam masyarakat kita ini selalu kita mendengar pensyarah-pensyarah atau penceramah-penceramah di masjid, dalam akhbar yang semacam mereka tidak dapat maklumat daripada definisi yang telah dirumuskan oleh pihak JAKIM di dalam memberi definisi terhadap Ahli Sunnah Wal Jamaah dan definisi tadi cukup baik dan jelas yang terang kepada kita.

Namun dalam ucapan-ucapan juga tulisan-tulisan, kita melihat bahawa mereka merumuskan Ahli Sunah itu mazhab Syafi'i. Itu yang saya hendak minta supaya disebar. Mazhab Syafii, akidah al-Asy'ari dan tasawufnya Ghazali. Jadi semacam apabila kita memberi definisi begitu kepada masyarakat, bermakna orang-orang yang selain daripada akidahnya Imam al-Asy'ari dan begitu juga fiqh Syafi'i semacam tidak Ahli Sunah. Dia jadi implikasi. Jadi kalau kita, itu saya harap oleh sebab JAKIM telah

membuat satu definisi yang baik dan buku pun telah ditulis, maka perkara itu patut disebarluaskan. Saya rasa perkara ini juga kalau belum lagi perlu dimasukkan dalam kurikulum pelajaran di sekolah-sekolah sama ada di peringkat mana-mana supaya dijelaskan. Begitu juga pada waktu yang sama, saya berpendapat, buku-buku yang memberi definisi yang berbeza tadi perlu diperjelaskan supaya tidak keliru masyarakat kita.

Satu lagi yang saya sebutkan ramai juga di kalangan masyarakat kita yang mengatakan mungkin Yang Berhormat Menteri tidak sebut tadi iaitu apabila disebut Ahli Sunah, maka ramai di kalangan masyarakat kita di Malaysia ini yang menyatakan bahawa pengasas Ahli Sunah Wa Jemaah itu ialah Imam Abu Hassan Al- Ashari. Jadi bagi saya, kalimah pengasas itu kena dilihat semula sebab pengasas ini bermakna tidak ada lagi sebelum itu, itu makna pengasas kepada orang ramai dan ini dipegang. Apabila kita lihat bahawa Imam Abu Hassan al-Asy'ari ini, dia lahir pada tahun 260 hijrah dan dia kembali kepada sunah, pada Ahli Sunah pada tahun 300 hijrah setelah 40 tahun berada dalam ruang mu'tazilah.

Bermakna apabila kita mengatakan demikian dan dalam buku-buku bila tulis pengasas, ini saya rasa perlu dilihat semula kalimah pengasas itu, bererti orang-orang yang sebelum itu iaitu 300 tahun sebelum dia kembali itu bagaimana kedudukannya? Ini persoalan yang daripada segi metodologi, daripada segi kedudukan penggunaan bahasa untuk dapat kita jumpa dalam buku-buku yang tersebar dalam negara kita.

Jadi oleh sebab itulah maka saya hendak bertanya pada pihak kerajaan supaya perkara ini diberi penelitian dan penjelasan agar tidak timbul masalah-masalah.

#### ■1750

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengatakan orang itu tidak Ahli Sunnah, ia memberi implikasi yang besar sebab Rasulullah menyebut bahawa golongan umat manusia berpecah kepada Yahudi, Nasrani 30 lebih dan umat Islam berpecah kepada 73. Satu sahaja masuk syurga. Bermakna apabila kita mengatakan orang lain tidak sunah, bermakna kita telah menyatakan orang itu tidak masuk syurga. Itu implikasinya.

Oleh sebab itu, saya harap pihak JAKIM dan pihak jabatan agama memberi penelitian yang sangat penting dalam hal ini supaya tidak timbul perkara-perkara yang boleh mengelirukan masyarakat apalagi percanggahan-percanggahan yang kita tidak mahu berlaku dalam masyarakat kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Persilakan Yang Berhormat Menteri.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat. Saya suka mengulang sedikit sahaja lagi yang berkaitan dengan soal Ahli Sunnah Wal Jamaah. Definisi sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi sudah begitu cantik dan indah. Cuma, apa yang perlu kita tekankan di sini untuk kita semakin menjelaskan kepada masyarakat umum mungkin kerana faktor sudah begitu lama ia lahir dalam keluarga Melayu- *masya-Allah*, di Malaysia kita agak begitu berbeza jauh dengan beberapa buah negara rantau jiran kita.

Saya berkesempatan dalam beberapa pertemuan dengan rakan-rakan negara MABIM di Brunei, Malaysia, Indonesia, Singapura apabila kita mesyuarat MABIM terakhir yang lalu di Bali, kita duduk

semeja tiga hari perbincangan berjalan siang dan juga malam termasuk pada masa duduk itu meja kita ini yang pakai songkok dan bertie, tiga hari. Akan tetapi hari akhir masa jamuan tengah hari, Menteri Agama Indonesia telah memberitahu kepada semua meja utama itu bahawa saya suka perkenalkan ini bapak pemimpin agama di Bali, sedikit pelat Indonesia. Pemimpin agama di Bali dan dia merupakan CEO majlis agama di Bali. Dia beragama Hindu. Kita pun macam- oh, rupanya di Bali Melayu yang pakai songkok, tie macam kita, wajah serupa tetapi ia mempunyai kepelbagaian agama begitu juga.

Akan tetapi di Malaysia didefinisikan termasuk dalam Perlembagaan Melayu beragama Islam, berbudayakan ketimuran dan sebagainya. Mungkin Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat apabila sudah sekian lama lahir sebagai seorang Islam dan kemudian dia faham dia Ahli Sunnah Wal jemaah, dia berpegang kepada Mazhab Syafie dan juga dia pun faham macam mana Yang Berhormat kata tadi dalam konteks untuk tasawuf dan juga dalam konteks akhlak, pembangunan diri dan sebagainya adalah bertunjangkan kepada Imam Ghazali.

Jadi oleh sebab kefahaman itu sekian lama, mungkin ia telah berakar umbi kefahaman tersebut. Jadi perlu kepada sedikit pencerahan-pencerahan dan juga penjelasan definisi yang dilaksanakan oleh JAKIM terutamanya Jabatan Agama Islam dan juga majlis-majlis agama termasuk ilmunan-ilmuan agama untuk sentiasa menceritakan tentang soal ini dan begitu juga tentang Ahli Sunnah dalam erti kata tentang pengasasnya tadi.

Saya setuju dan saya sebenarnya tadi telah meneliti *Hansard* Yang Berhormat dalam masa penggulungan yang lalu dan saya memerhatikan memang betul Yang Berhormat sebutkan tentang kalau kita sebutkan sebagai pengasas kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah Imam Abu Hassan As-Syari itu, maka seolah-olah kita menggambarkan sebelum daripada itu tidak ada pengasas-pengasas yang lain.

Saya amat bersetuju bahawa untuk kita betulkan tanggapan-tanggapan salah terhadap fakta sejarah dan juga fakta pengasas dan sebagainya ini melalui jalan nasihat, jalan penjelasan, jalan pentakrifan dan pelbagai seminar, simposium, kolokium yang perlu kita adakan secara berterusan dan kalau perlu, kita pertingkatkan di dalam *syllabus* dan juga kita lihat balik *syllabus* kurikulum pendidikan untuk dibetulkan.

Selain daripada itu juga, kita melihat bilamana kita katakan implikasi daripada kita menyebut bahawa pengasas itu daripada kalangan yang telah disebut sahaja tetapi- maknanya mereka yang terdahulu kita tertolak. Begitu juga kita hanya menerima lingkungan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan kita sebut tidak sunnah. Jadi orang ini tidak termasuk dalam kalangan Ahli Sunnah.

Oleh sebab itu, saya macam Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim, saya tahan jangan dia keluar tadi tetapi saya selalu- dan dia pun perasan saya selalu memanggil dengan panggilan Ahli Sunnah supaya dia tidak terkeluar daripada kelompok Ahli Sunnah Wal Jamaah. Itu saya selalu ingat kepada dia. Jadi implikasinya dia kekal sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadi itulah Yang Berhormat, saya suka hendak menyambung balik.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Penjelasan.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Ini tidak ada penjelasan untuk Menteri. Dia ada *floor* dia.

Akhirnya, Yang Berhormat Puan Puan Hajah Khairiah binti Mohamed telah menyarankan agar pindaan segera dibuat ke atas Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] bagi memartabatkan Islam dan Mahkamah Syariah.

Sesungguhnya kerajaan menyedari had bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah terhadap kepada hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi RM5,000 dan sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman tersebut berdasarkan seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

Untuk maklumat Yang Berhormat, kerajaan dalam tindakan aktif dan termasuk yang dimaksudkan segera, sentiasa meneliti dan meneruskan cadangan pindaan Akta 355 yang bertujuan untuk memperluaskan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah yang sedia ada. Ini adalah untuk memastikan cadangan pindaan kepada Akta 355 tersebut dibuat secara teratur mengikut kerangka Perlembagaan Persekutuan memandangkan perkara-perkara berkaitan hal ehwal agama Islam juga adalah terletak di bawah bidang kuasa agama negeri sebagaimana peruntukan di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, rundingan dan juga penjelasan dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri dilaksanakan bagi mendapat pandangan dan akhirnya bukan sekadar pandangan, bukan sekadar pertimbangan tapi mestilah kelulusan secara bertulis dari negeri setelah pun kita persembahkan. Kemudian, hal berikut perlu diangkat kepada Majlis Raja-Raja untuk tujuan diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja.

Jadi ini yang sedang giat dilaksanakan, yang dilakukan dan kita untuk penerangan pindaan Akta 355 ini sudah masuk pusingan yang kedua di mana kita turun ke negeri-negeri dan kita memperjelaskan sebarang keraguan dan juga perbincangan kita adakan dan kita memerlukan kepada kesemua majlis-majlis ini mendapat persetujuan dan kemudian barulah diangkat kepada Majlis Raja-Raja dan selepas persetujuan itu barulah pula kemudian nanti untuk tujuan dibawa kepada urusan untuk pindaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai hal ehwal agama Islam yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Selamat berpuasa, selamat berbuka, selamat berterawih dan Salam Aidilfitri kalau tidak berkesempatan berjumpa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat dan harap juga Yang Berhormat akan bersama berbuka puasa nanti. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup.

**5.58 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam dan Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rancangan Malaysia Kesebelas baru-baru ini dan telah pun membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan isu-isu perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak berkaitan dengan nyanyian lagu Negaraku terlebih dahulu. Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini, nilai dan kepentingan Lagu Kebangsaan kita seakan mulai ketinggalan termakan zaman. Malahan, saya begitu kesal dengan tindakan segelintir pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab yang mempertikaikan langkah kerajaan mewajibkan lagu Negaraku berkumandang di panggung wayang semasa bulan kemerdekaan sehingga kerajaan dituduh sebagai usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara komunis.

**■1800**

Tuan Yang di-Pertua, lagu kebangsaan kita merupakan lambang perpaduan dan kedaulatan negara yang mesti dihormati dan perlu dihayati oleh setiap warga. Ini amat penting sekali terutamanya bagi menyemai semangat patriotik kepada generasi muda yang merupakan tonggak kelangsungan dan kelestarian perpaduan dan solidariti nasional. Mengulang balik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas di dalam Dewan yang mulia ini di mana beliau telah menggesa untuk merenung bait-bait Lagu Kebangsaan- "*Negaraku, tanah tumpahnya darahku. Rakyat hidup bersatu dan maju.*" Itulah tema, itulah rahsia kecemerlangan kita selama ini.

Petikan bait-bait Lagu Kebangsaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan identifikasi negara yang secara langsung menjelaskan kepentingan perpaduan sebagai asas kemajuan kita semua. Oleh yang demikian, saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam. Semangat patriotik harus disemai dalam jiwa warga kita terutamanya kepada generasi muda kita melalui penghayatan kebangsaan. Apabila air mata kita mengalir ketika lagu kebangsaan kita berkumandang di mana-mana temasya sukan, sememangnya cukup baik untuk menjelaskan segala-galanya terutamanya kemampuan satu lagu untuk membangkitkan semangat patriotik rakyat kita. Pada masa ini, kita nampak hanya melihat pihak kerajaan yang mementingkan soal lagu kebangsaan hanya saluran TV atau radio kerajaan ataupun milik GLC yang memainkan lagu ini. Mungkin kerana dasar yang sedia ada.

Saya ingin mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk menggesa selain nyanyian lagu Negaraku dalam setiap majlis rasmi kerajaan, budaya ini harus juga di praktis dan diikuti oleh sektor swasta juga. Amalan ini harus diteruskan dan diperluaskan bahkan badan-badan korporat dan swasta perlu memandang serius perkara ini. Berganding bahu dengan pihak kerajaan dalam usaha ini agar amalan cinta negara ini dapat diterapkan dan dibudayakan. Dengan syarikat-syarikat swasta

memainkan lagu Negaraku pada acara yang dianjurkan oleh mereka, saya sangat percaya usaha untuk menyebarkan luas-luas penghayatan Lagu Kebangsaan itu akan berjaya.

Saya ingin menyentuh berkaitan dengan Rukun Negara. Tuan Yang di-Pertua, berikutnya Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam juga menyarankan agar soal perpaduan nasional dan perkauman diberi perhatian dan mencadangkan supaya Rukun Negara diperkukuhkan di semua institusi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, gagasan penyatuan nasional yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas PRU13 memerlukan kita kembali kepada asas. Malahan dalam Titah Ucapan Baginda di dalam Dewan Rakyat pada penggal yang lepas, Yang di-Pertuan Agong bertitah menegaskan dan mengingatkan kita bahawasanya semua pihak perlu sedar akan peri pentingnya perpaduan dengan kembali kepada landasan sebenar asas penubuhan negara seperti dihasratkan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kata pepatah dan, dengan izin, sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan. *Means, when one has lost once way, once to return to the beginning.* Walaupun saya pernah membaca ungkapan ini di Dewan yang mulia ini tetapi saya ingin mengulang balik kerana ungkapan ini pada pendapat saya mempunyai makna yang cukup besar. Ungkapan yang saya maksudkan ialah ucapan Allahyarham Tun Abdul Razak. Perdana Menteri kita yang kedua semasa beliau melancarkan Minggu Muhibah dan Perpaduan pada 24 Mac 1971. Beliau menyatakan bahawa amalan Rukun Negara pada keseluruhannya memberi kita jaminan mengekalkan tradisi-tradisi kebudayaan yang berbagai-bagai corak di mana anggota-anggotanya bebas untuk mengamalkan tradisi, agama dan adat resam masing-masing. Tujuan kita pada akhirnya membina sebuah masyarakat yang progresif dan yang bergerak maju selaras dengan kemajuan sains dan teknologi.

Tanpa amalan Rukun Negara akan menjadi secebis surat dokumen yang tidak mempunyai makna. Dengan izin lagi Tuan Yang di-Pertua, *the establishment of Rukun Negara was to straighten unity among Malaysian to serve exist wish will bring us together.*

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil pelbagai pendekatan untuk menerangkan huraian terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara bagi memberi pemahaman dan penghayatan yang jelas kepada para peserta seperti pembacaan ikrar Rukun Negara yang perlu oleh peserta. Contohnya Program Demi Negara bermatlamat meningkatkan amalan perkongsian nilai bersama dan nilai murni antara kaum atau dengan izin, *shared governance good values* melalui penerapan prinsip Rukun Negara telah pun diluaskan mengimplementasikannya terutama melalui Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah-sekolah dan sekretariat Rukun Negara di peringkat IPTA, IPTS supaya golongan pelajar dan belia-belia mula menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara. Saya juga berpendapat seperti mana lagu Negaraku diwajibkan. Rukun Negara juga harus wajib dibacakan dalam semua acara rasmi agensi kerajaan. Amalan seumpama ini sudah pasti dapat meningkatkan penghayatan Rukun Negara dan semangat patriotisme di kalangan masyarakat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya akan beralih kepada indeks perpaduan negara. Saya telah pun perkatakan semasa ucapan penggulungan saya di Dewan Rakyat cadangan Yang Berhormat

Kuala Selangor yang disokong oleh Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian sememangnya mempunyai merit dan sangat dialu-alukan. Keharmonian dan keamanan yang wujud hasil daripada membudayakan perpaduan selama ini telah membuka ruang kepada masyarakat untuk memberikan tumpuan kepada soal pembangunan dan agenda nasional sehingga membolehkan kita berbicara dan membahaskan Rancangan Malaysia Kesebelas dalam Dewan yang mulia ini.

■1810

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, fokus kesepaduan sosial dan perpaduan nasional diberi penekanan untuk membentuk kehidupan masyarakat pelbagai etnik yang sejahtera, bersatu dan bermoral dalam usaha kita mencapai Wawasan 2020. Apa yang jelas Tuan Yang di-Pertua ialah perpaduan rakyat dan *solidarity* nasional merupakan asas utama dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kesebelas. Justeru itu, walaupun wujud pelbagai indeks yang diguna pakai oleh pihak jabatan saya seperti Indeks Ketegangan Masyarakat, namun begitu, kerajaan sedar keperluan sesuatu indeks yang lebih komprehensif untuk mengukur tahap perpaduan negara. Ini adalah penting kerana dalam usaha untuk mengambil kira indikator-indikator yang berkait rapat dengan perpaduan, dengan mengukur pelbagai dimensi perpaduan nasional supaya kita mempunyai satu pengukuran saintifik dalam negara mengenai status perpaduan negara.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian, JPNIN (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional), Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri dan Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM sedang bekerjasama untuk membangunkan Indeks Perpaduan Nasional yang berupaya mencerminkan tahap kesepaduan dan perpaduan rakyat kita.

JPNIN telah pun diminta oleh pihak EPU untuk mengemukakan terma-terma rujukan atau *terms of reference* agar pembangunan indeks untuk mengukur tahap perpaduan dapat direalisasikan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Melalui usaha ini akan dipercepatkan, terutamanya selepas terdapat gesaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara untuk pembentukan suatu indeks khususnya untuk mengukur tahap perpaduan kita.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas di Dewan Rakyat ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengatakan sebagai sebuah negara majmuk yang berbeza agama dan budaya, perpaduan rakyat perlu sentiasa dipelihara demi menjaga keharmonian dan kestabilan negara. Sehubungan dengan itu, semangat 1Malaysia akan terus diperkukuhkan bagi meningkatkan integrasi sosial dan perpaduan nasional ke arah ini. Kerajaan akan meningkatkan penyelarasan dalam pelaksanaan program perpaduan untuk impak yang lebih jitu.

Saya ingin membaca ayat terakhir beliau itu iaitu, "...*pelaksanaan program untuk impak yang lebih jitu*". Itu aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jabatan saya sedang membuat perancangan yang rapi untuk menyahut cabaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2016 memenuhi objektifnya. Selain strategi-strategi di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, elemen-elemen perpaduan

juga akan dimantapkan lagi melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan atau *The National Unity Blueprint*. Pelan tindakan ini akan dibentang kepada pihak Kabinet dalam masa yang terdekat.

Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan saya ini, ingin saya merayu, menyeru kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, malahan semua pihak untuk membantu inisiatif kerajaan melalui jabatan saya bagi menjayakan program-program yang telah dan akan disusun dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan Pelan Tindakan Perpaduan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat kita. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan selamat berpuasa kepada rakan-rakan saya yang beragama Islam. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Razali bin Ibrahim dan akhir sekali Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Wahid Omar akan menggulung. Silakan.

#### 6.16 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meneruskan sesi penggulungan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dalam hal yang dibangkitkan oleh tiga orang Ahli Yang Berhormat, yang menyentuh bidang tugas Jabatan Perdana Menteri iaitu FELDA dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim ingin mengetahui status pelaburan FELDA di luar negara dalam keadaan nilai Ringgit yang jatuh teruk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan FELDA di luar negara melalui pelaburan dalam syarikat subsidiari yang mempunyai pegangan pelaburan dalam syarikat luar negara yang menjalankan aktiviti pengendalian hartanah seperti hotel dan restoran.

Sehingga kini, syarikat-syarikat berkenaan masih meneruskan perniagaan seperti biasa dan tiada pelaburan tambahan atau suntikan modal tambahan dibuat oleh pihak FELDA. Ini selaras dengan pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada Disember 2014, di mana syarikat berkaitan GLC atau syarikat berkaitan kerajaan GLC serta badan berkanun yang diminta untuk memberi keutamaan kepada aktiviti pelaburan domestik dan menangguhkan atau menunda pembelian aset serta pelaburan di luar negara.

Dalam isu kejatuhan nilai mata wang ringgit berbanding nilai mata wang asing seperti yang kita maklum, pelaburan FELDA di luar negara adalah tidak terjejas daripada segi nilai serta operasinya kerana pembiayaan pelaburan (*investment financing*) serta pendapatan pelaburan (*investment income*) yang diterima adalah dalam mata wang asing. Justeru, pelaburan FELDA di luar negara masih mengekalkan potensinya untuk menjana pulangan yang baik bukan sahaja daripada aktiviti operasi, malahan juga daripada potensi peningkatan nilai hartanah.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah menyarankan agar rancangan FELDA harus diperluaskan lagi dan sistem pengurusan FELDA diperkemaskan. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat telah memutuskan mulai 1 Januari 1990, tiada lagi pembukaan baru rancangan FELDA sebagaimana yang terkandung dalam memorandum Jemaah Menteri bertarikh 19 Julai 1989 dan diperkukuhkan dengan keputusan bertarikh 13 Mac 1996. Namun begitu, cadangan Yang Berhormat untuk FELDA mengambil maklum tentang memperkemas sistem pengurusan akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh menyarankan SPRM untuk membuat siasatan mengenai pemaju dan pembangunan perumahan di kawasan Segambut *estate*. Sukacita saya nyatakan SPRM akan mengambil maklum semua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan akan menjalankan siasatan sekiranya terdapat asas kesalahan di bawah Akta SPRM 2009. Namun begitu, sekiranya Yang Berhormat atau mana-mana individu yang mempunyai maklumat terhadap kes yang dinyatakan, bolehlah menyalurkan kepada SPRM untuk tindakan lanjut.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana itu sahaja perkara yang berkaitan yang disebut dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas. Selamat menjalani ibadah Ramadan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendek sahaja Yang Berhormat, bagus. Saya harap Yang Berhormat juga, semua pegawai boleh turut buka puasa lepas ini. Tanpa buang masa, saya persilakan Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Wahid Omar.

#### **6.19 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesebelas di dalam Dewan Negara ini. Untuk penggulangan perbahasan kali ini, saya akan menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung bidang tugas saya di Jabatan Perdana Menteri, khususnya di Unit Perancang Ekonomi.

#### **■1820**

Terdapat 35 isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan *inshaa-Allah* saya akan cuba menjawabnya dalam lima bahagian iaitu bahagian ekonomi, pengagihan, pembangunan wilayah, pembangunan modal insan dan sumber kewangan.

Tuan Yang di-Pertua isu yang pertama yang telah dibangkitkan adalah berhubung isu ekonomi. Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam ingin tahu apakah angkubah lain yang dipakai untuk takrifan negara maju selain daripada pendapatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika dilihat dalam aspek ekonomi antara angkubah atau indikator yang penting dan dianggap kritikal untuk mencapai status negara maju sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Dunia pendapatan negara kasar ataupun PNK per kapita.

Pada masa ini tahap minimum PNK semasa yang ditetapkan oleh Bank Dunia untuk dikategorikan sebagai sebuah negara maju adalah melebihi paras USD12,746. Namun takrifan negara maju lebih dari sekadar mencapai daripada aspek ekonomi yang diukur melalui PNK. Takrifan negara maju berlandaskan kepada acuan kita sendiri. Perlu juga mengambil kira aspek pembangunan masyarakat termasuklah pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu, bermoral dan beretika, liberal dan bertolak ansur, saintifik dan progresif serta masyarakat yang penyayang dan makmur dengan pengagihan kekayaan yang saksama.

Kita perlu mencapai semua matlamat ini sebelum kita boleh menganggap negara kita sebagai sebuah negara yang maju sepenuhnya. Yang Berhormat Senator Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail menyatakan bahawa negara sedang menghadapi *imbalance economy*. Beliau seterusnya menyatakan bahawa adalah sukar untuk negara keluar daripada kemiskinan. Sebenarnya apa yang disebutkan adalah tidak benar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara masih lagi mengekalkan prestasi pertumbuhan ekonomi yang mampan. Di sebalik ketidaktentuan persekitaran ekonomi dunia, negara kita telah mencatat pertumbuhan sebanyak 6% pada tahun 2014 dan kadar pertumbuhan ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan dunia sebanyak 3.4%.

Malah, bagi suku tahun pertama 2015 prestasi ekonomi kita adalah lebih baik jika dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi di beberapa buah negara di rantau ini, di mana negara ini telah mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6%. Selaras dengan perkembangan ekonomi ini, purata pendapatan bulanan isi rumah telah meningkat sebanyak 8.8% setahun daripada RM4,025 pada tahun 2009 kepada RM6,141 sebulan pada tahun 2014. Manakala pendapatan menengah bulanan ataupun median telah meningkat daripada RM2,830 sebulan pada tahun 2009 kepada RM4,585 sebulan pada tahun 2014. Ini merupakan peningkatan sebanyak 10.1% setahun dalam tempoh tersebut.

Dalam tempoh yang sama, indeks harga pengguna telah meningkat daripada paras 98.3 kepada 110.5 iaitu peningkatan sebanyak 2.4% setahun. Ini bermakna kuasa beli pengguna masih terpelihara memandangkan pendapatan isi rumah meningkat lebih tinggi ataupun lebih pantas berbanding dengan peningkatan kadar inflasi dalam jangka tempoh tersebut.

Bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara, kerajaan akan terus melaksanakan agenda transformasi ekonomi untuk merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negara supaya dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan peluang perniagaan untuk rakyat. Untuk itu program pembangunan modal insan, latihan dan kemahiran serta peningkatan dalam produktiviti dan inovasi akan diberikan tumpuan khusus di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali menyatakan 10 pencapaian yang dinyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini, belum lagi memuaskan daripada aspek pendapatan per kapita dan pendapatan isi rumah Melayu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan per kapita nasional sebanyak RM24,500 ataupun USD7,228 yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator jumlah pendapatan per kapita nasional pada tahun 2007.

Pada masa ini, pendapatan per kapita nasional pada harga semasa telah meningkat sebanyak 6.2% setahun daripada RM27,819 pada tahun 2010 kepada RM35,333 pada tahun 2014. Berdasarkan peningkatan yang ketara ini, jurang perbezaan antara pendapatan per kapita nasional dan tahap minimum pendapatan per kapita bagi sebuah negara berpendapatan tinggi yang ditetapkan oleh Bank Dunia telah dapat dirapatkan.

Sebagai contohnya pada tahun 1990, pendapatan per kapita negara 66% di bawah tahap minimum tersebut dan negara telah berjaya merapatkan perbezaan ini kepada 57% pada tahun 2000 dan kepada 18% pada tahun 2013. Pencapaian ini, menunjukkan Malaysia berada pada landasan yang betul mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020, di mana pendapat per kapita di sasar mencecah RM54,200 ataupun USD15,600 dalam harga semasa melepasi tahap anggaran pendapatan minimum sebanyak USD15 ribu sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah, menyatakan Rancangan Malaysia Kesebelas berasaskan dengan statistik yang tidak realistik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, indikator yang dilaporkan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas merupakan indikator ekonomi yang diguna pakai oleh semua negara dan juga agensi-agensi antarabangsa seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa dalam menilai pencapaian ekonomi sesebuah negara.

Indikator yang diguna pakai ini juga telah diperoleh melalui penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang mengikut standard ataupun piawaian antarabangsa. Sasaran sosioekonomi dan bentuk data dan statistik yang dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bukanlah unjuran semata-mata tetapi merupakan sasaran yang hendak kita capai dengan mengambil kira input dasar dan juga strategi yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Inisiatif-inisiatif yang akan diambil termasuklah pemacu-pemacu perumahan yang merupakan pendekatan inovatif untuk melonjakkan lagi pertumbuhan negara kita. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit pula membangkitkan mengenai indeks kreativiti seperti penilaian projek pembangunan dan projek awam swasta dan apakah *variable* yang akan dinilai?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan negara di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas adalah berteraskan ekonomi rakyat ataupun *people economy* dan ekonomi modal ataupun *capital economy*. Indeks kreativiti diperkenalkan supaya faktor ekonomi berasaskan rakyat ataupun bersifat *people centric* ini diambil kira semasa perancangan projek.

Ia juga bertujuan untuk menentukan keutamaan sesuatu projek pembangunan. Untuk itu, kementerian dan agensi telah dikehendaki untuk menyediakan indeks kreativiti bagi setiap projek baru Rancangan Malaysia Kesebelas. Indeks kreativiti ini ditakrifkan sebagai nilai impak ataupun faedah yang diterima oleh rakyat berbanding dengan kos pembangunan yang ditanggung oleh kerajaan. Ini termasuklah kos operasi bagi sesuatu tempoh masa yang ditetapkan dan tempoh masa yang ditetapkan adalah merujuk kepada jangka hayat projek pembangunan projek berkenaan.

Nilai impak akan dinyatakan dalam nilai kewangan bagi menunjukkan beberapa nilai impak yang akan diterima apabila kerajaan membelanjakan setiap ringgit ke atas projek tersebut. Sebagai contoh, jika nilai indeks kreativiti 4.5, projek tersebut akan memberi nilai impak ataupun faedah kepada rakyat sebanyak RM4.50 bagi setiap RM1 yang dibelanjakan oleh kerajaan.

Oleh itu, semakin tinggi nilai kreativiti indeks ataupun *Index Creativity* ini maka semakin tinggilah impak yang akan dinikmati oleh rakyat dan semakin tinggi *priority* projek tersebut. Terdapat enam *variable* yang digunakan untuk menilai impak projek dari kaca mata rakyat iaitu:

- (i) pendapatan;
- (ii) penjimatan kos sara hidup;
- (iii) kesederhanaan dan kemudahan;
- (iv) kesihatan, keselamatan dan ketenteraman;
- (v) keharmonian, rekreasi dan kebanggaan negara; dan
- (vi) kemapanan alam sekitar.

Pengiraan kreativiti indeks ini memerlukan sekurang-kurangnya satu daripada enam *variable* tersebut dan bagi *variable* pendapatan misalnya, projek akan dinilai sama ada akan meningkatkan pendapatan rakyat ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin menyatakan keselamatan negara tidak diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi aspek keselamatan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan komited meningkatkan penguatkuasaan undang-undang dan membanteras jenayah. Isu mengenai penculikan dan kelemahan kawalan sempadan negara telah diambil kira dalam Rancangan Malaysia Kesebelas di bawah strategi C2 iaitu memperketat peraturan dan meningkatkan penguatkuasaan untuk membanteras jenayah.

#### ■1830

Antara strategi di bawah C2 ini mengekang kemasukan secara tidak sah di pos pemeriksaan imigresen akan dikekang melalui pelaksanaan Sistem Pengimbasan Penumpang Termaju ataupun *Advanced Passenger Screening System*, dengan izin, Sistem Biometrik dan Sistem Pengecaman Muka. Kawalan dan operasi bersama dalam kalangan agensi penguatkuasaan sempadan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Unit Pencegahan Penyeludupan dan Angkatan Tentera Malaysia akan diperkukuh bagi membanteras jenayah rentas sempadan dan mengatasi isu penculikan di Pantai Timur Sabah. Usaha ini akan dilaksanakan menerusi penambahbaikan keupayaan pengesanan, pemantauan dan pengawasan secara bersepadu termasuk pembinaan pangkalan laut atau *sea-basing*, dengan izin bagi mencegah pencerobohan sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin beralih kepada isu yang kedua iaitu berhubung dengan isu-isu pengagihan yang merangkumi isu jurang pendapatan, kemiskinan dan ekonomi bumiputera.

Untuk jurang pendapatan, Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian; Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi; Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid; Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain; Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin; Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar; Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat; dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam telah membangkitkan isu ketidakseimbangan dan jurang pendapatan yang menurut mereka semakin melebar dan seterusnya berharap agar kerajaan memberikan perhatian yang lebih bagi menangani isu agar sasaran meningkatkan taraf hidup dan pendapatan isi rumah terutama sekali isi rumah B40 dapat dicapai pada tahun 2020.

Dalam hal ini Yang Berhormat Senator Syed Husin Ali juga menyatakan terdapat suara-suara orang Melayu yang mengatakan bahawa orang Cina kaum yang kaya dan menguasai ekonomi dan oleh itu beliau menyarankan lebih banyak keseimbangan dan peluang diberikan kepada kaum-kaum lain. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jurang ataupun kesenjangan pendapatan rakyat Malaysia boleh diukur melalui tiga *indicator* iaitu pertama sekali pekali ini. Keduanya agihan pendapatan isu rumah 40% terendah dan ketiganya nisbah ketidaksamaan pendapatan antara kumpulan isi rumah berpendapatan 20% tertinggi berbanding dengan isi rumah 40% terendah.

Sebagai contohnya untuk pekali gini kita telah dapati bahawa jurang ketidakseimbangan ini telah mengecil daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.401 pada tahun 2014. Sementara bagi agihan pendapatan untuk isi rumah 40% terendah ini kalau dahulu tahun 2009 agihan mereka 14.3% dan ini telah meningkat kepada 16.5% pada tahun 2014. Ketiganya, nisbah ketidaksamaan pendapatan antara 20% teratas dengan 40% terbawah ini kalau tahun 2009 iaitu pada kadar 6.9 kali ia telah berkurang kepada 5.6 kali pada tahun 2014. Ini bermakna jurang ketidakseimbangan dan jurang pendapatan semakin mengecil dan bukannya melebar.

Jurang kami antara kaum juga semakin berkurang hasil komitmen dan usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan. Sebagai contohnya perbezaan pendapatan bulanan isi rumah bumiputera berbanding dengan kaum Cina telah berkurang daripada 30% pada tahun 2012 kepada 27.6% pada tahun 2014. Begitu juga dengan perbezaan antara kaum bumiputera dengan kaum India, perbezaannya telah mengecil daripada 14.8% kepada 11.2% pada tahun 2014. Begitu juga dengan pemilikan ekuiti sektor korporat yang mana telah meningkat kepada 23.5% untuk kaum bumiputera untuk tahun 2014.

Berkenaan dengan isu penguasaan ekonomi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar kaum Cina mempunyai pendapatan dan pemilikan ekuiti yang lebih daripada kaum bumiputera. Namun begitu berdasarkan kepada dapatan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah ataupun *Household Income and Expenditure Survey*, dengan izin, tahun 2014, kadar peningkatan pendapatan bumiputera adalah lebih tinggi daripada kadar peningkatan pendapatan kaum Cina sebanyak 11.6% berbanding dengan 9.7% dan ini bermakna jurangnya semakin mengecil. Manakala pemilikan ekuiti bumiputera juga telah

menunjukkan peningkatan iaitu daripada 2.4% pada tahun 1970 dan 23.5% pada tahun 2011. Oleh itu, jurang kekayaan antara etnik juga telah pun berkurangan.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan rakyat mendapat lebih banyak lagi peluang daripada pembangunan ekonomi, kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas akan terus memberikan tumpuan untuk mengukuhkan *infeasibility* dan peluang yang sama bagi rakyat terutamanya isi rumah B40 tanpa mengira gender, etnik serta sosioekonomi dan kedudukan geografi dalam memastikan sasaran pendapatan RM5,270 sebulan dapat dicapai menjelang tahun 2020. Inisiatif utama yang akan dilaksanakan termasuklah pertama sekali meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40 dengan antaranya mengurangkan kadar keciciran pelajar sekolah dalam kalangan isi rumah B40 melalui peningkatan kemudahan yang sesuai seperti asrama, pengangkutan dan bantuan kewangan.

Keduanya, memastikan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi dengan menggalakkan institusi pengajian tinggi dan latihan kemahiran menyediakan tempat pengajian berdasarkan kriteria dan kuota kemasukan khas.

Ketiga, meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden melalui program modular yang berstruktur yang menumpukan kepada teknik moden dan amalan baik. Keduanya, menangani isu...

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Seorang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Saya ada sedikit sahaja. Saya bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Cuma saya hendak tahu apakah di sana usaha di peringkat kerajaan untuk meneruskan dasar-dasar *affirmative* apabila kita bercakap soal kesaksamaan semua kaum tetapi apakah dasar-dasar *affirmative* yang kerajaan telah gagaskan semenjak tahun 1971 itu akan terus dikekalkan dalam kerangka Rancangan Malaysia Kesebelas ini?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang kita – memandangkan sasaran kita masih belum tercapai lagi kita akan meneruskan langkah-langkah ataupun polisi-polisi kita yang sedia ada sebelum ini untuk memastikan kita dapat mencapai matlamat untuk menjadikan kemajuan kita ini sesuatu kemajuan yang inklusif sebab ini termasuklah agenda-agenda bumiputera yang akan saya sebutkan sebentar nanti, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan. Kedua, saya hendak sebutkan ialah untuk menangani kos sara hidup yang meningkat melalui antaranya:

- (i) pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga bagi mengekang kenaikan harga yang tidak munasabah terutamanya barangan keperluan asas;
- (ii) meningkatkan penyediaan rumah mampu milik dengan menyediakan pinjaman perumahan dengan kadar faedah istimewa dan memperluaskan skim perumahan mampu milik; dan

- (iii) meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan dengan menggalakkan penyertaan sektor swasta dan badan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak lagi elemen-elemen dan inisiatif-inisiatif yang terdapat dalam dokumen RMKe-11 ini, cuma saya *highlight* tiga sahaja untuk setiapnya, untuk menjimatkan masa.

Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali Rustam mengenai ukuran yang digunakan oleh OECD pula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, OECD tidak mempunyai satu ukuran khusus bagi masyarakat kelas menengah dan kaedah pengukuran adalah berdasarkan kepada kesesuaian negara anggota berdasarkan tahap pembangunan negara itu sendiri. Namun kita mengambil kira pandangan-pandangan dari Bank Dunia dan juga *United Nations Development Program* dalam rangka ukuran-ukuran yang kita sebutkan dalam RMKe-11 ini.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin juga ingin mengetahui jumlah pendapatan satu peratus daripada isi rumah T20 dan juga jurang harta B40, M40 dan T20 serta pemilikan harta satu peratus daripada T20. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalau kita berdasarkan kepada *Household Income and Expenditure Survey* dengan izin tahun 2014, pendapatan isi rumah bulanan purata bagi isi rumah terkaya ataupun pendapatan satu peratus tertinggi RM43,000 sebulan iaitu ia telah meningkat daripada RM31,000 sebulan pada tahun 2009.

#### ■1840

Bagi mengukur pegangan harta isi rumah pula, ia boleh digambarkan dengan pecahan agihan pendapatan mengikut kumpulan pendapatan. Berdasarkan kepada HIES 2014, agihan pendapatan bagi isi rumah B40 telah meningkat kepada 16.5% daripada 14.3% dari tahun 2009. Manakala, isi rumah 40% pertengahan atau pun N40 juga telah meningkat kepada 36.9% daripada 36.1% dalam tempoh yang sama. Bagi isi rumah T20 pula, *the top 20%*, dengan izin, pegangan harta isi rumah tersebut telah berkurang kepada 46.6% pada tahun 2014 daripada 49.6% pada tahun 2009. Sebanyak 7% daripada jumlah keseluruhan pendapatan isi rumah diperoleh oleh isi rumah terkaya atau pun pendapatan 1% tertinggi tahun 2014 berbanding 7.7% pada tahun 2009.

Seterusnya, Yang Berhormat Puan S. Bagiam pula ingin mengetahui maklumat terperinci golongan B40 mengikut pecahan kaum di bandar dan juga luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, mengikut strata yang kita ada ini berdasarkan HIES tahun 2014, jumlah isi rumah B40 adalah sebanyak 2.67 juta isi rumah yang mana 63% daripadanya tinggal di bandar dan 37% tinggal di luar bandar. Daripada segi pecahan kaum, isi rumah Bumiputera merangkumi 73.6% daripada golongan B40 ini, kaum Cina 17.5%, India 8.5% dan lain-lain 0.4%. Daripada segi tahap pendidikan golongan B40 ini kita dapati bahawa 25.6% daripada mereka ini berpendidikan rendah, 59% berpendidikan menengah dan 9% berpendidikan *tertiary*.

Manakala, yang tiada pendidikan formal merangkumi 6% daripada jumlah isi rumah tersebut. Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som telah menyarankan agar peruntukan RM100 juta kepada setiap kumpulan minoriti seperti masyarakat Siam dan termasuklah kumpulan minoriti di Sabah dan Sarawak bagi melaksanakan program pembangunan untuk merapatkan jurang memandangkan rata-rata

masyarakat ini adalah di bawah B40. Beliau juga mencadangkan agar Jabatan Hal Ehwal Minoriti dapat ditubuhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas peruntukan khusus yang akan disediakan kepada kumpulan minoriti di Sabah dan di Sarawak bagi membiayai pelaksanaan projek-projek ekonomi, pendidikan, pembangunan infrastruktur dan pembangunan hak tanah adat atau pun *native customary rights*. Di Semenanjung Malaysia pula, kumpulan minoriti termasuklah masyarakat Siam adalah layak untuk menikmati pelbagai program pembangunan bagi kumpulan isi rumah B40. Ini adalah selaras dengan konsep inklusiviti yang mana tumpuan akan terus diberikan untuk meningkatkan penyertaan isi rumah B40, termasuklah masyarakat Siam dalam aktiviti ekonomi.

Sementara itu, kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah Jabatan Hal Ehwal Minoriti memandangkan mekanisme pelaksanaan pembangunan sedia ada adalah mencukupi dalam memastikan semua lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan negara. Ini termasuklah unit pengagihan atau pun seksyen pengagihan di dalam Unit Perancangan Ekonomi yang mengambil kira kumpulan-kumpulan minoriti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu kemiskinan pula, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed telah menyatakan garis kemiskinan yang diguna pakai adalah tidak realistik dan perlu diubah dari semasa ke semasa dengan menggunakan ukuran kemiskinan relatif. Pada masa yang sama, Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah menyarankan agar program pembasmian kemiskinan ini perlu disokong dengan usaha yang lebih realistik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, takrifan kemiskinan di Malaysia adalah berasaskan pendapatan garis kemiskinan atau pun PGK. Ia boleh dikategorikan kepada dua iaitu pertama, isi rumah miskin yang merujuk kepada isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan yang kurang daripada pendapatan garis kemiskinan iaitu pendapatan yang mencukupi untuk membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas daripada segi makanan dan bukan makanan. Membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat.

Definisi yang kedua isi rumah miskin tegar yang merujuk kepada isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan, khususnya untuk makanan iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas daripada segi *nutrition* makanan yang minimum yang membolehkan setiap ahlinya mempunyai tubuh badan yang sihat.

Nilai pendapatan garis kemiskinan ini sememangnya dikemas kini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan situasi dan kos kehidupan semasa. Nilai pendapatan garis kemiskinan terkini berdasarkan hasil dapatan HIES yang dilaksanakan dua kali setiap lima tahun ini adalah pertama sekali untuk tahun 2012, PGK nasional pada tahap 860 dan ini telah dinaikkan kepada tahap 950 untuk tahun 2014.

Di Semenanjung Malaysia, kalau pada tahun 2012 sebanyak RM820, kini untuk tahun 2014 kita gunakan RM930. Sabah dan Labuan, kalau dahulu RM1,090, sekarang RM1,170 dan untuk negeri Sarawak kalau dahulu RM920, sekarang meningkat kepada RM990. Jadi oleh itu, dakwaan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai nilai PGK yang tidak realistik bagi takrifan kemiskinan adalah tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, model pengukuran PGK yang kita guna pakai ini telah dikaji secara mendalam pada tahun 2005 oleh Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kerjasama *United Nations Development Programme* atau pun (UNDP). Malaysia mengguna pakai kaedah *cost of basic needs* yang mengambil kira tiga buah komponen asas iaitu keperluan makanan, keperluan bukan makanan dan ciri-ciri isi rumah bagi yang berkaitan itu iaitu lokasi dan juga umur ahli isi rumah.

Bagi menentukan keperluan pemakanan, sekumpulan pakar daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan institusi pengajian tinggi telah menentukan kadar minimum kalori yang diperlukan oleh seseorang untuk terus hidup sihat dan selesa. Kumpulan ini mengikut gender, umur dan lokasi kediaman mereka. Selain daripada itu, bagi menentukan keperluan bukan makanan, sekumpulan pakar sosiologi dari pelbagai agensi telah menentukan keperluan minimum merangkumi pakaian, perumahan, pengangkutan dan keperluan-keperluan bukan makanan yang lain mengikut gender dan umur seseorang. Maklumat ini diperolehi daripada penyiasatan perbendaharaan isi rumah atau pun HIES yang— oleh yang demikian, tiada keperluan untuk mengkaji semula paras kemiskinan dan indikator yang digunakan.

Walau bagaimanapun bagi melengkapi kaedah pengukuran berasaskan pendapatan garis kemiskinan ini, kerajaan telah pun memperkenalkan indeks kemiskinan pelbagai dimensi atau pun *multidimensional index* bagi mengukur akses kepada kemudahan dan perkhidmatan asas yang membantu mobiliti sosial selain daripada aspek pendapatan seperti penyelidikan, kesihatan dan juga taraf hidup. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani kemiskinan secara proaktif dan berkesan. Berdasarkan kepada inisiatif tersebut, insiden kemiskinan telah berjaya kita kurangkan daripada tahap 3.8% dari tahun 2009 kepada 0.6% pada tahun 2014. Ini membuktikan usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah berkesan dan seterusnya menyangkal dakwaan beberapa Ahli Yang Berhormat bahawa pembasmian kemiskinan tidak disokong oleh usaha-usaha yang realistik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali telah menyarankan agar peranan awam yang lebih besar berbanding swasta dalam pembangunan ekonomi dan dapat mengelakkan kemiskinan relatif dan mutlak dari bertambah teruk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh pembangunan negara kerajaan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Tanpa adanya dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah sukar bagi negara kita untuk mencapai kejayaan yang sedang dinikmati oleh rakyat. Ini memandangkan falsafah pengurusan ekonomi negara adalah berdasarkan sistem ekonomi campuran. Di mana sektor awam bertindak sebagai fasilitator atau pun pemudah cara dengan menetapkan teras dan arah pembangunan ekonomi keseluruhan serta memastikan matlamat sosioekonomi tercapai.

Sementara sektor swasta pula diberi peranan sebagai enjin pertumbuhan bagi menerajui pembangunan ekonomi berdasarkan kepada penglibatan sektor swasta yang aktif dalam sektor tersebut. Banyak program dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan rakyat dapat menikmati taraf hidup yang semakin meningkat. Hasil usaha tersebut, kadar kemiskinan yang saya sebutkan tadi telah pun berkurang, manakala nisbah ketaksamaan pendapatan antara isi rumah T20 dan isi rumah B40 telah pun berkurangan.

■1850

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada isu ekonomi bumiputera. Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani menyarankan agar perhatian diberi kepada ekonomi kaum Melayu kerana mengikut Laporan MTEM, pendapatan isi rumah Orang Melayu RM3,000. Beliau seterusnya telah membangkitkan isu-isu termasuk perancangan kerajaan mengenai pencapaian Bumiputera menjelang tahun 2020 dan mengambil langkah mengurangkan jurang ekonomi Melayu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan bulanan purata isi rumah Bumiputera adalah sebanyak RM5,548 pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 11.6% setahun berbanding RM4,457 pada tahun 2012. Sementara pendapatan menengah ataupun median RM4,214 pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 13.3% setahun berbanding RM3,282 pada tahun 2012. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif di bawah agenda pemerikasaan ekonomi bumiputera untuk meningkatkan status sosioekonomi masyarakat bumiputera. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan akan meneruskan usaha untuk memperkukuh peluang komuniti ekonomi dan pemilikan kekayaan bumiputera melalui lima strategi utama:

- (i) memperkasakan modal insan bumiputera;
- (ii) meningkatkan penguasaan efektif bumiputera dan mengekalkan pemilikan korporat;
- (iii) memperluaskan syer pemilikan kekayaan bumiputera;
- (iv) memperkasa komuniti ekonomi bumiputera; dan
- (v) memperkukuh keberkesanan penyampaian program berorientasikan bumiputera.

Melalui strategi ini, kerajaan telah menetapkan untuk mencapai beberapa sasaran menjelang tahun 2020. Antaranya adalah:

- (i) sekurang-kurangnya 60% pekerjaan dalam kategori mahir;
- (ii) sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti dengan penguasaan efektif;
- (iii) sekurang-kurangnya 90% isi rumah bumiputera memiliki seunit kediaman;
- (iv) sekurang-kurangnya 30% pemilikan hartanah komersil dan perindustrian; dan
- (v) mewujudkan 30 orang jaguh nasional, 10 orang jaguh serantau dan 5 orang jaguh antarabangsa dalam aspek keusahawanan.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki telah membangkitkan mengenai jurang bumiputera dengan kaum lain yang menurut beliau semakin menyusut dalam beberapa perkara iaitu:

- (i) 80% tidak mendapat pendidikan formal;
- (ii) 64.7% buruh bumiputera separuh mahir;
- (iii) Purata pendapatan hanya RM4,497;
- (iv) 90.7% perniagaan mikro; dan
- (v) 8.2% sahaja perniagaan besar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar bahawa masih terdapat jurang sosioekonomi antara Bumiputera dengan etnik yang lain. Oleh itu, kerajaan akan terus komited untuk melaksanakan agenda pemerikasaan ekonomi bumiputera sebagai agenda nasional untuk memastikan kaum bumiputera mendapat manfaat dan peluang saksama dalam pembangunan ekonomi negara.

Namun, jurang antara etnik telah semakin mengecil dan pencapaian kedudukan masyarakat bumiputera telah bertambah baik. Selain daripada itu, statistik yang dibangkitkan iaitu 80% tiada pendidikan rasmi dan pendapatan purata bumiputera hanya RM4,497 adalah tidak benar. Manakala, 64.7% tenaga kerja bumiputera adalah separuh mahir bukan merupakan statistik terkini. Statistik sebenar dan terkini adalah seperti berikut:

- (i) daripada segi pencapaian pendidikan, yang tiada pendidikan rasmi pada tahun 2014 - 2.1%, pendidikan rendah 10.6%, pendidikan menengah 57.1% dan pendidikan tinggi 30.2%;
- (ii) sementara mengikut kategori kemahiran pula, daripada segi mahir 25.4%, separuh mahir 65.3%, dan yang mahir rendah 9.3%; dan
- (iii) sementara pendapatan purata isi rumah pula, yang disebutkan RM4,457 merupakan statistik untuk tahun 2012 dan untuk tahun 2014 telah meningkat kepada RM5,548.

Kerajaan juga mengambil maklum bahawa sebanyak 90.7% daripada bilangan perusahaan kecil dan sederhana bumiputera perniagaan mikro. Hanya 8.2% daripada bilangan syarikat berdaftar bumiputera memperoleh hasil pendapatan melebihi RM5 juta setahun. Walau bagaimanapun, senario ini bukanlah unik kepada bumiputera sahaja tetapi juga kepada kaum lain. Contohnya, majoriti ataupun 73.9% bilangan perusahaan kecil dan sederhana bukan bumiputera perniagaan mikro dan hanya 12.9% daripada bilangan syarikat berdaftar bukan bumiputera memperoleh hasil pendapatan melebihi RM5 juta setahun.

Sehubungan itu, kerajaan telah membangunkan strategi memperkasa komuniti ekonomi bumiputera dengan mempergiat pembiayaan program bersepadu kepada perusahaan bumiputera dan mewujudkan platform untuk kerjasama perniagaan dan peluang pemasaran. Strategi ini akan disokong melalui kerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan, organisasi pembangunan keusahawanan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Di samping usaha ini, bantuan dan sokongan daripada kerajaan, usahawan dan peniaga bumiputera perlu mempunyai jati diri dan meningkatkan iltizam menjalankan perniagaan serta sanggup menghadapi cabaran dalam arus perniagaan. Ini supaya lebih berdaya tahan dalam mengharungi segala

dugaan dan turun naik alam perniagaan seperti yang ditunjukkan oleh rakan-rakan kita daripada kalangan kaum Cina.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman telah membangkitkan pelbagai isu ekuiti bumiputera, termasuklah sasaran 30% pemilikan ekuiti bumiputera. Dalam hal yang berkaitan, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan juga telah menyentuh dan memberi cadangan supaya setiap kementerian dan agensi kerajaan perlu memantapkan tadbir urus dan melaksanakan pembangunan ekonomi bumiputera.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melipatgandakan usaha untuk memastikan sasaran 30% pemilikan ekuiti dapat dicapai menjelang tahun 2020. Menyedari bahawa sasaran berkenaan masih belum tercapai sejak Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan, kerajaan akan memperluaskan strategi pelaburan untuk menambah baik pemilikan ekuiti. Sehubungan itu kerajaan akan memperkenalkan mekanisme pembiayaan yang baru bagi aset kewangan dan bukan kewangan serta mengukuhkan program berasaskan institusi bagi pemilikan aset di bawah RMKe-11.

Bagi isu berkaitan pelaksanaan dan kawal selia serta pemantauan terhadap dasar yang telah ditetapkan, kerajaan komited untuk memastikan pembangunan sosioekonomi bumiputera dapat ditingkatkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Untuk tujuan tersebut, kerajaan sedang dalam merangka untuk membentuk pelan tindakan yang bersesuaian bagi memastikan setiap strategi yang dirancang dapat dilaksanakan dengan kadar segera menjelang tahun 2016. Kerjasama secara berterusan dengan *stakeholder* berkaitan sedang giat dijalankan untuk tujuan tersebut.

Isu implementasi ataupun pelaksanaan di peringkat akar umbi akan diambil kira dalam pelaksanaan pelan tindakan berkenaan. Dalam hal ini juga, Majlis Ekonomi Bumiputera yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan keahlian termasuklah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Timbalan Pengerusi serta Menteri Kanan yang berkaitan juga telah diberikan mandat dalam memperhalus perancangan pelaksanaan pemantauan dan penilaian inisiatif pembangunan ekonomi bumiputera.

Menerusi Majlis Ekonomi Bumiputera ini juga, setiap dasar dan program pemeraksanaan ekonomi Bumiputera dapat diteliti secara terperinci supaya dasar dan program berkenaan benar-benar memberi faedah kepada Bumiputera. Unit Pemeraksanaan Ekonomi Bumiputera juga telah pun diwujudkan di setiap kementerian. Unit Pemeraksanaan ini berperanan dalam merancang, melaksana dan memantau inisiatif Program Pemeraksanaan Ekonomi Bumiputera di bawah kementerian bagi memastikan penyertaan bumiputera secara signifikan dalam semua inisiatif kementerian dan agensinya.

Manakala, bagi isu berkaitan dengan agensi rujukan, kerajaan telah memberi amanah ataupun mandat kepada TERAJU untuk menerajui, menyelaras dan memaju agenda bumiputera bagi meningkatkan penguasaan bumiputera dalam ekonomi negara. Namun begitu, kerajaan juga mengambil pendekatan, "*No wrong door policy*", dengan izin, untuk membolehkan usahawan bumiputera mengadu masalah bagi mendapatkan pertolongan.

Sehubungan itu, kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan semula Kementerian Perusahaan untuk menjaga agenda bumiputera buat masa ini. Sementara itu, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki juga ingin mengetahui punca-punca sasaran ekuiti 30% untuk bumiputera masih tidak tercapai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara faktor dalaman yang mempengaruhi pemilikan ekuiti korporat adalah:

- (i) sebahagian besar daripada perniagaan bumiputera merupakan perusahaan mikro dan terlibat dalam aktiviti bernilai tambah rendah;

#### ■1900

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat berapa panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar:** Boleh dalam masa 10 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba Yang Berhormat cepat sedikit.

**Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Keduanya kekurangan akses kepada modal dan kemudahan pembiayaan. Ketiga, produk perkhidmatan yang kurang berdaya saing menyebabkan akses kepada pasaran asing dan global adalah terhad. Manakala daripada segi faktor luaran pula merujuk kepada krisis ekonomi dunia yang memberikan kesan seperti pada tahun 1997 di mana krisis ini telah menyebabkan penurunan pemilikan ekuiti korporat bumiputera daripada 20.5% pada tahun 1995 kepada 19.4% pada tahun 1998. Untuk kejatuhan pasaran saham utama di Amerika Syarikat pada tahun 2008 pula ia telah mengakibatkan peningkatan dengan kadar perlahan pemilikan ekuiti korporat bumiputera daripada 19.4% pada tahun 1998 kepada 21.9% pada tahun 2008.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf juga turut membangkitkan komitmen dan iltizam kerajaan supaya Tanah Rizab Melayu mencapai sasaran 50% sebagaimana ditetapkan dalam Wasiat Raja-raja Melayu. Untuk makluman Yang Berhormat, urusan perizaban Melayu berada di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana yang disenaraikan dalam Butiran 2B, Senarai Negeri Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan selaras dengan pembahagian bidang kuasa perundangan yang ditetapkan dalam Perkara 74, Perlembagaan. Apa-apa juga tindakan pihak kerajaan negeri berhubung perkara ini dibuat selaras kedudukannya yang diiktiraf sebagai hak istimewa Orang Melayu, menurut Perkara 89, Bahagian I, dan Bahagian II, Perlembagaan.

Kandungan Wasiat Raja-Raja Melayu khususnya tentang nisbah 50% buah tanah rizab Melayu haruslah dilihat dalam konteks persetujuan yang dicapai dengan Raja-Raja Melayu bagi membentuk Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka pada 31 Ogos 1957. Berdasarkan kepada *White Paper on Constitutional of Proposals* 1957, ia merujuk kepada nisbah keluasan kawasan-kawasan baru yang boleh diisytiharkan sebagai rizab Melayu selepas merdeka berbanding keluasan tanah di luar rizab Melayu yang terbuka bagi pemilikan umum.

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan tanah rizab Melayu terus terpelihara. Jabatan Audit Negara telah pun menjalankan pengauditan terhadap kedudukan tanah rizab Melayu di negeri-negeri dan pihak pentadbiran tanah negeri telah mengambil tindakan yang sewajarnya. Apabila terdapat- jika

pembangunan Tanah Melayu sekiranya ia *declassified*, dengan izin, maka, terdapat juga tanah lain yang tidak kurang daripada keluasan tanah yang telah dibatalkan itu akan diisytiharkan sebagai tanah rizab Melayu, bermakna ada juga proses penggantian tanah rizab yang telah dialihkan statusnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada isu-isu pembangunan wilayah. Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas telah menyatakan agar perhatian diberi kepada pembangunan di Sabah dan Sarawak termasuklah komitmen kepada infrastruktur asas yang lebih kepada masyarakat luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan dan tumpuan kerajaan adalah mempercepatkan pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan tahap sosioekonomi dengan menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang baik.

Negeri Sabah telah menerima peruntukan terbesar di kalangan negeri-negeri di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu sebanyak RM20.3 bilion, manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak RM20.6 bilion atau 8.96% daripada jumlah peruntukan pembangunan. Bagi negeri Sarawak pula, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM15.3 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh pula sejumlah RM18.6 bilion ataupun 8.1% daripada jumlah peruntukan pembangunan dan merupakan kedua terbesar selepas negeri Sabah.

Banyak projek telah pun dilaksanakan dan ini termasuklah projek-projek ini infrastruktur dan lain-lain termasuklah bekalan elektrik luar bandar dan program bekalan air bersih luar bandar. Daripada segi pembangunan infrastruktur untuk Rancangan Malaysia Kesebelas ini, pembinaan Lebuhraya Pan Borneo akan meningkatkan lagi ketersambungan di Sabah dan Sarawak dan infrastruktur penerbangan di negeri Sarawak juga akan ditambah baik dengan pelaksanaan pembinaan lapangan terbang baru di Mukah, Sarawak dan juga perubahan Lapangan Terbang Lawas yang akan ditingkatkan tarafnya dan dibuat di kawasan lokasi yang baru.

Selain daripada itu, perkhidmatan penerbangan luar bandar di Sabah dan Sarawak akan menggunakan pesawat baru jenis ATR-72 dan Viking untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan juga akses infrastruktur digital terutamanya di Sabah dan Sarawak akan terus dipertingkatkan bagi menggalakkan pertumbuhan perkhidmatan berintensif pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin pula ingin penjelasan adakah Rancangan Malaysia Kesebelas benar-benar inklusif dan seterusnya menyatakan RM260 bilion pelaburan untuk Rancangan Malaysia Kesebelas, tidak ada satu pun untuk negeri Pulau Pinang dan seolah-olah negeri Pulau Pinang telah dianaktirikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas pembangunan menumpukan kepada *inclusivity* merupakan prinsip utama dalam agenda pembangunan sosioekonomi Malaysia. Prinsip ini akan memastikan rakyat tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi akan dapat sama-sama menikmati manfaat pertumbuhan dan pembangunan negara. Kerajaan tidak pernah menganaktirikan mana-mana negeri di Malaysia dan di bawah Rancangan

Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah membina jambatan kedua Pulau Pinang dengan kos berjumlah RM4.5 bilion. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Ke-11 di Dewan Rakyat telah menyatakan antara cadangan projek yang akan dilaksanakan negeri Pulau Pinang loji jana kuasa elektrik gas.

Dimaklumkan juga projek yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan contoh sebahagian daripada projek-projek yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan projek-projek yang terperinci akan diumumkan kemudian. Untuk itu Unit Perancang Ekonomi sedang di peringkat meneliti dan mempertimbangkan pembangunan projek bagi tempoh Rolling Plan Pertama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Senarai projek pembangunan bagi negeri akan dikemukakan selepas Bajet 2016 diluluskan di Parlimen. Pemilihan dan perakuan projek akan diberikan pertimbangan berdasarkan kepada keutamaan, keperluan, *outcome* dan juga menggunakan pakai pelbagai kriteria termasuk indeks kreativiti yang saya sebutkan.

Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin juga ingin tahu mengapa Pulau Pinang tidak disenaraikan dalam bandar bedaya saing di Malaysia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, beberapa kriteria telah dikenal pasti bagi memilih bandar-bandar yang mampu berdaya saing di peringkat global. Kriteria yang telah diguna pakai bagi pemilihan bandar raya bersaing KDNK, saiz sektor perkhidmatan, kelebihan geografi, ketersediaan infrastruktur sedia ada dan pemusatan institusi penggajian tinggi.

Berdasarkan kepada kajian ini, yang kita laksanakan bersama-sama dengan Bank Dunia, bandar Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kuching dipilih manakala Kota Kinabalu telah disenaraikan atas dasar *inclusivity*. Pembangunan bandar-bandar ini kelak akan menjadi asas kepada pembangunan daya saing bandar-bandar lain pada fasa-fasa berikutnya. Sementara itu program pembangunan bagi bandar-bandar sedia ada akan diteruskan termasuklah bagi Bandar Melaka, satu isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit memohon kerajaan menjelaskan apakah pelaksanaan *high speed train* telah dibuat kajian impak mengambil kira prestasi dan *reliability* perkhidmatan udara Senai-Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian berdaya maju *high speed rail*, dengan izin, telah siap pada tahun 2013 dan kajian yang dijalankan meliputi impak yang dijangka ke atas semua pengangkutan alternatif sedia ada dan izinkan saya menyentuh beberapa perkara yang dibangkitkan.

Pertama sekali memandangkan *high speed rail* ini menghubungkan Kuala Lumpur dan Singapura...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh gulung Yang Berhormat.

**Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar:** Baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya cadangkan begini, saya rasa jawapan Yang Berhormat itu cukup baik sekali, cukup komprehensif, bagus sebagaimana respons Yang Berhormat bangkitkan tetapi kerana

masa nampaknya tidak terlalu mencemburui kita dengan keadaan kita berbuka puasa. Saya mencadangkan supaya boleh Yang Berhormat cetak itu keputusan itu, jawapan Yang Berhormat dan edarkan kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara dan kita sanggup. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan saranan itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya percaya, memang saya hendak dengar pun, saya memang hendak dengar cukup bagus sekali. Maknanya Yang Berhormat telah bersungguh-sungguh membuat jawapan yang cukup baik tetapi masa ini amat mencemburui saya dan rakan-rakan semua di Dewan ini, kita akan berbuka puasa sekejap lagi. Cuba Yang Berhormat gulung.

**Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk isu-isu yang lain izinkan saya mengemukakan secara bertulis. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan mengemukakan banyak pandangan serta saranan untuk perhatian kerajaan semasa perbahasan.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab kepada Unit Perancang Ekonomi, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada semua rakan dari pelbagai kementerian yang telah sama-sama berusaha menyediakan Rancangan Malaysia Ke-11 ini. Terima kasih kepada seluruh keluarga Unit Perancang Ekonomi yang telah bekerja keras untuk menyediakan Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Saya juga ingin menyeru agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat bersama-sama kita dan juga kepada semua rakyat Malaysia untuk bersama-sama menjayakan Rancangan Malaysia Kesebelas ini. Apa yang kita sediakan ini rancangan Tuan Yang di-Pertua yang penting kita untuk memfokuskan usaha kita untuk memperbaiki struktur ekonomi negara kita dan kita berusaha untuk menjayakan dan melaksanakan segala inisiatif yang telah kita rumuskan. Untuk itu sekali lagi terima kasih dan selamat berbuka puasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. *Alhamdulillah*, syukur kepada Allah SWT kerana nampaknya kita dapat menyelesaikan kita punya keputusan Rancangan Malaysia Kesebelas yang mana semua Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian yang begitu serius, begitu terperinci betapa pentingnya RMKe-11 ini menjelang tahun 2020.

Saya telah mengikuti kualiti Yang Berhormat bangkitkan amat baik sekali dan jawapan daripada Menteri pun amat baik sekali tetapi masa ini kalau tidak bulan puasa sanggup sampai 12 tengah malam tetapi kerana keadaan yang tidak mengizinkan, maka saya terpaksa buat keputusan setakat ini dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Abdul Wahid dan juga pegawai-pegawai yang sanggup bekerjasama, dan semua sekalilah.

Seterusnya saya hendak mengemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rancangan Malaysia Kesebelas yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri itu hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat saya pun amat bersyukur sekali. Ini menunjukkan bahawa Dewan Negara begitu prihatin dan peka dan juga tentukan bahawa betapa pentingnya keadaan yang kita bahaskan. Saya hendak mengambil kesempatan juga selepas ini saya menjemput semua yang ada di Dewan, termasuk yang tidak berpuasa pun tidak mengapa, silakan sama-sama kita menjamu berbuka puasa selepas ini.

Sekian *wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 1 Julai 2015.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.13 malam.]***